KEARIFAN TEMPATAN:
PANDAINYA MELAYU
DALAM KARYA SASTERA

Editor
Rahimah A. Hamid

KEARIFAN TEMPATAN: PANDAINYA MELAYU DALAM KARYA SASTERA

Editor
Rahimah A. Hamid

Kearifan Tempatan: Pandainya Melayu dalam Karya Sastera

Kearifan Tempatan: Pandainya Melayu dalam Karya Sastera

Editor
Rahimah A. Hamid

PENERBIT UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PULAU PINANG

bagi pihak Sekretariat Kearifan Tempatan

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Pandainya Melayu dalam karya sastera / editor Rahimah A. Hamid
Includes index
ISBN 978-983-861-905-9 (Print)
e-ISBN 978-983-861-933-2
1. Malay literature–History and criticism. 2. Authors, Malay.
I. Rahimah A. Hamid, 1962-.
899.2309

Editor Naskhah: Normah Marmut
Pereka Bentuk Kulit Buku: Intan Suhaila Kassim
Pembaca Pruf: Wan Mahanum Abdullah
Pengatur Huruf: Rosni Habib

Diterbitkan oleh Penerbit Universiti Sains Malaysia (Universiti Sains Malaysia Press), 11800 USM Pulau Pinang, Malaysia.

http://www.penerbit.usm.my | penerbit@usm.my

Ahli Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM).

Kandungan

Prakata

Penerbitan buku Kearifan Tempatan kali ini adalah hasil daripada kertas-kertas kerja yang telah dibincangkan dalam Persidangan Serantau Kearifan Tempatan III, Universiti Sains Malaysia (USM) yang berlangsung pada 6 hingga 7 Oktober 2013 di Sutra Beach Resort, Kuala Terengganu dengan tema "Memperkukuhkan Kearifan Tempatan ke Arah Pengantarabangsaan".

Buku ini diberi judul *Kearifan Tempatan: Pandainya Melayu dalam Karya Sastera* kerana para penyumbang dalam buku ini telah menggunakan hasil karya kreatif, iaitu karya kesusasteraan Melayu tradisional dan moden, juga drama dan filem sebagai sumber untuk meneliti tentang ilmu kearifan tempatan orang Melayu ini. Dalam erti kata lain, hasil karya kreatif telah dipilih sebagai data kajian oleh sejumlah pengkaji, pakar dan cendekiawan yang berminat terhadap ilmu kearifan tempatan ini untuk diteroka bagi menggali kepandaian orang Melayu yang tersimpan di dalamnya. Diharapkan agar tulisan mereka dapat mengembangluaskan lagi makna kearifan tempatan sebagai suatu epistemologi ilmu tempatan yang mampu melahirkan ilmu-ilmu baharu untuk dilestarikan supaya dapat diwarisi oleh generasi terkemudian, dan juga dapat diperkenalkan kepada masyarakat antarabangsa di luar lingkungan alam Melayu. Justeru, penghasilan buku yang merakamkan kearifan tempatan masyarakat Nusantara, khususnya orang Melayu ini dilihat sungguh bermakna, lebih-lebih lagi apabila para penyumbang berusaha untuk melahirkan ilmu-ilmu baharu yang berasal daripada kepandaian masyarakat lampau bagi memperkukuhkan bidang ilmu ini dan demi mengelakkan ilmu kearifan tempatan masyarakat di rantau ini pupus ditelan masa atau terkubur begitu sahaja.

Ilmu kearifan tempatan yang dihimpunkan di dalam buku ini merupakan hasil penyelidikan dan tulisan para penyumbang dalam pelbagai disiplin ilmu yang kemudiannya dikelompokkan ke dalam beberapa alam seperti sejarah, sastera, pendidikan, masyarakat desa, perubatan desa, perubatan tradisional, rohaniah, seni pembinaan, perkapalan dan perniagaan, pengurusan adat tradisional Melayu, air, belantara dan pertanian. Buku ini khusus membincangkan topik-topik dalam bidang kesusasteraan, tetapi wacananya menyentuh pelbagai alam seperti kepandaian orang Melayu mentadbir negara kota dan bangsa, berdagang, menjalin hubungan diplomatik pada peringkat tempatan, serantau dan antarabangsa, kepandaian mencipta senjata, sifat hikmah dalam berdakwah, kehalusan budi dalam menyatakan kasih sayang, keupayaan melahirkan idea-idea kreatif dan bernuansa, juga kebijaksanaan dalam menyelesaikan konflik. Teks-teks

kesusasteraan Melayu tradisional yang dipilih oleh para penyumbang dilihat telah merakamkan kearifan Melayu tentang hal-hal tersebut sejak zaman berzaman, dan kemudiannya turut terisi dalam teks-teks kesusasteraan moden, drama televisyen dan juga filem masa kini.

Selaku editor buku ini, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada semua penyumbang bab, kepada Sekretariat Serantau Kearifan Tempatan III (PSKT III) dan juga kepada setiap individu yang telah membantu secara langsung dan tidak langsung, hingga membolehkan buku ini diterbitkan.

Sekian dan salam hormat.

22 Julai 2014

Penghargaan

Ucapan penghargaan dan terima kasih yang istimewa ditujukan kepada YBhg. Profesor Dato' Dr. Omar Osman, Naib Canselor USM merangkap Pengerusi Kumpulan Kearifan Tempatan (KKT) kerana inisiatif beliau dalam membawa idea kearifan tempatan ini menjadi satu agenda nasional. Editor juga ingin merakamkan ucapan penghargaan yang istimewa kepada Profesor Emeritus Dr. Muhammad Haji Salleh selaku Penasihat KKT. Seterusnya ucapan ini juga ditujukan kepada Ahli Jawatankuasa Induk Persidangan Serantau Kearifan Tempatan (PSKT III), terutamanya kepada Profesor Dr. Badaruddin Mohamed dan seluruh Ahli Jawatankuasa KKT yang telah memberikan kerjasama yang baik bagi memastikan buku ini dapat diterbitkan dan dilancarkan. Penghargaan ini turut ditujukan kepada Puan Nur Yuhainis Amirnudin dan Cik Faten Firzanni Abdul Malik yang bertindak cemerlang dalam membantu editor untuk mengumpul makalah, abstrak dan biodata para penyumbang.

Ucapan penghargaan dan terima kasih juga ditujukan kepada pihak pengurusan Sutra Beach Resort, Kuala Terengganu yang telah memberikan kerjasama yang baik sepanjang Persidangan Serantau Kearifan Tempatan III ini berlangsung pada 6 hingga 7 Oktober 2013 yang lalu. Rakaman terima kasih juga ditujukan kepada pihak media tempatan, terutamanya *New Straits Times*, *The Sun*, *Utusan Malaysia*, *Kosmo* dan *Mstar Online* atas liputan tentang persidangan ini. Selain itu, editor juga ingin melahirkan rasa terhutang budi dan mengucapkan terima kasih kepada USM yang telah menyediakan dana melalui geran LRGS: 203/PTS/672007 hingga membolehkan penerbitan buku ini menjadi kenyataan.

Pengenalan: Pandainya Melayu!

Rahimah A. Hamid

Buku *Kearifan Tempatan: Pandainya Melayu dalam Karya Sastera* ini mengandungi 10 bab yang isinya berkisar tentang kearifan akal Melayu seperti yang disuratkan para penghasilnya di dalam teks-teks kesusasteraan Melayu tradisional dan moden, juga di dalam karya-karya berbentuk drama dan filem.

Bab pertama berjudul “Kebijaksanaan dan Kepahlawanan Wanita sebagai Pemerintah: Bandingan Patani dengan Acheh” oleh Afidatul Syazwani Afandi, Rahimah A. Hamid dan Md. Salleh Yaapar membentangkan kearifan dan kehebatan pemerintahan negara oleh raja-raja perempuan yang bergelar raja ataupun sultanah. Sejarah kerajaan Melayu Patani misalnya pernah mencatatkan bahawa Patani suatu ketika dahulu pernah ditadbir oleh empat orang raja perempuan yang sangat hebat, iaitu Raja Ijau, Raja Biru, Raja Ungu dan Raja Kuning. Keempat-empat raja ini sememangnya mempunyai kebijaksanaan, keupayaan dan kecekalan yang tinggi dalam menjalankan urusan pentadbiran dan pemerintahan negara, menjalin hubungan dagang dan diplomatik dengan negara rantau Melayu, Asia dan Eropah, bahkan juga mempunyai semangat juang yang tinggi dalam menguruskan serta memimpin hal ehwal pertahanan dan ketenteraan. Kearifan kepimpinan raja-raja perempuan Patani itu kemudiannya telah dibandingkan oleh ketiga-tiga orang penulis ini dengan seorang raja perempuan yang memerintah kerajaan Acheh pada abad ke-16 juga, iaitu Sultanah Sofiatuddin Tajul A’lam Shah Johan yang memerintah Acheh selama 35 tahun (1641–1675). Sultanah Sofiatuddin diangkat menjadi raja ekoran kematian suaminya, Sultan Iskandar Thani. Kerajaan ini tiada pewaris dan tiada juga keturunan lelaki dalam keluarga terdekat Sultan Iskandar Muda. Berkat kearifan pemerintahannya dan juga atas nasihat para ulama yang masyhur di Acheh Darussalam ketika itu seperti Syeikh Nuruddin al-Raniri dan Syeikh Hamzah Fansuri, maka kerajaan pimpinannya menjadi tersohor dan cemerlang. Sultanah Sofiatuddin dipaparkan dalam sejarah sebagai pentadbir yang bijaksana dan berani. Baginda melakukan perubahan dalam aspek pertahanan dengan mewujudkan satu pasukan khusus wanita yang bertugas mengawal istana, sekali gus menjadi pasukan elit kerajaan untuk menjaga keamanan kerajaan Acheh Darussalam. Baginda juga mengetuai angkatan tentera dalam Perang Melaka pada tahun 1639. Semangat yang sama kemudiannya muncul di Acheh Darussalam melalui seorang tokoh pahlawan wanita Melayu Acheh bernama Cut Nyak Dhien. Sifat kepahlawanan dalam diri Cut Nyak Dhien menonjol apabila beliau begitu hebat dan kental bertarung dengan bukan hanya tentera tetapi pemerintah

Belanda menggunakan kaedah dan pendekatannya sendiri demi mempertahankan agama Islam di bumi Acheh. Cut Nyak Dhien lahir dalam keluarga aristokrat Acheh yang bersusur galur sebelah bapanya, iaitu Panglima Nanta dengan Sultan Acheh. Pada permulaan abad ke-17, Panglima Nanta menjadi wakil Sultanah Sofiatuddin di Sumatera Barat. Lantaran darah kepahlawanan yang mengalir di dalam tubuhnya, maka Cut Nyak Dhien dalam usia tuanya dan dalam keadaan kedua-dua belah matanya buta kerana penyakit yang dihidapinya, tetap teguh mempertahankan Acheh Darussalam supaya tidak jatuh ke tangan Belanda. Hal-hal ini dilihat unik oleh para penulis dalam bab ini kerana selain membangkitkan kearifan wanita yang menjadi tunjang pemerintahan sesebuah negara, wanita-wanita ini juga diperlihatkan mempunyai semangat dan daya juang yang tinggi demi mempertahankan bangsa dan tanah airnya.

Bab kedua berjudul "Memperkenalkan Tatacara Penyelesaian Konflik Tradisional dalam Konteks Kontemporari: Kajian Teks *Syair Siti Zubaidah Perang China*" yang ditulis oleh Siti Hajar Che Man memperlihatkan dengan jelas betapa bidang kesusasteraan terserlah sebagai sumber ilmu. Antaranya adalah tentang kepercayaan, amalan, legenda, sejarah, mitos, salasilah, asal usul, adat-istiadat, amalan dan gaya hidup yang dapat dikenal pasti dalam pelbagai jenis alam yang dikaji oleh Ilmu Kearifan Tempatan ini. Suatu perkara yang lebih signifikan ialah ilmu kesusasteraan ini mampu menjadi pelengkap kepada semua bidang ilmu lain seperti tamadun, falsafah, perubatan, komunikasi, pertanian, undang-undang, pertikaian, peperangan dan seni bina. Sebagai suatu bidang ilmu yang menyumbang kepada Ilmu Kearifan Tempatan, Siti Hajar cuba meninjau salah satu aspek istimewa dalam ilmu kesusasteraan, iaitu penyelesaian konflik. Untuk menganalisis bagaimana penyelesaian konflik ini berfungsi, relevan dan signifikan bagi membolehkannya ditransformasikan dan digalurkan sebagai ilmu baharu dalam konteks kontemporari, maka Siti Hajar telah memilih untuk menggunakan teks sastera tradisional bersifat roman, iaitu *Syair Siti Zubaidah Perang China*. Teks ini menarik kerana terdapat beberapa konflik di dalamnya seperti konflik batin/emosi, konflik keluarga dan juga konflik antara negara. Konflik batin/emosi ialah konflik yang berlaku antara Siti Zubaidah dengan Sultan Zainal Abidin. Konflik keluarga pula ialah konflik yang timbul antara Siti Zubaidah dengan ibu mertuanya dan juga antara Siti Zubaidah dengan Puteri Sajarah. Konflik antara negara dapat dilihat melalui peristiwa tercetusnya peperangan antara Raja Yaman dengan Raja Menggala, Kembayat Negara dengan negara China dan juga antara negara Yunan dengan China. Di sebalik sebuah kisah percintaan, peristiwa perang ini memberi impak yang cukup hebat kepada penyebaran agama Islam. Pada akhirnya, setiap satu konflik yang berlaku dapat diselesaikan dengan penuh kearifan dan hal inilah yang menyebabkan ilmu kesusasteraan dikatakan mampu menyumbangkan kaedah dan tatacara penyelesaian konflik dalam Ilmu Kearifan Tempatan ini.

Seterusnya, bab ketiga bertajuk "Penyelesaian Konflik dalam *Misa Melayu*" ditulis oleh Membunga @ Siti Meriam Yaacob. Dalam bab ini, Membunga membincangkan *Misa Melayu* sebagai karya sastera sejarah yang menjadi salah satu sumber rujukan bagi kebanyakan pengkaji sejarah Perak, khususnya sekitar abad ke-18. Terdapat juga buku seumpama dengannya yang mengisahkan sejarah negeri Perak, iaitu *Hikayat Salasilah Perak.* Meskipun begitu, Membunga memberi tumpuan terhadap *Misa Melayu* yang sejak 1960-an lagi sudah pun dijadikan bahan bacaan bagi subjek kesusasteraan. Buku ini kemudiannya dikaji secara ilmiah bermula tahun 1970-an. Sebagai sebuah karya sastera sejarah, *Misa Melayu* dikatakan mempunyai beberapa versi. Versi yang digunakan dalam bab ini ialah hasil selenggaraan Ahmad Fauzi Mohd. Basri. *Hikayat Misa Melayu* yang mengandungi bahan sastera dan sejarah mengisahkan permulaan negeri Perak, pengislamannya dan kebesaran kerajaannya di samping unsur-unsur lain. Dalam

mengisahkan hal-hal berkenaan, *Hikayat Misa Melayu* yang dipaparkan turut memperlihatkan konflik berhubung perebutan kuasa dan takhta. Justeru, kearifan tempatan masyarakat Melayu dahulukala diperlihatkan dalam merungkai pelbagai konflik yang berlaku seperti di dalam *Hikayat Misa Melayu* ini. Kaedah penyelesaian yang dilaksanakan demi mengatasi kekusutan-kekusutan yang wujud itulah yang membentangkan keupayaan karya kesusasteraan menjadi alat yang menyimpan kebestarian akal Melayu.

Bab keempat tulisan Faridah Sarudin, Rahimah A. Hamid dan Md. Salleh Yaapar yang berjudul "Fungsi Cucuk Sanggul di Alam Melayu: *Hikayat Seri Kelantan* dan *Syair Dang Sirat*" pula membicarakan fungsi cucuk sanggul, iaitu salah satu daripada kraf tradisional masyarakat Melayu yang digunakan untuk menghias diri sejak daripada zaman primitif lagi. Tujuan tulisan ini adalah untuk menyingkap dan meneliti peranan cucuk sanggul dalam masyarakat Melayu ini secara lebih meluas. Bagi melaksanakan tulisan ini, kaedah kajian lapangan telah dilakukan di Patani, dan kaedah kepustakaan dilaksanakan berpandukan teori antropologi, iaitu fungsionalisme struktural bagi menganalisis dua buah teks klasik, iaitu *Hikayat Seri Kelantan* dan *Syair Dang Sirat.* Hasil daripada penelitian yang dilakukan, didapati bahawa cucuk sanggul dalam masyarakat Melayu mempunyai dua fungsi utama, iaitu fungsi secara zahir dan juga secara tersembunyi.

Bab kelima tulisan Wan Siti Azahayu Wan Mohamed dan Norlizawati Md. Nor berjudul "Konsep Daulat dan Derhaka dalam Pemikiran Orang Melayu: Kajian Terhadap Teks Melayu Terpilih" difokuskan pada konsep daulat dan derhaka yang cukup sinonim dengan masyarakat Melayu tradisional. Kedua-dua konsep tersebut dilihat sebagai komponen penting dalam usaha mengharmonikan hubungan antara raja dengan rakyatnya. Pengaruh Hindu-Buddha yang bertapak di Alam Melayu sebelum kedatangan Islam secara tidak langsung turut mempengaruhi sistem pemerintahan beraja dan pemikiran masyarakat Melayu terhadap sistem berkenaan. Raja dipercayai berketurunan dewa dan memiliki kuasa sakral kerana dianggap sebagai jelmaan Tuhan di atas muka bumi ini. Kedatangan agama Islam ke Alam Melayu telah membawa rahmat yang begitu besar kepada masyarakat Melayu kerana berjaya mengubah pegangan orang Melayu terhadap kepercayaan berkenaan. Oleh sebab itu, konsep pemerintahan raja-raja Melayu turut berubah dan diperkukuhkan sesuai dengan nilai-nilai keislaman yang dianuti oleh raja-raja Melayu. Konsep raja sebagai Tuhan telah digantikan dengan konsep raja sebagai wakil dan pemegang amanah Allah swt, iaitu raja sebagai khalifah Allah. Prinsip pemerintahan Islam juga diperkenalkan, contohnya gelaran raja ditukar menjadi sultan. Majlis Syura dan musyawarah juga ditubuhkan dan diamalkan bagi menafikan dengan cara yang berhikmah tentang pandangan sebelumnya bahawa raja bayangan Tuhan, berkuasa mutlak dan mempunyai pelbagai kesaktian. Di dalam bab ini, Wan Siti Azahayu dan Norlizawati juga membincangkan kearifan Melayu dalam menerima konsep daulat dan derhaka ini sesudah kedatangan Islam dengan merujuk pada teks *Sejarah Melayu/Sulalatus Salatin, Hikayat Raja Pasai* dan *Misa Melayu.*

Bab keenam bertajuk "Kehebatan Senjata Masyarakat Melayu Tradisional" ditulis oleh Syahidatul Munirah Badrul Munir dan Rahimah A. Hamid. Dalam bab ini, mereka membentangkan betapa masyarakat Melayu pada zaman dahulu mempunyai pelbagai peralatan senjata yang hebat. Peralatan senjata tradisional ini bukan sahaja dimiliki oleh kaum lelaki, tetapi juga oleh kaum wanita. Hal ini terbukti dalam beberapa cerita zaman dahulu yang berkisar tentang kematian lelaki kerana tikaman cucuk sanggul wanita. Contohnya kisah Puteri Saadong dan kisah Raja Johor yang curang terhadap isterinya, Ratu Kuning dari Patani kerana cucuk

sanggul Dang Sirat yang digunakan sebagai senjata pengasih. Oleh sebab itu, dapat dikatakan bahawa senjata Melayu tradisi ini sukar dikenal pasti oleh masyarakat lain untuk ditandingi kehebatannya kerana ada di antara senjata ini yang terlindung di sebalik perhiasan fizikal wanita dan lelaki pada zaman dahulu. Sebagai contoh, pending dan cucuk sanggul merupakan alat perhiasan yang dipakai di pinggang dan di kepala, terutamanya oleh golongan bangsawan. Kemudian, alat-alat pertanian orang Melayu juga dilihat mempunyai fungsi pelbagai guna kerana bukan sahaja boleh digunakan untuk bercucuk tanam, tetapi juga untuk menentang musuh. Sebagai contoh, buku lima dan tumbuk lada digunakan sekiranya ada musuh yang menyerang secara tiba-tiba. Kebijaksanaan orang Melayu menyembunyikan senjata di sebalik perhiasan, peralatan pertanian ataupun peralatan pertukangan menyebabkan mereka dilihat hebat dan kuat suatu masa dahulu. Selain itu, telah tersurat dalam lipatan sejarah bahawa orang Melayu dahulu juga sangat arif membuat bedil dan meriam. Hal ini bermakna, kehebatan peralatan senjata orang Melayu bukan pada tahap luarannya sahaja, tetapi juga dalamannya kerana memiliki semacam kuasa mistik untuk menumpaskan lawannya. Disebabkan itu, senjata orang Melayu pada zaman dahulu, seperti keris mesti diperasapkan. Orang Melayu juga tanpa mengira lelaki atau perempuan mesti menuntut ilmu persenjataan dan persilatan. Kepandaian orang Melayu dahulu kala ini harus direnung semula dan dipelajari sesuai untuk kegunaan dalam kehidupan pada hari ini.

Bab ketujuh hingga kesepuluh merupakan tulisan-tulisan tentang Ilmu Kearifan Tempatan yang diteliti melalui teks-teks kesusasteraan Melayu moden, drama dan filem. Bab ketujuh berjudul "Kasih Sayang dan Keinginan Dimiliki Menurut Perspektif Melayu dalam Novel *Trilogi Cinta*" yang ditulis oleh Nurhamizah Hashim dan Mohamad Mokhtar Abu Hassan. Bab ini membincangkan kasih sayang dan rasa ingin dimiliki yang ditanggung oleh beberapa orang watak di dalam novel remaja *Trilogi Cinta* karya Siti Jasmina Ibrahim. Melalui novel ini, Nurhamizah dan Mohamad Mokhtar cuba menganalisis perasaan watak-watak itu dengan menggunakan Teori Hierarki Keperluan Manusia seperti yang diperkenalkan oleh Abraham H. Maslow. Mereka berdua turut membincangkan peringkat-peringkat keperluan yang terdapat dalam Teori Hierarki Keperluan Manusia itu. Peringkat-peringkat keperluan tersebut adalah keperluan fisiologi, keperluan keselamatan, keperluan kasih sayang dan keinginan dimiliki, keperluan penghargaan kendiri dan akhir sekali keperluan penyempurnaan kendiri. Namun begitu, tulisan mereka ini hanya difokuskan pada peringkat keperluan yang ketiga, iaitu keperluan kasih sayang dan keinginan dimiliki sahaja. Kasih sayang dan keinginan dimiliki ini dilihat melalui perspektif masyarakat Melayu yang sememangnya menitikberatkan soal persaudaraan dan kasih sayang sesama manusia, mahupun dengan Pencipta-Nya. Selain itu, masyarakat Melayu amat arif akan keperluan hidup bekerjasama, bergotong-royong, mengambil berat antara satu sama lain atau prihatin terhadap jiran sebagai perkara asas kepada pertautan persaudaraan, kemesraan dan kasih sayang sesama insan.

Bab kelapan tulisan Khazatulzihan Khalid, Rohani Hashim dan Muhammad Hatta Muhammad Tabut berjudul "*Mock-Documentary* sebagai Pemangkin Minat Terhadap Filem Komersial Bersifat Intelek di Malaysia" membincangkan genre *mock-documentary* untuk diaplikasikan ke dalam filem komersial yang bersifat intelek. Melalui gaya penerbitan alternatif ini, Khazatulzihan, Rohani dan Muhammad Hatta mengharapkan minat penonton atau pengkarya dapat dipacu untuk menonton ataupun menerbitkan filem-filem bertemakan isu-isu yang memerlukan penonton berfikir secara kritis tentang bahan yang ditontoninya. Maknanya, filem seharusnya menjadi naskhah seni yang memberi ilmu pengetahuan dan bukan sekadar untuk

menghiburkan hati sahaja. Oleh sebab itu, mereka bertiga dilihat telah melakukan penyelidikan berdasarkan ciri-ciri *mock-documentary* seperti bentuk, gaya, teknik, pendekatan, kos, naratif dan genre terhadap filem komersial yang bersifat intelek, iaitu *The Big Durian* (2003) arahan Amir Muhammad. Filem ini dipilih kerana isinya mengupas tentang landskap sejarah dan politik Malaysia yang berpaksikan genre *mock-documentary* pada sekitar tahun 1980-an. Tujuan penggunaan genre *mock-documentary* dilihat mereka sebagai suatu kearifan tempatan kerana untuk mengadunkan fakta sejarah dengan politik Malaysia dalam plot yang tersusun dan santai bukan suatu kerja yang mudah. Mereka perlu membuat penonton tidak berasa terbeban ketika menghayati karya tersebut. Pendekatan *mock-documentary* ini juga boleh menambah minat pengkarya untuk menghasilkan filem komersial bersifat intelek. Dimensi minat penonton Malaysia juga mungkin dapat dikembangkan, iaitu supaya mereka memilih filem komersial berlandaskan fakta dan tidak terkongkong untuk menonton filem komersial ringan semata-mata.

Bab kesembilan pula yang berjudul "Penerapan Uslub Dakwah dalam Drama Melayu Bersiri: *Nur Kasih*" yang ditulis oleh Nabilah Mohd Razif. Bab ini membincangkan bagaimanakah drama Melayu berperanan dalam menyampaikan dakwah Islamiah kepada masyarakat Malaysia. Drama ini dipilih kerana impaknya yang dianggap besar terhadap masyarakat semasa ditayangkan di TV3 pada tahun 2009. Justeru, ketiga-tiga orang penulis ini menghimpunkan uslub-uslub dakwah yang diterapkan di dalam drama tersebut untuk dianalisis secara teknikal dan kritikal, melalui kaedah analisis teks secara induktif dan deduktif, supaya dapat menghasilkan pembahagian yang khusus dan terperinci bagi menterjemahkan Islam sebagai agama pembimbing terbaik. Dapatan mereka menunjukkan bahawa drama ini sememangnya mempunyai kualiti drama berunsur Islam yang harus dijadikan contoh oleh pembikin-pembikin drama lain kerana drama tersebut memaparkan pelbagai metodologi dakwah yang berkesan. Hampir keseluruhan episod drama tersebut membentangkan uslub dakwah yang cukup luas, merangkumi pelbagai arena kehidupan manusia, di samping memperlihatkan kesyumulan Islam dan membetulkan kembali tanggapan negatif bahawa sistem Islam tidak lagi relevan pada era kehidupan moden masa kini. Dapatan kajian mereka juga menunjukkan bahawa sesebuah drama mampu dijadikan salah satu metodologi dakwah kerana drama-drama berunsur Islam kini semakin mendapat tempat dalam kalangan masyarakat. Hal ini bermakna kearifan menyampaikan dakwah melalui drama-drama berunsur Islam akan membolehkan agama Islam difahami, dihayati dan dikembangkan dengan lebih berkesan.

Akhirnya, bab kesepuluh oleh Norhayati Ab. Rahman berjudul "Manifestasi Kearifan Masyarakat Melayu Tradisional dalam Karya Sasterawan Fatimah Busu" yang membentangkan peranan karya-karya kesusasteraan sebagai lambang kejiwaan dan pemikiran bagi sesuatu bangsa. Menurut Norhayati, sastera Melayu pada hakikatnya adalah jiwa kepada pemikiran bangsa Melayu. Sejarah kesusasteraan dunia telah melakarkan bahawa sejak dari zaman Plato lagi, karya kesusasteraan memang telah berfungsi sebagai alat yang merakamkan pemikiran sesuatu bangsa. Justeru, Norhayati berpandangan bahawa karya sastera boleh menjadi induk untuk pelbagai disiplin ilmu yang muncul selepasnya. Di dalam bab ini, Norhayati mendakwa orang Melayu tradisi cukup terkenal dengan sifat kreatifnya dan memiliki daya pemikiran yang tinggi. Hal ini tercermin melalui ciri-ciri peradabannya, seperti proses berfikir yang kreatif, kerasionalan idea dan hujah-hujah mereka yang dapat dipertanggungjawabkan. Ciri-ciri tersebut dimanifestasikan mereka melalui tradisi lisan, khususnya dalam cerita-cerita rakyat. Cerita-cerita rakyat seperti cerita asal usul, cerita binatang, cerita lipur lara, cerita legenda dan sebagainya dikatakan memperlihatkan tahap kekreatifan dan kearifan masyarakat Melayu tradisional yang

hebat, yang kemudiannya dilanjutkan oleh kebanyakan pengarang ke dalam bentuk tulisan atau karya sastera moden. Misalnya, ciri-ciri peradaban ini telah dirakamkan oleh Sasterawan Fatimah Busu dalam kumpulan cerpen *Lambaian Tanah Hijau* (1980), cerpen "Pada Suatu Masa Dahulu" (1999), novel *Salam Maria* (2005) dan beberapa karyanya yang lain. Karya-karya tersebut telah dipilih sebagai data penelitiannya kerana wujudnya elemen-elemen tradisi yang memantulkan nilai-nilai kearifan masyarakat Melayu di dalamnya.

Sepuluh bab yang terkandung di dalam buku ini yang meliputi beberapa buah karya kesusasteraan Melayu tradisional dan moden, juga drama dan filem yang mengungkapkan secebis sahaja daripada kepandaian orang Melayu yang begitu luas dan mendalam dalam pelbagai alam pengetahuan. Penelitian para sarjana melalui persidangan seumpama inilah yang membolehkan kepandaian orang Melayu ini dibedah, diteliti, diteroka, dibincangkan, dipilih, dicanai kembali, diangkat, diketengahkan dan digunakan segala manfaatnya untuk kebaikan hidup masyarakat pada hari ini, baik pada peringkat tempatan, serantau mahupun antarabangsa.

Kebijaksanaan dan Kepahlawanan Wanita sebagai Pemerintah: Bandingan Patani dengan Acheh


Afidatul Syazwani Afandi | Rahimah A. Hamid | Md. Salleh Yaapar

Pengenalan

Sejarah kerajaan Melayu Patani sekitar abad ke-16 mencatatkan pemerintahan Patani pernah diungguli oleh raja-raja perempuan yang sangat hebat. Mereka ialah waris daripada leluhur Raja Seri Wangsa, iaitu raja yang mula membuka negeri Patani Darussalam. Raja-raja perempuan Patani yang dimaksudkan ialah Raja Ijau, Raja Biru dan Raja Ungu yang merupakan anakanda kepada Sultan Muzaffar Syah, sementara Raja Kuning merupakan anakanda kepada Sultan Pahang dan Raja Ungu (Rajah 1). Keempat-empat orang raja perempuan inilah yang memerintah Patani setelah kehilangan pewaris lelaki dalam takhta kerajaan Patani dan sekali gus berjaya menaikkan kegemilangan Patani pada zaman itu. Patani di bawah pemerintahan keempat-empat raja tersebut pada ketika itu menjadi sebuah negeri yang sangat terkenal di seluruh rantau Asia dengan jumlah kapasiti penduduk yang ramai serta berada dalam keadaan aman dan damai. Sebagai buktinya:

> Dewasa itulah negeri Patani semakin meningkat tangga kemajuan dan sukarlah hendak dicari negeri-negeri Melayu yang mempunyai kedudukan yang sama dengan negeri Patani di zaman itu. Seorang ahli pengembara bangsa Jerman yang bernama Mandel Slohe telah sempat melawat negeri Patani di zaman itu. Negeri Patani ialah sebuah negeri yang sangat makmur sekali, orang-orang Patani boleh memakan buah-buahan berpuluh-puluh jenisnya pada tiap bulan. Ayam di sini bertelur dua kali sehari, padinya terlalu banyak, ada bermacam-macam jenis daging lembu, kambing, angsa, itik, ayam kembiri, merak, daging rusa kering, pelanduk dan burung serta beratus-ratus jenis buahan.
>
> (Ibrahim Syukri, 2005: 44)

Kegemilangan kerajaan Patani di tangan raja-raja ini membuktikan kerajaan di bawah pimpinan wanita setaraf dengan pemerintahan yang didominasi oleh kaum lelaki selama berabad-abad lamanya. Bukti yang sama juga terjadi di Acheh apabila Sultanah Sofiatuddin Tajul A'lam Shah Johan memerintah kerajaan pada tahun 1641 hingga 1675 (Rajah 2). Selama 35 tahun pemerintahan di bawah naungan seorang raja perempuan bergelar sultanah, Acheh terus berkembang sebagai sebuah negara yang gah dengan naungan panji-panji Islam, berkat bantuan pimpinan ulama-ulama yang hebat seperti Syeikh Nuruddin al-Raniri dan Syeikh Hamzah Fansuri.



Rajah 1 Gambaran raja-raja perempuan Patani (Raja Ijau, Raja Biru, Raja Ungu dan Raja Kuning)
Sumber: pp-sk.blogspot.com



Rajah 2 Lukisan wajah Sultanah Sofiatuddin Tajul A'lam Syah Johan (Raja Acheh Darussalam)
Sumber: achehdalamsejarah.blogspot.com

Sebenarnya, kegemilangan sesebuah pemerintahan terletak pada dua aspek utama yang ingin difokuskan dalam bab ini. Aspek pertama ialah kebijaksanaan, iaitu sejauh mana seorang pemerintah sama ada lelaki atau perempuan menggunakan ilmu pengetahuan yang dimilikinya untuk memimpin sesebuah kerajaan. Hal yang mengukuhkan kebijaksanaan seorang pemerintah pula disertai dengan bantuan dan nasihat pembesar-pembesar yang hebat. Sebagai contoh di Patani, raja-raja perempuan Patani bijak bertutur dalam pelbagai bahasa yang membolehkan hubungan diplomatik dengan negara Eropah dapat dijalinkan. Sultanah Acheh pula digambarkan sebagai seorang yang sangat mencintai ilmu pengetahuan dan sastera kerana sedari umurnya tujuh tahun lagi, baginda sering belajar dengan Sultan Iskandar Thani dan berguru dengan ulama-ulama besar seperti Syeikh Hamzah Fansuri. Baginda juga pernah meminta Abdul Rauf

Singkel menulis kitab yang berjudul *Mir'at al-Tullab* atas kesedaran untuk memajukan rakyatnya dalam bidang ilmu pengetahuan khususnya yang berkaitan dengan ilmu agama. Pada masa pemerintahan Sultanah Sofiatuddin, ramai ulama telah muncul dan mereka telah menulis dalam pelbagai disiplin ilmu. Sultanah Sofiatuddin sendiri telah menyelesaikan 30 judul buku, sedangkan Abdul Rauf menyelesaikan 10 judul buku dalam pelbagai bidang ilmu yang menjadikan Acheh sebagai pusat peradaban dan perkembangan ilmu pengetahuan di Asia Tenggara.

Selain kebijaksanaan, kegemilangan sesebuah negara ditentukan juga oleh faktor pertahanan dan ketenteraan. Patani misalnya, ketika pemerintahan raja-raja perempuan ini, Patani hebat dalam pembuatan senjata atau bedil hinggakan negeri-negeri lain seperti Ayuthia mengimport senjata dari Patani. Raja-raja perempuan Patani yang dimulai dengan Raja Ijau telah mengambil langkah memperkemaskan alatan peperangan dan kebijaksanaan Raja Ijau membolehkan Patani bertahan daripada serangan musuh. Menurut Nik Anuar Nik Mahmud et al. (2007: 38–39) ada mengulas tentang perkara ini:

> Pada tahun 1603 pihak Siam melancarkan serangan balas tetapi tentera Siam tidak berjaya mengenjaki bumi Patani. Pada 11 Mei 1634, serangan dilancarkan secara besar-besaran dan angkatan Siam bertekad menghancurkan Patani pada masa pemerintahan seorang Raja Perempuan. Kegagalan kali ini sungguh memalukan Siam kerana dibantu armada Belanda yang dilengkapi senjata seperti meriam dan sebagainya. Manakala pihak Siam dengan tentera berkuda, bergajah dan berjalan kaki yang dibantu kekuatan angkatan laut dirajanya. Kekalahan ini merupakan suatu tamparan hebat hingga pihak Siam bertindak menghukum panglima-panglimanya yang kalah, serta mewujudkan dendam tradisi yang berlarutan.

Perkara ini diteruskan ketika pemerintahan Raja Biru yang meminta bantuan 'tok khiam' untuk memperkemaskan senjata sebagai alatan yang digunakan dalam peperangan. Ketika pemerintahan Raja Biru inilah tiga meriam utama dapat dihasilkan daripada tembaga kuning, iaitu Seri Negari, Seri Patani dan Maha Lela. Senjata ini digunakan ketika pemerintahan Raja Ungu untuk menghadapi serangan Siam, sekali gus menyelamatkan kemerdekaan Patani daripada cengkaman Raja Siam-Thai. Kedaulatan Patani terus kekal ketika pemerintahan raja-raja perempuan ini kerana kebijaksanaan dan kesedaran raja-raja Patani tentang kepentingan pertahanan dan aspek ketenteraan dalam mempertahankan negaranya daripada serangan musuh. Buktinya:

> Sekalipun begitu panglima Siam-Thai telah tetap juga akan melancarkan serangan lalu mengeluarkan perintah mendaratkan tenteranya di pantai Kuala Patani. Orang-orang Melayu Patani di bawah pimpinan raja dan panglima-panglimanya telah bersatu melawan serangan tentera Siam-Thai itu dengan dibantu oleh sekalian rakyat yang dibawa oleh Yang Dipertuan Muda Johor. Peperangan itu telah berlaku dengan hebat di sepanjang-panjang pantai laut itu. Beberapa hari berperang tiada juga dapat tentera Siam-Thai itu masuk ke dalam bandar Patani kerana mendapat tentangan dan pukulan yang hebat dari orang-orang Melayu Patani. Istimewa alat senjata perang orang-orang Melayu Patani pada masa itu lebih lengkap yang disediakan oleh Raja Biru dahulu. Di dalam peperangan inilah tiga pucuk meriam tadi telah digunakan dengan mendatangkan hasil yang sangat memuaskan hati mereka kerana dengan beberapa kali tembak sahaja, beratus-ratus orang tentera Siam-Thai ini telah menjadi mayat. Dan percubaan tentera Siam hendak masuk ke dalam bandar Patani telah terkecewa sahaja (sama sekali).
>
> (Ibrahim Syukri, 2005: 56)

Begitu juga di Acheh, aspek pertahanan dan ketenteraan telah diperkemaskan oleh Sultanah Sofiatuddin dengan mewujudkan pasukan khusus wanita yang bertugas mengawal istana. Pasukan ini juga dianggap pasukan elit kerajaan Acheh Darussalam. Sultanah Sofiatuddin juga memperkemaskan pasukan ini dengan ilmu menunggang kuda dan turut turun berperang dalam Perang Melaka 1639. Selepas itu, seorang tokoh pahlawan wanita dari Acheh juga, iaitu Cut Nyak Dhien dilihat memiliki sifat kepahlawanan yang tiada tolok bandingnya. Cut Nyak Dhien merupakan seorang pejuang yang berani secara terang-terangan menentang puak kafir Belanda

dalam Perang Acheh. Cut Nyak Dhien atau Tjoet Nja' Dhien seorang wanita yang dilahirkan dalam keluarga aristokrat Acheh menggunakan rencong melawan kafir Belanda walaupun di usia tuanya beliau rabun namun semangat untuk mempertahankan tanah air itu tetap mengalir dalam jasad tokoh wanita ini. Hal ini perlu dicontohi untuk membangunkan sebuah negara yang mempunyai ketinggian nilai jati diri. Ketamadunan serta peradaban yang tinggi juga bukan bergantung pada pemerintah lelaki atau perempuan sebaliknya terletak pada keupayaan pemerintah mengaplikasikan kedua-dua aspek ini dalam pemerintahan agar tidak mudah dipandang enteng oleh masyarakat lain di seluruh dunia.

Kadangkala kekuatan dan kepahlawanan sahaja tidak mencukupi jika tidak disertai dengan kebijaksanaan dalam menyusun strategi bagi menjatuhkan musuh negara. Dua komponen ini dilihat saling berkaitan. Hal ini boleh dilihat dalam citra kedua-dua raja ini yang bijak menyusun strategi dalam aspek pertahanan dan mempunyai semangat kepahlawanan dan daya juang yang sangat tinggi demi keamanan dan kesejahteraan rakyat dan negaranya. Sejak berkurun lamanya, sejarah menyaksikan banyak kerajaan yang tumbang disebabkan kekurangan salah satu unsur ini. Kerajaan Han di China misalnya, runtuh disebabkan kebodohan seorang pemerintah waris kepada Liu Xuande, Raja Muda Liu Shan. Selain leka terhadap urusan pemerintahan, baginda juga hanya mempercayai cakap Pembesar Huang Hao semata-mata lalu tidak menghantar bantuan ketenteraan kepada pasukan tenteranya yang sangat memerlukan bantuan di saat yang genting, sebaliknya hanya mengadakan jampi serapah untuk mencapai kemenangan dalam peperangan tersebut. Hal ini jelas membuktikan bahawa kedua-dua unsur ini memainkan peranan yang sangat penting dalam urusan pemerintahan sesebuah negara dalam menentukan kegemilangan serta jatuh bangunnya sesebuah kerajaan itu.

Sejarah Pemerintahan Raja Patani dan Acheh

Kesusasteraan bandingan adalah disiplin kecil yang mengkaji karya sastera secara perbandingan dengan merentas sempadan nasional dan melampaui bidang kesusasteraan. Bidang ini melepasi sempadan nasional, kepelbagaian dan disiplin. Bidang ini juga mempunyai pandangan yang sarwajagat dan tidak terhad kepada satu negara sahaja dan disiplin ini berani melihat luar daripada perspektif sesebuah negara. Fungsi kesusasteraan bandingan itu adalah untuk membawa masuk pelbagai kesusasteraan kebangsaan dan melihat perhubungan antara satu sama lain, iaitu persamaan, perbezaan dan keunikan serta aspek yang terkandung dalam sesebuah karya sastera hingga ia dapat mempengaruhi dan meresapi karya sastera yang lain. Fungsi kesusasteraan bandingan antara lainnya adalah untuk memasukkan elemen universal yang melibatkan tema dan nilai yang dikongsi bersama dalam sastera kebangsaan. Kesusasteraan bandingan juga melihat perhubungan antara karya sastera dengan bentuk ekspresi budaya yang lain seperti muzik, filem, visual dan lain-lain. Menurut Abdul Ahmad (1994: xv) dalam halaman pengantar buku *Kesusasteraan Bandingan Sebagai Satu Disiplin*, beliau menjelaskan:

> Memang jelas bahawa kesusasteraan bandingan yang juga dianggap sebagai satu bidang pengetahuan tidak wujud bersendirian tanpa sebarang perkaitannya dengan bidang pengetahuan lain, terutamanya disiplin-disiplin yang tujuan dan prinsipnya hampir sama atau selari. Hal ini mewajarkan kesusasteraan bandingan diterima sebagai satu disiplin bersepadu (*intergrated*) dan bersifat holistik. Nilai-nilai bersepadu dan holistik ini pula memang jelas menjadi asas atau inti kepada pandangan hidup Melayu dan Islam (*Malay and Islamic world-view*). Maksudnya, setiap sesuatu itu tidak wujud dengan entiti yang mandiri, akan tetapi saling berkaitan, berdokongan dan berkepentingan dalam mencari dan dalam mendapatkan satu penyatuan dan kesatuan yang lebih besar, teguh dan kesejagatan sifatnya.

Perbandingan antara Patani dengan Acheh boleh digolongkan sebagai bandingan antara dua buah negara yang berbeza yang datang daripada rantau yang sama, iaitu Nusantara. Kajian bandingan antara dua buah negara ini adalah untuk melihat perkongsian nilai universal masyarakat Nusantara dalam urusan pentadbiran dan pemerintahan dalam citra watak wanita yang merupakan seorang pemerintah dalam lingkungan abad yang sama, iaitu sekitar abad ke-16 hingga ke-17. Keunikan kajian bandingan ini adalah selain wanita yang mendominasi sistem pemerintahan pada ketika itu, didapati dua buah negara ini gemilang di bawah pemerintahan raja-raja perempuan tersebut. Hal ini yang menjadi tarikan kepada pengkaji untuk membandingkan, mencari persamaan, perbezaan serta keunikan citra watak wanita sebagai seorang pemerintah ketika abad itu yang berjaya meningkatkan kegemilangan dan kejayaan dalam aspek pemerintahan. Hal ini bertepatan dan mendukung tugas sarjana kesusasteraan itu sebenarnya, iaitu bukan sengaja untuk suka-suka membandingkan dua atau tiga karya, tetapi mempunyai kewibawaan membandingkan karya kerana mereka ialah *comparist*.

Kerajaan Patani, kehilangan waris lelaki apabila Sultan Patik Siam dibunuh oleh saudaranya yang merupakan anak gahara sultan, iaitu Raja Bambang kerana hasutan seorang pembesar yang bernama Seri Amrat, manakala seorang lagi waris, iaitu Sultan Bahadur Syah pula mati dibunuh oleh Raja Bima atas sebab yang sama juga, iaitu atas hasutan seorang pembesar yang lain bernama Seri Amar Pahlawan. Kedua-dua pembesar ini yang melenyapkan waris pemerintah lelaki keturunan Raja Seri Wangsa. Peristiwa berdarah yang berlaku di dalam istana ini menyebabkan kenaikan tampuk pemerintahan di tangan raja-raja perempuan kerana tiada waris lain yang layak memerintah pada ketika itu. Begitu juga halnya di Acheh, kematian Sultan Iskandar Thani, iaitu suami kepada Sultanah Sofiatuddin dan ketiadaan waris daripada jurai keturunan Sultan Iskandar Muda atau keluarga yang terdekat menyebabkan tampuk pemerintahan diterajui oleh seorang sultanah dengan gelaran Paduka Sri Sultanah Sofiatuddin Tajul A'lam Shah Johan Berdaulat Zillu' llahi fi'l-A'lam binti Almarhum Sri Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam Shah. Sultanah Sofiatuddin merupakan wanita pertama yang diangkat menjadi raja dalam kerajaan Acheh Darussalam. Sultanah Sofiatuddin diangkat menjadi raja ketika Acheh masih berada dalam keadaan pergolakan politik, sosial dan budaya yang tidak stabil kerana kaum lelaki masih belum bersedia untuk dipimpin oleh kaum wanita.

Pada awalnya berlaku pertentangan dan kekecohan pendapat antara ulama tentang kenaikan Sultanah Sofiatuddin sebagai raja. Sebahagian mengatakan wanita dilarang menjadi pemimpin dan sebahagian lagi mengatakan wanita boleh diangkat menjadi pemimpin. Ulama yang membolehkan wanita menjadi pemimpin menyatakan bahawa wanita hanya dilarang untuk menjadi imam di dalam solat, walhal untuk menjadi pemimpin urusan dunia seperti menjadi raja tidak dilarang. Sedangkan pada masa itu, satu-satunya orang yang layak daripada keturunan Iskandar Muda ialah Sultanah Sofiatuddin yang berhak mewarisi takhta kerajaan kerana Sultan Iskandar Muda tidak mempunyai waris lelaki dan hanya memiliki seorang puteri. Sebahagian kaum ulama dan golongan berfahaman Wujudiyah menolak perlantikan tersebut, namun seorang ulama besar, iaitu Nurudin al-Raniri membantah pendapat wanita tidak boleh memimpin dan akhirnya Sultanah Sofiatuddin diangkat menjadi raja perempuan pertama dalam kerajaan Acheh Darussalam.

Persamaan Kerajaan Patani dengan Kerajaan Acheh

Kebijaksanaan dalam urusan pemerintahan dan pentadbiran

Kebijaksanaan raja-raja perempuan Patani dalam aspek hubungan diplomatik boleh dilihat sejak zaman pemerintahan Raja Ijau lagi. Sebagai contoh, Jepun sebelum itu pernah menjalankan aktiviti perniagaan di Patani tetapi masih belum mengikat tali persahabatan yang rasmi dengan Patani. Namun begitu, ketika pemerintahan Raja Ijau hubungan ini telah dilaksanakan dengan baik. Selain Jepun, Patani juga pada waktu itu telah didatangi oleh bangsa-bangsa lain dari seluruh dunia termasuk Belanda dan juga Inggeris. Hubungan diplomatik yang baik dengan negara-negara ini telah pun berjaya dijalinkan ketika pemerintahan raja-raja perempuan ini. Sebagai bukti:

1. Hubungan diplomatik dengan Jepun

> Telah bertahun-tahun lamanya Raja Hijau menjalankan pemerintahan dengan adil dan bijak sebagai seorang perempuan. Maka namanya masyhurlah ke seluruh negeri hingga ke benua Eropah. Banyaklah raja dalam negeri itu menghantar utusannya ke Patani mengadap baginda kerana mengikatkan tali persahabatan, begitu juga Raja Hijau selalu pula menghantar rombongan utusannya kepada raja-raja negeri itu sebagai membalas rasa persahabatan, setengah daripada raja itu ialah Raja Siam dan Jepun. Sungguhpun telah diketahui dari keterangan Pinto saudagar Portugis menyatakan sebelum dari itu pun memang telah ada orang-orang Jepun datang berniaga di dalam Patani tetapi rajanya belumlah mengambil perhatian dan belum lagi mengadakan ikatan persahabatan yang rasmi dengan kerajaan Patani. Hanya di dalam masa pemerintahan raja perempuan inilah baharu Raja Jepun mulai mengambil perhatian serta dikirim utusan ke Patani meminta kebenaran rasmi akan berniaga di dalam negeri Patani.
>
> (Ibrahim Syukri, 2005: 40–41)

2. Hubungan diplomatik dengan Siam

> Demikianlah juga perhubungan dengan negeri Siam semakin bertambah rapat sementelah negeri Siam duduknya berhampiran negeri Patani. Maka selalu kapal-kapal perniagaan berulang-alik dan berduyun-duyun pula orang-orang Siam-Thai itu datang berniaga di Patani, begitu juga orang Patani selalu datang berniaga ke Siam. Serta Raja Patani dengan Raja Siam-Thai pun tidak putus menghantar utusannya masing-masing di antaranya kerana merapatkan perhubungan dan persahabatan.
>
> (Ibrahim Syukri, 2005: 41)

3. Hubungan diplomatik dengan Eropah

> Semenjak negeri Patani diperintah oleh Raja Hijau itu namanya semakin terkenal dan masyhur ke seluruh dunia timur dan barat, dalam pelabuhannya sentiasa penuh disinggahi oleh kapal-kapal perniagaan dari beberapa bangsa. Pada masa itulah tiba orang-orang Belanda menjalankan perniagaannya dalam negeri Patani iaitu menjadi bangsa Eropah yang kedua kemudian daripada bangsa Portugis.
>
> (Ibrahim Syukri, 2005: 42)

Kebijaksanaan raja-raja perempuan Patani dalam aspek pertanian pula boleh dilihat ketika pemerintahan Raja Ijau lagi apabila baginda yang dikenali sebagai ‘marhum tambangan’ ini berjaya menjadikan air Sungai Gerisik tawar, lantas membolehkan aktiviti penanaman dan penghasilan padi diperoleh dengan jayanya. Sungai Gerisik pada awalnya tidak berguna kepada penduduk serta rakyat jelata kerana airnya terlampau masin dan sungainya yang tidak berhulu. Oleh sebab keprihatinan seorang raja yang mengambil berat tentang kebajikan rakyatnya, perkara ini dapat diatasi dengan baik. Buktinya:

> Di dalam masa Raja Hijau menduduki takhta kerajaan Patani ini, negeri pun bertambah-tambah maju dan ramai penduduknya. Baginda sangatlah mengambil berat atas susah payah rakyat jelata nya, satu daripada pekerjaan yang telah diperbuat oleh baginda ialah menggali sungai. Pada masa itu Sungai Gerisik yang mengalir di tengah-tengah penduduk rakyat jelata itu hampir-hampir tiadalah berguna kerana airnya terlampau masin sementelah pula sungai itu tidak ada berulu. Segala bendang di situ tiada lah dapat mengeluarkan hasilnya yang baik kerana disebabkan oleh air masin itu. Yang demikian pada suatu hari baginda itu telah mengadakan kerahan raya serta mengumpulkan rakyat jelata nya bekerja menggali sungai iaitu mulai dari Gerisek itu menuju ke hulu hingga bertemu dengan sungai

> besar di Kuala Temangan (dekat Kampung Perigi sekarang ini). Setelah tertembus dengan sungai besar itu air pun turunlah mengikut sungai yang digali itu serta deras mencurah ke Sungai Gerisek lalu mengalir ke laut mengikut Kuala Ra. Dengan sampai nya air dari ulu itu maka air dalam Sungai Gerisik itu mulalah tawar dan sekali nya bendang padi pun dapatlah mengeluarkan hasilnya dengan puas hati.
>
> (Ibrahim Syukri, 2005: 42)

Selain itu, kebijaksanaan raja-raja perempuan Patani dalam perniagaan juga dapat dilihat menerusi watak Raja Kuning yang gemar berniaga. Raja Kuning gemar berniaga hasil daripada aktiviti bercucuk tanam yang dilakukan oleh baginda sendiri. Raja Kuning juga digambarkan seorang yang berjimat-cermat kerana baginda tidak pernah menggunakan wang kerajaan untuk perbelanjaan harian baginda, sebaliknya wang yang digunakan untuk perbelanjaan harian tersebut adalah hasil jualan bunga-bungaan dan tanaman yang terdapat di dalam taman baginda. Raja Kuning juga digambarkan sebagai seorang raja yang mula menjalankan aktiviti perniagaan di luar negeri. Baginda juga melantik seorang saudagar yang ditugaskan membawa barang dagangan Patani untuk dijual ke luar negeri. Sebagai bukti, boleh dilihat menerusi petikan ini:

> Di dalam sejarah hidup Raja Kuning ini ada menyatakan, bahawa baginda ialah seorang pemerintah yang sangat gemar kepada pekerjaan bercucuk tanam dan berniaga. Dalam masa baginda menjadi pemerintah itu tiada pernah baginda menggunakan wang hasil-mahsul kerajaan buat perbelanjaan hari-hari walaupun baginda berhak menggunakan wang itu. Melainkan wang perbelanjaan hari-hari adalah hasil dari jualan bunga-bunga dan tanaman yang ada di dalam taman baginda sahaja.
>
> Di dalam masa pemerintahan Raja Kuning inilah juga, seorang Raja Patani yang mula-mula sekali menjalankan perniagaan sendiri di luar negeri, baginda telah mengadakan sebuah kapal perniagaan serta dilantik seorang kapten yang dipercayainya membawa segala barang dagangan dari Patani ke seluruh negeri dan kapten itu telah dinamakan Saudagar Raja.
>
> (Ibrahim Syukri, 2005: 59)

Kebijaksanaan dalam pembuatan senjata pula boleh dilihat ketika zaman pemerintahan Raja Biru yang meminta tolong 'Tok Khiam' atau nama lainnya Lim Toh Kian untuk membuat senjata bagi menghalang serangan Siam yang sememangnya sudah lama bermusuh dengan kerajaan Melayu Patani. Kebijaksanaan inilah yang ingin difokuskan, iaitu teknik yang diguna pakai oleh raja-raja perempuan ini untuk mempertahankan sebuah negara kecil yang dinamakan Patani daripada serangan Raja Siam-Thai dari Ayuthia. Hal ini demikian kerana Patani sememangnya sudah terkenal dengan kepakarannya dalam pembuatan senjata api yang disebut sebagai bedil/meriam. Negara lain sering membeli serta mengimport alatan senjata dari Patani disebabkan Patani terlalu banyak menghasilkan senjata api ini sejak pemerintahan Raja Ijau lagi. Siam mula mengetahui tentang kepentingan senjata api dalam peperangan apabila cubaan untuk mendapatkan Patani kali pertama gagal disebabkan Patani menggunakan senjata api yang disebut bedil/meriam ini. Sepanjang sejarah kegemilangannya, Patani terkenal dengan penghasilan tiga meriam yang utama, iaitu Seri Negeri, Seri Patani dan Maha Lela. Meriam terawal yang dihasilkan di Patani pada zaman Raja Biru ialah Seri Negeri, Tuk Buk dan Nang Liu-liu. Meriam ini telah digunakan pada zaman Raja Ungu untuk mengalahkan serangan Siam-Thai yang diketuai oleh Upya Deca yang pada ketika itu mendapat bantuan daripada Belanda. Petikan di bawah ini jelas membuktikan Patani memiliki kepakaran dalam teknologi pembuatan meriam dan bedil:

> Hatta antara tiga tahun selangnya maka bedil itu pun disuruh rombak oleh baginda dijadikan tiga pucuk pula. Adapun tatkala menuang dia itu hijrat nabi sallaLlahu 'alaihi wassalam kurang dua delapan puluh, pada tahun tikus, pada tiga hari bulan Ramadhan, pada malam Selasa. Maka dengan daulat duli baginda bedil tiga pucuk itu pun dituang oranglah dengan sempurnanya. Setelah sudah maka dinamainya yang pertama Seri Negeri dan yang kedua bernama Tuk Buk dan yang ketiga bernama Nang Liu-liu. Demikianlah hikayatnya.
>
> (Siti Hawa Haji Salleh, 1992: 9)

Di Acheh pula, kebijaksanaan Sultanah Sofiatuddin terserlah sejak berusia tujuh tahun lagi

apabila baginda sangat berminat dalam bidang keilmuan. Sultanah Sofiatuddin sering belajar dengan Iskandar Thani dengan bantuan para ulama seperti Syeikh Nuruddin al-Raniri dan Syeikh Hamzah Fansuri. Menurut Dra. Hj. Emi Suhaimi (1993: 14–15) dalam bukunya yang berjudul *Wanita Acheh Dalam Pemerintahan dan Peperangan,* beliau menyatakan, "sehingga setelah selesai pendidikannya, Sultanah Sofiatuddin telah mampu menguasai berbagai ilmu pengetahuan dan berbagai bahasa iaitu, bahasa Arab, Persia dan Sepanyol, di samping alim dalam ilmu fikh (hukum) termasuk tatanegara, ilmu sejarah, mantik falsafah, tasawuf, sastera dan lain-lain".

Kemahiran dalam bidang keilmuan ini yang mendorong Sultanah Sofiatuddin untuk mengembangkan dan menyebarkan agama kepada rakyatnya. Baginda memerintahkan ulama Acheh ke Thailand pada tahun 1668 untuk mengembangkan ajaran Islam. Para ulama mendukung pemerintahan Sultanah Sofiatuddin Tajul A'lam Syah yang berhasrat menggunakan ilmu pengetahuan untuk mengembangkan ajaran Islam. Minat yang ditonjolkan baginda terhadap ilmu pengetahuan mendorong para ulama untuk terus mendalami ilmu pengetahuan dan penulisan kitab. Sultanah Sofiatuddin meminta Abdur Rauf al-Singkili menulis sebuah kitab yang berjudul *Mira'tuth Tu'llab* yang mengandungi ilmu fiqh untuk memudahkan rakyat mengenal hukum Allah sekali gus memajukan rakyat baginda dalam bidang ilmu pengetahuan khususnya berkaitan dengan hukum Islam.

Era pemerintahan Sultanah Sofiatuddin dikenali sebagai zaman emas ilmu pengetahuan dalam kerajaan Acheh Darussalam. Hal ini ditambah pula kemunculan ulama-ulama seperti Abdul Rauf al-Singkili, Syeikh Jalaluddin Tursany dan lain-lain yang menyebabkan percambahan bidang keilmuan di Acheh ketika pemerintahan Sultanah Sofiatuddin. Ulama-ulama ini mengarang buku dalam pelbagai disiplin ilmu. Bahagian mukadimah dalam karangan buku seperti *Hidayatul Iman Fi Fadhlil* karya Nuruddin al-Raniri dan buku *Mir'atuth Tullab* karangan Abdul Rauf al-Singkili adalah saranan daripada Sultanah Sofiatuddin sendiri.

Kebijaksanaan Sultanah Sofiatuddin dalam aspek ekonomi dapat dilihat menerusi keprihatinan baginda untuk memperkukuhkan sistem ekonomi Acheh. Sumber utama ekonomi negara Acheh pada ketika itu ialah hasil daripada tambang emas, pemungutan cukai atau pajak daripada setiap pedagang asing yang melakukan perdagangan dalam wilayah kekuasaan Acheh dan daerah taklukannya. Kebijaksanaan Sultanah Sofiatuddin terserlah di sebalik hubungan perdagangan antara Acheh dengan Belanda apabila Belanda tidak diberikan hak-hak istimewa dalam perdagangan, tetapi tetap diharuskan mengikuti peraturan-peraturan yang dilaksanakan oleh kerajaan Acheh. Kerajaan Acheh juga menetapkan setiap kapal asing yang berdagang diwajibkan membayar pajak masuk sebanyak lima peratus daripada harga barang yang diperdagangkan. Selain itu, setiap pedagang asing diharuskan memiliki lesen untuk berdagang di daerah-daerah yang dikuasai Acheh, seperti Pantai Barat Sumatera dan Semenanjung Tanah Melayu. Pedagang asing boleh memperoleh lesen perniagaan tersebut di ibu kota kerajaan dengan bayaran tertentu.

Sultanah Sofiatuddin juga membangunkan sebuah kota yang terkenal dengan nama kota Inong Balee di Krueng Raja dan kos pembangunannya adalah hasil daripada kutipan zakat dan wang kerajaan. Kota ini dikawal rapi oleh pasukan pengawal istana agar para janda dan anak-anak yang menjadi mangsa korban perang dapat hidup dengan aman. Selain itu, mereka juga layak diberikan bantuan kewangan khususnya kepada janda dan pengurus anak-anak ini. Hal ini merupakan salah satu usaha seorang sultanah untuk memelihara kesejahteraan rakyatnya terutama terhadap janda dan anak-anak mangsa yang terkorban dalam perang di Melaka pada tahun 1640. Bantuan yang dihulurkan oleh seorang sultanah ini boleh dianggap sebagai satu

penghargaan kepada perajurit-perajurit Acheh yang terkorban di medan perang kerana berjuang mempertahankan kedaulatan Acheh.

Kebijaksanaan Sultanah Sofiatuddin juga turut terserlah dalam menyelesaikan masalah rakyat dan menghadapi tentangan golongan berfahaman Wujudiyah. Menurut Azyumardi Azra et al. (2004: 326) istilah 'wujudiyah' ialah:

> Paham Wahdatul Wujud (Wujudiyah) yang dianut Hamzah Fansuri dan Syamsudin Sumatrany, setelah wafat kedua beliau, telah berkembang sedemikian rupa yang makin lama makin menjauh dari keasliannya, sehingga akhirnya berubah menjadi berbagai "tharikat" yang sesat dan menyesatkan, yang dalam masyarakat Acheh kemudian terkenal dengan nama 'SALEEK BUTA" atau dengan terjemahan bebasnya " Pengembara Buta". Lebih jauh Ali Hasjmy menyebutkan bahawa Salik Buta di samping perpanjangan tangan dari ajaran Wujudiyah atau wahdat al-wujud dengan penyimpangan-penyimpangan "modifikasi" yang dilakukan pengikutnya, juga percampuran dengan ajaran Syiah dari Syu'bah Ghaliyah (sekte keterlaluan salah). Sekte terakhir menempatkan imam-imam mereka di luar batas kekuasaan makhluk, iaitu sebagai pancaran dari khaliq. Mereka memiliki ajaran dengan berpendapat bahawa Allah dapat menjelma dalam tubuh-tubuh imam mereka, sehingga dengan demikian imam bebas dari tugas makhluk yang lain dan malah dapat membebaskan pengikutnya dari tugas kemakhlukan. Ibadat mereka berbeda dengan manusia lain; apa yang halal pada orang lain haram pada mereka. Sebaliknya apa yang haram pada orang lain adalah halal pada diri mereka.

Selain itu, Sultanah Sofiatuddin juga menghadapi tentangan daripada kalangan rakyat yang ingin merebut kuasa dan tidak senang dengan pemerintahan baginda sebagai sultanah. Pada ketika itu, keadaan negara semakin kacau dengan adanya campur tangan sebahagian orang yang menghasut dan mengambil keuntungan daripada situasi sulit tersebut. Pada ketika itu juga, peranan kekuasaan Vereenigde Oost-Indische Compagnie (VOC) di kawasan Selat Melaka pula bertambah terutamanya setelah Belanda berjaya merebut Melaka daripada tangan Portugis pada tahun 1641. Sultanah Sofiatuddin mengendalikan dan mengambil alih pemerintahan kerajaan Acheh Darussalam ketika dalam situasi yang sangat sulit dan kritis, namun baginda berjaya mentadbir Acheh selama 35 tahun walaupun pemerintahan baginda tidak sehebat pemerintahan ayahanda baginda, Sultan Iskandar Muda. Pada hari Rabu, 23 Oktober 1675 Masihi bertepatan dengan 3 Sya'ban 1086 Hijrah, Sultanah Sofiatuddin mengakhiri kekuasaannya kerana telah kembali ke rahmatullah. Sepeninggalan Sultanah Sofiatuddin, kerajaan Acheh diperintah pula oleh seorang wanita bernama Naqiatuddin yang bergelar Sri Sultanah Nurul Alam Naqiatuddin Syah.

Kepahlawanan dan Kehebatan dalam Aspek Pertahanan

Kepahlawanan raja-raja perempuan Patani dapat dilihat menerusi kebijaksanaan pemerintah mengarahkan rakyat menghasilkan meriam/bedil untuk menumbangkan pihak lawan. Walaupun Patani sebuah negeri yang kecil dan dipimpin oleh wanita, namun kehebatan mereka dalam menumpaskan lawan tidak boleh dinafikan lagi kerana pemerintahnya menggunakan kebijaksanaan dalam menyusun strategi perang dengan memperkemaskan alatan perang serta mengambil langkah berjaga-jaga terhadap musuh terutamanya Siam-Thai. Hal ini demikian kerana Siam-Thai mempunyai keinginan dan niat yang buruk untuk memiliki Patani sekali gus memperhambakan pertuanan Melayu di Patani. Kehebatan raja-raja perempuan Patani dalam memimpin angkatan perang sehingga menyebabkan Siam kalah berkali-kali di tangan Patani jelas membuktikan kepahlawanan wanita Melayu yang bergelar seorang raja perempuan.

Salah satu kelemahan pada masa pemerintahan Sultanah Sofiatuddin adalah bersangkutan

dengan masalah militer atau ketenteraan, iaitu Acheh mempunyai angkatan perang yang sudah mengalami kemunduran sejak pemerintahan suaminya, Sultan Iskandar Thani. Ketenteraan Acheh tidak mengalami pembaharuan dan peningkatan pada awal pemerintahan baginda. Padahal, ketika itu, ancaman daripada luar khususnya Belanda, semakin meluas. Oleh sebab itu, Sultanah Sofiatuddin mengambil langkah bijak dengan melakukan pembangunan dan pembaharuan terhadap pertahanan militer. Kebijaksanaan baginda dalam aspek pertahanan inilah yang menyelamatkan Acheh daripada serangan musuh. Pembaharuan yang dilakukan baginda adalah dengan membentuk pasukan khusus wanita yang bertugas mengawal istana sekali gus sebagai pasukan elit kerajaan yang bertugas mengawal keamanan kerajaan Acheh Darussalam. Sultanah Sofiatuddin juga mendedahkan kaedah menunggang kuda kepada pasukan khusus tersebut. Pasukan tersebut juga turut turun berperang semasa Perang Melaka tahun 1639. Sultanah Sofiatuddin juga meneruskan tradisi pemberian tanah kepada pahlawan-pahlawan perang sebagai hadiah dan penghargaan daripada pihak kerajaan. Berdasarkan hal tersebut, jelaslah bahawa Sultanah Sofiatuddin telah menunjukkan sifat kepahlawanan baginda sebagai seorang raja perempuan apabila baginda turut serta dalam peperangan sekali gus membuktikan wanita juga boleh terlibat dalam mempertahankan negara daripada serangan musuh.

Kepahlawanan raja-raja perempuan ini terserlah apabila kedua-dua citra watak pemerintah ini, iaitu Raja Ijau dan Sultanah Sofiatuddin mempunyai semangat juang yang tinggi dalam menghadapi serangan musuh. Nilai ini juga dapat dilihat menerusi watak seorang pahlawan wanita di Acheh kelahiran Lampadang, pada tahun 1848 iaitu Cut Nyak Dhien jauh selepas pemerintahan Sultanah Sofiatuddin (Rajah 3). Cut Nyak Dhien juga dilihat mempunyai daya semangat juang yang tinggi apabila beliau mengetuai pasukan tentera ketika serangan melawan Belanda selepas kematian suaminya dalam Perang Acheh sehingga membolehkan beliau diangkat menjadi tokoh Pahlawan Nasional Acheh. Cut Nyak Dhien mendukung gerakan yang dirintis oleh suami pertamanya, iaitu Teuku Ibrahim Lamnga. Teuku Ibrahim Lamnga merupakan pejuang Acheh dan terkorban semasa menghadapi serangan Belanda. Cut Nyak Dhien menikah untuk kali keduanya dan suami kedua Cut Nyak Dhien juga merupakan seorang pejuang yang tidak pernah menghalang Cut Nyak Dhien untuk turut sama berjuang mempertahankan Acheh daripada cengkaman kafir Belanda.



Rajah 3 Lukisan wajah Cut Nyak Dhien (Panglima Nasional Acheh)
Sumber: http://biografi-biodata-profile-blogspot.com/2012/03/biografi-biodata-cut-nyak-dien-pahlawan.html

Cut Nyak Dhien mempunyai seorang puteri hasil perkahwinannya yang kedua dengan Teuku Umar yang bernama Cut Gambang. Cut Gambang menangisi pemergian ayahnya, Teuku Umar yang turut terkorban di tangan Belanda di Meulaboh dalam usaha mempertahankan bumi Acheh daripada dijajah. Cut Nyak Dhien melarang anaknya daripada menangis dengan berkata, "Wanita Acheh dilarang untuk menitiskan air mata untuk orang yang berjihad di jalan Allah". Begitu hebat dan kental semangat juang seorang srikandi kelahiran Acheh ini. Sehingga ke akhir hayatnya, walaupun dalam keadaan kakinya encok dan rabun matanya, beliau tetap teguh melawan Belanda. Kehadiran beliau membangkitkan semangat nasionalis Acheh dan hal ini amat dikhuatiri oleh Belanda dan akhirnya, seorang ahlinya, iaitu Pang Laot melaporkan keberadaannya pada pihak Belanda. Beliau ditangkap dan dibawa ke Banda Acheh, namun begitu beliau masih berhubung dengan pejuang Acheh yang belum tertangkap dan akhirnya beliau telah dibuang ke Sumedang. Cut Nyak Dhien meninggal dunia pada tahun 1908 dan dimakamkan di Gunung Puyuh, Sumedang.

Perbezaan Kerajaan Patani dengan Kerajaan Acheh

Keunikan seorang pemerintah/raja/sultanah

Perbezaan yang terdapat antara pemerintahan raja-raja perempuan Patani dan sultanah Acheh adalah dalam aspek keunikan corak pemerintahan yang tersendiri. Patani dipimpin oleh empat orang wanita yang masing-masing memiliki kehebatan dan kebijaksanaan yang tersendiri dalam memimpin kerajaan. Menurut Nik Anuar Nik Mahmud (2006: 18), beliau menyatakan:

> Kerajaan Melayu Patani telah mencapai kemuncak keagungannya pada zaman pemerintahan raja-raja Perempuan (1584–1624). Pada zaman itu Patani telah muncul sebagai sebuah pusat perniagaan yang terpenting di rantau ini. Ijzerman, seorang pedagang Belanda, menyatakan Patani adalah 'pintu masuk' bagi pedagang-pedagang yang ingin berdagang di China dan sekitarnya (Blause, 1972: 2). Pelbagai jenis barangan dilaporkan terdapat di sekitar kota pelabuhan Patani.

Gabungan keistimewaan daripada keempat-empat raja perempuan ini yang terus mengekalkan kegemilangan kerajaan Melayu Patani pada ketika itu, sebaliknya bagi pemerintah kerajaan Acheh Darussalam, kehebatan yang dimiliki oleh keempat-empat raja perempuan itu terdapat dalam diri Sultanah Sofiatuddin. Sutlanah Sofiatuddin walaupun seorang wanita, namun pemerintahan baginda dibantu oleh para pembesar yang terdiri daripada para ulama yang bijaksana. Hal inilah yang mengekalkan pemerintahan Sultanah Sofiatuddin selama 35 tahun.

Disiplin dan subbidang keilmuan

Kecintaan Sultanah Sofiatuddin terhadap ilmu lebih menonjol apabila pemerintahan baginda mempunyai karangan kitab yang khusus untuk rujukan para ulama dalam menjalankan urusan pemerintahan manakala dalam pemerintahan kerajaan Patani Darussalam pula, walaupun tidak dijelaskan tentang kitab khusus yang ditulis untuk menjalankan pentadbiran di Patani tetapi kita tidak boleh mengatakan Patani kurang atau cetek daripada aspek ilmu pengetahuannya. Sebagai contoh, raja-raja perempuan Patani menguasai pelbagai bahasa untuk menjalankan hubungan diplomatik antara Timur dan Barat. Selain itu, kerajaan Patani juga mempunyai kepakaran ilmu dalam bidang pembuatan senjata. Jika tidak, masakan negara-negara lain mengimport alatan senjata dari Patani. Sejak zaman pemerintahan Raja Ijau lagi, kerajaan Patani sudah mempunyai kepakaran dalam aspek itu.

Bentuk pergolakan dalam kalangan pembesar/ulama

Pimpinan kerajaan Patani Darussalam pada awalnya, ketika pemerintahan Sultan Ismail Syah Zilullah fil Alam, sememangnya banyak dibantu oleh dua golongan yang terdiri daripada pembesar dan para ulama. Di dalam karya *Hikayat Patani* ada menyatakan pengislaman Sultan Ismail adalah daripada seorang tokoh yang disebut sebagai Syeikh Said. Hal ini menunjukkan bahawa sejak awal pemerintahan ayahanda raja-raja perempuan Patani, para ulama sememangnya banyak membantu dalam menentukan selok-belok pemerintahan berlandaskan hukum syariat Islam selepas pengislaman rajanya. Sejarah juga mencatatkan, Patani merupakan antara kerajaan Melayu Nusantara awal yang menerima kedatangan agama Islam. Banyak pondok pengajian dan masjid didirikan di Patani oleh Syeikh Daud al-Fathoni dan ulama-ulama yang seangkatan dengan beliau. Maka, hal ini menunjukkan bahawa para ulama juga memainkan peranan dalam urusan pemerintahan dan pentadbiran ketika awal pemerintahan ayahanda raja-raja perempuan Patani. Namun, ketika pemerintahan raja-raja perempuan Patani di dalam karya tidak disebutkan secara jelas tentang peranan ulama. Sebaliknya, perkara yang banyak dinyatakan adalah pergolakan dalaman istana yang berlaku disebabkan hasad dengki para pembesar seperti Seri Amrat dan Seri Amar Pahlawan yang menyebabkan kematian waris lelaki dalam pemerintahan beraja kerajaan Melayu Patani. Hal ini berlaku sebelum raja-raja perempuan Patani menaiki takhta kerajaan. Ketika raja-raja perempuan menaiki takhta kerajaan Patani Darussalam, iaitu semasa pemerintahan Raja Kuning, seorang pembesar yang dinamakan Raja Kali mempunyai niat yang buruk terhadap baginda. Perkara ini membuktikan sememangnya berlaku pergolakan dalaman di istana dalam kalangan pembesar terhadap institusi beraja di Patani. Buktinya:

> Sebermula selang berapa lamanya maka Raja Kali pun berbicara dengan Tuk Mir dan segala anak cucunya yang hendak menyertai dia hendak naik ke istana itu dan Tuk Mirlah yang jadi kepalanya. Setelah datanglah kepada hari yang dijanjikan itu maka Raja Kali pun naiklah ke istana, niat Raja Kali hendak merogol Phra Cau. Maka tiada disampaikan Allah Taala seperti maksudnya itu, kerana pada tatkala masuk ke istana itu segala dayang-dayang dan penjawat sekalian pun terkejut, daripada tua muda semuanya pun habis berhimpun mengelilingi Phra Cau tiadalah dapat Raja Kali itu hampir kepada Phra Cau itu.

(Siti Hawa Haji Salleh, 1992: 49)

Pergolakan yang berlaku di Patani hanya melibatkan tentangan para pembesar dan bukannya tentangan daripada para ulama. Walaupun pada awalnya para ulama bersama-sama sultan membangunkan kerajaan Patani, namun ketika pemerintahan raja-raja perempuan Patani, para ulama tidak pernah mengganggu pemerintahan raja-raja perempuan itu. Akan tetapi, sebaliknya para pembesar pula yang menunjukkan penentangan, rasa tidak puas hati serta sikap kurang hormat terhadap pemerintahan raja-raja perempuan dalam kerajaan Melayu Patani itu. Tentang hal ini, Mohd Zamberi A. Malek (2006: 92–93) menyatakan:

> Keadaan ini agak berbeza dalam pemerintahan tradisi kerajaan Patani. Perlantikan raja-raja perempuan tidak menimbulkan sebarang masalah tradisi pewarisan. Walau bagaimanapun, dalam setiap pemerintahan raja-raja perempuan, timbul kekecohan yang dicabar oleh pembesar istana. Pelantikan raja perempuan pertama, Raja (H) Ijau telah ditentang oleh Bendahara Kayu Jelat yang cuba merampas kuasa. Semasa pemerintahan Raja Kuning, pentadbiran negeri digugat oleh pencerobohan Raja Kali untuk menguasai istana Patani. Pemerintahan raja-raja perempuan berakhir dengan Raja Kuning yang tidak meninggalkan waris pengganti.

Di Acheh pula, bentuk pergolakan yang berlaku boleh dilihat melalui penentangan awal oleh para ulama ketika pertabalan Sultanah Sofiatuddin Tajul Alam. Sebahagian para ulama dan Wujudiyah tidak bersetuju atas perlantikan tersebut dan sebahagian yang lain pula bersetuju, maka berlaku sedikit kekecohan. Namun, seorang ulama yang alim tentang selok-belok hukum, iaitu Syeikh Nuruddin al-Raniri telah menyelesaikan kemaslahatan tersebut dengan menyatakan kaum wanita boleh memimpin sebuah kerajaan, sekali gus beliau memperakui kenaikan Sultanah Sofiatuddin Tajul Alam sebagai seorang sultanah.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, maka dapatlah dirumuskan bahawa walaupun kerajaan Patani Darussalam dan kerajaan Acheh Darussalam pernah dipimpin oleh wanita yang bergelar raja ataupun sultanah, kegemilangan kerajaan tersebut tetap hebat dan seiring dengan pemerintahan yang didominasi oleh kaum lelaki. Kehebatan raja-raja perempuan ini letaknya pada dua unsur, iaitu kebijaksanaan dalam menjalankan pemerintahan dan penguasaan dalam aspek pertahanan. Kebijaksanaan mereka diukur dalam aspek hubungan diplomatik, hal ehwal perdagangan dan ekonomi, manakala kepahlawanan pula diukur dalam aspek pertahanan dan ketenteraan. Kedua-dua unsur ini sememangnya terdapat di dalam diri raja-raja perempuan yang memerintah dua buah kerajaan pada ketika itu. Mereka dilihat sebagai individu yang bijak dan berani berhadapan dengan musuh dan bersedia mempertaruhkan nyawa demi kecintaan dan tanggungjawab terhadap negara. Hal ini ditambah pula dengan sokongan para pembesar yang terdiri daripada golongan ulama yang sangat hebat dan hal ini menyebabkan kegemilangan pemerintahan sesebuah kerajaan dapat dikekalkan. Kajian bandingan antara dua buah kerajaan di Nusantara pada masa pemerintahan raja-raja perempuan ini secara tidak langsung dapat memberikan gambaran bahawa perempuan juga boleh memimpin, tetapi dengan menjadikan dua elemen tadi, iaitu kebijaksanaan dan kepahlawanan sebagai elemen teras dalam meningkatkan serta melaksanakan urusan pemerintahan. Secara tuntasnya, objektif kajian yang dijalankan tercapai sekali gus menyerlahkan keunikan serta keistimewaan pemerintahan raja-raja perempuan dalam dua buah kerajaan yang berbeza.

Bibliografi

Abdul Ahmad (penyelenggara). (1994). *Kesusasteraan Bandingan Sebagai Satu Disiplin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Azyumardi Azra dan Ibrahim Alfian. (2004). *Ensiklopedia Pemikiran Ulama Acheh*. Banda Acheh: Ar-Raniry Press.

Biografi Biodata Cut Nyak Dien Pahlawan Nasional. http://biografi-biodata-profile.blogspot.com/2012/03/biografi-biodata-cut-nyak-dien-pahlawan.html (dicapai pada 10 September 2013).

Dra. Hj. Emi Suhaimi. (1993). *Wanita Acheh dalam Pemerintahan dan Peperangan*. Banda Acheh: Yayasan Pendidikan A. Hasjmy.

H. Mohammad Said. (2002). *Acheh Sepanjang Abad*. Medan: Harian Waspada. http://4antum.wordpress.com/2009/12/02/kerajaan-Acheh-darussalam/ (dicapai pada 13 September 2013).

Hurgronje, Snouck. (1985). *Acheh di Mata Kolonialis Jilid II*. Jakarta: Yayasan Soko Guru.

Ibrahim Syukri. (2005). *Sejarah Kerajaan Melayu Patani*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Kepetangan. (2011). Hujjah As-Siddiq: Meluruskan Aqidah Wujudiah Mulhid. http://kepetangan.wordpress.com/2011/06/06/hujjah-as-siddiq-meluruskan-aqidah-wujudiah-mulhid/ (dicapai pada 13 September 2013).

Kopral Cepot. (2013). Cut Nyak Dien (1848–1908) Perempuan Acheh Berhati Baja. http://serbasejarah.wordpress.com/2009/03/30/cut-nyak-dien-1850-1908-perempuan-Acheh-berhati-baja/ (dicapai pada 10 September 2013).

Maswardi. Perebutan takhta Ratu Safiatuddin terhadap perkembangan kerajaan Acheh Darussalam. http://leser-Acheh.blogspot.com/2012/03/perebutan-takhta-ratu-safiatuddin.html (dicapai pada 10 September 2013).

Mohd Zamberi A. Malek. (2006). *Pensejarahan Patani*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Nik Anuar Nik Mahmud. (2006). *Sejarah Perjuangan Melayu Patani 1785–1954*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Nik Anuar Nik Mahmud dan Zamberi A. Malek. (2007). *Tamadun dan Sosio-Politik Melayu Patani*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.

Sang Penunggu Istana Daruddunia. Ratu Safiatuddin – Ratu Kerajaan Acheh Darussalam I. (2013). http://Achehdalamsejarah.blogspot.com/2009/11/ratu-safiatuddin-ratu-kerajaan-Acheh.html (dicapai pada 10/9/2013).

Shafikah Adia Tresst. (2009) Kerajaan Acheh Darussalam. http://4antum.wordpress.com/2009/12/02/kerajaan-Acheh-darussalam/ (dicapai pada 13 September 2013).

Siti Hawa Hj Salleh (penyelenggara). (1992). *Hikayat Patani*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Syahidin Nithipak. (2011). Penampilan Sejarah Melayu Patani dalam Filem "*Puen Yai Jom Salad*" (Queens of Langkasuka): Satu Kajian Perbandingan. Tesis ijazah sarjana sastera, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

Winarsih Arifin (terj.). (1986). *Kerajaan Acheh Jaman Sultan Iskandar Muda 1607–1636*. Jakarta: Balai Pustaka.

Memperkenalkan Tatacara Penyelesaian Konflik Tradisional dalam Konteks Kontemporari: Kajian Teks *Syair Siti Zubaidah Perang China*

Siti Hajar Che Man

Pengenalan

Bidang ilmu sastera terserlah sebagai sumber ilmu, antaranya kepercayaan, amalan, legenda, sejarah, mitos, salasilah, asal usul, adat-istiadat, amalan dan gaya hidup yang dapat dikenal pasti dalam pelbagai alam. Bahkan ia merangkumi aspek yang lebih signifikan, ilmu sastera yang bersifat melengkapi ilmu-ilmu lain terutamanya kajian ilmu dalam tamadun, falsafah, perubatan, komunikasi, pertanian, undang-undang, pertikaian, peperangan dan seni bina. Sebagai sebuah bidang ilmu yang menyumbang pada kearifan tempatan, bab ini meninjau salah satu aspek istimewa dalam ilmu sastera, iaitu penyelesaian konflik. Bagi menganalisis peranan penyelesaian konflik ini supaya ia berfungsi, relevan dan signifikan untuk ditranformasikan dan digalurkan sebagai ilmu baru dalam konteks kontemporari, maka bab ini menggunakan teks sastera tradisional *Syair Siti Zubaidah Perang China* sebagai sebuah karya sastera bersifat roman. Perkara yang lebih menarik terkandung di dalam bab ini, iaitu terdapat beberapa konflik yang dapat dikesan, iaitu konflik batin/emosi, konflik keluarga dan juga konflik antara negara. Konflik batin/emosi adalah konflik yang berlaku antara Siti Zubaidah dengan Sultan Zainal Abidin, manakala konflik keluarga pula adalah konflik yang timbul antara Siti Zubaidah dengan ibu mertuanya dan juga Siti Zubaidah dengan Puteri Sajarah. Konflik antara negara pula dapat dilihat apabila tercetusnya peperangan antara Raja Yaman dengan Raja Menggala, Kembayat Negara dengan negara China dan juga negara Yunan dengan negara China. Peristiwa perang ini memberi impak cukup hebat tentang penyebaran Islam di sebalik sebuah kisah percintaan. Setiap satu konflik ini akan menemui jalan penyelesaian, dan bentuk penyelesaian ini pula akan berfungsi sebagai ilmu baharu dalam ilmu kearifan tempatan.

Konsep dan Klasifikasi *Syair Siti Zubaidah Perang China*

Cerita romantis dirujuk sebagai sebuah cerita yang mempunyai sifat khusus dan layak diklasifikasikan sebagai sebuah genre tersendiri. Sebuah karya romantis mempunyai tema percintaan yang ideal. Plotnya berbentuk pengembaraan atau perjalanan yang bersifat imaginatif yang dipenuhi dengan unsur-unsur mengagumkan, hebat dan mencabar. Walaupun cerita-cerita roman lebih bercorak hiburan, namun penekanan terhadap nilai-nilai Islam yang menitikberatkan aspek moral, sahsiah dan akhlak menyebabkan karya ini berfungsi untuk menyalurkan kesan didaktis yang cukup signifikan kepada khalayak.

Dalam khazanah kesusasteraan Islam khususnya di Nusantara, karya-karya bercorak seperti ini ditulis dalam dua bentuk, iaitu puisi seperti syair dan prosa seperti hikayat. Dalam hal ini, bentuk

syair dihasilkan berdasarkan dua faktor. Pertama, sebagai karya bercorak puisi naratif yang pastinya sebuah pengisahan yang panjang. Justeru, terhasillah syair naratif, misalnya *Syair Seratus Siti, Syair Siti Sianah, Syair Bidasari* dan *Syair Siti Zubaidah Perang China.* Kedua, syair digunakan untuk naratif bercorak sejarah dan cerita-cerita panji. Walaupun bersifat fakta dan peristiwa tetapi masih mengekalkan ciri-ciri romantik dan melankolik. Antara syair yang tergolong dalam kelompok ini termasuklah *Syair Perang Mengkasar, Syair Himop* dan *Syair Perang Johor*.

Kedudukan *Syair Siti Zubaidah Perang China*

Syair ini tergolong dalam syair romantis yang panjang dan mengasyikkan. Syair ini berkisar terhadap kisah-kisah percintaan yang luar biasa dan sering kali membabitkan percintaan di antara putera dengan puteri raja yang mendapat halangan tetapi dapat diatasi. Perkara yang lebih menarik dan terkesan ialah langkah yang diambil oleh kedua-dua mereka dalam menempuhi ujian atau cabaran yang dihadapinya ketika itu. Syair ini amat digemari pada era 1950-an, dan ia dibaca untuk hiburan serta teladan yang didapati daripada setiap rangkap dan bait syair.

Syair Siti Zubaidah Perang China dikarang di Singapura pada tahun 1343 H (lebih kurang 91 tahun yang lalu), bersamaan tahun 1935. Persoalan utamanya berkisar pada percintaan suami isteri diraja yang diselubungi dengan unsur-unsur peperangan dan pengembaraan. Syair ini sememangnya tipikal dalam sebuah karya roman percintaan. Hal ini disandarkan pada struktur plot yang dimotivasikan atau dirangsang oleh perkembangan soal-soal percintaan, sebab dan akibat, dan aspek *dues ex machine* dan diadun dengan kisah pengembaraan dan penyamaran. Watak Siti Zubaidah dilihat secara khusus telah menyamar sama ada daripada segi pakaian dan tingkah laku serta kehandalan bermain senjata dengan harapan segala hajat yang diingini dapat dicapai.

Pengisahan *Syair Siti Zubaidah Perang China*

Siti Zubaidah tinggal di Pulau Peringgi bersama-sama bapanya, Pendeta Ulama. Pendeta Ulama dahulunya merupakan seorang raja tetapi menyedari kuasa dunia tidak bererti, baginda menyerahkan takhta kepada anaknya. Pendeta Ulama memberikan pendidikan agama yang baik kepada anak perempuannya. Sultan Zainal Abidin, iaitu sultan dari Kembayat Negara, kemudiannya berkahwin dengan Siti Zubaidah. Kembayat Negara merupakan sebuah negara besar dengan pelbagai pedagang daripada segala pelosok rantau berkunjung ke situ. Pada suatu hari, Kembayat Negara diserang oleh negara China, sebagai balasan terhadap penghinaan kepada salah seorang pedagang mereka. Serangan ini menjadi lebih kejam dengan penawanan Sultan Kembayat Negara oleh puteri China sebagai tahanan dan baginda dibawa balik ke China. Menyedari keadaan ini, Siti Zubaidah menyiapkan dirinya untuk menyelamatkan suaminya. Siti Zubaidah yang tinggal bersama bapanya, semasa kecil lagi diajar membaca al-Quran dan pelbagai perkara sebagaimana gadis-gadis lain. Tetapi apabila dicabar dengan kehilangan suaminya, dia memasuki dunia lelaki dan bersedia untuk berperang. Dalam perjalanannya, dia melahirkan anaknya seorang diri di dalam hutan dan meninggalkan anaknya yang kemudiannya diselamatkan dan dipelihara oleh Muhamad Tahir. Dia kemudiannya menyamar sebagai penari

untuk menyelamatkan suaminya. Dia berhadapan dengan banyak cubaan dalam usaha membebaskan suaminya. Keberanian dan cintanya yang mendalam terhadap suaminya memberikannya kekuatan untuk memenangi peperangan. Dia akhirnya mendedahkan diri sebenar kepada Sultan Zainal Abidin dan kembali ke Kembayat Negara untuk bersatu dengan anak mereka.

Persona Diri Siti Zubaidah

Siti Zubaidah ialah seorang wanita yang budiman, setia dan mempunyai daya pemikiran yang tinggi. Beliau telah berkahwin dengan Sultan Zainal Abidin, namun Siti Zubaidah dibenci, dihina dan diherdik oleh ibu mertuanya kerana menyangka bahawa Siti Zubaidah bukan berketurunan raja. Namun, Siti Zubaidah sama sekali tidak pernah mencela atau melawan ibu mertuanya. Suatu hari, Kembayat Negara telah diserang oleh rombongan perang dari China yang diketuai oleh Kilan Cahaya. Serangan ini dilakukan untuk menuntut bela atas penghinaan saudagar dari China bernama Cincu Wangkang. Kembayat Negara mengalami kekalahan. Sultan Zainal Abidin yang mengepalai perang telah tewas dan ditawan serta dibawa ke negara China. Apabila mengetahui keadaan itu, Siti Zubaidah telah keluar meninggalkan istana untuk menyelamatkan suaminya. Dalam perjalanan, Siti Zubaidah telah menumpang di rumah nenek kebayan untuk beberapa ketika sebelum meneruskan perjalanan. Dalam perjalanan itulah Siti Zubaidah telah melahirkan seorang putera dan ditinggalkan di dalam hutan. Putera itu dinamakan Raja Ahmad Syah Bangsawan Muda, yang kemudiannya ditemui oleh abang Siti Zubaidah, iaitu Sultan Muhammad Tahir. Dalam usaha menyelamatkan suaminya, Siti Zubaidah kemudian telah menyamar sebagai penari lelaki, berperang dan berjaya menemui suaminya yang juga masih setia kepadanya. Sultan Zainal Abidin dipenjara di dalam sebuah perigi yang beracun dalam tawanan Puteri Kilan Cahaya dan enam orang puteri China yang lain. Dengan daya fikir yang tinggi, Siti Zubaidah akhirnya telah berjaya menyelamatkan suaminya. Siti Zubaidah juga dilihat sebagai seorang isteri yang hebat jiwa dan emosinya kerana tidak ada rasa cemburu apabila merestui suaminya berkahwin dengan tiga orang puteri lain, iaitu Puteri Sajarah, Puteri Rukiah dan Puteri Kilan Cahaya.

Menerusi syair ini, terdapat beberapa episod menarik yang dapat dileraikan menerusi tatacara penyelesaian konflik. Misalnya, berkisar pada peristiwa Sultan Zainal Abidin bersama-sama empat sahabatnya Jaafar Siddik, Abdullah Sani, Umar Baki dan Muhammad Muhiyuddin berperang dengan tujuh orang puteri China yang diketuai oleh Puteri Kilan Cahaya dan Puteri Kilan Syamsu. Saudara-saudara yang lain ialah Puteri Kilan Sura, Puteri Kilan Johar, Puteri Kilan Jali, Puteri Kilan Johan dan Puteri Kilan Suri. Peperangan ini berakhir dengan penawanan Sultan Zainal Abidin. Peristiwa kedua ialah sikap ibu mertua Siti Zubaidah, iaitu Permaisuri Tua yang teramat benci terhadap Siti Zubaidah. Sikap cemburu dan iri hati Puteri Sajarah selaku madu Siti Zubaidah (isteri kedua Sultan Zainal Abidin) telah mencetuskan rasa tidak senang terhadap Siti Zubaidah. Peristiwa ini berakhir dengan keinsafan kerana Puteri Sajarah akhirnya malu kerana takhta Kembayat Negara tidak akan diberikan kepadanya. Konflik seterusnya pula adalah terlerainya pertikaian atau konflik antarabangsa yang terdapat dalam syair ini, misalnya konflik antara negara Yaman dengan Raja Menggala dan konflik antara Kembayat Negara dengan negara China.

Konflik

Lazimnya, konflik secara umum didefinisikan sebagai perselisihan atau pertentangan antara individu, idea, kepentingan dan sebagainya. (*Kamus Dewan*, 2010: 814). Manakala pandangan Mohd. Foad Sakdan (2005: 3) menyatakan, konflik boleh dianggap sebagai penyakit yang perlu diubati sebelum merebak. Selanjutnya, beliau menjelaskan, bagi mengawal konflik, perkara asas yang penting ialah mengetahui punca konflik tersebut. Justeru, setiap tahap tersebut membawa pada kaedah dan pendekatan mengenai cara sesuatu konflik itu dileraikan, sama ada melalui kesefahaman, rundingan, kekalahan, kemenangan atau gencatan senjata. Walaupun adat dan kepercayaan sering menyatakan "apabila menang pasti ada yang kalah" atau "adat pertandingan memang begitu, mengakui ada pihak yang menang dan ada pihak yang tewas". Setiap satu tahap ini pasti akan memberi implikasi kepada kedua-dua pihak. Perkara seumpama inilah yang dapat dikesan menerusi kisah dalam *Syair Siti Zubaidah Perang China.*

Konflik Batin/Emosi

Siti Zubaidah dan Sultan Zainal Abidin

Tiadalah lagi aku mencari,
belayar segenap desa negeri,
sudah ditunjukkan Maliku'l-Bari,
Siti Zubaidah lela bistari. (hlm: 81)

Nikahnya itu selesailah sudah,
dibawanya kepada mahligai yang indah,
duduk di kanan Siti Zubaidah,
keduanya sama parasnya indah. (hlm: 98)

Dipujuk baginda dengan cumbuan,
diangkat diriba di dalam pangkuan,
"Wahai adinda mas tempawan,
jangan sangat dibawa rawan". (hlm: 109)

"Sebab kakanda meninggalkan negeri,
oleh tuan hendak dicari,
segenap negeri kakanda layari,
mencari tuan muda bestari". (hlm: 127)

Rindu dendam tidak terperi,
tiada tertahan suatu hari,
ingatkan tuan tinggal sendiri,
kapal berlayar di tengah bahri. (hlm: 133)

lalu dibawanya masuk beradu,
di dalam tirai kelambu kalbu,
lakunya berahi bercampur rindu,

dipujuk baginda suaranya merdu. (hlm: 189)

Pergi pujuk sultan bestari,
isterinya mengikut tidak diberi,
Zubaidah duduk berdiam diri,
hatinya geram tidak terperi. (hlm: 190)

Lalu dibawa baginda beradu,
baginda memujuk lakunya rindu,
sambil menangis tersedu-sedu,
seperti tak lama lagi berjodo. (hlm: 190)

Baginda pun tahu akannya erti,
isterinya itu berkecil hati,
sebab bondanya punya pekerti,
disabarkan juga dengan seperti. (hlm: 192)

"Sampailah aku orangnya hina,
hendak menyamai raja yang ghana,
dipandangnya tidak berapa bena,
baik kupergi barang ke mana. (hlm: 223)

Berdasarkan diksi yang dapat dikesan dalam setiap bait syair ini, umpamanya 'belayar', 'nikah', 'dipujuk', 'memujuk', 'meninggalkan negeri', 'disabarkan' adalah rangkaian kata-kata yang merujuk kepada pasangan yang dalam berkasih-kasihan dan mengharungi pahit getir kehidupan dalam melayari kehidupan berumah tangga. Dugaan dan cabaran adalah lumrah kehidupan dan inilah yang ditempuh oleh Siti Zubaidah dan suaminya yang berpunca daripada sikap ibu mertuanya, Permaisuri Tua. Lalu bagaimana konflik ini dileraikan? Salah satu kaedah konflik tradisional yang dapat dicungkil daripada episod ini ialah memujuk, sabar, menangis dan mententeramkan hati yang sedih dengan dibawa beradu.

Konflik Keluarga

Siti Zubaidah dengan permaisuri (bonda Sultan Zainal Abidin)

Permai menyuruh isi istana,
Itulah tempat puteri mengerna,
Lalu bertitah raja yang tua,
"Anaknya kita bukanlah berdua,
Tempat Zubaidah dihadirkan jua,
Jangan dilainkan ia kedua. " (hlm: 158)

Kerana takut akan bondanya,
berbuat derhaka melalui titahnya,
diturutkan juga barang katanya,
tetapi sebal rasa hatinya. (hlm: 163)

“Daripada baginda takut derhaka,
niat bondanya diturut belaka,
ayahanda itu terlalu suka,
Puteri Zubaidah dikasihi juga.” (hlm: 165)

“Baiklah aku juga sabarkan,
kelakuan orang aku lihatkan,
sebab bangsa aku lindungkan,
menjadi tidak aku hiraukan”. (hlm: 159)

“Janganlah ia tuanku susahkan,
Di atas patik tuanku lepaskan,
Adinda puteri patik serahkan,
Di istana ini patut dudukkan.” (hlm: 158)

Setelah didengar permaisuri,
akan tempelak raja yang bahari,
malunya tidak lagi terperi,
tunduk menangis berdiam diri. (hlm: 390)

Apalagi hendak dikatakan,
‘paku buah keras’ sudah dipulangkan,
[se]salnya tidak lagi terperikan,
orang yang takbur Allah balaskan. (hlm: 396–397)

Kerana sangat membesarkan diri,
tiada memandang kanan dan kiri,
bangsa yang mulia juga digemari,
ditempelak menantu berdiam diri. (hlm: 397)

Duduk baginda laki isteri,
memujuk Zubaidah lela jauhari,
serta dengan isinya negeri,
mahu menurut sebarang peri. (hlm: 399–400)

Zubaidah pun lembut hatinya,
mendengar pujuk kedua mentuanya,
serta dengan ia semuanya,
belas sedikit rasa hatinya. (hlm: 400)

Siti Zubaidah dengan Puteri Sajarah

“Akan adinda Puteri Sajarah,
silakan tuanku pergi ziarah,
supaya jangan hatinya marah,
dikata beta tiada mengarah.” (hlm: 415)

“Kita keempat jadi saudara,

biarlah satu barang bicara,
bersama-sama Kembayat Negara,
janganlah banyak fikir dan kira. (hlm: 424)

“Tiadalah adinda menaruh kesumat,
Kakanda memberi beta nasihat,
Hati beta terlalu nikmat,
Beta yang tiada mendengar nasihat. (hlm: 425)

“Nasihat kakanda sangat mujarab.
di pintu hati sudahlah serap,
kakanda laksana benang dan karap,
tempat adinda menanggung harap.” (hlm: 425)

Konflik antara negara

Situasi konflik ini adalah lebih besar sifatnya kerana melibatkan dua pemerintah tertinggi dalam dua buah kerajaan. Situasi konflik ini juga disebut konflik antarabangsa yang lebih besar sifatnya kerana melibatkan pertikaian antara kerajaan atau negara. Sudah tentulah konflik ini turut mempertaruhkan hubungan negatif antara pemerintah tertinggi kedua-dua negara yang bersengketa. Pertikaian dan permusuhan yang mencetuskan konflik ini adalah disebabkan urusan peminangan yang ditolak. Misalnya, melalui syair ini, dapat dikesan tercetusnya peristiwa peperangan antara Raja Yaman dengan Raja Menggala yang disebabkan oleh peminangan ditolak.

Peperangan antara Raja Yaman dengan Raja Menggala kerana pinangan ditolak

Baginda nan ada putera dua orang,
perempuan konon yang seorang,
puterinya itu dipinang orang,
sebab inilah jadi berperang. (hlm: 110)

Raja Menggala memberi tempoh,
Raja Yaman hendak bertangguh,
jadi bicara bersungguh-sungguh,
seorang jangan jadi bergaduh. (hlm: 110)

Raja pun duduk di balai seri,
dihadap oleh wazir menteri,
baginda muafakat menyuruh cari,
siapa cakap menolong negeri. (hlm: 110)

Raja Menggala sangat perwira,
kuasa perangnya tidak terkira,
seribu dua ratus kapal dikira,
berpuluh laksa membawa tentera. (hlm: 110)

Raja Yaman sudah tiada terperi,

banyaknya mati hulubalang menteri,
melawan perang sehari-hari,
makanan mahal tiada terperi. (hlm: 110)

Baik kita mencari mesyuarat,
jalan yang baik jangan mudarat,
supaya jangan sesak dan berat,
menjadi dosa dunia akhirat. (hlm: 86)

“Siapa mengalahkan Raja Menggala,
negeri Yaman terserah segala,
dijadikan dia raja ter’ala,
dibuat menantu ia nan pula. (hlm: 113)

“Dengan mudahnya menipu dia,
Dicarinya pulak suatu daya,
Tuan jangan tiada percaya,
Hamba pun boleh mengalahkan dia.”(hlm: 113)

“Raja Menggala orang yang garang,
sudah setahun ayahanda berperang,
banyaklah mati sekalian orang,
hampirkan kalah ayahanda nan gerang. (hlm: 116)

“Masyhurlah khabar di dalamnya negeri,
katakan mangkat tuan puteri,
pura-puralah ayahanda terperi-peri,
bicaranya anakanda kemudiannya hari. (hlm: 118)

“Hamba nan malu tiada terperi,
sebab meminang tiada diberi,
kita nan datang melanggar negeri,
hendak merampas tuan puteri. (hlm: 121)

Bawa tahu isinya negeri,
tiada mati tuannya puteri,
sebab diperdayakan raja bestari,
Raja Menggala hendak diunduri. (hlm: 125)

Peperangan antara Kembayat negara dengan negeri China

Demikian juga dengan peristiwa berlakunya konflik antara Kembayat Negara dengan negara China. Konflik antara kedua-dua negara ini berlaku akibat serangan yang dilakukan oleh pemerintah China ke atas Kembayat Negara. Namun punca sebenarnya disebabkan oleh peristiwa pertelingkahan antara Cincu Wangkang dengan Saudagar Berida yang tercetus di Kembayat Negara. Sultan Darman Syah yang memerintah Kembayat Negara pada masa itu telah menjatuhkan hukuman ke atas Cincu Wangkang. Berita hukuman itu telah sampai ke negara China menyebabkan pemerintah China tidak berpuas hati dan bertindak menghantar angkatan

perang untuk menyerang Kembayat Negara dengan diketuai Kilan Syamsu. Peristiwa perang ini dirakamkan dalam beberapa bait syair berikut:

“Raja Kembayat sangat berani,
memperbuat kita sekalian ini,
baik berangkat sekarang ini,
kita nan langgar supaya fani. (hlm: 170)

“Beta hendak pergi sendiri,
melanggar Kembayat merosakkan negeri,
himpunkan sekalian hulubalang menteri,
beta berjalan tujuh hari. (hlm: 170)

“Baginda keempat dahulu menitahkan,
Raja Kembayat kakanda tangkapkan,
dengan hidupnya kakanda bawakan,
di sinilah baru kita balaskan. (hlm: 170)

“Jikalau sudah muafakat bicara,
baik kakanda perginya segera,
tangkaplah Raja Kembayat Negara,
bawalah ke mari supaya ketara.” (hlm: 171)

“Ingat m-a-q-l-h tuan,
sangatlah raya segala pahlawan,
m-r-l-h Mereka pergi berlawan,
Raja Kembayat hendak ditawan.” (hlm: 172)

Berjalanlah ia siang dan malam,
tidak peduli gelap dan kelam,
seperti terangkat bumi dan alam,
banyaknya kafir melanggar ke dalam. (hlm: 173)

Akan puteri Kilan Sura,
di dalam tiga khemah saudara,
menitahkan segala rakyat tentera,
membakar merampas di serata negeri. (hlm: 173)

Pergilah tuan keempat pendekar,
desa Kembayat semuanya langgar,
segenap kampung habis dibakar,
apinya naik sorak bertagar. (hlm: 174)

Ada yang dibunuh ada yang direm[b]as,
suatu tempat haram tak lepas,
setengah ditangkap kepala dikupas,
mana-mana yang kecil ditangkap dihempas. (hlm: 174)

Banyaknya mati orang Kembayat,
bertindih bangkai segala mayat,
perangnya Cina tersangat jahat,
membunuh tidak sempat dilihat. (hlm: 174)

Banyaklah syahid orang Islam,
perangnya itu sehari semalam,
mengalir darah seperti kolam,
mayat seperti perahu yang karam. (hlm: 174)

Sebab Islam banyak yang mati,
kerana tidak tahukan pasti,
datangnya musuh berganti-ganti,
jadi melawan bersungguh hati. (hlm: 174)

Mana-mana perempuan yang dapat ditawan,
menangislah ia tiada ketahuan,
diambil senjata lalu melawan,
dibunuhnya kafir mati sekalian. (hlm: 175)

Bawalah rakyat seribu juga,
adi pahlawan bawa belaka,
ini hari himpunkan mereka,
kota dan parit mahulah jaga." (hlm: 178)

Lalu menyembah muda keempatnya,
mengerahkan akan askar sekaliannya,
isi negeri dihimpun sekaliannya,
serta dengan alat senjatanya. (hlm: 178)

Serta memalu tambur yang besar,
mengerahkan segala rakyat dan askar,
mana-mana segala pahlawan pendekar,
masuk mengamuk terlalu gempar. (hlm: 183)

Jaafar dan Umar, Abdullah serta,
masuk mengamuk memarang senjata,
tempik dan sorak gegak-gempita,
laku seperti gajah yang menta. (hlm: 185)

Setelah sampai ke tengahnya padang,
lalu memalu gendangnya perang,
kedua pihak sama-sama berperang,
menyerbukan diri seraya memarang. (hlm: 193)

Berperanglah askar beramuk-amukan,
gemparnya tidak lagi terperikan,
cokmarnya besi yang dipalukan,

askar cina yang diserbukan. (hlm: 193)

Menteri Kembayat terlalu garang,
masuk mengamuk parang-memarang,
kelakuan seperti harimau yang garang,
rakyat cina habislah terang. (hlm: 193)

Askar Cina tidak tertahan,
undurlah ia perlahan-lahan,
keras amuknya Abu Jahan,
habislah lari askar sekalian. (hlm: 194)

Apakala sang kuan sudahnya mati,
dipalu Jahan dengan cemeti,
Kilan Syamsu puteri yang sakti,
dipanahnya Abu Jahan kena di hati. (hlm: 195)

“Biarlah patik keluarnya negeri,
supaya lekas sebarang bicara,
perang nan jangan diberi dura,
habislah isi Kembayat Negara. (hlm: 197)

Perangnya keras terlalu amat,
bunuh-membunuh tidak terhemat,
di tengah medan seperti kiamat,
gemuruh bunyi tersangat nikmat. (hlm: 214)

Debu pun hilang dengan seketika,
baru kelihatan perangnya juga,
tikam-menikam mati dan luka,
perang-memarang tidak terhingga. (hlm: 214)

Banyaklah Cina tercabut jambul,
hendak bangkit belakang dipukul,
kepala dipalu dengan tukul,
matilah ia terkejang kokol. (hlm: 215)

Adi pahlawan pendekar segala,
masuk mengamuk sama setala,
lalu seperti orang yang gila,
bila bertemu berkerat kepala. (hlm: 216)

Akan puterinya empat sekawan,
sukanya tidak lagi berlawan,
Raja Kembayat rasa tertawan,
berangkat kembali sekalian kawan. (hlm: 229)

Sultan Yunan dengan negeri China

Dagang nan tidak berbanyak kata,
sudah tertangkap raja yang pokta,
ke dalam penjara [di]masukkan serta,
Zubaidah konon menggantikan takhta. (hlm: 255)

Kata orang empunya madah,
kedua puteri bermohon sudah,
lalu memakai paras yang indah,
seperti laki-laki pakaian berpindah. (hlm: 255)

Akan Zubaidah muda bangsawan,
bergantilah nama "Syahar Pahlawan",
adil dan murah barang kelakuan,
kasih kepada teman dan kawan. (hlm: 256)

Adapun Rukiah puteri yang pokta,
"Nahar" konon nama yang nyata,
bijak bestari jangan dikata,
seorang tidak tahukan warta. (hlm: 256)

Setelah sudah sekalian difikirkan,
duduk tafakur diam terpegan,
mencari tipu hendak dikirakan,
suaminya itu hendak dikeluarkan. (hlm: 269)

Syahar mendengar kata saudara,
sangatlah benar pada bicara,
ia pun bangkit dengan segera,
dipatahkan kunci pintu penjara. (hlm: 272)

Telah dilihat Syahar perwira,
tangan adinda sudahlah cedera,
lalu ditawar dengannya segera,
dibacakan isim tujuh perkara. (hlm: 273)

Sudah ditawa[r] mahkota desa,
dengan seketika hilanglah bisa,
sejuklah tangan Nahar perkasa,
pulang ia seperti sentiasa. (hlm: 273)

Adapun akan Syahar bestari,
ke dalam gua masuk sendiri,
beberapa tawar pulak ditawari,
mana yang diajar Syeikh yang bahari. (hlm: 273)

Sudah diambil suaminya itu,
dinaikkan kuda seorang satu,
dibawa keluar darinya situ,

berjalan dari kotanya batu. (hlm: 273)

“Wahai adinda paras yang indah,
sekalian inang baik dikerah,
suruh meramas bawangnya merah,
buihkan kepada suatu kolah. (hlm: 273)

Ke dalam kolah ia dimasukkan,
keempat muda ia sertakan,
tiga hari konon direndamkan,
bisanya itu hendak dibuangkannya. (hlm: 277)

Konflik Kembayat Negara dengan negara China

Konflik antarabangsa ini berlaku apabila pemerintah negara China, iaitu Kilan Cahaya memerintahkan Kilan Syamsu mengetuai angkatan perang China untuk menyerang Kembayat Negara. Kilan Cahaya mempunyai keinginan untuk membalas dendam terhadap tindakan Sultan Darman Syah yang menghukum saudagar dari China, iaitu Cincu Wangkang. Peristiwa perang itu digambarkan dalam bait-bait syair seperti berikut:

Setelah genap tiganya hari,
baru [di]keluarkan sultan jauhari,
beberapa isim pulak ditawari,
tampaklah merah muka berseri. (hlm: 277)

Maharaja Muda bijak laksana,
menyahut madah dengan sempurna,
“Adapun akan Sultan yang ghana,
hendak melanggar negeri China.” (hlm: 287)

Sultan Yunan lalu mensyuarat,
muafakat hendak berkirim surat,
Raja Cina jangan gelorat,
supaya dia menga[m]pung rakyat. (hlm: 299)

Surat dipersembahkan oleh menteri,
kepada puteri Kilan Suri,
segera disambut tuan puteri,
membaca surat ia sendiri. (hlm: 299)

Perangnya tidak berura-ura,
beramukan segala tentera,
baris Portugal dahulu tentera,
keras perangnya tidak terkira. (hlm: 304)

Suka hati tidak terperi,
melihatkan sakti sultan bestari,
habis tertangkap keenam puteri,

Kilan Syamsu juga yang lari. (hlm: 320)

Pengislaman negeri China

Tunduk menyembah sultan mengindera,
mengatakan ia menurut bicara,
baginda pun suka tidak terkira,
semua diislamkan raja negara. (hlm: 322)

"Jikalau tuan menurut bicara,
adinda keenam jadi saudara,
masuk ke dalam agama sejahtera,
lepaslah tuan daripada sengsara. (hlm: 324)

Puteri keenam mendengarnya titah,
sekalian itu tunduk menyembah,
Kilan Suri berdatang sembah,
Patik sekalian menurut perintah." (hlm: 324)

Kesimpulan

Berdasarkan petikan syair ini dapatlah dirumuskan bahawa pengisian syair ini dalam aspek penyelesaian konflik dapat diklasifikasikan pada beberapa kriteria, misalnya, tahap-tahap konflik yang sering kali tidak terpisah daripada terikat pada konflik sosial yang melibatkan: konflik di antara manusia sama ada manusia itu sebagai individu, sebagai ahli dalam kumpulan atau perwakilan persatuan, organisasi atau kebangsaan. Justeru, keterlibatan watak Siti Zubaidah dengan berbagai-bagai pihak sama ada suaminya, madunya, ibu mertuanya, bahkan melibatkan negara dapat diasosiasikan kepada:

1. Konflik interpersonal yang membawa maksud terjadi apabila, "two people have incompatible needs, goals or approaches in their relationship" (Fisher, 2000: 3). Hal ini sering kali disebabkan oleh kegagalan komunikasi. Justeru, kemahiran pembelajaran komunikasi amat dituntut untuk mengelakkan dan menyelesaikan setiap konflik yang terjadi. Situasi ini dapat dilihat daripada hubungan antara Siti Zubaidah dengan madunya Puteri Sajarah, juga hubungan antara Siti Zubaidah dengan Permaisuri Tua.

2. Konflik peranan yang melibatkan perbezaan sebenar dalam definisi peranan, jangkaan atau tanggungjawab di antara individu yang bersifat bebas dalam sistem sosial (Fisher, 2000: 3). Situasi ini dapat dilihat pada watak Sultan Zainal Abidin yang memainkan peranan penting mewakili negaranya, iaitu Kembayat Negara membawa misi negara untuk mengislamkan negara China. Selain itu, konflik peranan juga dapat dikesan pada watak Siti Zubaidah yang keluar secara diam-diam membawa dua misi utama, iaitu menyelamatkan suaminya yang dipenjarakan dalam perigi beracun, dan untuk tujuan berdakwah. Sepertimana pandangan Fisher (2000: 3–4), "unfortunately, the conflict is often misdiagnosed as interpersonal conflict rather than role conflict, and resolution is then complicated and misdirected". Keadaan ini dialami oleh watak Siti Zubaidah apabila

dia memainkan tiga peranan serentak, iaitu sebagai isteri yang perlu menyelamatkan suaminya, sebagai wira yang berperang untuk menyelamatkan negara dan sebagai wanita yang perlu memahami emosi wanita lain.

3. Konflik antara kumpulan yang bermaksud konflik sekumpulan manusia umpamanya seperti etnik atau kumpulan ras, jabatan atau tahap-tahap pembuat keputusan dalam organisasi yang sama, dan persatuan dan pengurusan (Fisher, 2000: 4). Situasi ini dapat dikesan pada watak Sultan Zainal Abidin bersama empat sahabat karibnya dan segerombolan rakyat Kembayat Negara yang keluar untuk berperang, berhasrat untuk menyerang negara China. Misi dan visi mereka ditewaskan oleh Puteri Kilan Cahaya dan enam saudaranya yang lain. Namun, situasi yang dikatakan oleh Fisher tidak berlaku kerana pasukan tentera Sultan Zainal Abidin bukannya tewas kerana tidak bersatu atau wujudnya ahli kumpulan yang mempunyai kecenderungan untuk membina stereotaip kumpulan yang berlawanan, cenderung untuk menuduh orang lain terhadap kesalahan yang mereka sendiri lakukan (Fisher, 2000: 4). Namun begitu, kekalahan Sultan Zainal Abidin adalah disebabkan baginda tidak dimaklumkan lebih awal tentang Cincu Wangkang yang berpaling tadah dan juga kerana baginda membantah untuk dikahwinkan dengan ratu Cina. Penolakan ini menyebabkan Sultan Zainal Abidin bersama-sama empat sahabatnya dipenjarakan.

4. Konflik antarabangsa yang membawa maksud konflik di antara negara pada tahap global (Fisher, 2000: 4). Situasi ini dapat dilihat apabila kerajaan Kembayat Negara cuba mewujudkan hubungan dua hala dengan negara China dan Yaman. Punca peperangan adalah disebabkan perbalahan antara Saudagar Berida dengan Cincu Wangkang. Hal ini berpunca apabila Cincu Wangkang mungkir janji untuk menjual dagangan yang telah dipersetujui dengan Saudagar Berida sebaliknya Cincu Wangkang telah menjual barangan tersebut kepada saudagar yang lain. Disebabkan kaedah penyelesaian menggunakan kata-kata kesat dan bersikap kasar maka timbullah konflik yang lebih besar.

Syair Siti Zubaidah Perang China telah menyumbangkan satu khazanah yang tidak ternilai kepada masyarakat Melayu khususnya dan semua pihak amnya tentang kaedah penyelesaian konflik yang masih boleh diaplikasikan pada era pascamerdeka ini. Berbagai-bagai diksi yang dipilih dalam setiap rangkap yang dapat mencerminkan nilai-nilai budaya dan estetika yang indah bukan hanya melibatkan dua individu yang bersengketa malah melibatkan hubungan antarabangsa. Pemilihan kata umpamanya, "pujuk, dipujuk, memujuk, disabar, sabar, menyabarkan" memperlihatkan sifat diplomasi. Sementara itu, diksi "menyerang, tempelak, ditempelak, berperang, perang, melawan perang, melanggar, merampas, dikerah, melanggar, mengamuk, menyerbu, membunuh, tikam-menikam, beramukan" adalah klasifikasi terma yang amat relevan dengan suasana perang yang dikaitkan dengan sifat kasar, rakus, garang, ganas dan brutal. Selain itu, pemilihan kata-kata seperti "undur, pura-pura, terpedaya, nasihat, jadi saudara, terserah, surat, muafakat, bicara sungguh-sungguh dan nahar" mencerminkan bahawa setiap satu pertelingkahan itu masih ada jalan perdamaian yang boleh dirundingkan secara berhemah, apatah lagi setiap kata-kata itu disyairkan dengan keselarian rima yang tepat menjadikan tatacara penyelesaian konflik lebih teratur sekali gus dapat merekayasa jalan keluar perdamaian yang lebih bermakna.

Bibliografi

Ali Ahmad & Siti Hajar Che Man. (1998). *Bunga Rampai Sastera Melayu Warisan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Deutsch, Morton & Colemen, Peter T. (ed.). (2000). *The Handbook of Conflict Resolution: Theory and Practice*. San Francisco: Josey-Bass Publishers.

Fisher, Ron. (2000). *Sources of Conflict and Methods of Conflict Resolution*. New York: School of International Service.

James H. Laue. (1996). *Buiding Peace: Conflict Resolution and Its Global Applications*. St. Louis: Centre for International Understanding.

Muhammad Hj. Salleh. (2006). *Romance and Laughter in the Archipelago: Essays on Classical and Contemporary Poetics of the Malay World*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia

Siti Hajar Che Man. (2010). ”Siti Zubaidah: Watak Impian Pengkritik Feminis.” Dalam *Naratif Baru Sastera Melayu Tradisional: Esei Hadiah Sastera Perdana Malaysia 1996–2005* (Bahagian Sastera Tradisional), hlm. 38–50. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Penyelesaian Konflik dalam *Misa Melayu*

Membunga @ Siti Meriam Yaacob

Pengenalan

Konflik adalah unsur yang lumrah dalam kehidupan tanpa mengira darjat, kelas ataupun peringkat. Ia boleh berlaku dalam mana-mana situasi sekalipun sama ada pada peringkat bawahan, organisasi, kerajaan mahupun global. Konflik akan berlaku selagi ada kehidupan; perbezaannya adalah daripada segi bentuk. Serius atau tidak sesuatu konflik bergantung pada penerimaan masing-masing dan cara ia ditangani. Jika sesuatu konflik tidak ditangani dengan baik, pergolakan yang akan tercetus boleh mengakibatkan kesan jangka masa panjang.

Konflik dalam kehidupan juga berlaku tanpa mengira batas sempadan dan waktu. Masyarakat kini yang melalui kehidupan sofistikated, individualistik dan materialistik sememangnya sinonim dengan konflik. Generasi terdahulu pula hidup atas dasar toleransi, kerjasama dan saling mengambil tahu antara satu sama lain. Namun, mereka yang menjalani kehidupan berteraskan kemasyarakatan dan kemanusiaan ini turut mengalami konflik. Jelasnya, perkara paling utama tentang konflik, dalam mana-mana ruang sekalipun adalah langkah yang diambil untuk menanganinya. Persoalannya adalah cara masyarakat terdahulu menghadapi konflik dan pada waktu yang sama mengekalkan keharmonian. Bab ini akan mengupaskan hal ini dengan merujuk pada konflik dan penyelesaian yang termuat dalam *Misa Melayu*. Kaedah penyelesaian yang dilakukan berkemungkinan boleh disesuaikan dan diterapkan dalam menyelesaikan pelbagai konflik yang dihadapi masyarakat kini, yang semakin parah melanda keluarga, masyarakat dan juga organisasi.

Misa Melayu

Misa Melayu adalah antara naskhah lama yang tergolong dalam karya sastera bercorak sejarah atau dikenali sebagai sastera sejarah. Sastera sejarah selalunya ditulis oleh golongan istana atau orang yang dekat dengan istana. Hal ini sejajar dengan kedudukan istana sebagai tempat berkumpulnya cendekiawan Melayu pada zaman tradisi (Ali, 1987: 7). Hanya mereka yang tahu selok-belok istana, corak pentadbiran dan pemerintahan sesebuah negeri. Kebiasaannya, karya bentuk ini mengisahkan kegemilangan negeri-negeri Melayu lama dan merupakan adunan antara fakta dan mitos atau legenda. Namun, *Misa Melayu* adalah naskhah yang sarat dengan fakta sejarah dan boleh dipertanggungjawab sebagai hasil karya yang mencatatkan peristiwa sebenar yang berlaku di Perak. Ia berbeza dengan *Sejarah Melayu* atau *Hikayat Merong Mahawangsa*

atau *Hikayat Raja-Raja Pasai* yang mengadunkan unsur mitos dan legenda bersama fakta sejarah. Meskipun orientalis seperti Winstedt menyifatkan sejarah orang Melayu adalah hikayat dan tiada perbezaan antara fakta dan rekaan (Sanusi, 1986), namun *Misa Melayu* tidak tergolong dalam kategori ini jika diperincikan dan dibandingkan dengan naskhah-naskhah tersebut. *Misa Melayu* adalah sastera sejarah yang turut memuatkan aspek mitos dan legenda di samping fakta sebenar.

Naskhah *Misa Melayu* adalah satu-satunya buku yang bercorak sejarah tentang negeri Perak (Annas, 1975: 129). Naskhah yang dihasilkan oleh Raja Chulan ini mengisahkan sejarah kerajaan negeri Perak yang bermula dengan pemerintahan raja-raja sebelum Sultan Muzaffar Syah, iaitu almarhum Jalilullah, almarhum Besar dan almarhum Sulung, dan berakhir dengan Sultan Alauddin. Fokus utama penulisan pada keseluruhannya adalah terhadap pemerintahan Sultan Muzaffar Syah dan Raja Iskandar. Hal ini kerana penulis telah berkhidmat di bawah pemerintahan kedua-dua raja ini, dan pengalaman serta pengetahuan sepanjang berkhidmat tersebut telah banyak membantu beliau menghasilkan *Misa Melayu*. Kedudukan beliau sebagai kerabat istana membolehkan pengkisahan adat istiadat raja-raja Perak diserlahkan dengan jelas dalam naskhah ini.

Misa Melayu yang tidak memuatkan unsur mitos seperti karya sastera sejarah yang lain tetap mengaitkan pengkisahan keturunan raja Perak dengan tokoh dunia, Raja Iskandar Dzulkarnain; seperti yang terdapat dalam *Sejarah Melayu*, *Hikayat Raja-Raja Pasai* dan beberapa karya sastera sejarah yang lain. Hal ini bertujuan untuk menegaskan bahawa keturunan raja Perak tidak kurang hebatnya jika dibandingkan dengan keturunan Raja Melaka atau Raja Kedah. Karya yang dihasilkan dalam bentuk prosa dan syair ini memulakan pengkisahan sejarah negeri Perak dengan menampilkan Raja Perak yang pertama, Almarhum Jalilullah, dan diikuti beberapa waris yang lain sehinggalah kepada Sultan Muzaffar Syah. Apabila berlakunya huru-hara di Berahman Indera, Sultan Muzaffar Syah telah bergerak ke Kuala Kangsar dan membuka kota di sana; manakala adinda baginda, Sultan Muhammad Syah memegang kuasa di Berahman Indera bagi menggantikan tempat baginda. Setelah memerintah sekian lama, Sultan Muhammad Syah menjemput kakandanya kembali ke Berahman Indera kerana memikirkan ketidakwajaran Perak mempunyai dua orang raja, dan kedudukan baginda yang melebihi kakandanya pula. Sultan Muzaffar menerima pelawaan tersebut dan bersetuju untuk bertakhta semula di Berahman Indera. Namun, anakanda Sultan Muhammad, Raja Iskandar kekal sebagai Raja Muda.

Pada suatu ketika Sultan Berkabat, anak Raja Kecil Minangkabau telah datang ke Kuala Kangsar untuk menghadap Sultan Muzaffar Syah namun tidak dibenarkan. Sultan Berkabat kemudian mengambil tindakan untuk menyerang Kuala Kangsar, namun ditewaskan setelah Raja Muda dan rombongan turut membantu. Perak bertambah makmur dengan adanya perdagangan timah dengan Holanda yang bertempat di Pangkalan Halban. Selain peristiwa pertempuran dangan Sultan Berkabat, Perak turut berhadapan dengan konflik lain, seperti yang dicetuskan oleh Raja Alam yang dahulunya berkhidmat dengan Sultan Muzaffar Syah semasa di Kuala Kangsar. Raja Alam tidak ikut berpindah ke Berahman Indera tetapi terus kekal di Kuala Kangsar. Beliau diminta untuk berkhidmat dengan Raja Muda, namun beliau tidak menunjukkan taat setianya seperti anak-anak raja yang lain. Raja Alam telah bermuafakat dengan kumpulan jahat dan mempengaruhi orang Tanjung Putus untuk menyerang Raja Muda. Hal ini telah diketahui Sultan Muzaffar Syah dan meminta bantuan Kapten Holanda di Pangkalan Halban. Akhirnya Raja Alam dan orang kanannya, Encik Hasil dibawa ke Melaka sebagai orang buangan.

Kemangkatan Sultan Muhammad telah menjadikan hubungan Sultan Iskandar dan Sultan Muzaffar Syah bertambah akrab. Demi merapatkan lagi persaudaraan, Sultan Muzaffar Syah mengahwinkan Sultan Iskandar dengan anakanda baginda, Raja Budak Rasul. Setelah Sultan Muzaffar Syah mangkat, Sultan Iskandar ditabalkan menjadi Raja Perak dengan mengambil gelaran Sultan Iskandar Inayat Syah. Baginda kemudian membina istana baru di Pulau Cempaka Sari dan berpindah ke sana. Tempat ini kemudian terkenal sebagai Kota Pulau Indera Sakti. Beberapa lama kemudian Pulau Indera Sakti runtuh dan Sultan Iskandar membina pula istana baru yang diberi nama Mercu Alam. Baginda mangkat dan dimakamkan di Pulau Indera Sakti. Perak kemudian diterajui Raja Muda dengan gelaran Sultan Mahmud Syah manakala Raja Mudanya ialah Raja Alauddin. Takhta kerajaan Perak seterusnya diduduki Raja Muda setelah kemangkatan Sultan Mahmud Syah. Baginda mengambil gelaran Paduka Seri Sultan Alauddin Mansor Syah dan bersemayam di Rantau Panjang Indera Mulia.

Konflik dalam *Misa Melayu*

Konflik adalah perselisihan atau pertentangan antara individu, idea, kepentingan dan lain-lain (*Kamus Dewan,* 2005: 814). *Longman: Dictionary of Contemporary English* (2001: 281) pula mentakrifkan konflik sebagai "a state of disagreement or argument between two people, groups, countries, etc." Sementara itu, Schneer dan Chanin dalam Md. Yadi (2006) mentakrifkannya sebagai fenomena semula jadi yang melibatkan proses persepsi yang berterusan antara dua ataupun lebih individu yang berbeza matlamat, idea, nilai, tingkah laku ataupun emosi. Pendapat para sarjana ini menjelaskan bahawa konflik berlaku sekiranya terdapat pertentangan antara dua pihak. *Misa Melayu* sama ada secara langsung atau sebaliknya turut memaparkan konflik meskipun karya bercorak sejarah ini banyak memberi tumpuan terhadap negeri Perak tanpa banyak memperlihatkan perhubungan dengan negeri lain. Konflik yang ketara dalam karya ini khususnya tertumpu pada isu tampuk pemerintahan atau perebutan kuasa. Ia boleh dibahagikan kepada tiga. Pertamanya konflik istana, keduanya adalah konflik yang dicetuskan oleh pihak di luar istana dan konflik ketiga merujuk pada konflik rakyat bawahan.

Konflik istana

Konflik istana merujuk pada pentadbiran dan perebutan kuasa antara dua pihak yang berkepentingan. *Misa Melayu* mengetengahkan kisah konflik yang berlaku apabila Perak mempunyai dua orang raja setelah berlakunya huru-hara. Sehubungan itu, Sultan Muzaffar Syah membawa diri ke Kuala Kangsar dan menjadi Raja Perak di sana. Adinda baginda, Sultan Muhammad Syah pula bertakhta di Berahman Indera. Namun, konflik ini tidak dibiarkan berpanjangan kerana Sultan Muhammad Syah berfikiran jauh. Baginda memikirkan bahawa tidak ada gunanya Perak diterajui dua orang raja dan kemudian mengambil keputusan untuk menjemput Sultan Muzaffar Syah kembali ke Berahman Indera.

> "Maka sekarang ini apalah sudahnya negeri sebuah, raja dua? Kepada hati beta hendaklah kita persilakan Sultan Muzaffar Syah itu kembali ke istananya ke Berahman Indera, supaya kerajaan kepada baginda itu; biarlah beta berhenti, kerana baginda itu saudara yang tua kepada beta, tidaklah datang hati beta hendak melebihi daripada baginda itu." Telah mendengar titah demikian itu maka berdatang sembah anakanda beginda Raja Muda dan segala orang besar-besar, "Sebenarnyalah seperti titah duli yang maha mulia itu, patik sekalian jungjunglah."
>
> Telah sampai ke balai penghadapan, Sultan Muhammad Syah pun berpeluk dan bercium dan bersama-sama bertangis-tangisan. Setelah sudah, maka titah Sultan Muzaffar Syah, "Apa pekerjaan adinda datang ini?" Maka sembah Sultan Muhammad Syah, "Patik menghadap kakanda ini, hendak patik persilakan kakanda kembali ke istana

> Berahman Indera, kerana negeri itu tinggal; jikalau ada ampun kurnia kakanda akan patik sekalian ini, selagi ada hayat kakanda, kepada kakandalah patik sekalian pertuankan; akan anakanda Raja Muda pun, sudah ia membaiki istana di Berahman Indera." (Ahmad Fauzi, 1992: 3–4)

Langkah yang diambil oleh Sultan Muhammad Syah adalah berkompromi bagi mengelak konflik yang berpanjangan dan kemungkinan akan berlaku perebutan kuasa yang tentunya melibatkan pertempuran dan pertumpahan darah. Kaedah ini memerlukan "kedua-dua belah pihak mengalah bagi mencapai keputusan yang dapat diterima oleh kedua-dua pihak. Ada kepentingan diri dilepaskan sedikit bagi mendapatkan persefahaman dan persetujuan berkenaan isu dan konflik" (Md. Yadi, 2006: 93). Sultan Muhammad Syah dalam hal ini bersedia mengalah kepada kakandanya demi masa hadapan rakyat dan negeri Perak keseluruhannya manakala Sultan Muzaffar Syah pula bersedia menerima maaf daripada adindanya dan bersetuju untuk menjadi raja bagi seluruh negeri Perak. Kaedah berkompromi bukan mudah untuk dilaksanakan khususnya apabila ia melibatkan kumpulan. Deutsch (2000: 31) menyifatkan teori kompromi atau orientasi menang-menang memerlukan resolusi yang bersifat konstruktif. Ia mudah dilaksanakan dan begitu juga untuk mengekalnya jika terdapat sokongan yang padu daripada sahabat, masyarakat, media dan organisasi. Sehubungan hal ini, tindakan yang diambil oleh Sultan Muhammad Syah telah berjaya kerana baginda disokong oleh pembesar dan juga Raja Muda. Negeri Perak kemudian kekal aman dan tidak berlaku lagi konflik dalam istana yang melibatkan perebutan takhta. Kaedah berkompromi ini telah mensejahterakan Perak, di samping dapat menangani musuh dari luar. *Misa Melayu* dalam hal ini telah menyarankan agar penyelesaian konflik dalam sesebuah istana atau pemerintahan perlu dilakukan segera demi kebaikan sesebuah kerajaan. Konflik yang berpanjangan akan hanya memecahkan perpaduan dan merugikan sesebuah kerajaan.

Konflik dari Luar Istana

Misa Melayu turut memaparkan konflik yang dicetuskan oleh pihak lain ke atas negeri Perak. Konflik yang dimaksudkan ini telah dicetuskan oleh Sultan Berkabat, anak Raja Kecil Minangkabau yang pernah menjadi anak angkat kepada Sultan Muzaffar Syah. Sultan Berkabat telah pergi ke Bukit Gantang dengan tujuan untuk menghadap Sultan Muzaffar Syah, namun tidak diizinkan oleh pengawal istana. Akibat rasa tidak berpuas hati dengan layanan yang diterima, Sultan Berkabat mengambil keputusan untuk terus melakukan serangan ke atas Bukit Gantang. Serangan daripada Sultan Berkabat dan orang-orangnya tidak dapat dipatahkan oleh Bendahara dan Raja Kecil Muda. Hal ini telah sampai ke pengetahuan Sultan Muzaffar Syah, lalu baginda menitahkan Raja Muda untuk bertindak, dan akhirnya angkatan Sultan Berkabat berjaya diundurkan.

Konflik yang melibatkan pertumpahan darah ini diselesaikan oleh Sultan Muzaffar Syah dengan kaedah mendominasikan keadaan dengan turut melakukan serangan balas. Kaedah ini perlu dilakukan kerana ia melibatkan nyawa mereka yang tidak berdosa. Tindakan membiarkan pihak musuh mengganas akan menyebabkan kerajaan negeri Perak terancam; dan langkah menghapuskan musuh dengan segera adalah perlu dilakukan. Serangan oleh Sultan Berkabat boleh dikategorikan sebagai pencerobohan dan kekejaman. Opotow (2000: 404) mendakwa bahawa sebarang tingkah laku yang mendatangkan kecederaan dan keberbahayaan kepada pihak lain yang berusaha untuk mengelak adalah dianggap sebagai penceroboh. Justeru, kaedah

dominasi atau orientasi menang-kalah boleh digunakan bagi menyelesaikan konflik yang sebenarnya diterbitkan oleh pihak musuh sendiri. Sehubungan hal ini, negeri Perak telah berusaha untuk menghapuskan penceroboh dengan secepat mungkin dan dengan penuh upaya. Ketidakupayaan Bendahara dan Raja Kecil Muda menangani serangan dan pencerobohan ini telah menyebabkan Raja Muda diutuskan dalam usaha untuk menyelesaikan konflik ini. Akhirnya kemenangan berada pada pihak negeri Perak. Situasi ini digambarkan dengan jelas oleh penulis:

> Setelah itu, Raja Muda pun berlengkaplah segala perahu lancang dan pelang dan alat senjata. Maka terlalulah gegak-gempita sepanjang rantau hulu itu, riuh-rendah dengan segala bunyi-bunyian. Setelah beberapa lamanya di jalan, maka baginda itu pun sampailah ke Sayung, lalu ke Kuala Kangsar. Setelah sampai Raja Muda ke Kuala Kangsar, maka bersama-sama dengan adinda baginda Raja Kecil Muda dan Datuk Bendahara dan segala orang besar-besar dan hulubalang rakyat sekaliannya berhimpun menghadap Raja Muda; maka segala hulubalang rakyat yang dirantau hulu itu pun makin bertambah-tambahlah beraninya melawan seteru musuh… maka oleh baginda itu semua hulubalang itu dikurniakan persalinan masing-masing, ikut tarafnya. Setelah sudah, maka sekaliannya itu pun naiklah melanggar Sultan Berkabat di Bukit Gantang. Hatta maka Sultan Berkabat pun pecahlah perangnya dan panglimanya pun mati; maka undurlah ia ke Kuala Pangkalan; maka diperikut oleh orang Perak. Setelah sampai ke Kuala Pangkalan, maka segala hulubalang rakyat sekaliannya pun kembalilah menghadap Raja Muda dengan kemenangannya. Setelah sudahlah Sultan Berkabat itu kalah perang, maka Raja Muda pun kembalilah ke Berahman Indera membawa segala yang dititahkan oleh ayahanda baginda itu. (hlm. 6)

Peristiwa serangan Sultan Berkabat dan tindakan segera negeri Perak mendominasi keadaan dalam *Misa Melayu* menggambarkan bahawa penyelesaian secara segera perlu dilakukan demi keselamatan sesebuah kerajaan. Serangan daripada pihak luar perlu dibanteraskan dengan segera kerana ia adalah satu bentuk ancaman yang boleh menggugat keselamatan dan keamanan sesebuah kerajaan. *Misa Melayu* dalam hal ini menyarankan agar sebarang bentuk serangan daripada pihak luar tidak boleh dipandang ringan dan hanya kaedah dominasi yang akan dapat menyelamatkan sesebuah negeri daripada terus diancam.

Selain menampilkan konflik yang dicetuskan oleh Sultan Barkabat, *Misa Melayu* turut mengetengahkan angkara yang dicetuskan pembesar negeri sendiri, iaitu Raja Alam. Konflik dalam kerajaan negeri Perak ini berlaku apabila Raja Alam dengan sengaja bersikap tidak setia kepada Raja Muda yang bersemayam di istana Kuala Kangsar. Raja Alam telah bermuafakat dengan orang-orang Tanjung Putus untuk menyerang Raja Muda.

> Maka banyaklah orang yang jahat-jahat dijadikannya juak-juaknya daripada orang-orang Bugis dan orang Haru yang buruk-buruk sertanya… Maka disuruh baginda tahan kepada Raja Muda dan segala orang besar-besar,… Setelah duduk, maka oleh Raja Alam dilawannya mesyuarat segala orang-orang di Tanjung Putus itu serta diajaknya bersumpah setia hendak dibawanya melanggar Raja Muda ke Pulau Tiga…. setengahnya ada yang serta bersama-sama dengan Raja Alam itu setengahnya tidak mahu derhaka kepada Sultan Muzaffar Syah dan kepada tuanku Raja Muda. (hlm. 7–8)

Rancangan ini telah sampai ke pengetahuan Sultan Muzaffar Syah dan tindakan segera diambil bagi mengawal keadaan. Kaedah dominasi dan muslihat telah digunakan dalam menyelesaikan konflik ini. Sultan Muzaffar Syah dalam hal ini tidak bertindak sendiri, namun telah meminta bantuan pihak Holanda yang berpangkalan di Pulau Halban untuk mengambil tindakan.

> Maka disuruh baginda hantarkan kepada Kapitan Holanda itu, tetapi tiada siapa pun tiada dapat ketahui bunyi surat itu. Setelah sampai surat itu kepada Kapitan Holanda, pada suatu hari datanglah Raja Alam kepada Kapitan Holanda hendak mengurup rial. Maka lalu dibawanya oleh Kapitan ke dalam gedungnya…. hatta maka Raja Alam pun disambut oleh Holanda itu dibawanya ke dalam sulipnya lalu belayar ke Melaka. Kemudian, Encik Hasil pun ditangkap oleh Holanda dibawanya juga ke Melaka. (hlm. 9)

Tindakan yang dilakukan oleh Sultan Muzaffar Syah ternyata berkesan dan muslihat yang dilakukan telah menyelesaikan masalah, di samping tidak berlaku sebarang pertumpahan darah

terhadap mana-mana pihak. Raja Perak amat bijak dalam mengatur strategi bagi mengelak berlakunya pertumpahan darah dan mengekalkan ketaatsetiaan rakyat terhadap raja. Peristiwa ini menjelaskan bahawa penyelesaian konflik boleh dilakukan tanpa melibatkan pertumpahan darah jika tindakan dilakukan dengan penuh bijaksana dan ia berkesan dalam kes-kes tertentu sahaja. *Misa Melayu* dalam hal ini secara tidak langsung telah menyarankan beberapa kaedah untuk menyelesaikan konflik yang berlaku dalam sesebuah kerajaan. Kebijaksanaan dalam menyelesaikan konflik boleh mengekalkan sesebuah kerajaan. Jelasnya, peristiwa yang berlaku dalam menyelesaikan konflik yang dipaparkan oleh *Misa Melayu* secara tidak langsung memperlihatkan kebijaksanaan kerajaan Perak dalam mengekalkan kedaulatan negeri.

Misa Melayu turut memaparkan konflik yang berlangsung antara pihak luar, iaitu Holanda dengan Raja Perak. Konflik dicetuskan oleh Pir Muhamad yang menjadi jurubahasa Holanda yang berada di Pengkalan Halban. Pir Muhamad membuat fitnah kerana dia tidak mendapat layanan baik daripada Sultan Iskandar. Dia memberitahu pihak Holanda bahawa Sultan Iskandar tidak lagi mahu bermuafakat dengan Holanda dan sedang bersiap sedia untuk menyerang Holanda. Hal ini adalah fitnah semata-mata kerana apa yang berlaku ialah Sultan Iskandar tidak menerima Pir Muhamad menghadap kerana tidak memberitahu Syahbandar dan Orang Kaya Laksamana terlebih dahulu dan lagipun surat yang dibawanya 'tidak berbingkis' sebagaimana lazimnya. Sultan Inayat Syah telah mengambil tindakan pengelakan sebagai langkah penyelesaian agar konflik ini tidak berlarutan. Penyelesaian konflik secara tindakan pengelakan boleh digunakan jika darjah mementingkan diri dan pihak yang satu lagi adalah rendah. Tindakan sebegini mendorong seseorang untuk terpaksa menerima kegagalan bagi memuaskan pihak lawan (Md. Yadi, 2006: 90–91). Sultan Inayat Syah dalam hal ini bertindak berdiam diri terhadap fitnah yang telah dibuat oleh jurubahasa Holanda, Pir Muhammad. Baginda mengambil keputusan untuk berdiam diri dan hanya berfikir untuk menubuhkan sebuah negeri dan mempunyai kerajaan sendiri. Apabila pihak Holanda datang ingin menghadap, baginda memohon bertangguh dengan alasan kota belum siap. Cara ini dilakukan bagi mengelak berlaku perkara yang lebih buruk dan konflik semakin tegang. Langkah pengelakan ini telah berjaya menyelesaikan kekusutan yang timbul kerana ternyata pihak Holanda sebenarnya datang dengan persiapan ingin melakukan tindakan.

> Setelah tiga hari seperti yang dijanjikan, negeri Perak telahpun berkota. Setelah itu, maka berhimpunlah segala raja-raja dan anak raja-raja dan orang besar-besar hulubalang bentara rakyat sekaliannya lengkap dengan alat senjatanya masing-masing…. Setelah sudah lengkap sekaliannya beratur, maka (dan Kapitan Melayu) R.E.F. Lybroke namanya pun masuklah menghadap dibawa oleh Laksamana dan Syahbandar diiringkan oleh segala soldadunya lengkap dengan senjatanya senapang dan pemuras pistol terlalu banyak, kerana ia datang itu pun kehendaknya sahaja mahu keras jua bicaranya.
>
> …Demi ia terlihat akan muka baginda dan memandang segala raja-raja dan orang besar-besar dan melihat kebesaran baginda itu dan memandang laku dan sikap segala hulubalang pegawai dan juak-juak baginda itu terlalu hebatnya, maka dahsyat hati segala orang Holanda itu serta dengan ngerinya dan gentar ia akan baginda itu. Maka dengan tolong Allah dan rasul-Nya, tambahan dengan daulat baginda pun sangat berdiri, maka tiadalah beroleh ia berhati salah lagi kepada baginda itu. (hlm. 32–33)
>
> …Syahadan, maka sangatlah ia merendahkan dirinya ke bawah duli baginda daripada sangat hebatnya, dan dahsyatnya akan kebesaran baginda itu, maka tiadalah sampai barang bicaranya yang salah kepada baginda itu dan segala kehendaknya pun tiadalah banyak lagi dipintanya. (hlm. 33)

Petikan ini menunjukkan langkah pengelakan telah menyelamatkan keadaan, apatah lagi Holanda datang dengan niat untuk melakukan kekerasan. Jika baginda menerima wakil Holanda menghadap sebelum kota yang dibina siap dengan sempurna dan lengkap, berkemungkinan akan berlaku pertempuran kerana baginda dilihat sebagai tidak kuat dan tidak berwibawa.

Kelengkapan istana dengan segala hulubalang yang bersiap sedia telah menimbulkan rasa bimbang dan gerun kepada wakil Holanda. Kesannya, kekerasan yang dirancangkan telah dibatalkan.

Tindakan yang diambil oleh negeri Perak dalam menyelesaikan konflik dengan kuasa yang lebih besar ini ternyata memperlihatkan satu lagi contoh sikap bijaksana rajanya. Dominasi dalam hal ini tidak boleh digunakan sebagai kaedah penyelesaian kerana pihak lawan ternyata lebih besar kuasanya. Justeru, kaedah pengelakan boleh digunakan dalam menyelesaikan konflik yang dicetuskan oleh wakil Holanda ini.

Konflik Rakyat Bawahan

Pembahagian konflik yang ketiga dalam *Misa Melayu* adalah konflik yang melibatkan rakyat bawahan, iaitu merujuk pada konflik yang berlaku antara rakyat bawahan dengan pihak yang lebih berkuasa. Hal ini memperlihatkan pihak yang lebih berpengaruh menggunakan kaedah dominasi atau orientasi menang-kalah. Mereka yang mendominasi cuba memenuhi tujuan tanpa mempedulikan pihak yang didominasi (Md. Yadi, 2006). Tindakan ini yang digunakan oleh pembesar Sayung, Seri Maharaja Lela setelah cintanya ditolak oleh seorang janda, Siti Sara. Wanita ini menolak cintanya kerana terlebih dahulu mencintai Abdullah yang merupakan ‘orang rantau hilir’ dan anak kepada Imam Panjang (hlm. 59). Seri Maharaja berasa amat kecewa dan sakit hati. Untuk membalas dendam dan memastikan Abdullah juga tidak mendapat cinta Siti Sara, wanita ini telah dipersembahkan kepada pihak istana untuk dijadikan hamba.

> Telah habislah bicara pinta raja itu kepada mereka itu, maka oleh Abdullah dinaikkan akan Siti Sara. Setelah sudah ia bersama-sama keduanya, maka dipersembahkan oleh Seri Maharaja Lela dan Raja Bijaya Dewa ke bawah Duli Yang Maha Mulia akan Siti Sara itu, kerana sangatlah sakit hatinya Seri Maharaja Lela akan Siti Sara tiada mahu akan dia. Maka dipersembahkan akan menjadi hamba ke bawah Duli Yang Dipertuan. Maka diambil baginda Siti Sara itu. (hlm. 60)

Tindakan Seri Maharaja Lela tidak mendapat bantahan daripada Siti Sara ataupun Abdullah kerana mereka hanya orang biasa sedangkan Seri Maharaja seorang pembesar. Jelas bahawa mereka yang berkuasa amat mudah menyelesaikan konflik yang timbul jika pihak lawan adalah daripada kalangan mereka yang tidak ada kepentingan dan tidak ada status dalam masyarakat. Mereka dengan mudah dijatuhkan hukuman biarpun atas perlakuan yang remeh-temeh. Pihak yang lebih berkuasa boleh melakukan apa sahaja terhadap pihak yang di bawahnya tanpa perlu berunding. Golongan bawahan hanya mampu menyerah pada nasib. Tidak ada ahli keluarga yang sanggup membela kerana bimbang nasib yang sama pula yang akan menimpa ahli keluarga ini. Di sini juga menunjukkan bahawa besarnya jurang antara rakyat bawahan dengan mereka yang berkhidmat dengan istana.

Kesimpulan

Pada keseluruhannya, konflik yang diketengahkan dalam *Misa Melayu* tidak begitu banyak jika dibandingkan dengan sastera sejarah yang lain seperti *Sejarah Melayu*. Hal ini ada perkaitan dengan fokus penulis dalam menghasilkan *Misa Melayu*. Peristiwa yang termuat dalam karya ini hanya tertumpu kepada peristiwa biasa yang berlaku seharian di dalam sebuah negeri yang tidak

dianggap istimewa bagi menggambarkan soal turun naiknya sesebuah negara kota (Ali, 1987). Justeru, konflik yang timbul boleh diatasi dengan mudah hanya melibatkan sikap salah faham, dendam, perasaan tidak berpuas hati dan khianat. Lagipun, ia tidak melibatkan negeri lain atau kuasa besar lain seperti yang dialami negeri Melaka dalam *Sejarah Melayu*. Hal ini demikian kerana negeri Perak pada waktu itu bukanlah negeri yang berkerajaan besar seperti Melaka. *Misa Melayu* ini banyak memberi tumpuan terhadap pemerintahan dan pentadbiran negeri Perak sahaja. Meskipun begitu, *Misa Melayu* adalah sebuah karya yang penting dalam memperlihatkan keturunan Raja Perak. Naskhah ini tidak dicampuradukkan dengan mitos dan legenda seperti kelaziman karya sastera sejarah yang lain.

Isu penyelesaian konflik dalam *Misa Melayu* banyak menggunakan kuasa dominasi. Meskipun begitu, kaedah ini tidak digunakan dalam semua keadaan. Kaedah dominasi hanya digunakan bagi menyelesaikan konflik yang dicetus oleh pihak yang kurang berpengaruh. Tindakan ini diambil dengan tujuan untuk menghapuskan sepenuhnya konflik yang timbul demi keselamatan kerajaan dan mengelak daripada berulang kembali. Negeri Perak sememangnya boleh menguasai pihak luar istana yang cuba mencetuskan konflik, namun tidak pula mempunyai kemampuan untuk berhadapan dengan kuasa yang lebih besar. Justeru, negeri Perak memilih untuk menggunakan kaedah pengelakan dalam konflik yang ditimbulkan oleh orang Holanda. Kaedah ini telah menyelamatkan Perak daripada berhadapan dengan konflik yang berterusan dan berkemungkinan berakhir dengan sebuah ancaman.

Pada keseluruhannya, selain memaparkan jurai keturunan Raja Perak, isi kandungan *Misa Melayu* menyarankan kaedah dalam menyelesaikan konflik. Kaedah dominasi popular digunakan dalam mengatasi konflik yang dicetuskan oleh pihak yang lebih lemah dan kaedah pengelakan pula sesuai digunakan jika pihak yang mencetuskan konflik lebih berpengaruh. Sehubungan hal ini, kebijaksanaan raja dalam membuat pilihan adalah penting bagi mengekalkan kedudukan.

Bibliografi

Ahmad Fauzi Basri (Peny.). (1992). *Misa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ali Ahmad. (1987). *Karya-Karya Sastera Bercorak Sejarah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Annas Haji Ahmad. (1975). *Sastera Melayu: Lama dan Baru*. Pulau Pinang: Sinaran Bros.

Deutsch, M. (2000). Cooperation and competition. Dalam M. Deutsch, *The Handbook of Conflict Resolution*. San Francisco: Jossey-Bass Inc. Publishers.

Kamus Dewan (Ed. ke-4). (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Longman: *Dictionary of Contemporary English* (Ed. ke-3). (2001). England: Pearson Education Limited.

Md. Yadi Said. (2006). *Mengurus Konflik.* Kuala Lumpur: PTS Professional.

Opotow, S. (2000). Aggression and violence. Dalam M. Deutsch, *The Handbook of Conflict Resolution*. San Francisco: Jossey-Bass Inc. Publishers.

Sanusi Samid. (1986). *Misa Melayu* nilai sejarahnya. Dalam Zaharah Ibrahim (Peny.). *Sastera Sejarah: Interpretasi dan Penilaian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Fungsi Cucuk Sanggul di Alam Melayu: *Hikayat Seri Kelantan* dan *Syair Dang Sirat*

Faridah Sarudin |Rahimah A. Hamid |Md. Salleh Yaapar

Pengenalan

Barang perhiasan diri merupakan salah satu daripada kraf tradisional yang digunakan untuk menghias diri yang diwarisi sejak dari zaman purbakala. Orang Melayu juga mahir dalam ilmu pertukangan untuk menghasilkan barang perhiasan selain pembinaan istana, senjata dan juga kapal. Antara barang perhiasan diri yang telah dihasilkan adalah seperti hiasan di kepala, telinga, leher, tangan dan juga kaki. Cucuk sanggul merupakan salah satu barang perhiasan diri di kepala yang popular dalam kalangan wanita Melayu pada satu ketika dahulu. Hasil daripada penemuan awal didapati bahawa cucuk sanggul diperbuat daripada batu, tulang, kayu dan juga tanduk. Namun, apabila manusia mula bertamadun, mereka mula mencipta pelbagai barang perhiasan diri dengan menggunakan pelbagai bahan yang berharga seperti emas, perak dan juga gangsa. Di alam Melayu, pembuatan barang perhiasan diri daripada emas dipercayai telah bermula sejak abad ke-7 hingga ke-13 berdasarkan hasil penemuan barang perhiasan diri dan wang emas di Lembah Bujang, Kedah. Menurut Mohd Kassim (2008: 4):

> The result of archaeological studies show that gold nuggets and jewellery have been found all over the world since Palaeolithic Age. Although no archaeological studies have been done in Malaysia, pieces of gold and gold jewellery used in Sri Vijaya era between the seventh and thirteen centuries have been found in Bujang Valley, Kedah.

Sejarah penggunaan emas dalam pembuatan barang perhiasan diri juga bermula di istana kerana pada zaman kegemilangan raja-raja Melayu, pembuatan barangan perhiasan diri adalah untuk memenuhi keperluan dan kegunaan keluarga di raja.

Hasil penemuan awal mendapati bahawa cucuk sanggul yang terawal dijumpai adalah di Afrika, Eropah dan Timur Tengah. Namun demikian, negara-negara Asia juga tidak terkecuali daripada budaya pemakaian cucuk sanggul ini. Wanita Melayu merupakan antara kelompok masyarakat yang tidak boleh dipisahkan dengan pemakaian cucuk sanggul, selain wanita Baba Nyonya, dan juga India.

Bab ini ditulis untuk menyingkap dan mendalami fungsi cucuk sanggul dalam kalangan masyarakat Melayu dengan lebih meluas berpandukan kepada teori antropologi, iaitu fungsionalisme struktural. Selain itu, analisis cucuk sanggul dalam kalangan masyarakat Melayu ini juga adalah untuk melihat aspek kearifan orang Melayu dalam ilmu pembuatan barang perhiasan diri. Perbincangan bab ini adalah berasaskan data daripada kajian kerja lapangan dan juga sumber di perpustakaan dengan menggunakan teks *Hikayat Seri Kelantan* dan *Syair Dang Sirat.* Berdasarkan kajian, didapati bahawa kajian, penulisan dan penyelidikan mengenai cucuk sanggul ini agak terbatas jumlahnya, dan kebanyakan dapatan kajian hanya memberikan penjelasan umum tentang fungsi cucuk sanggul, iaitu sebagai barang perhiasan diri wanita.

Namun demikian, melalui kisah Puteri Saadong dalam *Hikayat Seri Kelantan* dan dayang bernama Dang Sirat di dalam *Syair Dang Sirat,* didapati bahawa fungsi cucuk sanggul tidak hanya terbatas sebagai barang perhiasan diri semata-mata, namun mempunyai jangkauan fungsi yang lebih meluas. Maka bab ini akan meneliti dengan lebih mendalam tentang keistimewaan tentang cucuk sanggul dalam masyarakat Melayu daripada sudut pandang yang berbeza.

Teori fungsionalisme struktural akan digunakan bagi meneliti dan mendalami fungsi cucuk sanggul dalam alam Melayu ini. Teori ini membincangkan bahawa setiap unsur yang terkandung di dalam budaya sesebuah masyarakat saling bertindak balas dan mempunyai fungsi yang tersendiri. Menurut Feraro dan Andreatta (2010: 75):

> The functionalist approach most closely associated with Malinowski and Radcliffe-Brown, is based on two fundamental principles. First the notion of universal functions holds that every part of a culture has a function. For example, the function of a hammer is to drive nails into the wood, the function of a belief in a omnipotent god is to control people's behaviour, and the function of shaking hands in the United States is to communicate nonverbally one's intentions to be friendly.

Selanjutnya, David, Rose dan Suzanne (2010: 8) juga turut menyatakan bahawa:

> Structural-functional theory (or structural functionalism) addresses the question of how social organization is maintained. This theoretical perspective has its roots in natural science and in the analogy between society and organism. In the same way that a biologist may try to identify the part (structure) of a cell and determine how they work (function), a sociologist who uses structural-functional theory will try to identify the structures of society and how they function.

Dalam sebuah kelompok masyarakat terkandung dua cabang utama, iaitu budaya bukan material dan budaya material. Budaya bukan material adalah seperti bahasa, nilai, peraturan, pengetahuan yang dikongsi bersama dalam konteks masyarakat, manakala budaya material merangkumi segala objek fizikal yang dihasilkan oleh sekelompok masyarakat seperti barang perhiasan diri, seni arca, peralatan dan sebagainya. Sehubungan itu, kedua-dua cabang budaya ini akan saling bertindak balas dan memainkan peranannya yang tersendiri bagi membentuk sebuah sistem yang seimbang. Dapat dilihat juga bahawa setiap unsur yang terkandung dalam konteks budaya sesebuah masyarakat itu mempunyai fungsi tersendiri.

Perbincangan ini adalah berdasarkan kepada dua buah teks klasik terpilih, iaitu *Hikayat Seri Kelantan* dan *Syair Dang Sirat* dengan menggunakan pendekatan tekstual bagi memahami fungsi cucuk sanggul dalam konteks masyarakat Melayu. Hasil daripada analisis teks mendapati bahawa cucuk sanggul mempunyai dua fungsi utama di dalam masyarakat Melayu, sama ada secara zahir ataupun secara tersembunyi.

Fungsi Zahir

Lazimnya, fungsi asal pemakaian cucuk sanggul ini dalam kalangan wanita Melayu pada zaman dahulu adalah sebagai penyemat asas simpulan rambut yang disanggul. Pada zaman tersebut, wanita mempunyai rambut yang panjang mengurai, lantas perlu digulung atau disimpul bagi membentuk sanggul. Hal ini kerana budaya sosial masyarakat tidak membenarkan wanita memotong pendek rambut mereka. Maka penggunaan cucuk sanggul sebagai penyemat rambut ini akan memastikan ikatan rambut kukuh pada kedudukannya.

Selain itu, cucuk sanggul juga terkenal sebagai alat perhiasan diri dalam kalangan wanita kerana

hasil ukiran dan reka bentuknya yang dikatakan mampu menaikkan seri wajah si pemakai. Kebanyakan daripada cucuk sanggul juga akan dihiasi dengan batu permata bagi menambahkan lagi keindahannya. Walau bagaimanapun, kadangkala cucuk sanggul ini dihiasi dengan menggunakan batu permata asli, atau hanya menggunakan batu permata yang murah nilainya, namun mampu juga menghasilkan cucuk sanggul yang menarik dan halus ciri pertukangannya. Kajian yang dilakukan di Muzium Negara Malaysia menunjukkan motif dan corak yang diukir pada cucuk sanggul di alam Melayu kebanyakannya mempunyai pengaruh motif Cina tradisional. Hal ini jelas terkesan daripada pengaruh kemasukan para pedagang dari luar ke Melaka. Kemasyhuran Kesultanan Melayu Melaka menarik minat ramai pedagang asing untuk datang berdagang di Melaka termasuk pedagang dari India dan juga China. Secara tidak langsung, ia membawa masuk pengaruh budaya dan sosial kepada masyarakat Melayu Melaka pada ketika itu.

Tidak semua cucuk sanggul di alam Melayu ini dihiasi dengan motif Cina tradisional. Terdapat juga cucuk sanggul yang dihiasi dengan motif bulan dan bintang yang menunjukkan wujudnya pengaruh Islam. Namun, kebanyakan daripada cucuk sanggul yang dipakai oleh wanita Melayu diukir dengan motif geometri ataupun tumbuh-tumbuhan hasil inspirasi dan pengaruh flora daripada China, India dan juga Timur Tengah. Hal ini kerana ajaran agama Islam melarang pemakaian sebarang barang perhiasan diri yang diukir dengan motif haiwan ataupun manusia. Menurut Richter (2000: 228):

> In keeping with Islamic prohibition on the representation of living creatures, Malay artisans rarely employed images of animals in decorative metalwork and jewellery.

Oleh sebab itu, wanita Melayu amat jarang memakai cucuk sanggul yang diukir dengan motif binatang ataupun manusia.

Pemakaian cucuk sanggul secara zahirnya juga dikatakan mampu membezakan status sosial seseorang. Barang perhiasan diri pada ketika itu dilihat memainkan peranan yang besar dalam membezakan status individu dalam masyarakat. Kebanyakan wanita daripada golongan miskin akan memakai cucuk sanggul yang diperbuat daripada kayu ataupun buluh. Namun demikian, berbeza pula bagi wanita golongan atasan seperti keluarga kerabat diraja, mereka akan menyemat dan memperkemaskan rambut mereka dengan cucuk sanggul yang diperbuat daripada emas ataupun perak. Di alam Melayu, sejarah penghasilan cucuk sanggul menggunakan bahan asas seperti emas bermula daripada keluarga kerabat diraja kerana teknik penghasilan barang perhiasan diri yang dihasilkan dengan menggunakan emas dimulakan di istana. Oleh itu, pemakaian segala barang perhiasan diri yang diperbuat daripada emas hanya terhad dalam kalangan kerabat diraja. Kenyataan ini boleh dikukuhkan melalui kenyataan yang dikeluarkan oleh Mohd Kassim (2008: 21) yang mengatakan bahawa:

> During the reign of Sultan Mahmud in Melaka, only the members of the royal family could wear gold jewellery. A member of the elite who owned jewellery was not allowed to wear it or to show it at all until he had received permission or some special title from the Sultan. Once he had received such title, he could wear his jewellery freely and forever, a right which could not be withdrawn. Such was life in those bygone days. Ordinary people had to be very careful about personal adornment.

Maka, secara zahirnya dapat dilihat bahawa penciptaan cucuk sanggul yang pada awalnya adalah sebagai barang perhiasan diri telah bertindak sebagai alat untuk membezakan status sosial individu. Namun demikian, didapati bahawa cucuk sanggul tidak hanya dilihat berfungsi sebagai barang perhiasan diri sahaja, tetapi secara tersiratnya, cucuk sanggul juga boleh dijadikan

sebagai senjata dalam kalangan wanita.

Secara umumnya, kebanyakan daripada senjata Melayu tradisional yang mendapat perhatian masyarakat adalah seperti keris, lembing, parang, dan juga pedang. Barang perhiasan wanita seperti cucuk sanggul tidak dijangkakan akan dijadikan sebagai senjata. Berdasarkan undang-undang sosial masyarakat pada zaman dahulu, wanita tidak dibenarkan membawa senjata. Menurut Yusman dan Mohamed Roselan (1995: 6):

> Namun begitu, sudah menjadi resam tidak manis bagi wanita untuk membawa atau mempamerkan alat berbahaya. Sudah diterima umum bahawa wanita sifatnya lembut, dan membawa senjata adalah sesuatu yang bertentangan dengan sifat itu.

Oleh yang demikian, sebagai alat untuk mempertahankan diri, kebanyakan wanita gemar menggunakan barang perhiasan diri seperti cucuk sanggul sebagai senjata kerana rupa bentuk cucuk sanggul yang panjang, tajam, bersaiz kecil dan mudah disembunyikan. Hal ini disokong dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh Azah (2006: 6) yang mengatakan bahawa:

> Orang tua-tua mengatakan cucuk sanggul atau digunakan juga istilah pacak sanggul, bukanlah untuk hiasan saja, tetapi cucuk sanggul boleh menjadi senjata bagi mempertahankan keselamatan wanita.

Maka, di sini dapat dilihat kearifan orang Melayu dalam aspek penggunaan sesuatu material budaya sebagai senjata dengan menyembunyikan sesuatu yang berbahaya dalam bentuk yang indah. Cucuk sanggul yang acap kali digunakan oleh pengantin dan wanita untuk kecantikan, secara tersiratnya boleh juga dijadikan sebagai senjata.

Sejarah Kelantan menyaksikan satu peristiwa menyayat hati yang berlaku di antara Puteri Saadong dengan Raja Abdullah. Akibat daripada salah faham dan pertengkaran, Raja Abdullah mati di tangan Puteri Saadong disebabkan oleh cucuk sanggul. Menurut Rogayah A. Hamid dan Maryam Salim (2006: 46), terdapat tiga teks yang mengisahkan tuan Puteri Saadong, watak tersebut terkenal dalam mitos, legenda dan sejarah negeri Kelantan, iaitu *Riwayat Kelantan*, *Hikayat Seri Kelantan*, dan *Hikayat Puteri Saadong*. Berdasarkan *Hikayat Seri Kelantan*, Puteri Saadong tidak dipaparkan menggunakan cucuk sanggul untuk membunuh Raja Abdullah, tetapi menggunakan pedang. Namun demikian, berdasarkan tradisi lisan kisah Puteri Saadong dan catatan sejarah Kelantan, Puteri Saadong dikatakan menikam mati Raja Abdullah dengan menggunakan cucuk sanggul.

Merujuk kepada *Hikayat Seri Kelantan*, kisah Puteri Saadong bermula dengan penceritaan negeri Kelantan diperintah oleh Cik Siti Wan Kembang, iaitu anak kepada Sultan Ahmad.

> Dalam tahun Masihi 1548, negeri Kelantan diperintah oleh seorang raja bernama Sultan Ahmad. Baginda telah berkahwin dengan puteri Seri Nara Diraja dari negeri Johor bernama Cik Banun. Hasil daripada perkahwinan itu, baginda dikurniakan dengan seorang puteri diberi nama Wan Kembang. (Nik Ismail, 1977: 1)

Menurut Nisriwani dan Zulflida (2003: 278), diriwayatkan wujud kerajaan Jembal yang tidak jauh dari pusat pemerintahan Cik Siti Wan Kembang. Pemerintah kerajaan Jembal ketika itu, ialah Raja Loyor yang mempunyai seorang anak yang bernama Puteri Saadong. Oleh sebab Cik Siti Wan Kembang tidak berkahwin dan tiada zuriat, maka baginda menjadikan Puteri Saadong sebagai anak angkatnya yang kemudiannya dikahwinkan dengan Raja Abdullah. Puteri Saadong merupakan seorang gadis ayu yang cantik dan jelita sehingga kisah kecantikannya sampai kepada pengetahuan Raja Siam. Oleh itu, Raja Siam telah menyerang Kota Mahligai bagi mendapatkan Puteri Saadong. Oleh sebab bala tentera Siam terlalu kuat, Puteri Saadong

kemudiannya mengalah dan mengikut kehendak Raja Siam untuk dibawa ke Siam dengan persetujuan Raja Abdullah (Mohamed Roselan, 1988: 44).

Semasa Puteri Saadong dalam tahanan Raja Siam, Raja Abdullah telah berkahwin dengan wanita lain hingga menyebabkan kawasan pemerintahannya terabai dan menjadi kucar-kacir. Akibat daripada itu, terjadi pertengkaran di antara Raja Abdullah dengan Puteri Saadong hingga menyebabkan Puteri Saadong membunuh Raja Abdullah dengan menggunakan cucuk sanggulnya. Merujuk Syafiq Atsari (2012: 73), hasil wawancaranya dengan Othman Ismail, iaitu anak kepada pencerita Puteri Saadong, Ismail Awang, Puteri Saadong telah membunuh Raja Abdullah dengan menggunakan cucuk sanggul akibat kecewa dengan tindakan suaminya yang sanggup mencederakannya. Hal ini juga disokong melalui kenyataan oleh Mohamed Roselan (1998: 10) yang mengatakan:

> Oleh itu, berlakulah pertengkaran dan masing-masing menuduh melakukan curang dan tidak setia. Akibatnya Puteri Saadong telah membunuh suaminya dengan menikam suaminya di bahagian rusuknya dengan penyucuk sanggul.

Fungsi Implisit

Selain daripada itu, antara fakta menarik yang ditemui tentang cucuk sanggul di alam Melayu ini ialah perkaitannya dengan penggunaan ilmu sihir melalui kisah seorang dayang istana Patani bernama Dang Sirat yang boleh dirujuk melalui sebuah manuskrip berjudul *Syair Dang Sirat*. Amalan sihir amat sinonim dalam kalangan masyarakat Melayu. Sebelum kedatangan Islam, budaya Melayu telah menerima pengaruh animisme dan Hindu-Buddha, namun orang Melayu tidak berupaya menghapuskan sebahagian kebudayaan tersebut walaupun selepas kedatangan Islam. Di sini dapat dilihat bahawa terdapat orang Melayu yang sememangnya arif dalam penggunaan ilmu sihir. Skeat Walter William (1984: xii) ada mengatakan bahawa:

> The Malay race, while far removed from the savage condition has not as yet reached a very high stage of civilisation, and still retain relatively large remnants of this primitive order of ideas.

Contohnya upacara makan hantu, amalan berdampingan dengan makhluk-makhluk halus, menurun, sihir, menilik nasib dan mencari nombor ekor ketika seseorang itu menurun dan sebagainya (Amran, 1997: 236). Amalan sihir kebanyakannya dilakukan untuk menyakiti seseorang yang tidak disukai melalui santau akibat dengki atau dendam sehingga menyebabkan kehidupan orang yang didendami menjadi tidak tenteram. Definisi sihir secara umum merujuk kepada amalan jahat manusia yang dibantu atau disokong oleh jin-jin, yang terdiri daripada iblis dan syaitan, yang dilakukan secara tersembunyi dan rahsia, tidak mudah diketahui umum, yang boleh melahirkan natijah di luar kebiasaan atau mencarik adat, yang boleh berlaku berulang kali (Amran, 1997: 11).

Sihir boleh didatangi dalam pelbagai bentuk seperti sihir pembenci, ilmu pengasih, pukau, santau dan juga pelalau. Berdasarkan kisah di dalam *Syair Dang Sirat*, seorang dayang yang bertugas sebagai biduan istana yang bernama Dang Sirat telah menggunakan ilmu sihir, iaitu ilmu pengasih untuk memikat Sultan Johor. Ilmu pengasih yang juga dikenali sebagai ilmu guna-guna boleh dikategorikan sebagai amalan sihir. Tujuan ilmu ini diamalkan adalah untuk mendapatkan jodoh, dendam memuaskan nafsu atau sekadar untuk berseronok. Selain itu, ilmu pengasih diamalkan juga agar wajah kelihatan lebih berseri. Menurut seorang informan, Mohamed Nazreen (temu bual, 19 September 2013), pada zaman dahulu dikatakan ada dalam kalangan

mak andam yang menggunakan ilmu pengasih dengan menggunakan cucuk sanggul untuk dipakaikan kepada pengantin agar wajahnya kelihatan cantik berseri. Mangsa ilmu pengasih selalunya akan memperlihatkan kelakuan yang aneh seperti menyukai orang dibencinya secara tiba-tiba, sentiasa terbayang-bayang akan wajah orang yang menyihirnya dan lupa akan tanggungjawabnya kepada keluarga.

Berdasarkan teks *Syair Dang Sirat*, dapat dilihat bahawa watak protagonis iaitu Dang Sirat mahir dalam penggunaan ilmu pengasih. Kisah Dang Sirat sangat terkenal sehingga namanya juga ada disebutkan di dalam tradisi lisan Pahang, Johor dan juga di dalam sejarah Patani. Menurut Ibrahim (2002: 65):

> Di dalam *Sejarah Patani* ada menyatakan bahawa Raja Kuning ini ada menyimpan perempuan-perempuan ahli joget di dalam istana, seorang daripadanya bernama Dang Sirat sangat bijak dalam ilmu guna dikatakan dia ada menaruh cemara babi konon, suaranya sangat merdu serta tarian terlalu pandai, oleh itu suami baginda Raja Kuning itu diambil buat gundik, perbuatan ini sangat dimurkai oleh Raja Kuning lalu suaminya melarikan dengan Dang Sirat itu berbuat rumah di suatu tempat di daratan tetapi akhirnya suami baginda itu tahu akan ilmu gunanya lalu ditikam mati dan suami baginda itu pun kembalilah ke Patani. Dengan kerana perangai yang seumpama itu menyebabkan selaku berlaku perkelahian di antara baginda Raja Kuning dan suaminya.

Syair Dang Sirat atau lebih dikenali sebagai *Pantun Dang Sirat* oleh Yusoff (1992: 296), memperlihatkan fungsi cucuk sanggul secara tersembunyi. Kisah Dang Sirat secara umumnya, mengisahkan perhubungan dua hala antara dua negara, iaitu Johor dan Patani. Melalui kisah ini juga, diselitkan kisah skandal di antara Dang Sirat dengan Sultan Johor yang pada berakhir dengan tragedi. Dang Sirat sebagai biduan istana yang memiliki suara yang merdu telah menjadi kegilaan Sultan Johor sehingga menyebabkan baginda tidak lagi mempedulikan Raja Kuning yang dikenali sebagai Nang Cayang. Yusoff (1992: 250) misalnya mengisahkan:

> Tiada berapa lamanya, Sultan Abdul Jalil pun berkahwin dengan Nang Cayang. Dalam istana Nang Cayang itu, ada seorang penyanyi, namanya Dang Sirat, suaranya sangatlah merdu bunyinya. Maka asyiklah Sultan Abdul Jalil kepadanya.

Baginda berpendapat bahawa semua penyanyinya mempunyai suara yang merdu, tetapi bagi baginda suara Dang Sirat yang paling bagus sehingga berjaya menawan hatinya. Namun demikian, dikatakan bahawa kononnya Dang Sirat menggunakan ilmu sihir untuk memikat hati Sultan Johor itu kerana wajah sebenar Dang Sirat amat hodoh. Yusoff (1992: 295) berkata bahawa:

> Tetapi tambah membingungkan, walaupun lemah tenaga seks, baginda masih mempunyai kelapangan untuk 'bermain asyik', berhibur-hiburan dan berpeleseran dengan wanita. Salah seorang wanita yang menjadi mangsanya ialah Dang Sirat, seorang biduan istana yang mempunyai suara yang merdu tetapi rupanya tiada baik, terlalu jahat lagi hitam pertubuhannya.

Dang Sirat telah memperdayakan Sultan Johor dengan menyihir pandangan matanya agar dia kelihatan cantik, iaitu dengan memakai tangkal di sanggul rambutnya, yakni dengan menggunakan cucuk sanggul. Menurut Buyong (1974: 13):

> Kononnya Dang Sirat itu ada mempunyai satu tangkal; apabila tangkal itu dimasukkan Dang Sirat ke dalam sanggulnya, rupa Dang Sirat kelihatan sangat cantik dan suaranya pun merdu; dan itulah yang menyebabkan raja dari Johor, suami Nang Cayang itu jatuh gila berahi kepadanya.

Berdasarkan hasil temu bual dengan seorang informan, iaitu Aminoh Jehwae, kisah Dang Sirat merupakan sebuah kisah legenda yang popular dalam kalangan masyarakat Melayu Patani. Masyarakat pada zaman dahulu percaya tangkal yang dipakai oleh Dang Sirat pada rambutnya dipercayai merupakan cucuk sanggul. Hal ini juga boleh dibuktikan melalui kenyataan yang

dikeluarkan oleh pengkaji sejarah Patani, iaitu Ismael Ishaq Benjasmith (temu bual, 25 Julai 2013) yang turut mengatakan bahawa tangkal yang dipakai oleh Dang Sirat itu merupakan cucuk sanggul. Menurut Ismael, sewaktu Dang Sirat menaiki gajah, sanggulnya tersangkut pada ranting pokok sehingga menyebabkan tangkal yakni cucuk sanggulnya itu terjatuh. Akibatnya, sihir yang dipakai Dang Sirat hilang serta-merta sehingga menyebabkan wajah Dang Sirat yang cantik itu berubah menjadi hodoh. Winstedt (1983: 162–163) turut mengatakan kisah Dang Sirat bahawa:

> Sultan Abdul Jalil sailed to Patani and married Nang Chayang. He also fell in love with her maid, a sweet singer, Dang Sirat, and took the girl for a ride on a elephant, when a branch knocked a charm out of her hair and left Dang Sirat ugly.

Menurut seorang informan, iaitu Muhammad Azizan Sabjan (temu bual 19 November 2013), wanita zaman dahulu dikatakan ada yang meletakkan jin pada sanggul rambut mereka, yakni dengan menggunakan cucuk sanggul untuk dijadikan sebagai tangkal dan kesan pemakaian cucuk sanggul ini menyebabkan wajah mereka kelihatan cantik dan berseri. Maka, jarang sekali mereka akan meleraikan ikatan sanggul mereka bagi mengelakkan kesan sihir itu hilang.

Berdasarkan kisah Dang Sirat ini, maka dapat dilihat bahawa penggunaan cucuk sanggul boleh melibatkan penggunaan ilmu sihir dalam kalangan masyarakat Melayu. Hal ini menggambarkan ada orang Melayu bijak dan berkemahiran dalam penggunaan ilmu sihir. Penggunaan ilmu sihir amat sinonim dalam kalangan sebilangan masyarakat Melayu kesan daripada kepercayaan terhadap amalan animisme yang secara tidak langsung mempengaruhi minda dan amalan seharian mereka. Kebanyakan daripada orang yang mengamalkan ilmu sihir ini adalah untuk memenuhi kehendak peribadi mereka berdasarkan dua tujuan, sama ada untuk tujuan baik ataupun buruk. Namun demikian, daripada sisi yang berbeza pula, penguasaan ilmu sihir ini adalah syirik menurut ajaran Islam.

Kesimpulan

Kesimpulannya, dapat dilihat bahawa cucuk sanggul memainkan peranan dan fungsi yang penting dalam masyarakat Melayu, sama ada secara zahir mahupun secara tersirat. Cucuk sanggul bukan sahaja berperanan sebagai barang perhiasan diri dalam kalangan wanita, tetapi juga boleh dijadikan sebagai senjata dan alat ilmu sihir. Begitu bijak orang Melayu kerana dapat menghasilkan kraf perhiasan diri yang indah, tetapi juga berperanan sebagai senjata dan alat ilmu sihir. Budaya pemakaian cucuk sanggul bukan sahaja terkenal dalam kalangan masyarakat Melayu, malah juga terkenal dalam budaya luar seperti Korea dan Jepun yang juga amat menggemari hasil kraf perhiasan diri yang diwarisi turun-temurun ini. Namun demikian, populariti cucuk sanggul kini kurang mendapat perhatian dalam kalangan para wanita kini, selari dengan perubahan konteks masa yang lebih moden. Hal ini kerana wanita kini, lebih memilih untuk berambut pendek dan kebanyakan daripada wanita Melayu juga sudah mengenakan tudung, maka cucuk sanggul tidak lagi sesuai dijadikan sebagai aksesori rambut bagi wanita pada zaman ini.

Bibliografi

Aminoh Jahwae, Jabatan Bahasa Timur, Universiti Prince of Songkla, Selatan Thailand, temu bual, 25 September 2013.

Amran Kasimin. (1997). *Amalan Sihir Masyarakat Melayu: Satu Analisis*. Kuala Lumpur: Pencetakan Watan Sdn. Bhd.
Azah Aziz. (2006). *Rupa dan Rupa Gaya Busana Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
Buyong Adil. (1974). *Sejarah Terengganu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
David, B.B., Rose, W. & Suzanne, T.O. (2010). *Essential of Sociology*. Wadsworth.
Edward Djamaris. (2007). *Sastera Indonesia Lama Berisi Sejarah*: *Ringkasan Cerita serta Deskripsi Latar dan Tokoh.* Jakarta: Departemen Pendidikan Nasional.
Feraro, G. & Andreatta, S. (2010). *Cultural Anthropology: An Applied Perspective*. Wadsworth.
Fraser-Lu, Sylvia. (1989). *Silverware of South-East Asia*. New York: Oxford University Press.
Ibrahim Syukri. (2002). *Sejarah Kerajaan Melayu Patani*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
Ismael Ishaq Benjasmith, Pusat Pemulihan Seni Budaya Tempatan dan Alam Sekitar, Selatan Thailand (PUSTA), temu bual, 25 Julai 2013.
Mohamed Nazreen bin Shahul Hamid, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, temu bual, 19 September 2013.
Mohamed Roselan Abdul Malek. (1998). *Kesan Sejarah dan Tempat-tempat Menarik Negeri Kelantan Darul Naim*. Selangor: Oscar Book International.
Mohd Kassim Haji Ali. (1988). *Gold Jewellery and Ornaments*. Kuala Lumpur: United Selangor Press Sdn. Bhd.
Mohd Kassim Haji Ali. (2008). *Traditional Malaysian Jewellery*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributor Sdn. Bhd.
Mohd Taib Osman. (2004). *Hikayat Seri Kelantan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
Muhammad Azizan Sabjan, Jabatan Falsafah dan Tamadun, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, temu bual, 19 November 2013.
Nik Ismail Ahmad. (1977). *Puteri Sa'adong*. Petaling Jaya: Uni-Text.
Nirsriwani Yahaya & Syed Zulfilda S.M. Noor. (2003). *101 Puteri Dunia Melayu: Sejarah dan Legenda.* Kuala Lumpur: Jabatan Muzium dan Antikuiti.
Nur Sham. (2007). *Madzhab-Madzhab Antrapologi*. Yogyakarta: LKis.
Richter, A. (2000). *The Jewelry of Southeast Asia*. London: Thames & Hudson Ltd.
Rogayah A. Hamid & Maryam Salim. (2006). *Kesultanan Melayu Kelantan.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
Skeat, Walter William. (2006). *Malay Magic: Being on Introduction to the Folkhorn and Popular Religion of the Malay Peninsula.* London: Macmillan.
Syafiq Atsari Zainudin. (2012). *Motif Sumpahan dalam Lagenda-lagenda yang Terpilih: Satu Kajian Perbandingan.* Tesis ijazah sarjana sastera yang tidak diterbitkan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
Syafiq Atsari, Maktab Rendah Sains Mara (MRSM), Lot 175, Entaban Land District, Jalan Freeder, 95700 Bentong, Sarawak, temu bual, 20 September 2013.
Syair Dang Sirat. Salinan mikrofilem (positif) manuskrip Add. 12381 di BL-OMSS. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara.
Yusoff Iskandar. (1992). *Persejarahan Melayu: Kajian tentang Tradisi Sejarah Melayu Nusantara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
Yusman Ayob & Mohamed Roselan Malek. (1995). *Senjata dan Alat Tradisional*. Petaling Jaya: Penerbit Prisma Sdn. Bhd.
Windstet, R.O. (1933). 'Abdul'l-Jalil, Sultan of Johore (1699-1719), 'Abdul'l-Jamal, Temenggong (ca.1750) and Raffles' Founding of Singapore. *Journal of Malayan Branch* (JMBRAS), *II*, ii. Singapura: Royal Asiatic Society.

Konsep Daulat dan Derhaka dalam Pemikiran Orang Melayu: Kajian Terhadap Teks Melayu Terpilih[1]

Wan Siti Azahayu Wan Mohamed | Norlizawati Md. Nor

Pengenalan

Sejak dari dahulu lagi, orang Melayu berpegang teguh pada konsep daulat dan derhaka yang meletakkan bahawa walau sezalim atau sediktator mana sekalipun seseorang ketua atau raja itu rakyat dilarang untuk menentang atau menderhaka. Pada zaman feudal khususnya zaman Kesultanan Melayu Melaka, pemerintahan dipecahkan kepada dua kumpulan, iaitu golongan raja dan bangsawan dan golongan rakyat dan hamba. Bagi golongan yang kedua ini, mereka tiada sebarang hak untuk bercakap tentang hal ehwal pemerintahan, malah mereka dipaksa untuk sentiasa patuh dan menurut segala perintah walaupun tanpa kesediaan mahupun kerelaan. Kepercayaan terhadap konsep 'daulat' yang digunakan telah meletakkan raja mengatasi golongan-golongan lain sekali gus menghakis serta menidakkan elemen-elemen kritikan dan teguran masyarakat yang diperintah terhadap pemerintah. Konsep derhaka juga digunakan bagi menggambarkan masyarakat yang diperintah yang berani 'bersuara' menentang institusi pemerintahan tersebut.

Dalam institusi pentadbiran Melayu, raja merupakan ketua atau orang yang terpenting untuk mentadbir dan membentuk struktur pentadbiran sesebuah kerajaan. Kedudukan raja amat istimewa kerana kewujudan dan kejatuhan sesebuah kerajaan bergantung kepada raja, oleh sebab itu tanpa raja maka tidak akan terbentuk sebuah kerajaan atau institusi pemerintahan (Abu Hassan, 1974: 79). Struktur kerajaan yang diketuai oleh raja dibantu oleh pembesar yang terdiri daripada bendahara, penghulu bendahari, temenggung, laksamana, syahbandar dan sebagainya. Masyarakat Melayu memperlihatkan hubungan pemerintah (raja) dengan golongan yang diperintah (rakyat) ibarat sebatang pokok; rakyat itu umpama akar dan raja itu umpama pohon; jikalau tidak ada akar nescaya pohon tidak boleh tegak berdiri (Shellabear, 1995: 127). Bagi menjalankan pentadbiran sesebuah negara, hukum atau pantang larang yang telah dibuat tidak boleh dilanggar agar keamanan dalam negara terpelihara. Begitulah pentingnya hubungan di antara raja dengan rakyat untuk mewujudkan keharmonian hubungan antara satu sama lain. Oleh yang demikian, dengan mengambil tiga teks Melayu iaitu *Sejarah Melayu, Hikayat Raja Pasai* dan *Misa Melayu,* penulisan ini akan menggarapkan tentang konsep daulat dan derhaka dalam pemikiran orang Melayu.

'Waad' Pencetus Konsep Daulat dan Derhaka

Sebelum kemasukan Islam ke Nusantara, alam pentadbiran Melayu telah dipengaruhi oleh kebudayaan Hindu-Buddha yang meletakkan bahawa raja sebagai Tuhan atau *Deva* (Abdullah Maamuom, 1973: 40). Raja dalam konteks ini telah diumpamakan sebagai ketua yang tertinggi

kerana dipercayai berasal daripada keturunan *deva* atau *devi*. Golongan raja menduduki hierarki teratas berasaskan konsep *Devaraja,* iaitu raja dianggap sebagai bayangan dewa Vishnu dan dewa Siva.[2] Menurut Muhammad Yusoff (1989: 141) kedudukan raja sebagai *Devaraja* bukan sahaja ditarafkan sebagai ketua dalam institusi pentadbiran malah berperanan sebagai ketua kepada dewa-dewa yang mempunyai kewibawaan untuk menjaga hubungannya dengan dewa-dewa Hindu lalu meletakkan konsep ini sah daripada kaca mata kepercayaan Hindu. Sewaktu zaman pemerintahan Hindu, seseorang raja dipercayai mempunyai 'sakral', iaitu bersifat luar biasa dan mempunyai unsur-unsur magis yang boleh mengukuhkan kedudukannya sebagai seorang raja yang suci, di samping memiliki 'shakti', iaitu kekuatan, kepahlawanan, keberanian dan kemahiran luar biasa. Keistimewaan ini diperoleh melalui 'samadhi', iaitu pertapaan dan pemujaan alat senjata kepunyaan raja.

Walau bagaimanapun konsep kepercayaan yang berasaskan raja sebagai *Devaraja* telah berubah dalam sistem pentadbiran Melayu setelah menerima kemasukan Islam secara tidak langsung. Konsep kepercayaan terhadap *Devaraja* secara perlahan-lahan telah berubah, iaitu raja sebagai wakil Allah di muka bumi dan memegang amanat untuk menjalankan urusan pentadbiran secara Islam. Begitu juga dengan konsep sakral dan shakti yang telah ditukarkan kepada konsep daulat dan derhaka, iaitu bermula dengan peristiwa persetiaan atau waad antara Seri Teri Buana dengan Demang Lebar Daun dalam *Sejarah Melayu* yang mengangkat raja sebagai wakil Tuhan yang berdaulat mengikut persepsi dan pemikiran masyarakat Melayu.[3] Berdasarkan *Sejarah Melayu*, sewaktu peristiwa perjanjian atau 'waad' ini berlangsung, Seri Teri Buana iaitu raja negeri Palembang berduka kerana segan menyuarakan hasratnya untuk memperisterikan anak Demang Lebar Daun, iaitu Raden Ratna Cendera Puri. Walaupun baginda sebelum ini telah beberapa kali beristeri tetapi wanita yang dikahwininya telah diserang penyakit 'kedal', iaitu sejenis penyakit kulit sebaik sahaja beradu semalaman. Keadaan ini seterusnya mencetuskan perjanjian antara mereka seperti digambarkan melalui petikan berikut (A. Samad, 2003: 25–26):

> Maka titah Seri Teri Buana, "Kabullah hamba akan janji paman itu; tetapi hamba pun hendak minta janji juga pada paman." Maka sembah Demang Lebar Daun, "Janji yang mana itu, patik mohonkan titah duli Yang Maha Mulia." Maka titah Seri Teri Buana, "Hendaklah oleh segala anak cucu hamba, jikalau ada salahnya sekalipun, atau zalim jahat pekertinya jangan segala hamba Melayu itu derhaka dan menitikkan darahnya ke bumi, jikalau mereka itu akan cedera, berundur hingga takluk negerinya juga. Maka sembah Demang Lebar Daun, "Baiklah tuanku, tetapi jikalau anak cucu duli tuanku dahulu mengubahkan, anak cucu patik pun berubahlah tuanku." Maka titah Seri Teri Buana, Baiklah paman, kabullah hamba akan waad itu. Maka baginda pun bersumpah-sumpahlah dengan Demang Lebar Daun. Titah baginda, "Barang siapa hamba Melayu derhaka mengubahkan perjanjiannya, dibalikkan Allah bumbung rumahnya ke bawah kaki ke atas." Maka sembah Demang Lebar Daun, "Jikalau raja Melayu itu mengubahkan perjanjian dengan hamba Melayu, dibinasakan Allah negerinya dan takhta kerajaannya." Itulah dianugerahkan Allah subhana wa taala pada segala raja-raja Melayu, tiada pernah memberi aib kepada segala hamba Melayu, jikalau sebagaimana sekali pun besar dosanya, tiada diikat dan digantung, difadihatkan dengan kata-kata yang keji hingga sampai pada hukum mati, dibunuhnya. Jikalau ada seorang raja-raja Melayu itu memberi aib seseorang hamba Melayu, alamat negerinya akan binasa.

Kewujudan pengelasan dua golongan pemerintah dan diperintah seperti yang dinyatakan adalah bermula daripada tradisi kepercayaan dan persetiaan (waad) antara Seri Teri Buana dengan Demang Lebar Daun.[4] Kepercayaan terhadap konsep ini telah membuatkan para sarjana seperti R.O. Winstedt, R.J. Wilkinson, Ali Ahmad, Noriah Taslim dan ramai lagi berpendapat bahawa waad membentuk kerangka atau tulang belakang keseluruhan penulisan *Sejarah Melayu* (2013: 29–10). Waad juga mewujudkan konsep bersultan dan berhamba dalam masyarakat Melayu beraja yang sekali gus membentuk konsep pemimpin-pengikut dalam pengertian pada zaman sekarang. Jika diperhalusi perjanjian ini telah mengikat kedua-dua belah pihak khususnya pihak Demang Lebar Daun (hamba rakyat) untuk tidak melakukan sesuatu yang boleh mengakibatkan

derhaka. Manakala, Seri Teri Buana yang mewakili Raja pula perlu bijak memainkan peranan sebagai pemerintah dan menunjukkan sifat yang baik kepada masyarakat. Perlakuan seorang raja perlu diseimbangkan dengan keperibadian dirinya sebagai seorang ketua pemimpin yang amat dihormati oleh rakyatnya. Begitu juga halnya dengan Demang Lebar Daun yang mewakili rakyat keseluruhannya perlu sedia mengikut titah dan memperhambakan diri kepada raja.

Seandainya didapati kedua-dua pihak iaitu raja atau rakyat telah melanggar waad seperti raja bertindak zalim dan rakyat menderhaka, maka kedua-dua pihak tersebut akan menerima balasan seperti yang telah dimeterai bahawa rakyat akan "dibalikkan Allah bumbung rumahnya ke bawah kaki ke atas" dan pihak raja pula akan menerima akibat dibinasakan Allah negeri dan takhta kerajaannya. Berdasarkan perjanjian ini, ternyata ketaatan rakyat kepada raja dan sikap adil raja kepada rakyat merupakan suatu aturan yang dituntut dalam sistem pemerintahan supaya dapat menjaga hubungan dan kebajikan antara satu sama lain.

Menurut pendapat Wilkinson (1932: 81), setelah terbinanya perjanjian atau waad yang dinyatakan dalam *Sejarah Melayu*, hal ini telah mewujudkan sebuah binaan tembok atau landasan di antara kuasa raja yang membuktikan pemerintahan kerajaan Melayu lama tidaklah bersifat monarki mutlak. Hal ini bermaksud pihak raja dan rakyat mempunyai hak kebebasan yang teratur kerana mereka tidak boleh membuat sesuatu perkara sesuka hati. Umpamanya seseorang raja telah dibataskan supaya tidak bertindak menjatuhkan hukuman sesuka hati sebelum diperiksa kebenarannya, sama juga halnya dengan rakyat yang perlu mematuhi segala perintah raja selagi perintah tersebut tidak mencabuli hak mereka (Josselin de Jong, 1965: 19–20).

Oleh yang demikian, dapat dijelaskan bahawa waad adalah salah satu cara untuk memastikan keamanan dan kesejahteraan dalam negeri seterusnya memupuk sifat kepimpinan seorang raja dan sifat taat setia rakyat kepada raja.[5] Selain peristiwa persetiaan waad, terdapat juga peristiwa yang berlaku akibat perlanggaran waad yang menunjukkan bahawa tingkah laku raja dan rakyat boleh mempengaruhi berlakunya sesuatu kejadian itu. Dalam pada itu, setelah bermulanya lafaz persetiaan waad, maka berlangsunglah corak pemerintahan di alam Melayu yang berlandaskan konsep daulat dan derhaka mengikut kepercayaan dan pemikiran masyarakat Melayu melalui peredaran masa dan zaman.

Konsep Daulat dan Derhaka dalam Pemikiran Orang Melayu

Kepercayaan Hindu yang menganggap raja adalah jelmaan Tuhan Hindu seperti dewa Siva dan dewa Vishnu termaktub di dalam kitab *Manu*, raja adalah *God-king* (Abu Hassan, 1974: 73). Raja dalam konteks ini menjadi tumpuan kesetiaan rakyat dan rakyat berhak menerima 'bhakti', iaitu balasan atau dengan erti kata lain menerima ganjaran daripada tuhan-tuhan mereka kerana tuhan-tuhan mereka mempunyai keistimewaan yang bersifat sakral dan shakti. Sekiranya rakyat melanggar atau melawan perkara-perkara yang bertentangan dengan perintah raja, mereka akan mendapat 'tulah' atau balasan yang buruk dalam kehidupan mereka secara langsung dan tidak langsung.

Sungguhpun demikian, dengan kemasukan agama Islam dalam sistem pentadbiran Melayu, secara perlahan-lahan keistimewaan ini diganti dengan istilah berunsurkan Islam yang

dinamakan 'daulat' dan 'derhaka'.[6] Dalam amalan sistem pemerintahan Islam di alam Melayu, daulat bermaksud kewibawaan, keistimewaan dan keunggulan oleh raja dan keturunannya (Auni, 1991: 2). Pengaruh Islam telah menyebabkan inti pati konsep daulat ini diperkukuhkan kerana seseorang raja itu dinilai daripada sudut kekuasaan dan kewibawaan berdasarkan keteguhan mereka terhadap pentadbiran Islam (Shaharuddin, 1984: 20).

Dalam pada itu, kedatangan Islam telah merubah persepsi atau prinsip baru terhadap institusi beraja di alam Melayu kerana konsep *Devaraja* digantikan dengan konsep kesultanan yang merupakan satu bentuk amanah Allah di muka bumi dan istilah shakti pula telah ditukar kepada daulat berasaskan konsep kedaulatan dalam Islam. Konsep kepercayaan *Devaraja* dan shakti telah dirombak dengan kedatangan Islam kerana mengikut ajaran Islam, raja dan rakyat sama-sama bertanggungjawab untuk taat kepada Allah dan sama-sama mendapat ganjaran daripada-Nya (Auni, 2000: 71). Kesan perubahan konsep tersebut secara tidak langsung telah menunjukkan bahawa kekuasaan dalam pentadbiran merupakan satu amanah yang diberikan kepada pemerintah untuk mentadbir rakyatnya. Raja perlu sentiasa menjaga hak kekuasaan dalam pentadbiran dengan saksama agar diredhai oleh Allah SWT.

Pegangan terhadap konsep daulat mengikut ajaran Islam menyebabkan raja dalam pentadbiran Melayu tidak lagi didewakan dan tidak lagi dikaitkan dengan alam kayangan. Kedudukan seseorang raja yang dianggap sebagai *devaraja* berubah sebagai 'khalifah' atau wakil Allah (Auni, 1991: 34). Hal ini bermakna kepercayaan terhadap persamaan taraf raja dengan dewa-dewa agama Hindu dan mengaitkan raja dengan kuasa ghaib dan sakti tidak lagi menjadi kepercayaan dan pegangan masyarakat Melayu. Unsur-unsur mitos dan legenda yang mendasari keturunan raja juga telah dihapuskan sedikit demi sedikit supaya dapat mengubah kepercayaan tersebut yang telah lama berakar umbi di alam Melayu (Auni, 2000: 74–75). Raja sebagai 'wakil Tuhan' di dunia yang berhak untuk mengatur dan menguasai apa-apa sahaja terhadap rakyatnya haruslah menjalani kehidupan mereka mengikut landasan yang berteraskan agama Islam.

Muhammad Yusoff (1989: 71–77), dalam tulisannya telah menjelaskan bahawa konsep daulat daripada segi etimologi atau perkataan daulat berasal daripada perkataan Arab *al-daulah* yang bererti 'kerajaan'. Jika digabungkan perkataan 'raja' dan 'daulat' menjadi satu perkataan, iaitu 'raja berdaulat' yang membawa maksud raja yang berkerajaan atau mempunyai negeri yang ditadbirnya. Selain itu, daulat juga membawa suatu konsep abstrak yang menunjukkan raja mempunyai suatu kuasa tersembunyi. Dalam konteks ini, orang Melayu percaya bahawa seseorang raja itu tidak boleh dimaki hamun apatah lagi diderhakai, kerana akan mengakibatkan ketulahan (Muhammad Yusoff & Abdul Rahman, 1994: 69).

Daulat seseorang raja itu juga dapat dinilai melalui perspektif lahiriah seseorang raja. Misalnya, tubuh raja sering dianggap suci sehingga disebut 'duli' tuanku yang bermaksud debu tapak kaki seseorang raja. Raja juga dijunjung dengan istilah-istilah seperti 'maha' yang membawa maksud tersangat besar dan mulia (Mardiana, 2008: 126). Sementara itu, daripada segi fizikalnya, daulat seorang raja digarap berdasarkan karismanya seperti gagah, berani, cergas, pintar, petah bercakap, alim, berilmu agama dan duniawi (Muhammad Yusoff, 1989: 277). Ketinggian daulat raja juga dipengaruhi oleh kedudukan dan keadaan kerajaannya. Kedaulatan dan ketinggian kekuasaan seseorang raja juga akan menjadikan negeri atau kerajaannya aman makmur dengan hasil tanaman, ternakan yang melimpah-ruah dan sering mendapat kunjungan daripada kumpulan pedagang. Manakala kejadian kemerosotan, kacau bilau, kerugian, serangan musuh dan bencana alam sering dikaitkan dengan raja yang zalim dan gagal mentadbir negara dengan baik, seperti

tidak mempunyai pegangan agama yang kuat, boros dan suka menghabiskan duit rakyat (Muhammad Yusoff & Abdul Rahman, 1994: 219). Situasi ini menunjukkan bahawa nilai kedaulatan dan kewibawaan seseorang raja itu akan tergugat seterusnya membawa kepada kejatuhan kerajaannya.

Bagi masyarakat Melayu, kedaulatan seseorang dapat dilihat melalui aktiviti-aktiviti seharian raja dan rakyatnya. Antaranya, kedaulatan yang diukir melalui penggunaan bahasa khusus oleh sultan dan kerabatnya dikenali sebagai ‘bahasa dalam’ seperti ‘gering’, ‘patik’, ‘titah’, ‘beradu’, ‘santap’ dan sebagainya di samping penggunaan alatan kebesaran diraja seperti ‘nobat’, ‘cap mohor’ dan lain-lain (Liaw, 2011: 526–527). Hanya raja sahaja yang berhak menikmati tradisi dan amalan menjunjung duli, manakala anggota masyarakat lain dilarang sama sekali. Selain itu, hanya raja yang berhak menggunakan payung berwarna kuning dan anak raja pula hanya dibenarkan menggunakan payung berwarna putih. Selain menjadi warna ritual untuk agama Hindu dan Buddha, warna kuning juga adalah warna suci dan lambang kesucian agama dan biasa dipakai oleh sami Hindu dan Buddha (Muhammad Yusoff, & Abdul Rahman, 1994: 82). Larangan menggunakan kain kuning, kain kasa, peralatan kebesaran dan sebagainya oleh rakyat adalah jelas memperlihatkan pengaruh tradisi Hindu yang masih tegar untuk dikikis sepenuhnya dalam budaya pemerintahan Melayu.

Namun begitu, mengikut pandangan Timothy J. Moy (1977: 124), konsep daulat boleh dilihat dalam perspektif yang berbeza-beza. Antaranya, konsep ini boleh ditakrifkan sebagai “lambang membawa tuah”. Dalam maksud yang jelas, sejak kelahiran seorang raja sehingga kemangkatannya, masyarakat Melayu amat mempercayai seorang raja itu membawa ‘tuah’ atau ‘kerahmatan’ kepada rakyat dan negaranya. Berbeza pula daripada sudut pandangan golongan bangsawan atau aristokrat yang meletakkan istilah ‘daulat’ yang lazimnya disebut sebagai ‘beruntung’. Konsep beruntung lebih menekankan bahawa kepimpinan seorang raja dalam sistem pemerintahan akan membawa kekayaan, kemewahan, kemakmuran dan kekuatan kepada isi negerinya. Hal ini bertepatan dengan kedudukan raja sebagai tunggak utama dalam hierarki sosial pada zaman feudalisme masyarakat Melayu, maka segala kebesaran hendaklah diberikan kepada golongan raja sebagai suatu bentuk pengukuhan aspek kedaulatan sesebuah kerajaan.

Bagi menampilkan imej raja atau golongan pemerintah, unsur mitos dan legenda digunakan sebagai bentuk penceritaan oleh pengarang-pengarang Melayu istana pada ketika dahulu bagi menunjukkan penghormatan dan kesaktian raja sekali gus menjadi satu ciri penting bagi menaikkan taraf keistimewaan dan kedaulatan golongan pemerintah. Mitos adalah suatu kepercayaan kudus sesebuah masyarakat terhadap sesebuah cerita benar yang berlaku dalam dunia pada ketika dahulu dan pelakunya adalah manusia-manusia yang mempunyai sifat istimewa serta sakral khususnya golongan raja. Mitos juga berhubung rapat dengan kepercayaan agama sesebuah masyarakat seperti penonjolan pelaku-pelaku yang mungkin merupakan dewa dewi atau Tuhan yang dipercayai oleh masyarakat tersebut (Muhammad Yusoff & Abdul Rahman, 1994: 36). Ideologi mitos ini mewujudkan sistem pentadbiran berhierarki yang menjarakkan raja daripada hamba, membezakan budaya raja daripada budaya hamba serta membentuk pelbagai pantang larang istana, termasuk etos politik feudal yang melarang rakyat menderhaka kepada raja walau sezalim mana pun raja itu (Noriah, 2006: 83). Legenda pula adalah cerita-cerita tentang tokoh-tokoh terkenal pada satu-satu tempat. Tokoh-tokoh ini mungkin pernah hidup dalam sejarah tempatan atau mungkin kebenaran sejarah tokoh tersebut tidak dapat dibuktikan namun dipercayai oleh masyarakat (Muhammad Yusoff & Abdul

Rahman, 1994: 36).

Unsur mitos dan legenda telah dikaitkan dengan seseorang raja oleh pengarang *Sejarah Melayu* untuk memperlihatkan kedudukan dan keagungannya dalam sesebuah kerajaan. Misalnya, kisah Raja Suran turun ke laut dengan menggunakan peti kaca berkunci untuk melihat segala isi laut sehingga jatuh ke negeri Dika yang diperintah oleh Raja Aktabu'l-Ard. Raja Suran kemudian menaiki takhta dan berkahwin dengan Tuan Puteri Mahtabu'l Bahri dan memiliki tiga orang putera. Hal ini dinyatakan seperti berikut (A. Samad, 2003: 14):

> Maka dititahkan baginda berbuat sebuah peti kaca berkunci dan berpesawat dari dalam… Maka Raja Suran pun masuklah ke dalam peti itu, maka segala yang di luar semuanya habis kelihatan; maka dikuncikan baginda pintu peti itu dari dalam. Maka dihulurkan oranglah ke dalam laut, maka peti itu pun tenggelamlah, maka Raja Suran pun terus melihat dari dalam peti itu, pelbagai kekayaan Allah subhanahu wa taala dipandang baginda, moga-moga dengan takdir Yang Maha Kuasa, maka peti Raja Suran itu jatuh ke dalam bumi yang bernama Dika.

Peristiwa lain untuk menunjukkan kedaulatan keturunan diraja telah digambarkan melalui kisah padi yang ditanam oleh Wan Empuk dan Wan Malini berbuahkan emas, berdaunkan perak dan berbatangkan suasa setelah anak raja Suran tiga bersaudara iaitu Nila Pahlawan, Krisyna Pandita dan Nila Utama turun ke Bukit Siguntang Mahameru (A. Samad, 2003: 19–20). Perubahan fenomena tempat perhumaan yang menjadi gilang-gemilang ini menandakan kehebatan dan keunggulan tokoh ini sehingga menyebabkan perubahan terhadap suasana alam. Keunggulan dan ketinggian martabat raja-raja Melayu terus diperkuatkan apabila dikaitkan dengan Iskandar Zulkarnain iaitu seorang tokoh legenda dari Macedonia, Rom yang mendapat sanjungan sedunia kerana kehebatan dan ketokohannya (Auni, 1991: 7).[7] Malah, perkahwinan Iskandar Zulkarnain dengan anak Raja Kida Hindi yang bernama Syahrul-Bariyah berwalikan Nabi Khidir juga membuktikan kebesaran baginda apabila melibatkan seorang nabi yang amat terkenal, malah kerap menjadi seorang tokoh legenda dalam sastera Melayu lama (Rahimah, 1998: 41). Pengaruh kebesaran Iskandar Zulkarnain yang diberikan kepada raja-raja Melayu menunjukkan bahawa golongan raja berasal daripada tokoh pahlawan masyhur dan penakluk agung dunia.

Begitu juga apabila merujuk kepada sebahagian besar teks-teks Melayu yang ditulis pada abad ke-15 hingga ke-19, pengarang-pengarang istana telah mengaitkan keturunan raja dengan unsur mitos/legenda berasaskan pengaruh kepercayaan Hindu-Islam (Kobkua, 1986: 36). Pencampuran pengaruh Hindu-Islam adalah untuk meletakkan kedaulatan seseorang raja yang masih kuat dipengaruhi tradisi kepercayaan Hindu walaupun telah menerima kemasukan Islam dalam sistem pentadbiran Melayu.

Dalam sistem kepercayaan Hindu, konsep 'mana' menganggap seseorang raja atau ketua itu mempunyai kuasa ghaib dan mempunyai kuasa untuk menyembuhkan penyakit (Abu Hassan, 1974: 73). Hal ini terlihat dalam kisah raja China yang menderita penyakit kulit kerana terkena tulah raja Melaka akibat menerima sembah daripada baginda raja. Penyakit tersebut tidak dapat diubati walaupun menggunakan khidmat tabib-tabib yang handal. Akhirnya, penawar untuk penyakit tersebut adalah dengan pertolongan keajaiban raja sahaja iaitu melalui air basuhan kaki Sultan Mansur Syah. Peristiwa ini digambarkan seperti berikut (A. Samad, 2003: 136):

> Maka raja China pun menyuruh memanggil tabib minta diubati. Makin diubati oleh tabib, semakin sangat kegatalan. Maka beberapa ratus tabib disuruh raja China mengubati baginda, tiada juga sembuh. Maka ada seorang tabib tua berdatang sembah pada raja China, demikian sembahnya, "Tuanku seri kopiah, adapun penyakit kenohong ini tiada akan terubati oleh patik-patik sekalian; kerana penyakit ini bersebab datangnya." Maka titah raja China, "Apa sebabnya penyakit ini?" Maka sembah tabib tua itu, "Tuanku ini tulah kerana raja berkirim sembah itu. Jikalau tiada air basuh kaki raja Melaka, tuanku santap dan dibasuhkan muka tuanku yang telah kedal anjing itu, tiadalah akan

> sembuh penyakit tuanku ini."

Bagi mengangkat martabat golongan raja ini, pengarang *Sejarah Melayu* juga mengaitkannya dengan mitos pengaruh Hindu iaitu menyebutkan tentang asal-usul raja dan keturunannya yang berasal daripada muntah lembu, buih, mayang dan lain-lain di samping menerapkan pengaruh agama Islam dengan menyebut perkataan Allah SWT, nabi, takdir dan sebagainya (Muhammad Yusoff & Abdul Rahman, 1994: 37). Sebagai contoh, kemunculan keturunan raja yang dinamakan sebagai Batala yang lahir daripada buih yang dimuntahkan oleh lembu tunggangan Nila Pahlawan atau gelarannya Sang Si Perba (A. Samad, 2003: 22). Kelahiran Batala melalui buih yang dimuntahkan lembu yang merupakan binatang suci dalam kepercayaan Hindu telah menjelaskan bahawa raja Melayu dan keturunannya adalah berdaulat kerana golongan mereka dilahirkan dengan cara berbeza-beza berbanding rakyat biasa. Keistimewaan kelahiran golongan raja adalah sebagai lambang raja yang bersifat sakral di samping dapat mengukuhkan kepercayaan dan pemikiran Masyarakat Melayu yang menganggap bahawa raja-raja Melayu juga mempunyai darah putih yang bermaksud 'suci' dan kudus. Kelahiran Batala daripada buih lembu dipercayai jelmaan semula dewa-dewa Hindu yang sering terdapat dalam kitab-kitab suci Hindu seperti epik *Ramayana, Mahabrata, Bharatayuddha* dan sebagainya.

Menurut Noriah (2006: 79), pengarang-pengarang istana pada zaman dahulu juga telah membawa pemikiran Melayu dalam penulisan mereka yang lebih cenderung menunjukkan penghormatan kepada raja, sekali gus membuktikan komitmen mereka kepada raja dengan memaparkan realiti sosiopolitik yang membentuk suatu ideologi istana sejak turun-temurun. Justeru, karya-karya istana khususnya karya yang lahir pada abad ke-16 hingga ke-19 turut memfokuskan kepada tema-tema yang mengagungkan rajanya supaya rakyat tidak meragui kekuasaan dan kedaulatan raja Melayu. Situasi ini membuktikan bahawa kegemilangan dan kedaulatan seorang raja melalui penggunaan unsur mitos dan legenda merupakan satu ciri yang penting dalam persejarahan raja-raja Melayu.

Begitu juga paparan kedaulatan raja dalam *Hikayat Raja Pasai* yang dapat dilihat melalui peristiwa cacing gelang-gelang yang terjerat dalam bubu Merah Silau yang kemudiannya menjadi emas dan berbuihkan perak setelah direbus sehingga membuatkan Merah Silau dilimpahi kekayaan. Perubahan cacing gelang-gelang menjadi emas dan berbuihkan perak melambangkan bahawa diri seseorang raja mempunyai keluarbiasaan yang membawa tuah, yang boleh menjadikan kaya-raya dengan serta-merta dan amat mustahil perkara ini boleh berlaku kepada rakyat biasa. Gambaran peristiwa ini dapat dilihat melalui petikan di bawah (Jones, 1987: 7–8):

> Maka gelang-gelang itu pun dibawanya pulang ke rumahnya dibubuhnya dalam kawah, maka disuruhnya rebus semuanya gelang-gelang itu. Maka dengan takdir Allah taala maka gelang-gelang itu pun menjadi emas dan buihnya.

Paparan kedaulatan tentang fizikal dan kebijaksanaan yang berlaku dalam peristiwa Tun Beraim Bapa pula memperlihatkan dirinya sebagai seorang yang handal dalam ilmu bermain senjata. Peristiwa ini juga menggambarkan baginda mempunyai ciri fizikal yang sempurna sebagai seorang raja dan amat terkenal di seluruh dunia. Kehebatan Tun Beraim Bapa dalam menentang musuh merupakan keistimewaan kepada baginda untuk menunjukkan bahawa seseorang raja mendapat kekuatan melalui alat senjata. Bukti gambaran peristiwa sedemikian dapat dilihat melalui petikan ini (Jones, 1987: 36–46):

> Alkisah, maka tersebuah perkataan Tun Beraim Bapa: diceriterakan oleh orang yang empunya cerita, adapun akan

> Beraim Bapa terlalu amat perkasanya lagi pahlawan, tiada berbagai pada/zaman itu; tujuh hasta tingginya dan dua hasta bidang dadanya, maka jikalau tujuh depa tebal kota tanah dilotarkan dengan batang kelambir luluh lantak. Maka masyhurlah wartanya ke benua Keling… Maka baginda berbahasa pula dengan seorang gurunya pahlawan Kampung Bangka. Maka dilontarkannya kelambir kotai lalu diparangnya oleh Tun Beraim Bapa penggal dua kelambir itu, sebelah ghaib tiada kelihatan, dan sebelah terhantar di bumi penuh dengan airnya. Maka berbahasa pula baginda dengan gurunya pahlawan Kampung Langgar, maka dilontarkannya sebuah pinang kotai. Maka diparangnya oleh Tun Beraim Bapa penggal dua, sebelah ghaib tiada kelihatan dan sebelah terhantar di bumi.

Gambaran kesaktian dan kehebatan Tun Beraim Bapa sebagai seorang raja yang arif mendalami ilmu menentang musuh telah meletakkan kedudukannya yang amat disanjung oleh rakyatnya. Begitu juga gambaran kedaulatan seseorang raja yang digambarkan melalui karya *Misa Melayu* yang menyatakan sifat raja Iskandar Syah yang berdaulat kerana fizikal dan sikap terpujinya yang menyebabkan rakyat begitu menyanjung baginda. Tambahan pula, gambaran negeri Perak yang menunjukkan pemerintahan baginda berada dalam keadaan teratur dan sistematik berlandaskan syariat Islam. Kestabilan ekonomi negeri tersebut adalah dipercayai daripada sifat bertuah baginda yang menjadikan negeri Perak sebagai pelabuhan aktiviti perdagangan di Nusantara. Gambaran kedaulatan Raja Iskandar Syah telah diperjelaskan seperti berikut:

> Maka Raja Iskandar itulah yang bergelar Raja akan memerintahkan kerajaan seri paduka ayahanda baginda Sultan Muhammad Syah, ialah yang diturut segala orang besar-besar dan ialah ikutan segala anak raja-raja yang di dalam negeri Perak, dan ialah yang dikasihi dan yang ditakuti oleh segala hulubalang rakyat sekalian dan negeri gemar dan kasih akan Raja Muda itu. Maka termasyhurlah nama baginda itu kepada segala desa yang lain-lain. Syahadan baginda itulah yang bertuah lagi berdaulat dan arif bijaksana, bangsawan lagi dermawan pada segala bicara dan perintah hukum Allah dan hukum istiadat negeri memelihara segala rakyat. Maka beberapa kali didatangi segala memeliharakan segala rakyat. Maka dengan berkat tuah istimewa pula dengan daulat baginda dan baik akal bicaranya tiadalah dibiari Allah Taala sampai kepada segala mara bahaya itu, adanya. Maka segala anak raja-raja di dalam negeri Perak dan segala paduka adinda baginda itu semuanya di bawah takhta kerajaan Raja Muda dan mengikut segala bicara seri paduka kekanda itu. (Ahmad Fauzi, 1993: 2–3).

Kedaulatan Raja Iskandar dikaitkan dengan pengaruh Islam. Contohnya pemerintahan yang dijalankan berlandaskan hukum Allah telah membuktikan bahawa institusi pentadbiran Melayu telah membentuk konsep daulat berasaskan ajaran Islam. Penerimaan ajaran Islam secara berterusan dalam sistem pentadbiran Melayu secara tidak langsung telah mengubah corak pentadbiran daripada tradisi Hindu yang bertapak sebelum ini dengan menyesuaikannya mengikut tuntutan Islam. Perubahan ini sejajar dengan kedatangan agama Islam sebagai 'ad-Din', iaitu sebagai satu cara hidup menyeluruh untuk menegakkan hukum baru dalam cara hidup masyarakat di rantau ini di samping kemunculannya sebagai satu kuasa politik berpaksikan kepada tauhid yakni segala-galanya berpunca daripada Allah termasuklah sesuatu kekuasaan (Auni, 2000: 70). Pelaksanaan corak pemerintahan Islam ini juga dapat mewujudkan sistem pentadbiran yang lebih sistematik, rasional dan berorientasikan syariat Islam, dan konsep gelaran raja (beraja) telah ditukarkan kepada gelaran sultan (bersultan).

Seorang raja dianggap sebagai wakil Allah (khalifah) yang diamanahkan untuk mentadbir alam dengan saksama dan sempurna (Noriah, 2006: 83). Khalifah yang diangkat sebagai pemegang amanah Allah perlu dimuliakan, dan hukumnya adalah fardu kifayah sebagaimana yang disebut oleh Raja Ali Haji melalui bukunya *Thammarat al-Mahammah* (Mardiana, 2008: 125). Dalam erti yang jelas, setiap perintah yang diperintahkan oleh raja haruslah dilaksanakan kerana peranan yang diberikan ini adalah untuk mengingatkan bahawa raja merupakan pemegang kuasa Allah untuk menjaga kemakmuran di muka bumi.

Seseorang raja itu juga diberikan taraf selaku "bayangan Allah di muka bumi" (*Zillullah fil-Ard*). Konsep ini adalah untuk mengingatkan raja bahawa fungsi utama mereka adalah untuk

memberikan perlindungan kepada rakyat jelata di samping melaksanakan hukum-hukum yang ditetapkan oleh Allah (Auni, 1991: 4). Begitu juga dengan peranan rakyat yang diperintah, mereka perlu menghormati dan melaksanakan perintah yang diberikan selagi tidak bertentangan dengan hukum Allah. Hubungan antara pemerintah-diperintah yang dituntut dalam ajaran Islam telah diperjelaskan dalam surah al-Nisa' ayat 59 yang bermaksud:

> Wahai orang-orang yang beriman! Taatilah Allah dan taatilah Rasul (Muhammad), dan Ulil Amri (pemegang kekuasaan) di antara kamu. Kemudian, jika kamu berbeza pendapat tentang sesuatu, maka kembalilah kepada Allah (al-Quran) dan rasul (sunahnya), jika kamu beriman kepada Allah dan hari kemudian. Yang demikian itu lebih utama (bagimu) dan lebih baik akibatnya.

Konsep ketaatan kepada raja ini telah menerangkan bahawa kepatuhan kepada sultan adalah suatu kewajipan untuk melahirkan keharmonian dalam hubungan pemimpin dan masyarakat. Prinsip taat setia kepada pemimpin tertakluk kepada ketaatan kepada Allah dan Rasul-Nya.

Sejarah Melayu dengan terangnya telah menyarankan tentang semangat berbakti kepada Allah dan Rasul-Nya kemudian barulah kepada raja. Contohnya, wasiat Bendahara Paduka Raja yang meminta anak cucunya supaya mentaati Allah dan Rasul-Nya, kemudian barulah taat kepada raja (A. Samad, 2003: 190). Raja yang dimaksudkan oleh Bendahara ialah raja yang adil, yang bertindak seiring dengan sunnah Nabi SAW umpama "dua buah permata pada sebentuk cincin". Hal ini kerana apabila raja melaksanakan perkara yang diperintahkan, maka ia sama dengan memenuhi tugas kepada Allah dan masing-masing bekerjasama memakmurkan dunia seperti yang diamanahkan oleh Allah SWT (Auni, 1991: 7).

Seseorang sultan yang telah melaksanakan tanggungjawabnya dengan baik, adil dan sempurna bererti baginda telah menunaikan hak-hak Allah dan hak-hak rakyat. Manakala kewajipan rakyat pula untuk menunaikan hak raja, dengan memberikan taat setia selagi raja itu tidak berubah dan melanggar syarat-syarat yang ditetapkan. Contohnya peristiwa yang berlaku antara Hang Tuah dengan Hang Jebat dalam *Sejarah Melayu*, iaitu Sultan Mansur Syah membuat kesilapan semasa menghukum Hang Tuah tanpa usul periksa sehingga membangkitkan kemarahan dan penentangan Hang Jebat untuk menuntut bela di atas kematian Hang Tuah. Walau bagaimanapun, baginda wajib ditaati jika tidak menghalang rakyat menjalankan syariat Islam dan tidak menggalakkan perbuatan maksiat atau perbuatan yang bertentangan dengan agama (A. Samad, 2003: 130–131). Begitu juga dalam *Hikayat Raja Pasai*, Sultan Ahmad bertindak membunuh anaknya Tun Beraim Bapa kerana sifat dengki baginda akan anakandanya yang digambarkan sebagai seorang pahlawan yang gagah berani. Hal ini merupakan kezaliman tragis terhadap darah daging baginda sendiri, tetapi baginda masih tetap ditaati oleh rakyatnya (Jones, 1987: 52–64). Ketaatan rakyat yang digambarkan dalam *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Raja Pasai* telah menggambarkan betapa kuatnya falsafah 'pantang anak Melayu derhaka kepada rajanya' yang merupakan satu ungkapan yang benar selagi raja tersebut menjalankan pemerintahan dengan sempurna seperti diamanahkan walaupun secara peribadinya raja itu bersikap zalim.

Ajaran Islam telah mencorakkan amalan bermuafakat atau bermusyawarah untuk menyelesaikan masalah bagi mencapai keputusan yang adil dan saksama. Hal ini sekali gus menolak sistem beraja mengikut ajaran Hindu yang menjadikan raja sebagai kuasa pemutus (Auni, 1991: 11). *Sejarah Melayu* menekankan semangat bermusyawarah ini terhadap golongan raja dengan mengambil kira pandangan golongan pembesar sebagai pembantu dan pemberi nasihat dalam urusan pentadbiran. Hal ini diibaratkan 'raja umpama api dan menteri pembesarnya adalah kayu' kerana api tidak akan menyala tanpa kayu atau dengan kata lain, tanpa muafakat antara

pembesar, raja tidak akan berwibawa dan bijaksana dalam pemerintahannya (A. Samad, 2003: 172). Begitulah juga dalam *Hikayat Raja Pasai* dan *Misa Melayu* yang masing-masing menjadikan semangat bermuafakat atau dalam bahasa islamiknya, iaitu 'syura' sebagai satu komponen penting bagi membentuk sebuah kerajaan yang aman dan makmur.

Prinsip syura ini juga terdapat dalam *Sejarah Melayu* melalui sabda Nabi SAW "kulum ra' in wakullu ra'in mas'ulun'an ra'iyyatihi" yakni "segala kamu yang menggembala dunia lagi akan ditanyai daripada kebelaan kamu" bermaksud raja-raja akan ditanya oleh Allah SWT tentang tanggungjawabnya terhadap rakyat atau golongan bawahan (A. Samad, 2003: 172). Perkara ini berkait rapat dengan konsep raja sebagai khalifah atau wakil Tuhan di muka bumi ini. Hal ini terbukti sebagaimana wasiat Sultan Muzaffar Syah yang telah melantik Tun Perak sebagai penghulu Kelang setelah mendengar pendapat daripada orang Kelang sendiri (A. Samad, 2003: 87–88). Dalam *Hikayat Raja Pasai* pula, diperlihatkan wasiat Sultan Malikul Saleh berunding dengan pembesarnya Sayid Semayamuddin dan Sayid Ali Ghiatuddin untuk melantik seorang cucunya sebagai pengganti (Jones, 1987: 25). Begitulah juga wasiat Sultan Muzaffar Syah di Perak yang menggariskan betapa pentingnya permuafakatan antara para pembesar dalam memastikan kelangsungan pentadbiran bercorakkan Islam dan diredhai oleh Allah SWT (Raja Chulan, 1966: 50–51). Oleh itu, jelaslah bahawa kedatangan Islam telah memperkenalkan sistem pemerintahan demokratik yang adil dengan amalan bermusyawarah antara raja dan golongan bawahannya serta secara tidak langsung menghapuskan kepercayaan tentang raja sebagai shakti dan kesetiaan yang membuta tuli rakyat kepada raja.

Oleh itu, jelaslah bahawa konsep daulat melambangkan rahmat dan kurnia daripada Allah kepada wakil-Nya. Keistimewaan daulat ini tidak dimiliki oleh semua raja tetapi dimiliki oleh golongan raja yang adil dan saksama, berperibadi mulia, kuat beribadat, mempunyai ilmu agama yang tinggi serta taat kepada suruhan Allah dalam urusan pemerintahan. Dalam *Misa Melayu*, Sultan Muzaffar Syah digambarkan seorang raja yang alim, adil dan kuat beribadat kepada Allah, begitulah juga keturunannya seperti Sultan Iskandar Zulkarnain Syah Khalifatul Rahman dan Sultan Iskandar Inayat Syah yang memiliki kedaulatan *zilullahi fil 'alam*. Terdapat satu peristiwa Raja Sabda Rasul jatuh gering dan berkat daulat segala nenda baginda serta ditambah dengan pertolongan Allah dan Rasul-Nya, akhirnya penyakit tersebut dapat disembuhkan (Ahmad Fauzi, 1992: 22–27). Peristiwa penyembuhan tersebut telah menunjukkan bahawa tidak semua raja memiliki ciri-ciri daulat ini dalam sejarah pemerintahan Islam di Alam Melayu tetapi orang Melayu telah menerima dan mempercayai secara total bahawa setiap raja memiliki kedaulatan tersebut. Dalam konteks kepercayaan inilah konsep daulat sering dikaitkan dengan konsep derhaka (Auni, 1991: 2). Perkara inilah yang membezakan raja (yang berdaulat) daripada rakyatnya, iaitu menjadi tanggungjawab rakyat mematuhi, menghormati dan taat setia kepada rajanya.

Sungguhpun demikian, konsep daulat yang telah sebati dalam hidup masyarakat Melayu juga berkait rapat dengan konsep derhaka. Malah, tidak janggal untuk mengatakan bahawa kepercayaan terhadap konsep derhaka begitu menebal dalam kalangan masyarakat Melayu yang turut menyumbang terhadap keteguhan daulat pemerintah (Mardiana, 2008: 128).[8] Seseorang yang menderhaka akan dihukum bunuh atau dikenakan hukuman yang berat. Bahkan, jika seseorang itu cuba menyelamatkan bapanya daripada dihukum bunuh oleh raja atas sebab-sebab yang tidak adil juga akan dianggap menderhaka (Muhammad Yusoff & Abdul Rahman, 1994: 69).

Derhaka merupakan kesalahan jenayah yang tidak dapat dimaafkan dan lebih parah perbuatan tersebut sangat dikutuk oleh orang Melayu sejak zaman-berzaman sehingga kini. Sesiapa yang menderhaka akan menerima hukuman daripada raja mengikut kesalahan yang dilakukan, akan tetapi undang-undang hukuman menjadi berat sebelah apabila melibatkan golongan atasan. Misalnya, dalam *Sejarah Melayu*, Raja Muhammad membunuh Tun Besar, anak Bendahara yang sedang bermain sepak raga tetapi Raja Muhammad tidak dianggap menderhaka dan tidak dihukum bunuh kerana perbuatannya itu (Muhammad Yusoff & Abdul Rahman, 1994: 70). Sama halnya dalam *Hikayat Raja Pasai* iaitu melalui tindakan Tun Beraim Bapa yang diracun oleh ayahandanya sendiri dan tindakan tersebut tidak dipersoalkan oleh rakyat (Jones, 1987: 56). Keadaan ini menunjukkan bahawa meskipun memiliki darah diraja, titah dan kekuasaan tetap di tangan raja lebih-lebih lagi menyedari betapa hinanya sebagai Melayu apabila cuba menderhaka. Oleh itu, masyarakat Melayu lebih baik merelakan untuk dibunuh sahaja daripada dikutuk oleh orang Melayu zaman-berzaman.

Masyarakat Melayu yang berpegang teguh terhadap konsep derhaka ini juga sering mengaitkannya dengan pembalasan terhadap derhaka yang dilakukan atau disebut sebagai ‘ditimpa daulat’[9] atau ‘ditimpa tulah’. ‘Tulah’ sangat digeruni oleh masyarakat Melayu kerana tulah boleh berlaku sama ada berbentuk hukuman yang dijatuhkan oleh raja atau diturunkan melalui bencana daripada Tuhan. Pada zaman Kesultanan Melayu Melaka abad ke-15, masyarakat Melayu amat gerun apabila ditimpa tulah, “dibalikkan Allah Ta’ala bumbung rumahnya ke bawah, kaki tiangnya ke atas” (Cheah, 2009: 87). Sementara itu, pada abad ke-18, masyarakat Melayu takut dengan tulah ‘ditimpa besi kawi’ (Muhammad Yusoff & Abdul Rahman, 1994: 229). Peristiwa-peristiwa tulah yang berlaku dalam sejarah telah membentuk satu prinsip ‘pantang Melayu menderhaka’ yang amat sebati dalam kehidupan masyarakat Melayu daripada dulu sehingga kini. Kedua-dua konsep daulat dan derhaka ini beriringan. Dalam konsep ini, seseorang yang melanggari konsep daulat didapati menderhaka kepada sultan atau raja dan akan ditimpa tulah.

Timothy J. Moy berpendapat, konsep derhaka telah muncul pada zaman pra-Islam dan lahir lebih awal daripada konsep daulat. Kedua-dua konsep ini dipercayai lahir seiring cuma sebelum kedatangan Islam dan penelitian terhadap konsep derhaka, terbukti bahawa raja dianggap sebagai individu yang sangat berkuasa dan dikurniakan banyak keistimewaan. Kredibiliti seorang raja bergantung pada karismanya sewaktu menjalankan tugas sebagai pemerintah sama ada raja tersebut bersifat adil atau zalim dan perkara tersebut turut memberikan gambaran tentang ketinggian dan kerendahan daulat seseorang raja itu sendiri. Seperti yang telah sedia maklum, manusia dikatakan derhaka kepada Allah apabila melanggar perintah-Nya, manakala manusia yang menderhaka sesama manusia pula dapat dilihat apabila golongan rakyat mengingkari perintah raja serta tidak menumpahkan kesetiaan dan ketaatan kepada raja.

Sejarah Melayu banyak menampilkan peristiwa derhaka ini. Salah satunya adalah seperti kisah penderhakaan Sang Rajuna Tapa terhadap raja Singapura, Raja Iskandar Syah sehingga menyebabkan Singapura dikalahkan oleh Majapahit. Selain itu, tindakan Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir yang tidak menunjukkan anaknya (Tun Fatimah) terlebih dahulu kepada Sultan Mahmud Syah sebelum dikahwinkan dengan Tun Ali juga dianggap menderhaka (A. Samad, 2003: 70, 250). Dalam *Hikayat Raja Pasai*, Tun Beraim Bapa yang terpaksa menculik kedua-dua adik perempuannya agar tidak menjadi korban nafsu Sultan Ahmad juga dianggap menderhaka. Dalam teks *Misa Melayu* pula, ditampilkan peristiwa penderhakaan Raja Alam,

iaitu anak saudara Sultan Muzaffar Syah yang berkomplot dengan orang Haru dan Bugis untuk menentang kewibawaan baginda. Penentangan tersebut telah dipatahkan oleh sultan Perak dan Raja Muda Iskandar yang berkomplot dengan Belanda di Melaka lalu Raja Alam dipenjarakan di Melaka (Raja Chulan, 1966: 30–31). Walau bagaimanapun, soal penentangan kepada raja bukan merupakan sesuatu tindakan yang dilarang tetapi telah termeterai dalam perjanjian waad. Pepatah Melayu ada menyebut kalimah "Raja adil raja disembah, raja zalim raja disanggah" dan dikatakan pepatah ini membawa maksud bahawa perbuatan raja yang zalim akan mendapat balasan daripada Allah SWT. Sebagai contoh, gambaran kezaliman Sultan Mahmud dalam *Sejarah Melayu* melalui peristiwa peminangan Puteri Gunung Ledang dan peristiwa baginda merampas Tun Fatimah daripada suaminya Tun Ali sehingga tercetusnya pembunuhan bapa Tun Fatimah iaitu Tun Mutahir (A. Samad, 2003: 215, 258–259). Akibat kezaliman tersebut, akhirnya Melaka diserang dan jatuh ke tangan Portugis pada tahun 1511.

Hikayat Raja Pasai pula menyaksikan rajanya iaitu Raja Ahmad menerima nasib yang sama apabila bertindak zalim membunuh dua orang anaknya iaitu Tun Beraim Bapa dan Tun Abdul Jalil serta berahikan puteri-puterinya sendiri yang bernama Tun Takiah Dara dan Tun Medam Peria. Sebagai balasannya, Pasai ditakluk oleh Majapahit. Dalam *Misa Melayu* pula menggariskan pemerintah yang adil melalui wasiat Sultan Muzaffar Syah sewaktu melantik penggantinya Raja Muda supaya memerintah dengan mengutamakan kebajikan rakyat, mengasihi para pembesar dan anak-anak raja serta sentiasa bermuafakat dalam segenap perkara (Raja Chulan, 1966: 50). Kejatuhan ketiga-tiga kerajaan yang besar tersebut telah menunjukkan bahawa raja-raja tersebut tidak menjalankan pemerintahan secara adil dan saksama berlandaskan hukum Islam. Raja-raja tersebut juga tidak menggunakan intuisi akal pemikiran dengan betul sehingga terjadinya bencana terhadap kehidupan manusia yang seterusnya membawa pada kehancuran sebuah kerajaan yang dibina selama ini. Oleh itu, sikap adil adalah satu-satunya cara untuk mengekang kesan buruk akibat kezaliman tersebut.

Kesimpulan

Kedatangan Islam membawa rahmat yang amat besar pada perubahan dan pemikiran terhadap sistem pentadbiran di alam Melayu. Pengaruh Hindu-Buddha yang telah sekian lama berakar umbi di rantau ini telah mencoretkan sejarah perkembangan pemerintahan yang dipenuhi elemen keagungan terhadap golongan raja. Perkembangan Islam yang meluas di serata pelosok dunia bukan sahaja memberikan pencerahan rohani, memurnikan akidah dan akal manusia, malah mencorakkan pentafsiran tersendiri terhadap konsep daulat dan derhaka dalam pentadbiran raja di alam Melayu berlainan sekali berbanding semasa zaman Hindu. Berdasarkan teks *Sejarah Melayu, Hikayat Raja Pasai* dan *Misa Melayu*, pengarang-pengarang karya tersebut menyanjung tinggi konsep daulat dan derhaka serta kepentingannya dalam aspek pentadbiran seseorang raja dalam sesebuah kerajaan. Isi sesebuah cerita atau peristiwa yang menonjolkan tentang daulat dan derhaka adalah suatu unsur penting untuk mewujudkan keharmonian hubungan antara raja dengan rakyatnya.

Sewaktu zaman kemasukan pengaruh Hindu, masyarakat Melayu memegang konsep daulat dan derhaka untuk mengawal sikap penentangan terhadap raja kerana kedaulatan yang ada pada raja yang dilengkapi dengan keistimewaan dan kesaktian seperti tulah, iaitu suatu bentuk balasan kepada rakyat kerana menyanggah atau menderhaka terhadap raja. Namun begitu, selepas

kedatangan Islam, semuanya berpaksikan kepada syariat Islam iaitu pemerintahan raja berdasarkan keperibadian dan sikap raja dalam mendukung hukum Allah SWT sebagai wakil-Nya, iaitu raja tidak lagi dianggap sakral yakni mempunyai kuasa luar biasa kerana segala bentuk kekuasaan adalah hak milik Allah. Justeru, kedua-dua golongan iaitu raja dan rakyat tidak boleh menderhaka terhadap hukum dan syarat sebagai pemerintah dan pengikut dalam Islam bagi menjamin kesejahteraan hubungan raja dan rakyat di samping mengelak daripada menerima musibah yang tidak diingini.

Nota

1.. Kertas kerja ini dibentangkan di bawah geran penyelidikan RU Universiti Sains Malaysia yang bertajuk "Alam Pentadbiran Melayu Merentas Zaman: Citra Politik dan Adat Istiadat Pemerintahan Kerajaan Melayu" yang diketuai oleh Profesor Madya Dr. Jelani Harun dan ahli-ahlinya seperti Dr. Aiza Maslan @ Baharuddin, Dr. Mohamad Zaini Abu Bakar, Norlizawati Md Nor (RA), Wan Siti Azahayu Wan Mohamed (RA) dan Ainul Fathiyah Abdul Rahim (RA).
2. Pengaruh Hindu-Buddha di rantau Melayu yang berupa kepercayaan terhadap unsur-unsur dewa Hindu sebelum kedatangan Islam pada awalnya juga telah mempengaruhi beberapa kerajaan lama di Asia Tenggara seperti Khmer, Srivijaya dan Palembang (Mardiana, 2008: 125).
3. Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2007: 1794), "waad membawa maksud janji: tiadalah kami kedua-dua ini mengubah – mengingkari janji".
4. Waad menjadi satu bentuk perjanjian yang menjadi lambang atau simbol hubungan antara raja dengan rakyat dalam memelihara keharmonian hidup bermasyarakat dalam sesebuah negara. Penulisan *Sejarah Melayu* disusun dalam satu siratan kesedaran pemikiran-pemikiran lain yang tidak kurang dominan yakni idealisme keislaman. Waad dikatakan tidak sepenuhnya terbina daripada nilai kepercayaan adat dan tradisi Melayu tetapi tertera dalam bingkai keislaman yang turut primer kedudukannya. Perjanjian antara rakyat dengan raja (manusia sesama manusia) dalam waad adalah tertakluk di bawah kekuasaan perjanjian antara manusia dengan Allah dan bukan mana-mana kuasa lain yang akan memberi balasan kepada rakyat atau raja yang mengikut atau melanggar waad yang telah dimeterai. Suruhan agar hamba Melayu tidak derhaka kepada raja yang zalim selaras dengan tuntutan Islam adalah lazimnya dibicarakan dalam karya *Pemikiran Ketatanegaraan Kesultanan Melayu* oleh Jelani (2003: 102).
5. Dalam *Sejarah Melayu*, ada mengisahkan peristiwa Singapura dilanggar todak. Tragedi ini berlaku kerana rajanya berlaku zalim apabila bertindak membunuh Tun Jana Khatib hanya kerana beliau menilik sebatang pokok pinang sehingga terbelah dua di hadapan permaisuri raja. Akibatnya, Singapura diserang oleh todak yang membunuh ramai orang. Kezaliman tidak berhenti di situ, malah raja turut menitahkan agar seorang budak (Hang Kadim) yang memberikan idea supaya berbetiskan batang pisang bagi menghalang serangan tersebut dibunuh dengan kejam (A. Samad, 2003: 67–69).
6. Konsep kedaulatan dalam sistem politik Melayu adalah merujuk kepada orang yang berdaulat khususnya golongan raja atau kaum kerabatnya, yakni yang memegang hak untuk memerintah dan yang memegang hak untuk mematuhi perintah. 'Hak' bermaksud perbuatan yang sah. Kedaulatan yang membentuk kewibawaan itu pastilah bersumberkan undang-undang tertentu: hukum tuhan, hukum alam, hukum adat atau mandat daripada orang ramai. Dalam masyarakat kontemporari, undang-undang menjadi asas tumbuhnya sesuatu kesahihan kedaulatan (Zainal, 2010: 14–32).
7. Raja-raja Melayu yang dikaitkan dengan tokoh daripada Rom adalah untuk menunjukkan bahawa keturunan raja-raja Melayu daripada tokoh besar yang terkenal seluruh dunia lebih-lebih lagi ia tercatat di dalam al-Quran pada surah Al-Kahfi, juzuk 16 ayat 83–84 (Auni, 1991: 7). "Dan mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad), mengenai Zul-Qarnain. Katakanlah: 'Aku akan bacakan kepada kamu (wahi daripada Allah yang menerangkan) sedikit tentang perihalnya dan Sesungguhnya Kami telah memberikan kepadanya kekuasaan memerintah di bumi, dan Kami beri kepadanya jalan bagi menjayakan tiap-tiap sesuatu yang diperlukannya.'"
8. Pada amnya, derhaka boleh dianggap sebagai 'keingkaran', iaitu menentang raja atau pemegang kuasa yang didaulatkan. Derhaka boleh berlaku dalam pelbagai bentuk dan situasi seperti ingkar kepada titah raja, menentang atau cuba menjatuhkan raja dan negeri, mencetuskan huru-hara di dalam negeri, membunuh tanpa kebenaran raja dan memalsukan cap mohor raja. Akibat daripada konsep daulat juga, menentang perintah raja yang tidak adil dan zalim turut dianggap menderhaka (Zainal Abidin, 1983: 102).
9. Menurut Abdullah Maamoum (1973: 40), sebelum timbulnya istilah daulat, istilah 'dirgahayu' digunakan iaitu 'dirga' bermaksud panjang sementara 'ayu' bermaksud hidup atau umur.

Bibliografi

Ahmad Fauzi Mohd. Basri. (1992). *Misa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
Abu Hassan Sham. (1974). *Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur: Penerbitan Utusan Melayu.
Abdullah Maamuom Junid. (1973). Daulat dan derhaka dalam roman sejarah. *Dewan Masyarakat*, hlm. 40.
At-Tanzil Terjemahan Al-Hidayah Al-Qur'an Al-Karim (Rasm Uthmani) dalam Bahasa Melayu. (2012). Selangor: Al-Hidayah House of Qur'an Sdn. Bhd.
Auni Abdullah. (1991). *Islam dalam Sejarah Politik dan Pemerintahan di Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
Auni Abdullah. (2000). Kerajaan Melayu: Sendi Islam dalam pemerintahan tradisi. Dalam Mohd Taib Osman & A. Aziz Deraman (Peny.), *Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
A. Samad Ahmad. (2003). *Sulalatus Salatin* (*Sejarah Melayu*). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
Cheah Boon Kheng (Peny.). (2009). *Sejarah Melayu: The Malay Annals.* Selangor: The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society.
Jamil Ahmad. (1988). *Seratus Muslim Terkemuka*. Pulau Pinang: Syarikat S. Abdul Majid.
Jelani Harun. (2003). *Pemikiran Adab Ketatanegaraan Kesultanan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
Jones, Russel. (1987). *Hikayat Raja Pasai.* Selangor: Penerbit Fajar Bakti.
Kamus Dewan Edisi Keempat. (2007). Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
Kobkua Suwannathat-Pian. (1986). Thai-Malay relations: A study of traditional intra-regional relations from the 17th to the Early 20th century. Tesis kedoktoran yang tidak diterbitkan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
Krazt, Ulrich. (1989). 'Derhaka' dalam *Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu- Melayu: Persoalan Warisan dan Kini,* 21–23 Ogos. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
Kulke, Hermann. (1978). *The Devaraja Cult.* New York: Cornell University.
Liaw Yock Fang. (2011). *Sejarah Kesusasteraan Melayu Klasik*. Jakarta: Yayasan Pustaka Obor Indonesia.
Mana Sikana. (1985). *Esei-Esei Kesusasteraan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
Mardiana Nordin. (2008). *Politik Kerajaan Johor 1718–1862*. Johor: Yayasan Warisan Johor.
Moy, T. J. (1977). The Sejarah Melayu Traditional Power and Political Order: A Study in Political Legitimation. Tesis sarjana. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
Muhammad Yusoff Hashim. (1989). *Kesultanan Melayu Melaka: Kajian Beberapa Aspek Tentang Melaka Pada Abad ke-15 dan Abad ke-16 dalam Sejarah Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
Muhammad Yusoff Hashim & Abdul Rahman Kaeh. (1994). *Sejarah Melayu: Persepsi Sejarah dan Kesusasteraan.* Kuala Lumpur: Longman Malaysia.
Noriah Taslim. (2006). *Dunia Sahibul Hikayat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
Rahimah Hamdan. (1998). Penampilan teks karya historiografi Melayu: Kembar tak seiras. Dalam Hashim Awang AR, Zahir Ahmad & Zainal Abidin Borhan (Ed.), *Pengajian Sastera dan Sosiobudaya Melayu Memasuki Alaf Baru.* Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
Raja Chulan. (1966). *Misa Melayu.* Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.
Shaharuddin Maaruf. (1984). *Concept of a Hero in Malay Society*. Petaling Jaya: Eastern Universities Press.
Shellabear, W.G. (Ed.). (1995). *Sejarah Melayu*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
Wolters, O.W. (1990). *Kejatuhan Srivijaya Dalam Sejarah Melayu* (diterjemahkan oleh Toh Kim Hui & Ranjeet Kaur Khaira). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
Zainal Abidin Abdul Wahid. (1983). Power and authority in the Melaka sultanate: The tradisional view. Dalam Kernial Singh Sandhu & Paul Wheatley (Ed.), *Melaka: The Transformation of a Malay Capital*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
Zainal Kling. (2010). Kedaulatan dan kekuasaan Melayu dalam teks sastera. *Pangsura Journal Pengkajian dan Penelitian Sastera Asia Tenggara*, Januari-Jun, 30(16), 14–32.

Kehebatan Senjata Masyarakat Melayu Tradisional dalam Teks Melayu Lama

Syahidatul Munirah Badrul Munir | Rahimah A. Hamid

Pengenalan

Setiap negara mempunyai riwayatnya tersendiri, dan sudah tentu memiliki kisah jatuh bangun tamadunnya yang dapat dijadikan pedoman buat anak bangsa yang mewarisi negara itu kemudiannya. Tamadun Melayu umpamanya, merupakan sebuah tamadun terbilang pada masa lampau. Berdasarkan kisah-kisah sejarah, sama ada yang tercatat dalam teks-teks Melayu lama ataupun yang disebut dalam ceritera lisan, bangsa Melayu dikatakan bangsa yang masyhur dalam bidang perdagangan, juga hebat dalam bidang pelayaran. Kisah ini bukan sahaja disebut oleh masyarakat di kepulauan Melayu, tetapi turut disebut dalam laporan-laporan peperangan oleh pengkaji, pencatat dan pejuang negara yang pernah meluaskan kuasa imperialis ke atas kepulauan Melayu. Dalam *The Suma Oriental of Tom Pires* (1944: 17) misalnya, Tom Pires menggambarkan bahawa “whoever is lord of Malacca, has hand on the throat of Venice.” Maknanya, sesiapa sahaja yang dapat menguasai perdagangan Melaka ibarat telah menakluk seluruh terusan Venice. Dalam hal ini, yang menakluk atau menguasai perdagangan di Melaka itu adalah bangsa Melayu sendiri.

Pada hari ini, kehebatan bangsa Melayu hanya dikaitkan dengan kisah-kisah pelayaran dan perdagangan di beberapa pelabuhan besar, misalnya pelabuhan di Kota Melaka dan pelabuhan Kedah Tua sahaja. Dua tempat ini cukup tersohor dan penting sebagai pelabuhan bagi empayar perdagangan alam Melayu. Kedua-dua negeri ini juga dikatakan mempunyai jajahan takluk yang luas. Namun begitu, kisah-kisah kehebatan negeri-negeri Melayu ini dari segi persenjataan sangat kurang dibicarakan. Lantas muncullah andaian bahawa negeri-negeri Melayu, khususnya Melaka dan Patani yang menjadi fokus dalam bab ini, tumpas dengan mudah di tangan penjajah kerana persenjataannya yang lemah. Kekuatan angkatan tenteranya juga diuar-uarkan tidak setanding dengan kekuatan tentera penjajah Eropah pada abad ke-15, iaitu suatu era ketika alam Melayu mula diganggu oleh kuasa imperialis Eropah. Kenyataan bahawa bangsa Melayu tidak handal bertempur ini sebenarnya amat bertentangan dengan kemegahan dan keagungan negara kotanya yang pada masa itu mempunyai jajahan takluk yang luas. Melaka misalnya, pada zaman kegemilangannya mempunyai puluhan jajahan takluk meliputi negeri Perak sehingga ke Johor, beberapa kawasan pantai timur termasuklah Pahang, Singapura, Kepulauan Riau-Lingga, Kampar dan beberapa wilayah lagi yang tidak kurang hebatnya, tetapi terpaksa bernaung di bawah empayar Melaka yang berdaulat. Begitu jugalah keadaannya dengan kerajaan Patani yang dikatakan menaungi Kedah dan Kelantan, bersahabat baik dengan Pahang dan berabad-abad tidak dapat ditakluki oleh Siam yang berpengkalan di Ayuthia. Mana mungkin negara ini dikatakan tidak handal dan berdaulat kerana dalam buku-buku sejarah telah tersurat tentang kehebatan dan kegemilangannya.

Hal ini bermakna pandangan masyarakat kini terhadap bangsanya sendiri adalah bercanggah. Masyarakat Melayu sebenarnya memiliki peralatan senjatanya sendiri. Malah, semasa era penjajahan, bangsa Melayu tidak hanya bertempur menggunakan alatan senjata tradisional seperti keris, lembing, tombak, panah beracun dan senjata-senjata kecil lain seperti yang ditulis dalam lembaran-lembaran cerita di rantau ini. Buktinya, E.E. Lewis, seorang pegawai tentera British berpangkat leftenan muda dalam 25th Infantry melaporkan dalam *Buffalo Soldier Regiment: History of the Twenty-Fifth United States Infantry* bahawa bangsa Melayu mempunyai senjatanya sendiri. Maka di dalam buku laporannya itu dicatatkan bahawa tentera British telah merampas alatan peperangan tentera Melayu iaitu, "the captured guns were: 2 lantakas, 1 musket, 3 kris, and 3 spears" (Nankivell, 2001: 212). *Lantakas* merupakan sejenis meriam mudah alih yang disebut di alam Melayu sebagai Lela Rentaka. Namun begitu, senjata rampasan British itu tidaklah banyak kerana kekuatan orang Melayu bertempur tidak kurang hebatnya berbanding tentera British. Hal ini sahaja sudah menunjukkan betapa bertentangannya pandangan masyarakat Melayu tentang keupayaan dan kehebatan bangsanya sendiri.

Melayu dan *The Cyclic Theory*

Hikayat-hikayat lama atau teks sastera Melayu tradisional sering dianggap oleh ramai orang Melayu sebagai khayalan, isinya tidak bernas dan berasas, bahasanya lewah kerana banyak bermadah, ditambah pula dengan kisah-kisah mitos, dongeng, legenda dan epik pada permulaan ceritanya, sehinggakan hal-hal berkaitan dengan sejarah terutamanya diragui kebenarannya. Padahal, ada sebabnya kisah-kisah itu ditulis seperti itu. Terdapat kecerdikan akal Melayu dalam kisah-kisah tentang putera-puteri raja yang sakral dan ajaib daripada aspek penghormatan dan kepimpinan untuk membentuk budaya bermasyarakat, hormat-menghormati dan hierarki. Kemudian, kisah-kisah tentang senjata Melayu dalam teks-teks kesusasteraan Melayu tradisional ini pula perlu dipercayai dan diterima oleh akal yang rasional kerana kebenarannya memang ditulis dalam laporan-laporan penjajah Eropah, meskipun hal ini dipandang remeh atau tidak menjadi tajuk penting dalam buku-buku sejarah yang ditulis semula dalam era pascamoden ini.

Perkara ini jelas menunjukkan bahawa penulisan tentang sejarah bangsa kita belum menyeluruh, sehingga membuatkan tiada kesatuan dalam fahaman tentang tamadun bangsa. Untuk memupuk nilai patriotisme dalam diri anak bangsa, acuannya adalah tamadun, dan sejarah pula merupakan mekanisme dominan bagi mengukuhkan fahaman orang ramai terhadap tamadun sesuatu bangsa itu. Oleh hal yang demikian, perkara ini perlu dipandang berat, lebih-lebih lagi dalam keadaan sekarang, ketika Malaysia berhadapan dengan masalah sosial yang kian meruncing. Pandangan enteng terhadap pentingnya kebenaran sejarah akan membuatkan jati diri bangsa semakin melemah, malah tidak mustahil ranap ditelan kembali oleh wacana kolonial Barat yang kini menjajah semula dunia melalui kaedah psikologi dan teknologinya.

Kisah hilangnya *spirit de corp* ataupun rasa kekitaan dalam perkembangan tamadun semasa sebenarnya pernah disebut oleh Plato dan Ibn Khaldun dalam teori kuno yang diasaskan mereka, yang disebut sebagai *The Cyclic Theory* (Muhammad, 1967: 41). Namun begitu, pada peringkat pengenalan teori ini, Plato lebih menyifatkannya sebagai perubahan daripada satu sistem pentadbiran kepada sistem pentadbiran yang lain apabila berubahnya tampuk kuasa dalam sistem pemerintahan empayar pada zaman silam itu. Justeru, Roger Boesche (2002: 95) yang mengkaji teori Plato menyatakan:

> In Book 8 of his Republic, Plato outlined a cycle of history in which his republic – in truth an aristocracy, or rule by the best – is followed by timocracy, oligarchy, demochracy, and tyranny. Just all living things go through a cycle of life and death, so do states.

Menurut beliau, perubahan corak pemerintahan berlaku secara silih berganti, sebagaimana putaran kehidupan manusia. Namun begitu, perubahan ini mengganggu-gugat kehidupan masyarakat, dan masyarakat terpaksa akur akan tampuk kekuasaan yang besar dan berubah-ubah pada waktu itu. Akibatnya, pertukaran sistem akan menyebabkan masyarakat menjadi berpuak-puak, dan rasa kekitaan kian melemah dalam kalangan masyarakat terhadap negara bangsanya. Hal ini membuktikan bahawa kuasa pemerintahan memang memegang tanggungjawab yang besar dan memainkan peranan penting dalam membina peradaban masyarakat. Teori yang dikemukakan Plato ini kemudiannya menarik perhatian Ibn Khaldun untuk meneliti punca kejatuhan empayar-empayar dalam tamadun Islam. Dengan teori yang sama, iaitu *The Cyclic Theory,* Ibn Khaldun kemudiannya menambah pandangannya dengan mengemukakan pula idea tentang *The Rise and Fall* sesebuah tamadun itu. Idea ini menyebut tentang bagaimanakah sesebuah tamadun itu dibina, gemilang dan kemudiannya runtuh disebabkan oleh pudarnya rasa kecintaan sesuatu bangsa terhadap negara bangsanya sendiri. Oleh itu, Muhammad (1967: 41) dalam *The Political Theory of Ibn Khaldun* menyatakan bahawa Ibn Khaldun berpendapat:

> Such a state cannot survive if political virtues are lost, and moral values abandoned. In line with his materialistic interpretation of other cultural elements, he observed that the transition which occurs in primitive society from a life of simplicity to a different mode of urbanized and luxurious life, exercises no less influence on the morals of the group.

Hal ini menunjukkan Plato lebih melihat pada perubahan corak pemerintahan yang akhirnya membawa kemusnahan, manakala Ibn Khaldun pula cenderung untuk melakukan analisis terhadap sesebuah kerajaan yang berjaya mendirikan empayar tamadunnya dengan hanya satu corak pemerintahan sahaja. Namun, akibat daripada kelekaan para pemerintah dan rakyatnya sendiri, tamadun yang terjulang hebat itu akan goyah lalu tersungkur, dan berakhirlah riwayat sesebuah negara kota itu. Bagi Ibn Khaldun, keghairahan manusia terhadap kebendaan akan mengubah gaya hidup seseorang, iaitu daripada sifat bersederhana dan kuat jati dirinya terhadap negara bangsanya, menjadi inidividu yang suka akan kehidupan bersifat berlebih-lebih dan mewah. Lantas, masyarakat ini kemudiannya berjaya diubah pemikirannya oleh kebudayaan luar yang lebih kuat pengaruhnya (seperti kebudayaan Eropah), sehingga mengakibatkan jati diri bangsa itu melemah, kabur dan lupa akan sejarah kegemilangan bangsanya, dan akhirnya negara tersebut jatuh merudum dengan sangat cepat.

Pandangan ini menjelaskan bahawa masyarakat konservatif dahulu kala, yang belum rosak kerana ditusuk dengan doktrin luar, berupaya membangunkan negaranya dan menjadikan anak bangsanya ingat akan sejarah tentang kepayahan membangunkan tamadun bangsa mereka, lalu dijadikan kayu ukur untuk mempertahankan kegemilangan tamadunnya. Namun malangnya, apabila sesebuah negara itu telah mencapai tahap kegemilangannya, generasi yang lahir selepasnya, yang tidak pernah merasai jerih payah perjuangan, tidak mungkin dapat memahami dengan baik dan mendalam erti sebuah perjuangan. Tambahan pula, kerajaan kurang menitikberatkan kepentingan memberi pendedahan tentang tamadun bangsa kepada generasi muda untuk mengekalkan rasa kekitaan dalam diri mereka, maka lahirlah anak bangsa yang rapuh pegangannya dan hilang jati dirinya. Dampaknya, kebudayaan luar yang lebih dominan akan dapat mempengaruhi minda generasi ini, lalu menghancurkan cinta mereka terhadap negara, kota, bangsa dan agamanya. Keadaan ini juga berlaku dalam kalangan generasi muda Melayu di Malaysia kini lantaran penulisan sejarah peradaban bangsanya masih kabur sehingga

mengakibatkan teknologi dan kebendaan mendominasi pemikiran mereka dan menyebabkan rasa patriotisme dalam diri anak bangsa Melayu semakin pudar. Dalam aspek persenjataan pula, sejarah itu terus dilupuskan, meskipun catatan bertulis penjajah mengesahkan memang wujud senjata dan bahan peledak ciptaan masyarakat Melayu pada zaman kegemilangannya dahulu.

Menjelaskan dengan lebih terperinci idea tentang *The Rise and Fall* ini, Ibn Khaldun kemudiannya menyatakan bahawa sesebuah tamadun hanya dapat bertahan dalam jangka masa 120 tahun sahaja. Penjelasan Ibn Khaldun tentang tempoh 120 tahun terbahagi kepada tiga fasa pemerintahan itu dipermudahkan gambarannya melalui Rajah 1 seperti berikut:



Rajah 1 Ulasan semula keruntuhan sesebuah tamadun dalam tempoh 120 tahun menurut pandangan Ibn Khaldun

Ibn Khaldun menegaskan bahawa runtuhnya sesebuah tamadun atau negara kota itu adalah akibat daripada konflik kemanusiaan rakyatnya. Kejatuhan berlaku dengan sangat progresif lantaran hilangnya kesedaran dan jati diri rakyat. Tentang hal ini, Midgley (1995: 41) menulis:

> Ibn Khaldun believed that this cyclical process continues indefinitely. Although Ibn Khaldun's cyclical theory differs from most subsequent theories which view social change as a linear, progressive process, his emphasis on human conflict as the primary cause of change is historically important.

Pendapat Ibn Khaldun ini sangat berhubung kait dengan mentaliti masyarakat zaman kini apabila sebahagian masyarakat membiarkan mentaliti mereka berada pada fasa ketiga, iaitu mula leka dengan kesenangan. Masyarakat mula melupakan sejarah payah jerih bangsanya dalam mencapai kesenangan hidup, lalu sejarah sedemikian dianggap kisah-kisah lapuk yang tidak penting lagi. Oleh sebab itu, sumber-sumber sejarah, tidak kira dari sudut persenjataan lisan, catatan pengembara, laporan penjajah dan sebagainya tidak dikumpul dan ditulis semula untuk bacaan dan peringatan kepada anak bangsa pada hari ini. Kehidupan dalam zon selesa pada hari ini menyebabkan generasi muda buta identitinya dan rapuh jati dirinya. Sebab itulah Ibn Khaldun turut menggariskan pandangan bahawa manusia yang terpaksa bersusah-payah untuk membina kehidupannya akan lebih menghargai dan mengasihi peradabannya (Midgley, 1995: 45):

> There is first his principal conflict between primitive and civilized ways of living. From it several subordinate conflicts spring. Primitive groups collide till the one which leads the roughest way of life and thereby acquires the strongest feelings of group solidarity, wins and presides over the other groups. The next conflict is that taking place between this newly unified tough group and a neighbouring established civilized culture, which sooner or later results in a take over by the more vigorous and dynamic group.

Dalam petikan itu, Ibn Khaldun menerangkan bahawa kaum primitif lebih bersatu dan mencintai peradabannya, hasil daripada kesatuan hidup dan usaha mereka bersama-sama untuk membentuk

satu sistem kehidupan. Namun begitu, masyarakat selepasnya yang telah mencapai kesenangan akan menghadapi masalah kerana budaya hidup yang murni diketepikan, hidup selari dengan peredaran zaman, bersikap individualistik dan cenderung menjadi pemegang kuasa yang lebih dinamik. Jika dikaitkan masalah ini dengan Malaysia, maka masalah kepelbagaian etnik, isu-isu berbangkit yang selalu menimbulkan ketegangan dalam politik dan ekonomi, masalah kapitalis yang lebih dinamik dan dominan yang memonopoli pemikiran masyarakat boleh diangkat sebagai contoh yang menjadi penyebab sejarah dan kebudayaan Melayu dipandang enteng oleh generasi mudanya. Hal ini menyebabkan peradaban gemilang negara bangsa yang pernah dicapai suatu ketika dahulu dilupakan begitu sahaja, dan lahirlah generasi baharu yang lalai dan leka akan peradaban negara bangsanya sendiri. Keadaan ini jugalah yang menyebabkan generasi muda tiada minat untuk mengetahui kepandaian nenek moyangnya, iaitu bangsa Melayu ini, dalam penghasilan senjata. Justeru, bab ini yang bermula daripada pandangan Plato dan Ibn Khaldun tentang *The Cyclic Theory* ingin menyedarkan khalayak pembaca tentang fasa-fasa yang sedang direntasi oleh bangsa Melayu, sekali gus untuk mengingatkan bahawa bangsa Melayu pernah suatu ketika sangat arif dalam pembikinan senjata.

Senjata Melayu dan Laporan Penjajah

Lazimnya, apabila disebut senjata bangsa Melayu, maka yang terlintas dalam fikiran masyarakat ialah keris, lembing, panah beracun dan beberapa alatan lain yang kebanyakannya kecil-kecil belaka. Tanggapan tersebut telah membuatkan Melayu dilihat hanya sebagai bangsa primitif yang hidup tanpa alat pertahanan diri yang kukuh dan hebat. Malah, ada yang berpandangan bahawa bangsa Melayu banyak bersandar pada senjata batin atau spiritual, iaitu jampi serapah dan ilmu ghaib untuk melawan musuhnya.

Sebagaimana laporan penjajah yang dipetik pada bahagian awal bab ini, ataupun bukti-bukti bertulis lain dalam catatan bangsa Eropah, terdapat banyak senjata hebat yang dimiliki oleh bangsa Melayu ini. Menurut seorang pengkaji sejarah, Paul Kekai Manansala (2006), “European explores found excellent weapons known as lantakas used in Southeast Asia in the late 1400s and early 1500s.” Manansala menemukan dalam kajiannya bahawa bangsa Eropah telah menjumpai senjata seperti rentaka di bahagian semenanjung tanah Asia Tenggara pada sekitar akhir tahun 1400 dan awal tahun 1500. Jika diteliti, pada waktu itu, bangsa Eropah sahaja memulakan siri penjajahannya ke Asia Tenggara, untuk meneroka tanah, menyebarkan agama Kristian, mengaut kekayaan hasil bumi dan melebarkan sayap kekuasaannya, setelah berjaya melepasi zaman gelap mereka yang begitu panjang. Hal ini menunjukkan senjata bangsa Melayu telah wujud mendahului senjata Eropah, meskipun akhirnya mereka berjaya mengalahkan bangsa Melayu, menakluk dan juga menguasai kepulauan Melayu. Mereka menemukan bahawa penggunaan senjata Melayu tidak hanya tertumpu di darat, tetapi juga di lautan. Oleh itu, menurut Manansala (2006) lagi:

> Most lantakas were made of bronze and the earliest ones were breech-loaded. During colonial times, there was a trend toward muzzle-loaded weapons. Europeans hired local smiths and also cast their own lantakas for use on their ships. The most impressive were the large double-barreled lantakas. Small cannonballs or grape shot were fired from these weapons.

Senjata yang disebut *lantakas* atau rentaka ini dikatakan sejenis meriam yang diperbuat daripada gangsa, mempunyai pelbagai bentuk, dan ada yang dihasilkan dalam bentuk dua laras.

Sebagaimana deskripsi Manansala tersebut, meriam-meriam ini turut digunakan di atas dek kapal. Penerangan ini menggambarkan bahawa armada laut Melayu menggunakan senjata berasaskan bahan api sebagai alat perlindungan di laut, dengan meletakkan meriam di sisi kapal. Selain itu, meriam rentaka turut dilihat sebagai senjata sepunya bangsa Melayu, termasuklah di negeri-negeri atau di seluruh kawasan kepulauan Melayu yang lain, bukan hanya tertumpu di Selat Melaka, Patani, Kedah Tua, Terengganu, atau kerajaan-kerajaan Melayu (Malaysia) sahaja. Hal ini berikutan tulisan Guillermo (2012: 240) yang menyebut bangsa Filipina juga menggunakan senjata yang sama untuk berperang:

> Lantakas is a cannon made of bronze and used on merchant and native vessels called caracaos traveling the China Sea and Malay Islands. The lantaka, which weighed less than two hundred pounds, was mounted on swivels and placed on the starboard and aft sides of vessels. Lantakas were made in local foundaries during the 13th and 14th centuries. Panday Pira of Pampanga was known for forging lantakas, which Rajah Sulayman used in his defense of Manila against the Spanish.

Menurutnya, rentaka (dalam tulisan sarjana Eropah ditulis sebagai *Lantaka*)digunakan oleh Rajah Sulayman (dalam bahasa Melayu dieja sebagai Raja Sulaiman) ketika Manila mempertahankan diri daripada serangan Sepanyol. Senjata ini telah pun digunakan oleh masyarakat Melayu di Filipina pada abad ke-13 dan ke-14. *Lantaka* yang dijumpai di Laut China Selatan dan kepulauan Melayu mempunyai berat tidak lebih daripada 200 paun. Hal ini menunjukkan rentaka adalah sejenis meriam mudah alih yang boleh diubah-ubah kedudukannya untuk diletakkan di sisi, dan juga di belakang kapal. Penerangan-penerangan oleh pencatat Eropah tentang senjata orang Melayu ini amat banyak, dan gambaran tentang kehebatan senjata atau meriam yang dihasilkan oleh bangsa Melayu ini dilihat sangat membantu dalam pelayaran masyarakat Melayu pada ketika itu, tidak kira untuk berdagang ataupun untuk berperang.

Menyentuh perihal *The Cyclic Theory* tentang kelunturan perasaan cinta akan bangsa sebagaimana yang dikemukakan oleh Ibn Khaldun itu, maka sifat tidak mengendahkan peninggalan sejarah yang berlaku di negara Malaysia sekarang menyebabkan masyarakat tidak mempunyai pengetahuan tentang khazanah sesuatu bangsa. Begitu juga dengan kisah-kisah sejarah berkaitan kehebatan pengetahuan bangsa Melayu dahulu daripada segi pentadbiran negara, perdagangan, peperangan, pembuatan senjata dan kapal, sedangkan kisah-kisah inilah yang mampu memberikan suntikan semangat dan rasa bangga diri kepada generasi masa kini dan akan datang. Ketamadunan bangsa yang tidak disuarakan dan tidak disampaikan kepada generasi baharu Malaysia ini menyebabkan bangsa lain mengambil kesempatan dengan menyatakan dan mengesahkan bahawa merekalah yang membuka sesuatu tempat dan mereka jugalah yang mempertahankan tempat itu daripada ditakluki penjajah Eropah. Kelemahan orang Melayu masa kini menyebabkan sejarah telah diputarbelitkan. Melayu yang dahulunya hebat tidak diuar-uarkan, sebaliknya yang diajarkan kepada anak bangsa adalah kisah-kisah kekalahan di tangan penjajah.

Oleh itu, menjadi tanggungjawab ilmuwan untuk menceritakan sejarah sebenar kepada anak bangsanya kerana generasi sekarang perlu tahu bahawa penjajah Eropah turut teringin memiliki senjata buatan orang Melayu ini. Hal ini tercatat dalam buku laporan peperangan, iaitu *Buffalo Soldier Regiment: History of the Twenty-Fifth United States Infantry* (Nankivell, 2001: 200), apabila ditulis:

> Runners from Lieutenant Marmon just report that Lieutenant Lewis and his command attacked and captured the Casanguan Cotta about 11.00 a.m., November 13th. Datto Amai Casanguan was killed and two lantakas, many weapons and much ammunition was captured.

Rampasan senjata itu membuktikan betapa masyarakat Melayu mempunyai pelbagai senjata pada masa lampau. Dalam catatan Enriquez pula (2006: 149) pula, rentaka disebut sebagai meriam mudah alih yang sangat istimewa, yang digunakan masyarakat Filipina untuk menentang kemasukan Sepanyol dan India. Rentaka turut digunakan bersama-sama dengan senapang, sehingga membuatkan meriam mudah alih ini dan senapang dapat menembak mangsa dengan tepat. Misalnya:

> Up along the embankment were lantakas (small native swivel cannons), so that when the Spaniards and Indios were within range, all at once muskets and lantakas exploded quite accurately.

Jika diteliti, senjata-senjata bangsa Melayu itu bukanlah senjata yang besar dan berat seperti saiz dan bentuk senjata-senjata Eropah. Hal inilah nyata memperlihatkan kebijaksanaan akal orang Melayu dahulu kerana kemampuan mereka untuk mencipta senjata yang ringan dan mudah alih, tembakannya tepat terhadap lawan, dan tidak merosakkan dek kapal apabila meriam itu diletakkan di sisi ataupun di atas dek kapal, kerana gegarannya tidaklah terlalu kuat. Keadaan ini tentunya berlawanan sama sekali dengan meriam-meriam buatan Eropah yang saiznya lebih berat dan jarang digunakan sebagai alat pertahanan pada kapal mereka. Selain itu, meriam buatan Melayu dan juga senjata-senjata lain mempunyai kelebihan dalam aspek seni ukiran. Kelebihan-kelebihan ini menunjukkan betapa istimewanya senjata milik bangsa Melayu. Meriam buatan Melayu lazimnya mempunyai motif tertentu kerana orang Melayu amat suka akan seni ukiran. Senjata Melayu diperbuat daripada bahan asli yang mudah didapati di kepulauan Melayu seperti logam, besi, emas, perak, tembaga dan timah. Menurut Hanizah (1997: 31):

> Lela, rentaka dan ekor lotong masih tersimpan sebagai warisan sejarah sehingga sekarang di muzium-muzium, atau menjadi hiasan di rumah orang kenamaan dan kota-kota bersejarah.



Rajah 2 Meriam rentaka di Muzium Negara Malaysia, Kuala Lumpur

Senjata Melayu dalam Naskhah Melayu Tradisional

Tanggapan orang ramai bahawa senjata orang Melayu cumalah sebilah keris, lembing, panah dan senjata-senjata kecil lainnya mungkin timbul melalui pembacaan daripada hikayat tentang hulubalang atau pendekar Melayu yang melengkapkan pakaian mereka dengan berkeris, ataupun menggunakan keris sahaja ketika bertarung. Mungkin juga orang ramai dipengaruhi oleh filem-filem Melayu lama yang menayangkan aksi pertarungan antara pendekar dengan hulubalang Melayu yang hanya menggunakan keris ketika bertarung atau ketika berada dalam majlis-majlis rasmi di istana.

Sebenarnya, senjata-senjata kecil itu cumalah senjata bantuan yang berfungsi sebagai alat pertahanan diri dalam pertarungan-pertarungan kecil, ataupun sebagai senjata penyokong kepada senjata-senjata utama seperti meriam, istinggar, pemuras dan terakol yang digunakan dalam pertempuran-pertempuran besar. Tentang kebiasaan orang Melayu menggunakan senjata kecil ini, A.H. Hill dalam tulisannya berjudul *The Keris and Other Malay Weapons* (1998: 1) menyebut bahawa "in Malaya nearly everyone has seen and hadled an old keris". Sementara itu, armada atau tentera orang Melayu yang disebut dalam karya-karya kesusasteraan Melayu tradisional sebagai 'lasykar' lazimnya memakai senjata yang menggunakan bahan api. Antara senjata tersebut ialah pemuras, istinggar, terakol, lela dan juga rentaka. Namun, membaca dan menggali kisah senjata api dalam karya hikayat ini amat mencabar minda lantaran kisah-kisah tentang senjata Melayu ini terpisah-pisah, perlu dicantum dan disusun mengikut kronologi

berdasarkan pemahaman tentang tahunnya, sejarahnya dan kisahnya daripada teks-teks yang berbeza.

Pertikaian tentang meriam buatan bangsa Melayu lahir sebelum, semasa atau selepas era kolonial misalnya, tidak mungkin boleh dibuktikan dengan berpandukan pada catatan ataupun perakuan bertulis oleh pihak penjajah sahaja. Orang Melayu perlu membuktikan dengan meneliti catatan tarikh pada teks-teks kesusasteraan Melayu tradisonal itu sendiri. Sarjana Eropah seperti Teeuw dan Wyatt (1970: 145) misalnya mengesahkan bahawa *Hikayat Patani* adalah antara hikayat Melayu yang paling awal ditulis, iaitu berdasarkan catatan tarikh dalam teks seperti berikut:

> Tamat al-kalam. Bahawa tamatlah kitab undang-undang Patani ini disalin dalam negeri Singapura kepada sembilan hari bulan Syaaban tahun 1255 sanat, iaitu kepada enam belas hari bulan Oktober tahun Masihi 1839 sanat. Tamat adanya.

Catatan tarikh itu secara tidak langsung mengesahkan bahawa meriam buatan Melayu wujud hasil daripada kebijaksanaan akal orang Melayu sendiri untuk memenuhi keperluan ketenteraannya kerana kisah tentang meriam yang terkandung dalam teks itu wujud sebelum penjajah Eropah sampai ke alam Melayu. Hal ini menunjukkan bahawa teks hikayat bukanlah cerita kosong yang memalukan jika dipelajari tentangnya, tetapi sebaliknya menghidangkan kisah peradaban bangsa yang mencapai tahap kegemilangan yang tinggi di luar daripada jangkaan masyarakat masa kini. Malah, dalam teks-teks hikayat juga ada digambarkan mengenai hubungan diplomatik dan perdagangan dengan negara-negara di luar alam Melayu. Dalam *Hikayat Patani* misalnya, digambarkan hubungan diplomatik antara Patani dengan China sehingga membolehkan kepandaian orang Melayu mencipta meriam dapat dipertajamkan dan ubat bedil pula dapat dibeli dari negara-negara jirannya yang lain. Dalam *Hikayat Hang Tuah* (Kassim & Noriah, 2008: 509) pula digambarkan kisah Sultan Muzaffar Syah menitahkan Hang Tuah pergi ke Turki untuk menambah senjata dan membeli peluru bedil. Hal ini tergambar dalam dialog antara Hang Tuah dengan Raja Rom seperti berikut:

> Adapun diperhamba kedua datang ini dititahkan sultan Melaka membawa surat persembahkan ke bawah Duli Yang Maha Mulia, tanda berkasih-kasihan antara Sultan Melaka dan Duli Yang Maha Mulia. Kemudian dari itu, adalah maksud Duli Yang Dipertuan sedikit berkehendak akan bedil meriam disuruhnya beli barang sekuasa hamba sekalian membawa dia.

Selain itu, teks hikayat juga memberi gambaran tentang falsafah seni, kehidupan seharian, cara berperang atau berdagang masyarakat pada masa lampau. Hikayat sebenarnya bukanlah suatu catatan rekaan semata-mata, kerana di dalamnya terdapat kisah permulaan negara kota dan susur galur kerajaan beraja. Namun, kisahnya dikreatifkan dan diberikan unsur mitos untuk tujuan tertentu pada masa hikayat itu dikisahkan dan ada juga untuk tujuan selepasnya. Di sinilah terletaknya kebijaksanaan orang Melayu kerana melakukan penyamaran kisah atas tujuan yang lebih berhikmah. Oleh itu, kisah-kisah tentang pembuatan perahu, kapal dan senjata, juga sistem jual beli bukanlah suatu khayalan kerana penceritaannya begitu terperinci, dan perkara ini turut disahkan oleh bangsa asing (Eropah, Arab, China dan India) yang pernah singgah berdagang di negara ini. Misalnya, dalam *Sulalatus Salatin* (A. Samad, 1979: 264), kisah pemilikan senjata, khususnya bedil dan meriam, dalam kerajaan Melaka diperincikan dengan baik supaya diketahui oleh generasi berikutnya:

> Laksamana Hang Nadim akan kepala kelengkapan; perahunya dendang, panjang tiga belas; dua sehaluan meriamnya, dan rentakanya sepuluh sebelah, tahan-turut dua; dan pengapitnya Seri Bija Diraja, cucu kepada Seri Bija Diraja Datuk Bongkok, perahunya jong, panjang sebelas; dan juga meriam sehaluan, rentakanya delapan sebelah, tahan turun dua. Adapun pada masa itu bedil yang lepas tatkala Kopak alah, meriam dua puluh, dan rentaka tiga ratus.

Petikan itu membuktikan dengan jelas bahawa pandainya Melayu dahulukala dalam pembuatan dan pemilikan senjata.

Kesimpulan

Jika difikirkan dengan cermat, pandangan Ibn Khaldun tentang teori kitaran ini, ia amat berpadanan dengan situasi yang sedang dialami oleh tamadun bangsa Melayu pada hari ini. Peristiwa-peristiwa sejarah, pencapaian, bahan-bahan milikan dan tatacara kehidupan masyarakat zaman lampau perlu diceritakan semula kepada anak bangsa pada hari ini untuk mengembalikan cinta murni anak bangsa akan negara kotanya sendiri. Kepandaian Melayu dalam teks-teks Melayu lama itu perlu diselongkar dan didedahkan supaya generasi muda berasa bangga akan pencapaian bangsanya sendiri suatu masa dahulu dan mahu mengulang semula dan mempertahankan kegemilangan itu.

Oleh hal yang demikian, pengumpulan bahan-bahan sejarah dan penulisan semula kisah-kisah peradaban Melayu ini, termasuklah kisah kehebatan persenjataan Melayu di rantau Nusantara ini perlu dilaksanakan dengan lebih terperinci oleh semua pihak, termasuklah pakar sejarah, sosiologi, kesusasteraan, kesenian dan sebagainya. Hal ini demikian kerana sejarah bukan sahaja penting sebagai kamus kehidupan yang memberi pengajaran, tetapi juga boleh menjadi pencerita tentang kearifan bangsa Melayu pada masa lampau.

Bibliografi

A. Samad Ahmad. (1979). *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ahmadie Thoha. (1986). *Muqaddimah Ibn Khaldun.* Jakarta: Pustaka Firdaus.

Amir Martosedono. (1987). *Mengenal Senjata Tradisional Kita.* Jakarta: Effhar & Dahara Prize.

Boesche, R. (2002). *Tocqueville's Road Map: Tethodology, Liberalism, Revolution, and Despotism.* UK: Lexington Books.

Charles Issawi & Ali Munawar. (1964). *Filsafat Ibn Khaldun.* Singapura: Craftsman Press Ltd.

Enriquez, Antonio Reyes. (2006). *The Cult of War.* Filipina: The University of The Philippines Press.

Guillermo, Artemio R. (2012). *Historical Dictionary of The Philippines.* United Kingdom: Scarecrow Pres. Inc.

Hamdan Hassan. (1979). *Islam dan Kebudayaan Kebangsaan.* Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.

Hanizah Jonoh. (1997). *Senjata-Senjata di Zaman Kesultanan Melayu Johor.* Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor dan Bosshouse Sdn. Bhd. Johor.

Hill, A.H. (1956). *The Keris and Other Malay Weapons*. Kuala Lumpur: The Malaysian Branch of The Royal Asiatic Society.

Hill, A.H. (1998). *The Keris and Other Malay Weapons*. London: The Malaysian Branch of the Asiatic Society.

Kassim Ahmad & Noriah Mohamed. (2008). *Hikayat Hang Tuah.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Yayasan Karyawan.

Mahmoud Rabi, Muhamad. (1967). *The Political Theory of Ibn Khaldun.* Leiden, Netherlands: Brill Archive.

Midgley, James. (1995). *Social Development: The Developmental Perspective in Social Welfare.* SAGE.

Manansala, Paul Kekai. (2006). Quests of the Dragon and Bird Clan. Lulu.com. http://www.lulu.com/shop/search.ep?keyWords=Quests+of+the+Dragon+and+Bird+Clan&type=Not+Service&sitesearch=lulu.com&q (dicapai pada 28 Ogos 2013).

Nankivell, John H. Buffalo. (2001). *Soldier Regiment: History of the Twenty-Fifth United States Infantry, 1869–1926.* USA: University of Nebraska Press.

Pires, Tom. (1944). *The Suma Oriental of Tom Pires*. London: Hukluyt Society.

Shahrum Yub. (1967). *Keris dan Senjata-Senjata Pendek.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Siti Hawa Haji Salleh. (1991). *Hikayat Merong Mahawangsa.* Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Siti Hawa Haji Salleh. (1992). *Hikayat Patani.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Tanpa penulis. (1999). *Himpunan Kertas Kerja Keris Darjat dan Kudrat.* Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia. Ampang, Selangor: Percetakan Asni Sdn. Bhd.

Teeuw, A.E. & Wyatt, D.K. (1970). *Hikayat Patani: The Story of Patani.* The Hague: Nijhoff.

Kasih Sayang dan Keinginan Dimiliki Menurut Perspektif Melayu dalam Novel *Trilogi Cinta*

Nurhamizah Hashim | Mohamad Mokhtar Abu Hassan

Pengenalan

Sememangnya, secara tradisi masyarakat Melayu merupakan masyarakat yang amat menitikberatkan persaudaraan dan kasih sayang sesama anggota masyarakat. Perkara ini dapat dibuktikan melalui amalan gotong-royong, kerjasama, ziarah-menziarahi dan berkongsi suka duka, berkongsi kegembiraan dan bersimpati dengan kesedihan, memberi senyuman dan bertegur sapa sesama kenalan dan sebagainya yang telah terpupuk sejak sekian lama. Jika dilihat kembali dalam kehidupan masyarakat Melayu suatu ketika dahulu, unsur-unsur seperti gotong-royong dan kerjasama amat terserlah dalam pelbagai aktiviti harian mereka. Amalan ini dilakukan ketika majlis kenduri kahwin, pembinaan surau, membersihkan kampung dan sebagainya. Bukan sekadar itu sahaja, malah atas dasar kasih sayang dan persaudaraan juga membawa kepada sifat prihatin terhadap orang lain. Oleh sebab itu, tidak hairanlah jika seseorang itu boleh menegur dan menasihati anak jiran yang dilihat melakukan sesuatu perkara yang salah atau bercanggah dengan nilai budaya masyarakat Melayu serta pegangan agama. Lanjutan itu, bab ini menerapkan teori "Hierarki Keperluan Manusia" (Maslow, 1970) dalam novel remaja, *Trilogi Cinta* karya Siti Jasmina Ibrahim. Namun, hanya peringkat ketiga, iaitu keperluan kasih sayang dan keinginan dimiliki yang terdapat dalam teori Hierarki Keperluan Manusia sahaja yang dibincangkan secara mendalam mengikut perspektif masyarakat Melayu.

Teori Hierarki Keperluan Manusia

Teori Hierarki Keperluan Manusia telah diperkenalkan oleh Abraham Harold Maslow pada tahun 1943 dalam dua kertas kerja yang berkait antara satu sama lain yang telah disiarkan dalam jurnal *Psychological Review*. Kertas kerja pertama bertajuk "A Preface to Motivation Theory", diterbitkan pada bulan Januari manakala kertas kerja kedua, bertajuk "A Theory of Human Motivation", diterbitkan pada musim luruh (Edward Hoffman, 1999: 142).

Menurut Maslow, teori Hierarki Keperluan Manusia ini digunakan untuk melihat pola keperluan manusia. Teori ini dilihat sebagai bersifat dinamik. Setiap individu akan cuba memenuhi tuntutan keperluan manusia. Teori ini terdiri daripada lima peringkat utama pada asalnya: (i) keperluan fisiologi, (ii) keperluan keselamatan, (iii) keperluan kasih sayang dan keinginan untuk dimiliki, (iv) keperluan penghargaan kendiri, dan (v) ialah keperluan penyempurnaan kendiri (Maslow, 1970: 35–47).

Namun, jika berlakunya kekangan, seseorang manusia itu akan kembali ke tahap keperluan sebelumnya, bagi tujuan mengisi kembali tuntutan itu. Peringkat-peringkat keperluan asal teori ini digambarkan dengan lebih jelas dalam Rajah 1.



Rajah 1 Peringkat keperluan dalam teori Hierarki Keperluan Manusia
Sumber: http://tuanmat.tripod.com/teorimaslow.html

Keperluan fisiologi

Keperluan utama dan perlu didahulukan ialah keperluan fisiologi ataupun keperluan hayat. Maslow (1970: 36) menegaskan bahawa keperluan-keperluan pada peringkat ini mempunyai desakan yang paling kuat berbanding desakan terhadap keperluan-keperluan pada peringkat yang lain.

Menurut Maslow (1970: 36), keperluan pada peringkat ini haruslah dipenuhi seseorang individu sebelum mereka melangkah ke peringkat yang seterusnya. Keperluan fisiologi pada dasarnya mencakupi keperluan paling asas, iaitu perkara yang diperlukan bagi diri ataupun fizikal seseorang seperti keperluan untuk mendapatkan air, api, cahaya, angin dan udara.

Walau bagaimanapun, dalam konteks kehidupan manusia, keperluan asas dirumuskan sebagai keperluan untuk mendapatkan makanan, keperluan minuman, keperluan kejantinaan atau keperluan seks, keperluan mendapatkan tidur serta rehat yang secukupnya, dan keperluan mendapatkan tempat tinggal serta pakaian (Maslow, 1970: 36). Tanpa keperluan-keperluan ini, manusia tidak akan dapat hidup dengan sempurna dan selesa.

Keperluan keselamatan

Keperluan yang kedua ialah keselamatan (Maslow, 1970: 39). Setiap individu memerlukan keperluan ini tetapi pada kadar yang berbeza. Misalnya, individu yang kurang mendapat keperluan ini akan menjadikannya lebih gemar menyendiri dan tidak bergaul dengan masyarakat.

Namun, ada juga individu yang mempunyai atau mendapat keperluan ini secara berlebihan sehingga menjadikannya amat bergantung kepada orang lain di sekitarnya dalam banyak perkara. Misalnya, kanak-kanak yang tidak dapat hidup sendiri akan banyak bergantung kepada ibu bapa bagi mendapatkan keperluan ini supaya mereka berasa sentiasa dilindungi. Misalnya, jika mereka ditimpa sesuatu penyakit, mereka amat memerlukan jagaan daripada ibu bapa bagi memastikan keselamatan mereka terjamin (Maslow, 1970: 39–41).

Bagi individu dewasa pula, mereka amat memerlukan keadaan persekitaran yang stabil, aman, konsisten dan selamat bukan sahaja meliputi aspek fizikal, malah aspek-aspek lain seperti aspek rohani dan emosi. Keperluan ini lahir daripada desakan nurani manusia sendiri yang lazimnya

tidak akan selesa jika hidupnya sering diburu ketakutan, kebimbangan dan perasaan tidak menentu (Maslow, 1970: 41).

Keperluan kasih sayang dan keinginan dimiliki

Maslow menegaskan bahawa lumrah manusia adalah untuk hidup secara berkelompok dan diterima sebagai sebahagian daripada kelompok tersebut (Maslow, 1970: 43). Hal ini dapat dibuktikan pada perenggan berikut:

> He will hunger for affectionate relations with people in general, namely, for a place in his group or family, and he will strive with great intensity to achieve this goal.

Berkasih sayang adalah satu sifat terpuji yang amat digalakkan bagi setiap individu. Setiap insan mahu diri mereka disayangi. Oleh sebab itu, wujud sistem kekeluargaan dalam masyarakat yang berteraskan kasih sayang untuk kehidupan yang aman damai. Apabila sifat berkasih sayang mula luntur, ditambah pula dengan sifat menyimpan dendam dan kebencian, ia akan menjanjikan kehancuran kepada sesebuah bangsa atau masyarakat.

Sebagaimana yang telah diketahui, telah menjadi lumrah sebagai seorang manusia untuk menginginkan serta memerlukan kasih sayang daripada seseorang yang rapat dengan mereka seperti ibu bapa, adik-beradik, saudara-mara dan teman-teman. Selain itu, manusia juga mempunyai keinginan untuk menjalinkan perhubungan dan persahabatan istimewa dengan seseorang yang berlainan jantina, iaitu percintaan atau menjalinkan hubungan kasih sayang antara lelaki dengan perempuan. Hubungan percintaan dan kasih sayang menurut Maslow melibatkan memberi dan menerima kasih sayang (Maslow, 1970: 44).

> Also not to be overlooked is the fact that the love needs involve both giving and receiving love.

Namun, satu perkara yang amat ditekankan oleh Maslow ialah perasaan cinta dan kasih sayang, tidak boleh sama sekali disamakan dan dikaitkan dengan seks. Menurut beliau, keperluan seks hanya dilihat sebagai keperluan fisiologi semata-mata (Maslow, 1970: 44).

Keperluan penghargaan kendiri

Peringkat keperluan keempat ialah peringkat penghargaan kendiri (*self-esteem*) (Maslow, 1970: 45–46). Antara unsur utama dalam pembinaan konsep kendiri ialah penerimaan yang turut dikenali sebagai penghargaan kendiri. Manusia sebagai kitaran hidupan yang mempunyai perasaan lumrahnya ingin dihargai, dihormati, diterima oleh keluarga, masyarakat dan rakan. Selain itu, manusia turut memiliki harga diri serta kehormatan diri. Perkara ini dapat dilihat baik daripada aspek fizikal mahupun daripada aspek emosi setiap manusia (Maslow, 1970: 45).

Maslow telah membahagikan keperluan penghargaan kendiri yang akan dinikmati oleh manusia kepada dua keadaan atau dua bentuk. Pertama, keperluan penghargaan kendiri yang tinggi, iaitu manusia itu sendiri tahu menilai dan menghargai dirinya serta menghormati diri sendiri seperti berasa yakin, cekap, berdikari dan bebas. Kepuasan dalam konteks ini melibatkan rasa yakin manusia bahawa dia mempunyai keyakinan diri, kebolehan, kekuatan, kemampuan, dan kehadirannya sangat berguna dan diperlukan dalam urusan-urusan tertentu (Maslow, 1970: 46). Kedua, merujuk kepada sikap menghormati orang lain, dan apabila individu tersebut mendapati bahawa orang lain melahirkan rasa hormat kepadanya. Rasa hormat ini hadir dalam bentuk pengiktirafan, status, pemasyhuran, penghargaan, perhatian, kepentingan, maruah, dan

kekuasaan (Maslow, 1970: 45).

Keperluan penyempurnaan kendiri

Penyempurnaan kendiri atau penghakikian kendiri diperlukan apabila manusia sudah mencapai kepuasan tertinggi dalam hidupnya dalam bidang yang diterokai dan dia dapat menguasai bidang tersebut secara menyeluruh dan dengan sebaik-baiknya (Maslow, 1970: 46). Namun, menurut Maslow, golongan muda atau remaja tidak akan mampu mencapai tahap penyempurnaan kendiri ini disebabkan beberapa perkara. Antaranya adalah kerana golongan muda ini masih berada dalam proses mencari identiti diri dan masih belum cukup pengalaman hidup.

Manusia yang sudah memenuhi keperluannya pada peringkat ini akan berasa gembira dan berpuas hati sekiranya dapat menolong orang lain mengecap keinginan yang diperlukannya. Mereka juga dapat menerima keadaan diri sendiri serta orang lain dan alam sekitarnya (Maslow, 1970: 155). Apabila keperluan asas telah dipenuhi, keperluan kepada penyempurnaan kendiri dan perkembangan akan ketara. Manusia akan mencari matlamat hidup dan berusaha ke arah penyempurnaan kendiri dalam potensi diri yang ada pada mereka.

Kasih Sayang dan Keinginan Dimiliki Menurut Perspektif Melayu

Berdasarkan penelitian dan kajian terhadap novel *Trilogi Cinta* karya Siti Jasmina Ibrahim, terdapat tiga bentuk kasih sayang dan keinginan dimiliki yang telah ditonjolkan atau diketengahkan. Tiga bentuk kasih sayang tersebut ialah (i) kasih sayang manusia terhadap Pencipta (Allah SWT) dan Rasul-Nya (Nabi Muhammad SAW), (ii) kasih sayang sesama manusia, dan (iii) kasih sayang terhadap seni budaya Melayu. Huraian ketiga-tiga bentuk kasih sayang ini adalah seperti berikut:

Kasih sayang manusia terhadap pencipta (Allah SWT) dan Rasul-Nya (Nabi Muhammad SAW)

Kasih sayang yang utama dan ditekankan oleh masyarakat Melayu beragama Islam ialah kasih sayang dan cinta terhadap Pencipta, iaitu terhadap Allah SWT serta terhadap nabi dan rasulnya, terutamanya Nabi Muhammad SAW. Antara cara untuk menunjukkan kasih sayang dan cinta kepada Allah SWT dan Nabi Muhammad SAW adalah melalui perbuatan yang disyorkan oleh ajaran Islam berpandukan al-Quran dan sunah.

Setiap masyarakat Melayu yang beragama Islam haruslah menuruti segala perintah Allah SWT serta meninggalkan segala yang dilarang oleh-Nya. Hal ini membuktikan bahawa seseorang itu masih mempunyai kasih sayang dan cinta terhadap Allah SWT dan sedar akan tanggungjawab mereka sebagai seorang hamba di atas muka bumi ini.

Misalnya, dalam solat lima waktu sehari semalam. Sebagai umat Islam, solat lima waktu merupakan perkara wajib yang harus dilakukan. Malah bagi menggambarkan betapa pentingnya menunaikan solat, muncullah pepatah yang menyebut bahawa “solat itu tiang agama”. Justeru, boleh dikatakan bahawa jika seseorang itu tidak solat, maka dia dianggap telah meruntuhkan tiang agama.

Dalam novel *Trilogi Cinta*, watak utamanya, iaitu Cempaka telah menunjukkan rasa kasih sayang dan cinta kepada Allah SWT melalui perbuatannya seperti menunaikan solat, mengaji al-Quran, mengucapkan syukur, mengucapkan alhamdulillah, beristighfar, berdoa dan menaruh sepenuh kepercayaan kepada Allah SWT serta percaya pada qada dan qadar-Nya.

Misalnya petikan berikut menggambarkan Cempaka menunaikan solat jemaah bersama dengan kawan-kawannya dalam kesibukan mereka menguruskan projek seni yang akan berlangsung di Kampung Ledang. Selaku umat Islam sejati mereka tidak lupa menunaikan tanggungjawab sebagai seorang Muslim.

> Sebelum meneruskan perjalanan pulang, mereka singgah di Masjid Kampung Ledang untuk menunaikan solat maghrib. Alfin dan Madam Monica menunggu di dalam kereta.
>
> (Siti Jasmina, 2002: 171)
>
> "Nenek kamu juga guru mengaji?"
>
> Cempaka sekadar mengangguk. Kemudian mereka mengerjakan solat berjemaah.
>
> (Siti Jasmina, 2002: 172)

Cempaka juga menunjukkan sikap yang baik, iaitu beliau beristighfar ketika dipuji oleh rakan sekelasnya, Munira. Perbuatan Cempaka ini adalah bertujuan untuk menghindarkan diri daripada sikap takbur, bongkak, angkuh dan riak setelah dipuji oleh orang lain. Sikap-sikap ini haruslah dihindari semua manusia.

> Kata-kata pujian yang begitu meyakinkan daripada Munira itu tiba-tiba saja menakutkan Cempaka. Dia segera beristighfar, memohon ampun daripada Allah s.w.t agar dipelihara daripada perasaan riak dan takbur.
>
> (Siti Jasmina, 2002: 110)

Selain itu, Cempaka turut menyerahkan segala-galanya kepada Allah SWT setelah beliau berusaha dengan bersungguh-sungguh dalam melaksanakan projek seninya. Sikap Cempaka ini amat bertepatan dengan konsep "manusia hanya merancang, namun Tuhan yang akan menentukan segala-galanya". Cempaka berharap dan memohon kepada Allah agar segala urusannya berjalan dengan lancar.

> Cempaka tersentak. Dia seakan terdengar ibunya berbisik hampir ke telinganya. Pesan ibu, selawat tiga kali, berserah kepada tuhan. Mohon segala-galanya berjalan lancar.
>
> (Siti Jasmina, 2002: 160)

Sikap dan kasih sayang Cempaka kepada Allah SWT terbukti apabila beliau menanamkan kepercayaan yang kukuh kepada Pencipta-Nya. Segala perbuatannya adalah bersandarkan kepercayaan kepada Allah SWT.

Di samping itu, kasih sayang manusia kepada Pencipta-Nya amat bergantung atas kesedaran diri manusia terhadap segala bentuk nikmat yang diperoleh sama ada nikmat kewujudannya di dunia, atau nikmat panjang umur dan kesihatan serta nikmat kesenangan berupa harta, wang, kekayaan, pangkat dan sebagainya.

Kasih sayang sesama manusia

Kasih sayang sesama manusia merupakan perkara yang amat penting bagi setiap manusia di dunia ini, khususnya masyarakat Melayu. Setiap individu lazimnya saling memerlukan antara satu sama lain. Kasih sayang dan keinginan dimiliki yang dikemukakan oleh Abraham Maslow bermaksud bahawa manusia mempunyai keinginan untuk saling memiliki dan saling memerlukan antara satu sama lain. Manusia yang berbudaya akan selalu merasakan bahawa

dirinya adalah sebahagian daripada diri orang lain.

Antara sikap kasih sayang sesama manusia yang terdapat dalam novel *Trilogi Cinta* ini ialah saling membantu atau tolong menolong apabila seseorang memerlukan pertolongan. Misalnya Cempaka telah membantu kawannya, iaitu Munira untuk lulus dalam ujian tarian. Walaupun Munira sering tidak puas hati dan sering mencari masalah dengan Cempaka, namun Cempaka tetap menolong Munira apabila gadis tersebut ditimpa masalah, iaitu gagal dalam ujian kelas tarian. Cempaka cuba bersikap profesional dan tidak berdendam dengan segala kelakuan Munira terhadapnya selama ini.

> Tolonglah aku Cempaka. Aku perlu lulus dengan bagus. Mungkin bagi kau mudah, tapi ini bukan keseluruhan bidang aku. Aku pelakon. Jadi kau perlu bantu aku menjadi penari untuk minggu depan saja, boleh?
>
> Cempaka mengangguk. Munira terus memeluknya dengan gembira. Cempaka tergamam. Dalam hati dia melafazkan syukur atas reaksi dan mungkin juga perubahan Munira.
>
> (Siti Jasmina, 2002: 110)

> Sudah tiga hari Cempaka membantu Munira berlatih tarian zapin untuk lulus ujian tarinya.
>
> (Siti Jasmina, 2002: 112)

Di samping itu, amalan bergotong-royong dan bekerjasama juga turut diketengahkan dalam novel ini, misalnya semasa Cempaka mengadakan projek akhirnya di Kampung Ledang. Kawan-kawan kolejnya telah bekerjasama dan bergotong-royong membantu Cempaka menjayakan projek tersebut.

> "Cempaka dah minta Kak Mimi sewakan dua buah bas ekspres untuk teman-teman kuliah, pensyarah, bahagian akademik dan karyawan jemputan Cempaka!" jelas Cempaka yakin.
> "Makan?"
> "Hana dan Munira dah bersedia untuk menyediakan jamuan makan untuk penonton. Munira sendiri nak menaja barang-barang makanan nanti."
> "Peralatan teknikal?"
> "Ezam dan Alfin akan tolong. Peralatan boleh pinjam daripada kolej."
>
> (Siti Jasmina, 2002: 151)

> Rupa-rupanya semua sudah dirancang dengan baik oleh mereka. Cempaka terharu apabila mengetahui yang teman-temannya bersungguh-sungguh hendak membantunya menjadikan impian persembahan di Kampung Ledang menjadi kenyataan.
>
> (Siti Jasmina, 2002: 164-165)

Selain itu, novel *Trilogi Cinta* turut memaparkan jalinan hubungan yang baik antara orang Melayu dengan kaum yang berlainan bangsa serta berbeza agama. Misalnya, hubungan yang terjalin erat antara keluarga Cempaka dengan keluarga Madam Monica. Hubungan kedua-dua buah keluarga ini amat rapat biarpun mereka berbeza agama.

> Madam Monica sangat gembira dengan kedatangan mereka, terutama apabila dia menyedari kehadiran Cempaka. Dia menjamu mereka dengan kuih-muih yang dibuat sendiri oleh pembantu rumahnya.
>
> (Siti Jasmina, 2002: 116)

> Dah lama Madam Monica balik ke Malaysia. Ceritanya dulu, dia terpisah dengan keluarga kita apabila dia mengikut suaminya ke Morocco. Dia cari kita di Kampung Ledang, tapi waktu tu kita dah lama pindah. Tak ada sesiapa pun di sana, tapi dia tak putus asa. Sehingga kini dia berharap agar dapat berjumpa ibu dan nenek. Katanya, takdir yang bawa Cempaka setelah bertahun dia berdoa.
>
> (Siti Jasmina, 2002:124)

> Cempaka dan ayahnya serentak melihat jam di dinding. Sudah jam 10.00. Siapa pula yang mahu datang pada masa begini?
> "Cuba tengok siapa, Cem."
> Cempaka bangun lalu membuka pintu. Dia tergamam.
> "Siapa?" tanya ayah yang masih di hadapan komputer.

> "Ayah, Madam Monica datang," jawab Cempaka.
> Spontan ayahnya berdiri lantas meluru ke ruang tamu. Madam Monica tersenyum lebar. Di belakangnya, berdiri Alfin yang berpakaian serba hitam. Ayah Cempaka bagai tidak percaya Madam Monica berada di dalam rumahnya.
>
> (Siti Jasmina, 2002: 152-153)

Cempaka juga digambarkan sebagai remaja yang amat menitikberatkan hal kekeluargaan serta menyayangi keluarganya yang terdiri daripada ibu bapa, nenek dan datuknya. Kasih sayang Cempaka terhadap keluarganya tidak pernah berkurangan walaupun selepas ibu dan bapanya berpisah serta selepas nenek dan datuknya meninggal dunia.

Cempaka dan ibunya pernah terlibat dalam kemalangan jalan raya. Peristiwa tersebut telah menyebabkan ibu Cempaka hilang ingatan. Oleh sebab kasih sayang dan rindu yang amat mendalam terhadap ibunya, Cempaka telah berjanji dengan dirinya sendiri bahawa beliau akan cuba berusaha memulihkan ingatan ibunya. Justeru, tindakan yang telah dilakukan oleh Cempaka bagi mengembalikan ingatan ibunya adalah dengan membuat persembahan seni tarian yang biasa dilakukan oleh ibunya suatu ketika dahulu.

> Suatu hari, pada awal pagi, buat pertama kali ibu menggenggam tangan saya dan menatap mata saya. Betul-betul dia memandang saya. Tidak berkelip. Seperti hendak mengatakan sesuatu. Baru saya sedar yang saya pasang lagu yang selalu nenek gunakan untuk berlatih bergurindam. Semenjak itu saya yakin, ibu boleh sembuh. Ibu akan sembuh dengan seni. Tari, lagu dan kenangan sewaktu ibu masih sihat.
>
> (Siti Jasmina, 2002: 180)

Kasih sayang seorang anak terhadap ibunya tergambar jelas pada watak Cempaka yang sanggup melakukan apa-apa sahaja bagi memulihkan semula ingatan ibunya seperti sediakala. Projek akhir Cempaka yang berlangsung di Kampung Ledang juga mempunyai kaitan dengan usaha memulihkan ingatan ibunya.

Cempaka juga turut berusaha untuk menyatukan semula kedua-dua ibu dan bapanya dengan mengadakan persembahan tarian di kampung halaman yang banyak meninggalkan kenangan buat keluarga Cempaka, iaitu Kampung Ledang. Di Kampung Ledang inilah buat pertama kalinya ibu bapa Cempaka bertemu setelah setahun berpisah. Akhirnya Cempaka telah berjaya menyatukan mereka kembali.

> Ibu sudah kembali. Warisan seni Kampung Ledang hidup kembali. Rumah arwah atuk dan nenek berseri kerana cinta ibu dan ayah bersatu kembali. Bunga emas Kampung Ledang senyum dan ketawa kini.
>
> (Siti Jasmina, 2002: 186)

Kasih sayang terhadap seni budaya

Seni budaya sesebuah bangsa amat penting. Tamadun sesuatu bangsa selalunya dapat dilihat pada warisan seni budayanya. Warisan budaya ini haruslah dikekalkan kerana mempunyai identiti yang tersendiri. Hal ini dapat dilihat dalam novel *Trilogi Cinta* yang mengetengahkan watak Cempaka yang cuba menghidupkan kembali seni warisan kampungnya, iaitu Kampung Ledang. Cempaka juga digambarkan sebagai remaja yang bergiat aktif dalam seni tarian Melayu.

Kampung Ledang merupakan sebuah kampung yang masih menjalankan dan memperjuangkan aktiviti kesenian dan budaya Melayu seperti tarian, silat dan sebagainya. Sebelum kematian datuk dan nenek Cempaka, datuknya merupakan guru silat, manakala ibu dan neneknya pula merupakan penari tarian tradisional.

> Ibu Cempaka penari yang hebat; arwah mak mertua ayah, primadona terbilang pada zamannya; arwah ayah mertua pula guru silat yang disegani; dan arwah ibu dan bapa ayah sendiri giat dalam kerja-kerja seni kraf.
>
> (Siti Jasmina, 2002: 35)

Namun, setelah datuk dan nenek Cempaka meninggal dunia, segala aktiviti seni budaya di kampung tersebut terhenti begitu sahaja. Hal ini amat menyedihkan Cempaka, lantas dia berjanji dengan dirinya sendiri bahawa dia akan membangunkan semula seni warisan yang ditinggalkan oleh arwah datuk dan neneknya.

> Cempaka akan hidupkan kembali budaya berkampung seni yang telah lama dipupuk oleh arwah atuk sejak dia masih muda. Muafakat dan bersatu kita, dalam suara seni. Warisan yang mesti kita lestarikan. Itu kata arwah atuk dulu, dan Cempaka akan teruskan.
>
> (Siti Jasmina, 2002: 168)

> Keyakinan dan tekadku lebih kuat kini untuk meneruskan seni warisan arwah atuk dan nenek serta ibu. Syukur juga kerana ayah cukup memahami dan sanggup menolak rasa kesedihannya selama ini dan pulang juga ke Kampung Ledang.
>
> (Siti Jasmina, 2002: 174)

> Terima kasih, Cempaka. Nenek memang yakin Cempaka akan hidupkan kembali warisan di Kampung Ledang. Salah tanggapan kebanyakan orang bahawa semua anak muda sudah lupa akan keindahan seni budaya mereka. Ramai yang sedar kayanya seni mereka dan nenek serta atuk bangga Cempaka salah seorang daripada mereka. Bantulah ibu kamu. Dia sedang menunggumu memanggil namanya kembali.
>
> (Siti Jasmina, 2002: 175)

Dengan usaha yang jitu, Cempaka akhirnya telah berjaya membangunkan semula seni warisan yang dulunya aktif di Kampung Ledang. Cempaka juga mendapat bantuan daripada keluarganya, Madam Monica serta rakan-rakan di kolej.

> "Kita boleh hidupkan kembali tempat ini. Kita boleh adakan persembahan sekurang-kurangnya sebulan sekali. Ibu akan bawa tokoh korporat yang berminat untuk memajukan warisan seni sebegini." Madam Monica pula yang bersemangat.
>
> (Siti Jasmina, 2002: 169)

Setelah segala persiapan dilakukan, tibalah hari yang dinantikan selama ini. Mimi bertanggungjawab membawa penonton ke Kampung Ledang. Hana dan Munira berganding bahu menyediakan suasana di gelanggang atuk agar menjadi meriah dan kemudian menjamu hidangan yang enak-enak.

Madam Monica membantu membawa pengarah-pengarah syarikat yang berminat untuk mengembangkan kesenian tanah air. Ayah Cempaka telah berjumpa Tuk Penghulu Alias. Orang kampung gembira mendengar rumah arwah atuk hidup semula. Ramai murid silat atuk datang. Tua dan muda bergotong royong menyediakan pentas bersama Alfin dan Ezam. Atas ihsan doktor di pusat rawatan ibu Cempaka, mereka membawanya ke Kampung Ledang.

(Siti Jasmina, 2002: 182)

Kesimpulan

Kasih sayang daripada perspektif masyarakat Melayu amat luas sifatnya. Sebagaimana yang dibincangkan dalam novel *Trilogi Cinta* ini, kasih sayang dan keinginan dimiliki boleh dibahagikan kepada tiga bahagian yang utama, iaitu (i) kasih sayang kepada Allah SWT dan Nabi Muhammad SAW, (ii) kasih sayang sesama manusia dan (iii) kasih sayang terhadap seni budaya Melayu.

Novel *Trilogi Cinta* ini tidak mengandungi sebarang kisah cinta remaja klise yang sering dapat dibaca dalam novel popular yang lain. Keinginan dimiliki jika mengikut pemahaman Abraham

H. Maslow adalah berkaitan dengan hubungan antara lelaki dengan perempuan. Namun, seperti yang dibincangkan didapati bahawa novel *Trilogi Cinta* tidak menonjolkan hubungan yang berbentuk seperti itu.

Perkara dan aspek yang ditonjolkan ialah penekanan dan pemupukan semangat kasih sayang terhadap Allah SWT, Nabi Muhammad SAW serta kasih sayang sesama manusia dan kasih sayang terhadap seni budaya Melayu yang kian ditinggalkan.

Bibliografi

Edward Hoffman. (1999). *The Right To Be Human: A Biography of Abraham Maslow Revised and Updated*. USA: McGraw-Hill.
Maslow, A.H. (1970). *Motivation and Personality* (edisi ke-2). New York: Harper and Row Publishers.
Siti Jasmina Ibrahim. (2002). *Trilogi Cinta*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

Mock-Documentary sebagai Pemangkin Minat Terhadap Filem Komersial Bersifat Intelek di Malaysia

Khazatulzihan Khalid | Rohani Hashim | Muhammad Hatta Muhammad Tabut

Fungsi Filem di Malaysia

Sesebuah filem yang berjaya bukan sahaja wajar diukur daripada segi keuntungan yang diperoleh penerbit filem. Selain berfungsi sebagai bentuk hiburan, filem juga merupakan medium yang berfungsi untuk pelbagai dimensi seperti menyalurkan maklumat dan memberi pengetahuan. Aliran perkembangan industri filem tempatan yang diterbitkan di Malaysia lebih bersifat ikutan. Apabila filem yang bertema cinta laris di pasaran, peluang ini kemudian cuba direbut pula oleh penerbit lain untuk turut menerbitkan filem bergenre sedemikian. Begitu juga apabila filem bergenre seram mendominasi kutipan pecah panggung, fenomena yang sama juga berulang apabila lambakan filem seram diterbitkan dan fenomena ini diikuti genre gengster dan aksi. Filem-filem yang dihasilkan lebih menjurus kepada keuntungan kutipan di pawagam dan bersifat komersial. Formula hampir sama yang digunakan oleh penerbit bagi menerbitkan filem berdasarkan genre-genre ini seterusnya berkemungkinan akan menimbulkan kebosanan dalam kalangan penonton dan rasa tidak berminat untuk menonton filem-filem tempatan.

Corak filem yang dipersembahkan kepada penonton hendaklah dipelbagaikan. Ia tidak sepatutnya hanya statik kepada satu aliran, iaitu filem komersial ringan seperti cinta remaja dan komedi seram yang jalan cerita dan formula yang diguna pakai adalah lebih kurang sama sahaja. Hal ini demikian kerana wujud kelompok penonton filem yang berkemampuan untuk berfikiran terbuka dan kritis. Sehubungan ini, genre *mock-documentary* didapati sebagai antara contoh yang berpotensi untuk diaplikasi dalam penerbitan filem komersial. Elemen yang digunakan bagi penghasilan genre *mock-documentary* berpotensi bukan sekadar membuka ruang untuk berfikiran secara kritis malahan memberi pengetahuan baru kepada penonton di samping berhibur. Filem bergenre *mock-documentary* kebiasaannya menonjolkan isu-isu yang membuka ruang kepada penonton untuk merungkai fakta tertentu dan mendorong penonton untuk berfikir bagi mencari kepastian tentang kandungan inti pati filem tersebut. Ia mampu menghalang penonton daripada menjadi seorang penonton yang pasif dan menerima seadanya inti pati filem tersebut. Justeru, perkara ini bertepatan sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Rasdan (2013: 20) bahawa "kehebatan filem bukan sahaja terletak pada jalan cerita tetapi pengisiannya juga merupakan inti pati penting."

Mock-Documentary sebagai Alternatif untuk Filem

Komersial Intelek

Filem juga berperanan sebagai perakam zaman (Rasdan, 2013: 20). Hal ini kerana filem merupakan medium terbaik untuk merakam sesuatu latar masa. Namun, minat terhadap filem

yang dianggap berat temanya seperti filem yang mengandungi fakta sejarah seperti *Tanda Putera* (2013) agak terhad kepada sebilangan penonton sahaja. Sebagaimana kata-kata pengarahnya, iaitu Datin Paduka Suhaimi Baba yang telah ditemu ramah oleh *Utusan Malaysia,* "Filem sejarah akan tetap menghadapi masalah untuk menarik penonton" (Siti Athirah, 2013: 12). Pendekatan yang boleh diambil untuk meningkatkan minat penonton terhadap filem komersial bersifat intelek yang mempunyai fakta sejarah dan politik di Malaysia adalah keperluan filem ini diadunkan dalam bentuk plot penceritaan yang lebih santai. Oleh itu, alternatif yang boleh dicuba adalah menerusi genre *mock-documentary*. Sememangnya fakta sejarah mahupun politik Malaysia boleh digambarkan melalui penerbitan filem sejarah yang dilakukan oleh Datin Paduka Suhaimi Baba dan segmen dokumentari *Hari Ini dalam Sejarah* yang disiarkan di Radio Televisyen Malaysia (RTM). Walau bagaimanapun, ia tidak mendapat sambutan penonton Malaysia. Idea *mock-documentary* ini boleh diperkukuhkan melalui penelitian terhadap filem *The Big Durian* (2003) yang dihasilkan oleh pengarah bebas Malaysia, iaitu Amir Muhammad. Ia adalah contoh filem *mock-documentary* yang mengadunkan sejarah dan politik Malaysia yang berkisar pada sekitar tahun 1980-an. Susunan plot penceritaannya adalah berbeza daripada norma skala penerbitan filem komersial di Malaysia. Gabungan elemen dokumentari yang amat ketara diaplikasi dalam filem ini. Penonton seterusnya berpeluang untuk berfikir secara kritis akan isi kandungan yang dipersembahkan oleh Amir Muhammad.

Filem *The Big Durian* yang berdurasi selama 1 jam 14 minit ini mengupas persoalan tentang kejadian amuk oleh Prebet Adam yang berlaku pada 18 Oktober 1987 yang merupakan suatu peristiwa yang menggemparkan seluruh Malaysia. Prebet Adam dikatakan telah mengamuk dan melepaskan tembakan rambang menggunakan senapang M16 di kawasan Chow Kit yang mengakibatkan seorang terbunuh dan dua orang lagi tercedera. Bertitik tolak daripada peristiwa itu telah tersebar khabar angin dengan begitu pantas yang mengatakan kemungkinan berlakunya rusuhan kaum. Masyarakat Malaysia yang berbilang kaum berada dalam keadaan tidak senang menunggu akan berita selanjutnya tentang kejadian tersebut tetapi sebenarnya hanya khabar angin semata-mata. Tambahan pula, telah timbul tanda tanya tentang punca yang menyebabkan Prebet Adam mengamuk dan juga punca orang ramai begitu bimbang pada ketika itu. Filem ini cuba mengimbas kembali suasana Malaysia ketika kejadian tersebut dan kesannya terhadap rakyat Malaysia. *Mock-documentary* ini telah menggunakan khidmat lebih daripada 23 individu termasuk para pelakon yang telah disoal oleh Amir Muhamamad sendiri tentang kejadian tersebut bagi meyakinkan penonton bahawa mereka merupakan sebahagian rakyat Malaysia yang mungkin terlibat dalam peristiwa yang telah berlaku pada detik 18 Oktober 1987 itu. Di sebalik isu utama yang ingin diutarakan, *mock-documentary* ini seolah-olah menghidupkan beberapa kisah ataupun isu lain yang tidak kurang pentingnya pada ketika itu. *The Big Durian* turut cuba mengupas isu perkauman yang melibatkan perpaduan dalam kalangan kaum di Malaysia, politik dan kuasa raja-raja dan hak kebebasan bersuara secara terbuka. Kesemua isu ini telah diadunkan dengan begitu cantik oleh Amir Muhammad sehingga tidak terasa seperti ia merupakan sesuatu yang terasing daripada inti pati kisah utama yang ingin diterjemahkan oleh pengarah, iaitu peristiwa amuk Prebet Adam.

Konsep *Mock-Documentary*

Terdapat pelbagai definisi yang telah dikemukakan oleh ahli sarjana tentang *mock-documentary*.

Hight (2010: 2) mendefinisikan *mock-documentary* sebagai satu cabang dokumentari yang telah diubah suai dan mengandungi lingkaran teks fiksyen dan bukan fiksyen yang menghampiri kod dan kelaziman yang biasa digunakan dalam penghasilan dokumentari. Antara contoh filem Barat yang menggabungkan cabang dokumentari bagi meyakinkan penonton bahawa karya fiksyen tersebut merupakan satu karya bukan fiksyen ialah filem *Forgotten Silver* (1995) oleh Peter Jackson. Filem keluaran New Zealand ini telah meraih perhatian penonton tempatan New Zealand pada ketika itu tentang kesahihan wujudnya Colin McKenzie yang digambarkan sebagai karyawan tersohor New Zealand yang dipinggirkan.

Peter Jackson telah menggunakan elemen yang biasa diguna pakai dalam dokumentari seperti suara latar yang menceritakan tentang Colin McKenzie, temu ramah dengan pakar dan mereka yang mengenali beliau, dan foto arkib. Kesemua ini dilakukan bagi meyakinkan penonton bahawa Colin McKenzie sememangnya wujud. Keadaan yang unik berlaku apabila *mock-documentary* ini telah mendorong sekelompok penonton untuk mencari kebenaran dengan membuat panggilan ke stesen televisyen yang menyiarkan progam ini, iaitu Television New Zealand bagi mendapatkan kesahihan maklumat tersebut. Malahan ada antara mereka yang telah membuat siasatan sendiri dengan lebih lanjut untuk mencari susur galur legasi Colin McKenzie. Hal ini telah ditulis oleh Hight dan Roscoe (2006: 179) tentang respons yang diperoleh, iaitu "one viewer was inspired to conduct background research into Maybelle, the heroine of the film, and examined adoption records of Dunedin, coming to the conclusion that she has located young woman almost certainly the daughter of either Brooke or Colin McKenzie." Respons tentang filem *Forgotten Silver* telah menunjukkan bahawa penonton juga mampu menjadi seorang yang aktif berfikiran secara kritis untuk mencari kebenaran sekiranya karya yang dihasilkan benar-benar meyakinkan mereka. Seterusnya, penonton akan lebih menghargai kandungan fiksyen yang dipersembahkan kepada mereka kerana ia kelihatan seperti satu karya yang bukan fiksyen.

Begitu juga dengan contoh filem tempatan *The Big Durian* yang mengadunkan fakta sejarah dan senario politik secara lebih santai dengan gabungan temu ramah terhadap individu daripada pelbagai peringkat status dan bangsa. Kaedah yang digunakan oleh Amir diyakini membuka peluang kepada penonton untuk membuat penilaian mereka sendiri. *The Big Durian* memberi ruang kepada pihak penonton untuk menentukan sendiri mana-mana temu ramah yang dipaparkan sebagai tulen atau sebaliknya (Yap, 2003). Amir turut menyatakan bahawa penghasilan *The Big Durian* bertujuan untuk membuatkan penonton menilai sendiri sama ada fakta yang disampaikan adalah satu pandangan realiti atau tidak (Yap, 2003). Untuk mempelbagaikan peranan filem supaya tidak statik di samping dapat mendidik penonton menjadi penonton yang berfikir, campur tangan oleh penggiat filem itu sendiri adalah suatu keperluan. Penggiat filem perlu keluar daripada acuan formula ikutan yang hampir sama sehinggakan industri filem Malaysia menghadapi zaman suram. Misalnya, dikatakan bahawa "tahun 2012 melihatkan lambakan filem di pawagam, tetapi menyaksikan kemerosotan kutipan tiket maka tercetuslah persoalan tentang aspek yang paling utama, sama ada kuantiti atau kualiti? (Nor Akmar, 2012: 128)."

Teknik *Mock-Documentary*

Mock-documentary mengandungi elemen yang berkait rapat dengan teknik yang diguna pakai dalam dokumentari seperti menggunakan suara latar yang berautoriti, visual dan foto arkib;

menggunakan teknik *cinema verite*; dan menemu bual pakar serta saksi. Teknik *cinema verite* yang digunakan merangkumi penggunaan teknik penggambaran yang kelihatan spontan tanpa efek yang artistik. Teknik ini kebiasaannya berteraskan durasi syot yang lebih panjang dengan menjurus kepada pegangan tangan tanpa menggunakan tripod kamera yang mampu memberi kesan yang lebih dramatik. Visual *cinema verite* juga kebiasaannya mempunyai fokus imej yang tidak stabil, pencahayaan yang minimum dan kualiti suara yang dirakam kedengaran seperti rakaman secara langsung. Justeru, gabungan elemen dokumentari ini mampu membuka peluang kepada penonton untuk berfikir bagi menentukan sama ada paparan visual filem tersebut merupakan satu realiti atau sekadar fantasi.

Filem *Blair Witch Project* (1999) adalah contoh filem *mock-documentary* yang telah menempa kejayaan besar daripada segi kutipan keuntungan kasar yang mencecah sehingga USD150 juta di Amerika Syarikat. Filem ini bukan sahaja memberi keuntungan besar kepada pengarahnya tetapi pada masa yang sama telah mewujudkan momen yang asli dalam minda penonton. Filem ini telah menggunakan teknik yang mudah tetapi meyakinkan kerana ia kelihatan seperti didokumentasikan oleh seorang amatur dengan menggunakan teknik *cinema verite.* Situasi yang dipaparkan seterusnya dapat meningkatkan keyakinan penonton bahawa ia adalah situasi realiti.

The Big Durian juga mengaplikasi teknik *cinema verite*. Amir Muhammad telah mengaburi mata penonton melalui penggunaan teknik pegangan tangan dan digabungkan dengan stail syot lebih panjang bagi menjalankan majoriti temu ramah. Keadaan ini digunakan untuk mendapatkan kesan realiti terhadap sesi temu ramah tersebut. Contoh yang begitu ketara adalah pada bahagian awal filem, iaitu semasa situasi watak seorang wanita yang bergegas menuju ke kereta di tempat letak kereta di dalam bangunan yang kelihatan sedang diekori. Syot yang bergoyang-goyang kesan pergerakan kamera secara pegangan tangan dalam cubaan mengekori wanita tersebut kelihatan seolah-olah Amir Muhammad sedang mengejar wanita tersebut untuk mendapatkan jawapan daripada soalan yang dikemukakan dan sekali gus menambahkan nilai realitinya. Tambahan pula, wanita tersebut secara spontan bertindak balas secara agresif dengan berlari-lari anak. Reaksi muka wanita tersebut juga telah bertukar menjadi marah sambil memandang ke arah kamera dan menyuruh Amir untuk tidak merekodkan aksi beliau. Seterusnya wanita tersebut cuba menutup lensa kamera dengan tangan beliau. Reaksi yang ditonjolkan oleh watak wanita tersebut merupakan satu tindak balas yang lazim berlaku dalam alam realiti. Apabila seseorang ditanya dengan soalan-soalan yang dirasakan tidak relevan, tindakan spontan seperti yang dipaparkan dalam adegan tersebut berkemungkinan berlaku. Di samping itu, tindakan tersebut telah menambahkan nilai visual paparan dan menjadikan isu tersebut sesuatu yang penting dan mencemaskan. Situasi ini dinyatakan oleh Roscoe dan Hight (2001: 89) tentang karya yang menggunakan teknik pegangan tangan. Di samping itu, Hight (2010: 30) juga menyatakan bahawa penggunaan teknik penggambaran tidak konvensional seperti pegangan tangan ini mampu meningkatkan darjah ketulenan karya yang dihasilkan.

Seorang sarjana, iaitu Bayer (2006) menerusi artikel "Artifice and artificiality in mockumentaries" telah menyatakan bahawa majoriti filem *mock-documentary* cuba menambah kepercayaan kritikal penonton. Penonton dihidangkan dengan stail yang sering digunakan oleh dokumentari, iaitu penggunaan teknik temu ramah. Situasi yang sama telah diaplikasi dalam *The Big Durian* yang melibatkan seramai 23 orang watak yang silih berganti digambarkan melalui temu ramah oleh Amir Muhammad selaku pengarah dalam misi pencarian maklumat tentang 'amok' oleh Prebet Adam. Temu ramah ini kemudiannya dikaitkan dengan senario politik dan

perpaduan kaum yang wujud di Malaysia. Satu tarikan yang begitu jelas telah dilakukan oleh Amir melalui *The Big Durian* adalah cara beliau menggabungkan 23 watak amatur dan profesional serta watak-watak sebenar secara silih berganti dalam menyuarakan pendapat yang merupakan satu tugasan yang tidak boleh dipandang mudah untuk dilaksanakan. Kekuatan jalan cerita *The Big Durian* juga bergantung pada olahan watak yang kelihatan begitu spontan dalam memainkan peranan masing-masing seolah-olah memberikan jawapan yang begitu tulus. Paparan tersebut seterusnya menggambarkan tindakan spontan oleh watak-watak tersebut dan bukan dibuat-buat. Keadaan ini dapat dilihat melalui pandangan yang dinyatakan oleh Zakaria (2003), "Kita dapat melihat bahawa wawancara yang dilakonkan nampak lebih stailistik, lucu dan seakan disengajakan. Walaupun begitu, saya yakin para penonton akan tertanya-tanya jika skrip telah disediakan dengan lebih awal ataupun Amir menggunakan teknik *improvise direction,* lantas membiarkan watak-wataknya membicarakan perkara yang hendak diperkatakan secara spontan."

Antara 23 watak tersebut terdapat beberapa contoh yang begitu ketara darjah spontan yang dizahirkan seperti watak Salleh ben Joned. Watak Salleh ben Joned kelihatan begitu bersahaja apabila menyatakan bahawa beliau juga pernah hampir-hampir mengamuk pada suatu ketika dahulu. Perkara yang diperkatakan ini digambarkan dengan jelas pada bahagian pendahuluan filem ini. Paparan tersebut diikuti dengan reaksi Salleh ben Joned meminta kebenaran untuk merokok kepada Amir Muhammad yang bertindak sebagai penemu ramah di luar syot kamera sambil memberi komen tentang Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA). Seterusnya secara lantang Salleh ben Joned menyatakan ketidakwajaran tindakan Tun Mahathir terhadap kes ISA yang merupakan satu respons yang berani dan spontan. Pada bahagian penghujung filem pula satu kejutan dipaparkan berkisar suatu jawapan spontan oleh Salleh ben Joned. Beliau menyatakan bahawa akhbar *Harakah* tidak boleh dipercayai dan tidak bagus. Pandangan tersebut telah memperlihatkan sisi fahaman politik Salleh ben Joned yang sebenarnya tidak memihak kepada mana-mana parti politik tetapi lebih kepada menuntut keadilan dan kebenaran. Menurut Zakaria (2003), "bagi saya, di antara kesemua watak yang ditampilkan dalam *The Big Durian* yang paling saya kagumi adalah Salleh ben Joned, seorang tokoh sasterawan yang saya segani. Saya selesa melihatnya menjawab soalan yang telah diutarakan kepadanya. Jawapan yang diberikan cukup bersahaja dan yang penting, dia ikhlas berbicara – berani pula." Justeru, paparan watak ini telah menambah minat penonton untuk membentuk daya ingin tahu akan keseluruhan intipati filem tersebut.

Gabungan temu ramah diperkukuhkan lagi dengan kekerapan keratan akhbar khususnya akhbar tempatan dan rangkaian foto hitam putih. Kedua-dua elemen ini kerap diselang-selikan dengan temu ramah dan suara latar Amir Muhammad yang merungkai isu amuk, senario politik Malaysia pada era 1980-an dan kesultanan Melayu. Elemen yang kebiasaannya dipraktikkan dalam dokumentari digunakan untuk menambahkan kesahihan lipatan sejarah yang cuba dikongsi dalam *The Big Durian*. Penjelasan ini selari dengan kenyataan Roscoe dan Hight (2001: 17) tentang penggunaan foto hitam putih yang mampu untuk meningkatkan darjah keaslian. Justeru, keaslian yang dikaitkan dengan *The Big Durian* melalui penggunaan elemen keratan akhbar dan foto hitam putih adalah kemampuan filem ini mengukuhkan kepercayaan fakta sejarah yang diadunkan bersama-sama dengan 23 temu ramah yang disusun oleh Amir Muhammad.

Dokumentari dalam *Mock-Documentary*

The Big Durian juga mempertaruhkan gabungan konsep *cinematic self-reflexivity* dan dokumentari bersifat interaktif dalam penceritaan. Antara ciri utama dokumentari interaktif adalah untuk meyakinkan penonton. Pengarah akan menggunakan saksi atau pakar yang berkaliber untuk memberi butiran jawapan atau respons terhadap isu yang ingin dipaparkan melalui sesi temu ramah. Saksi mahupun pakar ini kebiasaannya akan memandang terus ke arah kamera. Apabila watak-watak ini memandang tepat ke arah penonton secara tidak langsung konsep *cinematic self-reflexivity* turut diguna pakai. Watak-watak ini juga secara semula jadi kelihatan begitu dekat dan seolah-olah sedang berkomunikasi dengan penonton. Kesemua 23 watak dalam *The Big Durian* yang berfungsi sebagai pihak yang ditemu ramah secara majoritinya memandang ke arah kamera semasa sesi temu ramah. Contohnya, watak Daina Muluk sebagai wanita dari Sabah yang menceritakan keluhan hatinya yang hidup di perantauan, iaitu di Kuala Lumpur sambil memandang secara tepat ke arah kamera.

Seterusnya Amir Muhammad telah meniru kaedah yang menghampiri stail dokumentari interaktif. Temu ramah dijalankan untuk mengumpul sejarah secara lisan yang berfungsi untuk meyakinkan penonton. Pemilihan 23 individu yang berbeza latar belakang daripada pelakon amatur, pelakon profesional, orang awam dan individu yang sebenar seterusnya memberi pengisian kepada kandungan plot penceritaan *The Big Durian*. Buckland (2003: 139) menyatakan bahawa kandungan dokumentari interaktif adalah berasaskan temu ramah yang memberi komen secara spesifik. Apabila ditanya tentang kejadian amuk oleh Prebet Adam, Amir telah mendapat pelbagai reaksi daripada individu yang memberi jawapan. Watak Khor Chun How misalnya memberitahu tentang kekalutan pada masa kejadian tersebut sehingga menyebabkan beliau melanggar kereta orang lain manakala Anne James pula menyatakan dilema beliau sama ada wajar atau tidak untuk pergi bekerja pada keesokan hari kejadian. Azmi Mohd yang merupakan pekerja Hotel City pula menceritakan pengalaman beliau bertembung dengan Prebet Adam yang menginap di hotel tersebut sebelum hari kejadian. Justeru, temu ramah yang silih berganti terhadap individu daripada pelbagai peringkat umur dan kaum serta bersandarkan teknik dokumentari interaktif ini mampu untuk meyakinkan penonton bahawa *The Big Durian* merupakan karya yang kelihatan tulen dan tidak direka. Pandangan ini telah disokong dengan kenyataan Roscoe dan Hight (2001: 20) bahawa dokumentari interaktif juga berfungsi sebagai sejarah lisan apabila ia menggunakan testimoni saksi untuk mengembalikan peristiwa yang telah berlalu dengan peristiwa hari ini.

The Big Durian turut meminjam teknik interaktif yang menonjolkan pengarah sebagai sebahagian daripada pengisian plot penceritaan. Soalan dan komen oleh Amir Muhammad selaku pengarahnya telah meletakkan taraf beliau sama penting dengan 23 watak dalam *The Big Durian*. Perkara ini berhubung kait dengan kenyataan oleh Roscoe dan Hight (2001: 20), "… dalam mod ini karyawan filem adalah sebahagian daripada aksi. Soalan-soalan dan komen mereka adalah sama penting dengan peserta-pesertanya." Amir Muhammad bertindak sebagai suara latar, penemu ramah dan sekali gus merangkap wartawan di lokasi yang cuba untuk memburu fakta dan bukti. Stail ini mampu meraih kepercayaan bahawa Amir juga merupakan sebahagian daripada nadi penceritaan dalam *The Big Durian*. Contohnya adalah kedengaran suara Amir di luar syot bertanyakan soalan yang bertalu-talu kepada seorang wanita tentang kejadian amuk Prebet Adam. Pada syot yang lain pula, Chacko Vadaketh telah memberi respons apabila disoal oleh Amir tentang peristiwa Prebet Adam dan Operasi Lalang. Akhir sekali, iaitu pada pengakhiran filem ini kedengaran suara Amir bertanyakan soalan kepada Farish A. Noor tentang masa hadapan Malaysia. Amir juga terlibat secara langsung melalui kemunculan dalam syot dan

menjadi sebahagian daripada watak dalam plot penceritaan. Amir Muhammad telah bertindak seolah-olah sebagai seorang pemberita yang melaporkan berita dari lokasi kejadian. Beliau memberi ulasan bahawa Prebet Adam telah menginap di Hotel City di Chow Kit, sebelum beliau mengambil tindakan mengamuk.

Genre *mock-documentary* seperti yang dicadangkan oleh sarjana Roscoe dan Hight (2001: 68–75) telah mengenal pasti bahawa terdapat tiga peringkat utama dalam *mock-documentary*. Tiga peringkat utama yang dicadangkan adalah parodi, kritikan dan *deconstruction.* Parodi merangkumi kebiasaan yang bertujuan untuk memperolok-olokkan suatu aspek budaya popular manakala kritikan pula merangkumi platform dokumentari secara terbuka. Ia berupaya menyedarkan penonton tentang kewujudan permasalahan dan akhirnya dijadikan sebagai parodi dan bahan kritikan. *Deconstruction* dalam *mock-documentary* pula menjangkakan kebarangkalian penonton secara mudah atau tidak sama sekali menyedari bahawa filem yang ditonton merupakan suatu fiksyen. Justeru, *The Big Durian* kelihatan lebih cenderung kepada *mock-documentary* yang dikategorikan sebagai kritikan.

Penceritaan yang terkandung dalam filem ini bukan sahaja mengupas tentang definisi “amuk” malahan telah mengembangkan plot penceritaan dengan senario sistem politik di Malaysia. Platform yang digunakan secara tersurat dan tersirat mengkritik sistem kesultanan Melayu dan pentadbiran di Malaysia. Sebagai contoh adalah bait kata-kata kritis yang telah dilontarkan oleh watak-watak yang ditemu ramah oleh Amir Muhammad. Pada dasarnya secara mata kasar, kata-kata watak tersebut memperlihatkan keadaan mereka yang naif. Sekiranya diteliti temu ramah tersebut sebenarnya merupakan kritikan terhadap ideologi tertentu. Seterusnya jawapan yang berunsur kritikan ini sama ada secara tersurat mahupun tersirat akan mencetuskan polemik kepada penonton untuk berfikir. Kelompok penonton yang aktif pula berkemungkinan akan cuba untuk mencari kesahihan kenyataan tersebut menerusi medium tertentu seperti merujuk kepada internet. Contohnya adalah watak Aloysius Tham yang telah menceritakan pengalaman beliau sebagai pelayan kerabat diraja Melayu. Beliau menyatakan bahawa ada dalam kalangan raja di Malaysia yang mempunyai tingkah laku yang tidak mencerminkan nilai-nilai murni sebagai seorang Islam. Farish A. Noor pula telah membuat kesimpulan bahawa politik di Malaysia pada masa ini tidak jauh berbeza dengan zaman feudal. Seterusnya pada bahagian pertengahan filem ini pula dipaparkan secara silih berganti jawapan temu ramah oleh watak-watak daripada pelbagai peringkat umur, jawatan dan bangsa dalam memberi pendapat dan mengkritik tentang isu ISA, Operasi Lalang dan kuasa kerajaan terhadap hak akhbar di Malaysia. Contoh-contoh ini membuktikan bahawa aspek *status quo* sosial politik yang bergolak pada tahun 1987 telah diangkat sebagai bahan kritikan oleh Amir Muhammad. Situasi ini seterusnya membuka ruang kepada penonton untuk berfikir secara terbuka tentang situasi politik di Malaysia. Hal ini dikatakan demikian disebabkan kritikan yang diluahkan oleh watak-watak yang meliputi pelbagai peringkat umur, jawatan dan bangsa yang kelihatan hampir sama dengan realiti masyarakat Malaysia yang majmuk. Pandangan ini selari dengan kata-kata Zakaria (2003), “saya sebenarnya cukup senang melihat watak-watak pelbagai bangsa yang bercerita dengan terbuka, apa yang mereka tahu atau faham dan alami sebagai anak bangsa Malaysia.”

Realisme *Mock-Documentary*

Realisme telah menjadi konsep yang sering dipersoalkan di dalam sejarah sinema. Perkara yang

sering dipersoalkan ialah tentang kesemulajadian imej-imej sinematik, hubungan filem dan realiti serta kebolehan imej-imej sinematik dalam menghasilkan kenyataan dan kefahaman terhadap dunia kepada penonton. *Realism* akan tercapai sekiranya menggunakan orang biasa dan persekitaran yang tulen untuk menggambarkan situasi berbanding set penggambaran yang dibina khas untuk tujuan penggambaran. Kenyataan ini selari dengan artikel yang disunting oleh Williams, Routledge dan Paul (1980: 17) yang telah memetik kata-kata yang diucapkan oleh Grieson, iaitu pelopor dokumentari British pada sekitar tahun 1930-an:

> We believe that the original (or narrative) actor and the original (or native) scene, are better guides to a screen interpretation of the modern world. They give cinema a great fund of material. They give it power over a million and one images. They give it power of interpretation over more complex and astonishing happenings in the real world than the studio mind can conjure up or the studio mechanician recreate.

Situasi ini telah berjaya diterjemahkan dalam *mock-documentary* seperti *The Big Durian* kerana para pelakonnya kelihatan seperti orang awam yang tulus menjawab apabila dikemukakan soalan-soalan temu ramah. Amir Muhammad juga menggunakan lokasi sebenar kejadian amuk Prebet Adam seperti di Chow Kit dan sekitar Kuala Lumpur seolah-olah ia merupakan situasi realiti. Hakikatnya strategi ini merupakan satu strategi yang telah dirancang oleh pengarah untuk meraih keyakinan penonton. Keseluruhan susunan suntingan *The Big Durian* yang ringkas tanpa menggunakan kesan khas membolehkan penonton lebih menghayati pelbagai syot yang dipertontonkan kepada mereka.

Kesimpulan

Dunia perfileman Barat menyaksikan *mock-documentary* sebagai bukan satu genre yang asing diaplikasikan oleh pengarah filem mereka. Antaranya ialah filem *Borat* (2006, komedi), *Ghostwatch* (1992, seram), *Paranomal Activity* (2006, seram) dan banyak lagi. Selain berhibur, filem bergenre *mock-documentary* yang dihasilkan mampu menguji penonton untuk menilai sisi realiti mahupun fiksyen yang diadunkan oleh pengarahnya. Genre yang sekian lama dipraktikkan di Barat ini seharusnya turut digunakan secara menyeluruh bagi penghasilan filem di Malaysia khasnya untuk filem komersial. Walaupun taburan penonton filem Malaysia kadangkala agak sukar dijangka tetapi sekiranya tiada usaha dilakukan oleh penerbit filem sendiri maka tiadalah sesiapa yang akan dapat mengetahui keberkesanannya. Gabungan skrip yang kreatif dan adunan fakta sebenar dan fantasi yang mantap berserta dengan kreativiti pengarah merangka syot supaya kelihatan realiti berkemungkinan menghasilkan satu keajaiban.

Sebagai penerbit yang perlu merangka keuntungan kutipan di pawagam dan mempunyai dana kewangan yang terhad, mungkin teknik ini adalah satu lagi alternatif untuk menerbitkan filem memandangkan teknik *mock-documentary* kebiasaannya memerlukan kos yang agak minimum. Hal ini kerana teknik penggambaran yang digunakan tidak kompleks dan lebih kepada elemen yang diguna pakai dalam dokumentari. Di samping itu, genre *mock-documentary* juga mampu menjadikan penonton lebih kritis disebabkan adunan fakta yang bercampur aduk antara realiti dengan fantasi yang menjadikan penonton cuba merungkai fakta yang ditonton. Penonton barangkali berpotensi untuk membuat kajian sendiri selepas menonton sesebuah filem bagi meningkatkan lagi kefahaman atau memastikan kesahihan fakta tersebut. Seterusnya penonton akan lebih menghargai karya komersial yang dianggap intelek di samping keluar daripada zon sebagai penonton yang hanya menonton filem komersial ringan. Perkara ini selaras dengan kata-

kata pengkritik filem terkenal Malaysia, iaitu Ku Seman Ku Hussain (2013: 10): “Filem sebagai sebuah karya seni yang menuntut pemikiran dan tanggungjawab mesti kembali kepada asas iaitu keindahan bentuk, kandungan, rasa dan mesti berfaedah kepada bangsa.”

Bibliografi

Bayer, G. (2006). Artifice and artificiality in mockumentaries. Dalam G.D. Rhode & J.P. Springer (Ed.), *Docufictions: Essays on the Intersection of Documentary and Fictional Filmmaking*. Jefferson, NC: McFarland & Company Inc.

Buckland, W. (2003). *Teach Yourself Film Studies.* London: Hodder & Stoughton Ltd.

Hight, C. (2010). *Television Mockumentary: Reflexivity, Satire and a Call to Play*. Manchester: Manchester University Press.

Hight, C. & Roscoe, J. (2006). Forgotten silver: A New Zealand television hoax and its audience. Dalam A. Juhasz & J. Lerner (Ed.), *F is for Phony: Fake Documentary and Truth’s Undoing*. Minneapolis: University of Minnesota Press.

Ku Seman Ku Hussain (2013, 27 Januari). Menangani filem tempatan menghina Islam. *Utusan Malaysia.*

Nizam Zakaria. (2003). http://nizamzakaria.dairyland.com/030424_38.html (dicapai pada 22 Februari 2008).

Nor Akmar Samudin. (2012, 27 Disember). Terlalu ikut pasaran? *Harian Metro.*

Rasdan Ahmad. (2013, 8 September). Filem sebagai perakam zaman. Pancaindera, *Utusan Malaysia*., hlm 20.

Roscoe, J. & Hight, C. (2001). *Faking It: Mock-Documentary and the Subversion of Factuality*. Manchester: Manchester University Press.

Siti Athirah Dzulkifly. (2013, 8 September). Luahan hati Shuhaimi. Pancaindera, *Utusan Malaysia*, hlm. 12. William, C. (Ed.). (1980). *Realism and the Cinema: A Reader.* London: Routledge & Kegan Paul Ltd.

Yap, B. (2003). Bearing Fruit in Singapore. http://danlim.twofishy.net/thebigdurian/media/klue.html (dicapai pada 10 Februari 2012).

Penerapan Uslub Dakwah dalam Drama Melayu Bersiri: *Nur Kasih*

Nabilah Mohd Razif

Pengenalan

Islam tersebar luas kepada manusia atas usaha dakwah yang dilaksanakan melalui pelbagai wasilah media yang ada pada masa kini. Salah satu daripada wasilah media dakwah yang penting ialah drama. Drama berunsur Islam kini dilihat semakin mendapat tempat dalam lapangan masyarakat yang semakin celik ilmu. Anggapan bahawa drama berunsur Islam tidak akan mendapat sambutan sama sekali meleset apabila kini stesen televisyen berusaha menayangkan drama yang mempunyai elemen Islam yang semakin diminati masyarakat. Apatah lagi semenjak kewujudan saluran Oasis dan AlHijrah di stesen televisyen Astro. Penangan drama Islam kini benar-benar memberi pengaruh besar kepada pemikiran dan tingkah laku masyarakat. Tidak dinafikan selain membaca, melihat dan mendengar juga sangat penting dan menjadi salah satu cara untuk manusia mempelajari dan mengetahui tentang sesuatu perkara.

Drama disifatkan sebagai lebih fleksibel dalam usaha menyampaikan mesej Islam berbanding rancangan lain seperti berita, dokumentari, rancangan realiti dan sebagainya kerana drama sesuai dengan semua golongan masyarakat. Drama diminati dan ditonton oleh segenap lapisan masyarakat malah, ia ditayangkan pada setiap masa kerana ia merupakan rancangan yang paling dominan di stesen televisyen. Sifat drama yang menggunakan unsur audio dan visual sekali gus memberikan kesan yang mendalam kepada penonton. Pengaruh drama telah diakui sejak zaman dahulu sehingga kini. Kamal al-Din Husayn menyatakan bahawa drama mempunyai kaitan yang kuat dengan masalah masyarakat kerana ia adalah impak daripada kehidupan sebenar. Oleh itu, ia mampu mengubah pandangan masyarakat (Kamal, 1992).

Drama sesuai dijadikan medium utama penyebaran dakwah kerana sasaran dakwah bukan hanya kepada satu golongan sahaja, bahkan banyak golongan yang perlu diberi perhatian dalam menyampaikan Islam, maka ia perlu pada kepelbagaian wasilah dalam menyampaikannya. Justeru, untuk memperluaskan sasaran dakwah, drama dilihat dapat menarik ramai sasaran daripada pelbagai golongan masyarakat terutamanya golongan yang enggan atau tidak suka dengan cara dakwah yang meluas digunakan seperti khutbah, ceramah, wacana ilmiah, program-program motivasi dan sebagainya. Jika penggunaan drama digunakan dengan bijaksana dan berhikmah, secara langsung atau tidak langsung dakwah pasti dapat disampaikan dengan disedari masyarakat ataupun tanpa disedari mereka.

Industri drama di Malaysia mula berkembang setelah stesen Radio Televisyen Malaysia (RTM) mengambil langkah menswastakan drama pada pertengahan tahun 1980-an ekoran kemelesetan ekonomi yang melanda negara pada ketika itu sehingga menyebabkan kakitangan RTM tidak dapat ditambah, di samping masalah peralatan yang kurang canggih. Usaha RTM ini telah

membawa kepada tertubuhnya banyak syarikat penerbitan yang menghasilkan drama dan program-program lain untuk dijual di RTM. Apatah lagi apabila tertubuhnya banyak stesen televisyen swasta yang semakin berkembang maju sehingga ke hari ini (Fariza et al., 2000). Ia juga memperlihatkan kemajuan perkembangan drama yang semakin menggila dan telah menjadi keperluan dalam setiap stesen televisyen untuk mempunyai sekurang-kurangnya satu rancangan drama bersiri.

Drama *Nur Kasih*

Nur Kasih ialah sebuah drama bersiri Melayu 26 episod yang ditayangkan di saluran TV3 melalui slot Zehra, setiap hari Jumaat pukul 9:00 malam mulai 29 Mei sehingga 27 November 2009. Drama bersiri yang ditayangkan selama satu jam pada setiap episod ini diarahkan oleh Kabir Bhatia dan dibantu oleh Faisal Ishak. Skrip drama ini dihasilkan oleh kerahan idea Mira Mustaffa, isteri Kabir Bhatia dengan dibantu oleh Mariana Hashim dan Maizura Mohd Ederis. Drama bersiri terbitan Filmscape Sdn. Bhd. dan Viden Sdn. Bhd. ini dibintangi oleh Tiz Zaqyah Razak sebagai Nur Amina Abu Bakar, Remy Ishak sebagai Adam Hassan, Fizz Fairuz sebagai Aidil Hassan, Sharifah Sofia sebagai Katrina Anne Carlson, Ummi Nazeera sebagai Siti Sarah Abu Bakar dan Ayu Raudhah sebagai Aliya. Mereka merupakan pelakon utama yang telah menjayakan drama *Nur Kasih* dan memainkan watak yang diamanahkan dengan baik di samping pelakon-pelakon pembantu yang lain. Drama ini boleh ditonton di http://www.beritakini.net/watchmalaymoviefilm.htm.

Drama *Nur Kasih* berjaya menjadi salah sebuah drama bersiri Melayu yang paling popular dan diminati ramai pada tahun 2009 dan 2010 kerana dilaporkan telah mencapai 3.9 juta penonton (53.9% penonton Malaysia) sepanjang tayangannya di TV3 (*Utusan Malaysia* Online, 2009), apatah lagi ditonton lebih 28 juta kali di kemudahan *Catch-Up* TV di laman web TV3 (*Penangan Nur Kasih*, 2009). Episod terakhirnya mencatatkan kadar tontonan (berpandukan kepada penonton berumur 4 tahun ke atas) sebanyak lebih 4.1 juta (19 TVR) atau 59% daripada peratusan penonton yang menonton pada 27 November 2009, hasil kajian AGB Nielsen Media Research (*mStar* Online, 2009). Atas sambutan luar biasa yang diterima terhadap drama ini, TV3 mengambil langkah mengulang tayang siri ini tanpa iklan, pada jam 7:25 malam setiap Selasa sehingga Jumaat mulai 3 November sehingga 16 Disember 2010 (bersiaran selama 35 minit). Walaupun tayangan pertamanya belum berkesudahan, tayangan ulangan ini juga berupaya mencecah hampir dua juta penonton (*mStar* Online, 2009). Drama ini juga telah diulang tayang pada sebelah paginya, iaitu pada hari Khamis, Jumaat dan Sabtu pada jam 5:00 pagi. Selain itu, ia juga ditayangkan di negara jiran, iaitu Singapura.

Menarik lagi, siri *Nur Kasih* terdapat dalam bentuk set DVD edaran Juita Viden (*mStar* Online, 2009). Menurut tinjauan Gua Paling Hangat 2009, drama ini mendapat 70% undian pengunjung untuk mengungguli kategori “Drama Paling Top” (http://www.gua.com.my). Pencapaian cemerlang drama *Nur Kasih* telah mencetuskan minat pengarahnya Kabir Bhatia untuk menyambung jalan ceritanya dalam bentuk filem pawagam (*mStar* Online, 2009) dan ia terlaksana dengan sempurna apabila *Nur Kasih The Movie* memasuki pawagam tanah air pada 19 Mei 2010 yang lalu.

Drama *Nur Kasih* dipilih untuk dibincangkan dalam bab ini kerana ia mempunyai nilai asli

Melayu sejati. Fiksyen Melayu sejati yang ditafsirkan merupakan pernyataan pemikiran, penafsiran dan pengalaman cerita yang berkaitan inti pati, kerencaman, cita rasa dan hati budi dunia Melayu serta ragam kemelayuannya. Kejatian ini berlaku sekiranya karya Melayu ini menggunakan bahasa, dialog dan perasaan Melayu, lokasi dan budaya Melayu. Kerencaman kejatian ini meliputi pelbagai aspek atau persepsi, bahasa, rupa bentuk, persekitaran, cita rasa, sosiobudaya, falsafah, emosi, perasaan, estetik kerohanian dan pandangan hidup atau *weltanschauung* yang bertapak dan wujud di alam Melayu (Ismail, 2009: 143–144). Kesimpulannya, ia harus merupakan karya yang berjiwa Melayu, dan ini dimiliki oleh drama *Nur Kasih* walaupun lokasi dalam drama ini pelbagai tempat, begitu juga bahasanya, namun yang mendominasi ialah jati diri kemelayuan Islam.

Penerapan Uslub Dakwah dalam Drama *Nur Kasih*

Uslub ialah istilah bahasa Arab yang bermaksud cara atau jalan. Ia juga merupakan istilah lain bagi metodologi. Dakwah pula bermaksud menyeru atau mengajak manusia ke arah kebaikan.

Dakwah memerlukan pendekatan yang sesuai kerana dakwah bererti mengajak, menarik dan mempengaruhi sasaran supaya menerima Islam, menghayati dan mempertingkatkan penerimaan dan penghayatan terhadap Islam. Oleh itu, unsur-unsur tarikan, pengaruh dan implikasi sangat diutamakan dalam dakwah. Maka inti pati dakwah terletak pada ajakan, dorongan, rangsangan dan bimbingan supaya manusia menerima Islam dengan penuh kesedaran demi keuntungan dirinya sendiri (Abdul Aziz et al., 2006: 96).

Bab ini membincangkan gaya persembahan dan isi kandungan yang terdapat dalam drama bersiri *Nur Kasih* berdasarkan uslub penyampaian dakwah namun dalam skop drama. Bentuk yang akan diterangkan ialah *bil hal, bil lisan* dan sinematografi.

Bil Hal **(uslub/gaya persembahan dalam bentuk perbuatan)**

Bil Hal merupakan uslub atau penyampaian dakwah melalui gaya persembahan dalam bentuk perbuatan.

Contoh teladan yang baik (qudwah hasanah)

Uslub ini mempersembahkan contoh teladan yang baik kepada khalayak penonton supaya dapat dilihat kualiti Islam yang sebenar. Ia tidak melibatkan teguran dan arahan secara langsung. Maka, cara ini sesuai untuk menyampaikan Islam yang mengandungi suruhan, larangan, galakan dan sebagainya kerana ia lebih selesa diterima oleh semua lapisan masyarakat. Sikap manusia yang tidak suka ditegur dan diarah secara terang-terangan, akan lebih mudah dipengaruhi melalui gaya persembahan seperti ini (Abdul Aziz, 2005: 179).

Uslub ini dapat dilihat melalui watak-watak yang menonjolkan *qudwah hasanah* dalam menyampaikan mesej kepada khalayak penonton. Apabila memperkatakan tentang *qudwah hasanah*, pasti akan dikaitkan dengan akhlak yang baik. Drama ini berjaya membentangkan suatu suasana individu, keluarga dan masyarakat Melayu Islam yang menunjukkan *qudwah hasanah* yang mampu menawan hati manusia.

Oleh yang demikian, beberapa watak utama yang menonjolkan *qudwah hasanah* yang boleh dijadikan teladan oleh segenap lapisan akan dihuraikan dalam bab ini.

Watak Aidil: Aidil sedari kecil merupakan seorang anak yang taat dan berperibadi mulia. Dia sentiasa mengikut segala ajaran ayahnya, taat dan menjalankan suruhan agama Islam seperti membaca al-Quran, solat dan berpuasa. Ibu bapa Aidil juga menyedari kebaikan Aidil sejak kecil. Keperibadian Aidil yang berakhlak mulia itu semakin unggul apabila dia dewasa, apatah lagi dia melanjutkan pelajaran di Universiti al-Azhar Mesir, malah di sana gurunya juga memuji keperibadian Aidil. Aidil juga sangat mementingkan keluarganya dan terlalu menyayangi adiknya Adam walaupun Adam selalu memarahinya. Ketika perjalanan pulang ke kampung di atas keretapi, kerana *qudwah hasanah* yang dimiliki Aidil apatah lagi dengan imej Islamik yang jelas boleh dilihat melalui pemakaiannya, orang yang tidak dikenali telah meminta bantuannya untuk mengubati anak kecil yang sentiasa menangis. Aidil juga merupakan seorang yang istiqamah solatnya di masjid sedari kecil sehingga dewasa. Hampir setiap waktu dia menunaikan solat di masjid. Semua orang kampung menyanjungi Aidil bahkan orang kampung yang berbangsa lain juga mengakui kebaikan akhlak Aidil. Dia sanggup berkorban apa sahaja demi kebahagiaan keluarganya termasuk cintanya terhadap Nur Amina yang diyakini boleh menjadi isteri dan ibu solehah. Namun Nur Amina akhirnya dikahwinkan dengan Adam dan Aidil reda dengan takdir tersebut dan mendoakan mereka berdua bahagia. Ketika Adam meninggalkan Nur Amina dengan status gantung tidak bertali, perasaan cinta Aidil berputik kembali namun dia segera membuang jauh perasaan itu dengan cara mengelak daripada berhubung rapat dengan Nur Amina melalui e-mel. Aidil juga telah menangguhkan kerjayanya demi menjaga bapanya yang sedang sakit tenat. Apabila Ustaz Hassan meninggal dunia, Aidil mengambil alih menjaga dan menemani ibunya sehingga selepas dia berkahwin juga dia masih tinggal bersama ibunya untuk menjaganya. Aidil sangat tegas dalam sifat menghormati orang tua dan selalu menasihati Adam semenjak kecil sehingga besar supaya sentiasa memikirkan ibu mereka dan tidak sesekali membenci bapanya. Dengan keperibadian tersebut, ramai gadis yang menyukai Aidil seperti Sarah, Wani dan Aliya. Namun Aidil diberikan jodoh terbaik yang solehah yang sesuai dengan dirinya yang soleh, iaitu Aliya. Selain memiliki ketinggian akhlak dan peribadi, Aidil juga mempunyai ilmu pengetahuan agama yang tinggi dan sangat mencintai ilmu sehingga dia sentiasa dijadikan rujukan oleh Adam, Aliya dan Nur Amina. Terdapat banyak dialog yang dituturkan Aidil yang menunjukkan ketinggian ilmu agama yang dimilikinya khususnya dalam bidang syariah. Selain di masjid, Aidil juga mempunyai kemahiran sosial yang baik kerana dia selalu menghabiskan masa bermain bola sepak bersama kanak-kanak kecil dan remaja. Selain itu, Aidil juga banyak memberi sumbangan idea dalam mengimarahkan masjid untuk golongan remaja. Aidil yang sememangnya berbudi pekerti itu sentiasa menjaga aib orang lain seperti menjaga aib Adam tanpa menceritakan kisah rumah tangga Adam dengan Nur Amina dan juga menjaga aib Sarah dengan merahsiakan segala fitnah yang ditabur Sarah terhadapnya. Selain itu sifat rendah diri, pemaaf dan wasatiah yang wujud dalam diri Aidil juga sangat mengagumkan. Sepanjang perjalanan cerita dalam drama *Nur Kasih* ini, pertuturan dan nada suara Aidil ketika bercakap sangat lembut dan berhemah, hanya sekali dua Aidil meninggikan suaranya, iaitu ketika Adam membuat kesalahan besar. Kata-kata yang keluar daripada mulut Aidil selalunya penuh dengan nasihat, motivasi dan perasaan rendah diri.

Qudwah hasanah yang ditunjuknya itu telah menyebabkan dia disayangi oleh Dato' Afendi dan Datin Munah dan Aidil akhirnya bermentuakan mereka. Aidil juga banyak menolong menyelesaikan masalah rumah tangga Adam, Nur Amina dan Katrina serta membantu Adam dalam memulihkan Katrina daripada hilang kewarasan. Cara penyelesaian Aidil terhadap sesuatu masalah juga sangat berhikmah dan berlandaskan Islam terutamanya ketika dia menghadapi kemelut rumah tangga dengan Aliya, Aidil sangat tenang dalam menyelesaikan masalah mereka.

Watak Nur Amina: Seorang gadis kampung yang lemah lembut, rajin dan taat kepada ibu bapanya. Statusnya sebagai anak imam mempengaruhi Nur Amina menjadi seorang muslimah yang solehah. Nur Amina selalu mengikut bapanya solat berjemaah di masjid. Dia juga merupakan anak kesayangan Imam Abu Bakar dan Mak Ani. Nur Amina seorang pelajar yang pandai dan bercita-cita tinggi. Dia selalu berkunjung ke perpustakaan di masjid untuk membaca dan meminjam buku. Nur Amina ketika remajanya, mengajar kanak-kanak membaca al-Quran di masjid, bahkan ketika di universiti juga Nur Amina turut membuat kerja sambilan dengan mengajar al-Quran untuk menambah pendapatan bagi menampung pengajiannya. Ketika menunggu kepulangan Adam yang tidak kunjung tiba, Nur Amina juga membuat amal jariah dengan mengajar anak-anak di kampung membaca al-Quran di masjid. Kesolehan Nur Amina tidak dapat dipertikaikan lagi apabila Nur Amina selalu melakukan solat sunat terutamanya pada waktu malam. Dia juga selalu membaca al-Quran dan berzikir. Nur Amina juga digambarkan sudah bertudung sejak di tingkatan satu lagi. Apabila Nur Amina terpaksa berkahwin dengan Adam, dia tetap cuba menjadi isteri yang baik dengan melayan dan bercakap lembut dengan suaminya walaupun Adam selalu berkasar dengannya dan tidak menjalankan tanggungjawab sebagai seorang suami. Apabila Adam meninggalkannya dengan status gantung tidak bertali, Nur Amina reda dan tetap meneruskan kehidupannya dengan baik. Dia mengadu segala keresahan hatinya kepada Allah SWT dalam setiap doanya. Begitu juga ketika dia pergi membawa diri ke Jeddah dengan izin Adam kerana mendapat tahu dia bermadu. Nur Amina juga sentiasa qiamullail dan menunaikan solat sunat istikharah meminta petunjuk Allah SWT dalam hal rumah tangganya. Apabila dia pulang ke Malaysia dia dapat menerima Katrina dengan reda dan dia sendiri yang mahu mereka bertiga hidup bersama tanpa berlaku penceraian. Hidup bermadu bukanlah semudah yang disangka. Nur Amina sentiasa mengingatkan suaminya supaya berlaku adil antara dirinya dengan Katrina. Ketika di alam pekerjaan Nur Amina juga disayangi oleh majikannya kerana

sikapnya yang rajin dan amanah sehingga dia mendapat kepercayaan dan kehormatan yang tinggi daripada majikannya, baik ketika dia bekerja di syarikat kontraktor mahupun di agensi haji dan umrah di Jeddah. Watak Nur Amina sejak daripada episod awal sehingga episod akhir, ialah seorang yang sangat bertawakal dan mengharap sepenuhnya kepada Allah SWT. *Qudwah hasanah* yang ditunjukkannya juga menyebabkan dia disayangi dan dipercayai oleh semua.

Watak Adam: Ketika kecil, Adam sangat nakal, kurang adab dan suka melawan cakap ibu bapa serta abangnya. Dia juga seorang budak yang tidak suka membaca al-Quran, menunaikan solat dan berpuasa. Walaupun wujud sifat tidak baik dalam dirinya, namun ada satu perkara yang harus dicontohi, iaitu kesungguhannya dalam pelajaran dan mengejar cita-citanya. Adam seorang budak yang pandai, menghabiskan masa di perpustakaan dan selalu mendapat nombor satu dalam peperiksaan. Apabila sudah dewasa juga Adam masih dengan sikapnya semasa kecil malah lebih teruk lagi. Hidupnya sentiasa bergelumang dengan dosa dan terpesong jauh daripada Islam. Tetapi apabila Adam telah insaf, dia bertaubat dengan taubat nasuha. Sejak itu, peribadi Adam mula berubah secara mendadak. Perubahan ketara itu berlaku pada dirinya daripada segi zahir dan batin. Dia mula ingin berubah menjadi muslim yang baik, menjalankan tanggungjawab sebagai hamba-Nya dengan membaca al-Quran, bersolat dan meninggalkan segala perbuatan terkutuk yang pernah dilakukannya dahulu. Adam benar-benar berubah dan dia juga ingin membimbing Katrina untuk berubah bersamanya. Apabila pulang ke Malaysia, dia cuba menjalin semula hubungannya dengan Nur Amina yang masih isterinya. Adam memohon maaf dengan semua orang dan mula bersikap baik dan lembut serta menghormati sesiapa sahaja. Adam juga sudah tahu bagaimana hendak menunaikan solat secara berjemaah.Perubahan yang ketara itu telah mengejutkan semua orang dan membuatkan Nur Amina bersedia menerimanya kembali. Selepas Nur Amina dan Katrina pergi meninggalkannya seorang, Adam telah menjadi seorang yang lebih baik sebagai hamba Allah SWT dan mula menjinakkan diri dengan masjid untuk mengqada solat yang ditinggalkannya dahulu, membaca al-Quran, berdoa dan mula membaca buku-buku agama serta memahami tafsir al-Quran, malah dia juga selalu bertanyakan Aidil tentang Islam. Adam mula belajar hidup secara bermasyarakat dengan membuat amal kebajikan, menolong orang-orang kampung, mengajar tuisyen kepada pelajar-pelajar sekolah menengah, bermain bola bersama kawan-kawan di kampung dan memberi bantuan kewangan untuk melaksanakan aktiviti masjid, malah dia juga membawa Hajah Khadijah untuk menunaikan umrah. Ketika di Mekah, Adam banyak menghabiskan masanya di masjid dan tempat-tempat sunyi untuk beribadah dan memahami al-Quran. Adam membeli banyak buku agama sebagai bahan bacaan untuk menambah ilmu agamanya. Selain itu, Adam juga mempunyai sikap bersungguh-sungguh dalam pekerjaan sehingga berjaya membuka sebuah syarikat kontraktor sendiri dengan projek pertamanya ialah membina sebuah masjid. Apabila Adam ditimpa musibah di Mumbai dan mengalami kecederaan, Adam tetap menjalankan tanggungjawabnya terhadap suruhan Allah SWT, iaitu bersolat, berzikir dan berdoa. Setelah setahun ditawan, Adam tetap reda dengan dugaan yang menimpanya dan tidak pernah putus asa berdoa kepada Allah SWT dan doanya yang bersungguh-sungguh tanpa kenal erti putus asa itu dimakbulkan juga akhirnya.

Semua watak tersebut merupakan watak penting yang menjadi contoh kepada gaya persembahan *bil hal* atau *qudwah hasanah.* Berdasarkan huraian tersebut dapatlah disimpulkan bahawa watak-watak tersebut mempunyai peribadi yang unggul daripada aspek luaran dan dalaman. Keunggulan peribadi mereka jelas dan diperakui oleh semua watak dalam drama tersebut walaupun tetap terdapat kekurangan namun kebaikan dan kemuliaan akhlak menutupi segala kekurangan yang wujud dalam diri mereka. Melihat secara zahir sahaja sudah menambat hati apatah lagi drama ini turut menonjolkan segala sifat mulia mereka. *Qudwah hasanah* yang dibawa watak-watak tersebut bukanlah kosong bahkan ia dimesejkan supaya menjadi contoh kepada masyarakat.

Perbandingan antara sifat mahmudah dengan sifat mazmumah dalam watak-watak drama Nur Kasih

Bentuk perbandingan ialah suatu bentuk penyampaian isi yang menyenangkan sasaran untuk memahami mesej atau maksud yang terdapat dalam isi yang disampaikan itu (Abdul Aziz, 2005: 50). Sejak dahulu, manusia suka dan tertarik kepada perbandingan kerana ia boleh memberikan kefahaman yang jelas terhadap sesuatu mesej atau ajaran yang disampaikan (Abdul Aziz, 2005: 154). Dengan itu, perbandingan merupakan kecantikan gaya persembahan yang digemari oleh jiwa manusia (Abdul Aziz, 2005: 154–155). Nabi saw banyak membawa mesej dakwah baginda melalui bentuk perbandingan kerana ia lebih disukai (Abdul Aziz, 2005: 50). Al-Quran dan hadis juga banyak menggunakan perbandingan untuk menarik pengaruh terhadap sesuatu yang

dikemukakan.

Bahagian berikut menunjukkan perbandingan yang terdapat dalam drama *Nur Kasih*. Ia lebih memberatkan perbandingan antara watak baik dengan watak jahat supaya khalayak penonton dapat mengambil iktibar bahawa watak jahat tidak membawa keuntungan kepada sesiapa pun malah merugikan diri sendiri dan hidup tidak mencapai kebahagiaan sehingga akhirnya selagi seseorang itu masih berpegang dengan sifat mazmumah.

Jadual 1 Perbandingan watak Aidil dan Adam

Watak Aidil	Watak Adam
Lemah lembut	Kasar
Sabar	Panas baran
Penyayang	Pendendam
Rajin solat berjemaah di masjid, berpuasa dan membaca al-Quran sedari kecil sehingga dewasa	Tidak mahu solat, tidak berpuasa dan tidak membaca al-Quran sedari kecil sehingga dewasa
Tidak mementingkan diri sendiri dan banyak berkorban dalam diam	Mementingkan diri sendiri dan merasakan dirinya sudah terlalu banyak berkorban untuk orang lain
Disayangi dan dipercayai oleh ibu bapanya	Selalu dimarahi dan dirotan oleh ibu bapanya
Menjaga ibu bapanya	Mengabaikan ibu bapanya
Taat kepada ibu bapanya	Ingkar kepada ibu bapanya
Bertanggungjawab	Tidak bertanggungjawab
Hidup di jalan lurus (mengamalkan cara hidup Islam dengan sepenuhnya)	Hidup penuh dengan noda (mengamalkan pergaulan bebas, meminum arak dan meninggalkan cara hidup Islam sepenuhnya ketika di Sydney)

Perbandingan watak-watak ini adalah sebelum Adam berubah menjadi baik setelah mendapat hidayah. Drama ini menyampaikan mesej unsur-unsur Islam melalui perbandingan watak Aidil dan Adam yang mempunyai jurang perbezaan yang besar. Tiada satu persamaan pun dalam diri dua beradik yang dikandungkan dalam rahim yang sama dan dibesarkan oleh didikan daripada ibu bapa yang sama. Kisah perjalanan drama ini sebelum episod kesepuluh, iaitu episod Adam mula berubah menjadi baik, drama ini memaparkan kehidupan Adam yang tidak tenang dan penuh dengan noda. Dia sering kali resah dan sentiasa teringatkan kenangan pahit dengan keluarganya. Kehidupannya dirasakan kosong walhal dia sudah mempunyai segala-galanya. Akhirnya segala dosa dan perbuatannya itu mendapat balasan apabila dia dan Katrina[1] terlibat dalam kemalangan jalan raya akibat mabuk sehingga menyebabkan mereka kehilangan anak dalam kandungan Katrina. Watak ini berbeza berbanding Aidil yang kelihatan tenang dan reda dengan perjalanan hidupnya sebagai seorang muslim sejati. Dia tetap sabar dengan segala ujian yang hadir dan dapat menjalankan kehidupan dengan mudah atas reda kedua-dua orang tuanya. Perbandingan yang ketara antara kehidupan tenang sebagai seorang muslim dengan kehidupan yang tidak tenang apabila manusia jauh daripada Allah SWT ini berjaya disampaikan dengan baik melalui watak Adam dan Aidil dalam drama ini.

Jadual 2 Perbandingan watak Nur Amina dan Siti Sarah

Watak Nur Amina	Watak Siti Sarah
Lemah lembut	Kasar
Rajin	Pemalas
Taat kepada ibu bapanya	Ingkar kepada ibu bapanya
Bertanggungjawab	Tidak bertanggungjawab
Rela berkorban demi orang lain	Mementingkan diri sendiri
Sabar	Panas baran
Reda	Pendendam
Rendah diri	Suka menyalahkan orang lain
Baik hati	Busuk hati

Perbandingan yang sama dipaparkan bagi watak Nur Amina dan Siti Sarah, iaitu seorang watak baik hati dan seorang lagi watak busuk hati. Kedua-dua watak ini masih menjalankan kehidupan sebagai seorang muslim walaupun amalan Islam dalam kehidupan mereka adalah berbeza. Nur Amina digambarkan sebagai seorang yang memahami sifat seseorang muslim, iaitu harus melawan hawa nafsu dan hasutan syaitan. Namun begitu, Siti Sarah digambarkan sebagai seorang yang tidak dapat melawan hawa nafsu dan hasutan syaitan. Disebabkan hasad dengki dan dendam yang menguasai diri, Siti Sarah berfikir dan bertindak di luar rasional sebagai seorang muslim. Pemikiran dan perlakuannya dipenuhi perkara jahat. Hidupnya resah dan tidak tenang kerana tidak reda dengan ketentuan Allah SWT. Dia sentiasa cuba merosakkan hubungan dengan kakaknya sendiri untuk kepentingan diri. Namun demikian, segalanya berakhir dengan tragedi ngeri yang menimpa dirinya sebagai balasan pada segala kejahatan yang dilakukannya selama ini. Berbeza pula dengan watak Nur Amina yang hidupnya tidak pernah sunyi daripada ujian-ujian hebat. Namun ketabahan dirinya hadir apabila dia reda dan pasrah dengan ketentuan Allah SWT. Dia juga sentiasa berusaha ke arah kebaikan untuk meneruskan hidupnya walaupun dalam keadaan yang sukar. Setimpal dengan kebaikan dirinya, Nur Amina akhirnya mencapai kebahagiaan setelah onak duri dilalui dengan tabah dan yakin kepada Allah SWT. Melalui perbandingan dua watak ini, mesej yang dibawa ialah kekentalan jiwa manusia apabila hidupnya disandarkan sepenuhnya kepada Yang Maha Esa selain berusaha ke arah kebaikan berbanding manusia yang tidak yakin dan reda dengan ketentuan Allah SWT dan berusaha untuk mendapatkan sesuatu yang bukan milik mereka. Kekuatan dalaman dan luaran sangat penting dalam menjalankan kehidupan sebagai seorang muslim kerana sememangnya janji Allah SWT bahawa kehidupan seorang muslim tidak akan terlepas daripada ujian namun apabila manusia tegar reda dengan ujian tersebut pasti balasannya setimpal dengan keredaan tersebut.

Jadual 3 Perbandingan watak Adam dan Katrina sebelum dan selepas mendapat hidayah Allah SWT

Tidak solat	Menunaikan solat fardu, solat sunat, malah qiamullail juga	Tidak menutup aurat	Menutup aurat den sempurna malah berniqab
Tidak mahu dan tidak pandai membaca al-Quran	Pandai dan selalu membaca al-Quran, malah memahami al-Quran dengan membaca tafsirnya	Tidak tahu langsung tentang Islam dan hidup dalam jahiliah	Memahami dan mengamalkan ajara Islam
Kasar	Lemah lembut	Tidak reda dengan ketentuan Allah SWT sehingga gila (anak meninggal dunia dan bermadu)	Reda dengan segala ketentuan Allah SWT barah dan bermadu
Tidak bertanggungjawab	Bertanggungjawab	Menenangkan diri dengan arak dan mengambil pil tidur apabila bermasalah	Menenangkan diri d berzikir dan solat
Tidak menghormati ibu bapa	Menghormati ibu bapa	Selalu menghabiskan masa dengan sia-sia (lepak dengan kawan, minum arak dan pergi disko)	Banyak menghabisk masa membuat am jariah (membantu mengajar dan menj kanak-kanak di Por Penyayang Raudhal
Tidak bergaul dengan masyarakat	Bergaul dengan masyarakat	Tidak taat kepada suami dalam hal agama (tetap minum arak walaupun Adam menghalangnya)	Sangat taat kepada
Panas baran	Penyabar	Panas baran (kerap bergaduh dengan Adam walau dalam perkara kecil)	Penyabar (lebih banyak mengalah d bertoleransi dengar Adam dan sesiapa sahaja)
Tidak hormat pada abang (Aidil)	Hormat pada abang (Aidil)		
Mementingkan diri sendiri	Memikirkan orang lain dahulu		
Hidup tidak tenang dan dan tidak reda dengan ketentuan Allah SWT	Hidup tenang dan reda dengan setiap ketentuan Allah SWT		
Hidup penuh dengan dosa dan noda (tidak peduli halal haram, minum arak, tidak solat, tidak puasa, tidak mengaji, mengamalkan pergaulan bebas)	Hidup penuh dengan amal ibadat dan kebajikan		

Selain menunjukkan perbandingan antara sifat mahmudah dengan sifat mazmumah melalui watak Aidil dengan Adam dan watak Nur Amina dengan Siti Sarah, drama *Nur Kasih* juga mempunyai satu lagi unsur hebat yang dilakukan menggunakan uslub dakwah melalui aspek perbandingan ini, iaitu perbandingan cara hidup dan sifat seseorang sebelum dan selepas mendapat hidayah Allah SWT. Perbezaan yang ketara dipaparkan kepada khalayak penonton supaya dapat melihat perbezaan gaya hidup yang berbeza sebagai muslim sejati dengan

kekacauan jiwa apabila hidup dalam kejahilan. Segala onak duri kehidupan dapat dihadapi dalam suasana dan perasaan yang berbeza. Maka, ternyata *Nur Kasih* membuktikan kedamaian dan kesejahteraan akan diperoleh manusia yang mengamalkan Islam dalam kehidupan mereka.

***Bil lisan* (uslub/gaya persembahan dalam bentuk perkataan)**

Bil lisan bermaksud gaya persembahan cerita yang disampaikan kepada khalayak melalui perkataan ataupun pertuturan (dialog).

Bentuk cerita

Cerita mempunyai keistimewaan yang tinggi kerana ia memberi pengetahuan kepada khalayak penonton tentang kehidupan manusia dengan gaya dan bentuk yang disukai secara semula jadi (Muhammad Khair Ramadan, 1414 H: 87). Berdasarkan sejarah, secara semula jadinya manusia suka terhadap cerita tidak mengira peringkat umur, masa, kumpulan dan bangsa. Oleh yang demikian, cerita merupakan salah satu uslub dakwah yang penting (Abdul Aziz, 2005: 146) dalam menyampaikan ajaran Islam kepada masyarakat. Persembahan isi melalui cerita berjaya menarik perhatian sasaran sepanjang masa kerana ia disukai oleh seluruh lapisan masyarakat. Al-Quran dan hadis juga sangat banyak mengemukakan isi dalam bentuk cerita.

Sehubungan itu, cerita yang disampaikan dalam drama *Nur Kasih* semuanya berkisarkan tentang sirah para nabi, rasul dan ahli keluarga baginda.

Contoh:

Adam (anak murid Nur Amina):	Cerita dia macam mana?
Nur Amina:	Cerita adventure. Cerita paling hebat.
Adam (anak murid Nur Amina):	Nak dengar.
Dania (anak murid Nur Amina):	Dania pun nak dengar juga.
Nur Amina:	Nak dengar juga? Ha, Hm, tapi dengan satu syarat. Lepas dengar cerita tu janji dengan akak kita habis ngaji?
Nur Amina:	Ok. Nabi Muhammad dilahirkan pada 12 Rabiulawal Tahun Gajah. Pada tahun tu juga Abrahah menyerang Kota Mekah untuk menghancurkan Kaabah. Tetapi Allah SWT telah menyelamatkan Kota Mekah dan membinasakan tentera Abrahah.

Bentuk pengkisahan para nabi dan rasul

Contoh:

Imam Abu Bakar:	Kakak, tolong buatkan air kopi ya.
Nur Amina:	Baik ayah.
Sarah:	Kenapa ayah selalu suruh kakak ah?
Imam Abu Bakar:	Kan kakak buat kopi sedap.

Sarah:	Eleh, ayah memang lebih sayangkan kakak.
Imam Abu Bakar:	Sarah, Sarah pernah dengar tak kisah Nabi Yusuf? Kenapa Nabi Yaakob lebih sayangkan Nabi Yusuf daripada abang-abangnya?
Sarah:	Yusuf baik … abang-abang dia jahat.

Berdasarkan kepada contoh yang ditunjukkan di atas, satu keistimewaan yang terdapat dalam uslub cerita ini bagi drama *Nur Kasih* ialah secara tidak langsung drama ini telah menyebarkan kisah para nabi dan rasul kepada golongan masyarakat yang tidak tahu tentang kisah tersebut dan ia menjadi peringatan kepada golongan masyarakat yang sudah tahu tentang kisah tersebut. Perkara ini memberikan satu kelebihan kepada drama ini untuk disukai oleh khalayak penonton.

Bentuk penggunaan hadis dan ayat al-Quran/terjemahan ayat al-Quran

Salah satu uslub terpenting dalam dakwah ialah menyelitkan ayat al-Quran, azan, makna hadis, tafsir al-Quran dan bacaan zikir, bacaan doa dalam bahasa Arab dan perkataan-perkataan dalam bahasa Arab itu sendiri ke dalam dialog atau dalam muzik latar. Drama *Nur Kasih* telah berjaya mengkomersialkan penggunaan semua perkataan tersebut ke dalam isi kandungan persembahan drama ini.

> **Penggunaan makna hadis**
>
> Contoh: Bila malaikat maut datang menjemput, terputuslah amalan anak Adam, kecuali ilmu bermanfaat, sedekah jariah dan doa anak yang soleh.[2]
>
> (Abu Isa Muhammad, 2008: 1791)
>
> **Bacaan doa dalam bahasa Arab**
>
> Contoh: Wasalallahu ala khairal qalqihi saiyidina muhammadin wa ala alihi wasahbihi wassalam. Subhana rabbika rabbi izzati amma yasifun. Wassalamu alal mursalina walhamdulillahi rabbil alamin. Taqabbalallahuminkum.
>
> **Terjemahan ayat al-Quran**
>
> Contoh: Adam: Maka barang siapa yang bertaubat sesudah melakukan kejahatan dan memperbaiki dirinya. Maka Allah menerima taubatnya. Nur Amina menyambung: Sesungguhnya Allah itu Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.
>
> (Surah al-Maidah ayat 39)

Bentuk nasihat yang baik

Walaupun nasihat yang baik lebih senang untuk difahami pengertiannya kerana selalu dilakukan oleh orang ramai, namun ia juga mengandungi pelbagai bentuk dan keadaan (Abdul Aziz, 2005: 10). Pada asasnya, seseorang tidak suka dinasihati kerana dia akan berfikir dirinya dianggap lemah, sedangkan manusia tidak sukakan kelemahan. Oleh yang demikian, nasihat untuk tujuan menyeru kepada kebaikan hendaklah dilakukan dengan cara yang baik dan teliti supaya sasaran dapat memahami adanya kejujuran penasihat, dia sendiri memerlukan nasihat dan akan mengalami kerugian jika menolak nasihat tersebut (Abdul Aziz, 2005).

Nasihat yang baik ialah kata-kata yang dituturkan secara halus, lembut, tenang, boleh menyejukkan kepanasan hati, jauh sekali daripada menyinggung dan terpancar daripada hati yang ikhlas. Nasihat seperti ini memerlukan kefahaman orang yang dinasihati bahawa tujuan nasihat tersebut adalah untuk kebaikan semata-mata dan untuk menjaga kepentingan mereka pada masa hadapan di dunia dan akhirat (Rauf Shalabi, 1982: 266–267).

Michael Cook (2004: 259) menyenaraikan beberapa bentuk kata-kata yang termasuk dalam nasihat yang baik. Contoh dalam drama bagi setiap bentuk kata-kata adalah seperti berikut:

1. Kata-kata yang berterus terang tetapi dengan lembut dan halus

Adam:	Adam nak minta tolong abang ni.
Aidil:	Pasal Nur?
Adam:	Bukan Nur. Ni pasal Katrina.
Aidil:	Kenapa dengan dia?
Adam:	Adam dah tak tahu macam mana lagi nak cakap dengan dia bang. Adam tak tahu sama ada dia tak faham atau sengaja tak faham.
Aidil:	Pasal apa ni?
Adam:	Pasal semua! Adam tak tahu apa yang dia nak. Adam cuba berubah jadi lebih baik bang. Tapi dia tak pernah.
Aidil:	Dia takda asas Dam. Dia tak faham apa yang Adam nak buat. Sudah tentu dia membencinya. Sebab Adam nak merubahkan dia tanpa kerelaan dia. Cuba Adam fikir Adam dulu macam mana bila dipaksa?
Adam:	Habis tu Adam nak buat macam mana?
Aidil:	Adam kena bimbing dia. Takda masalah yang kita nak selesaikan sekelip mata Dam. Dia perlu mendalami Islam. Mungkin Adam boleh bawa dia pergi PERKIM.
Adam:	Kalau dia tak nak?
Aidil:	Adam kena usaha. Dia isteri Adam. Tanggungjawab ni di atas bahu Adam. Ni cabaran yang harus Adam terima.

2. Penjelasan yang lembut dan difahami

Adam (semasa kecil):	Bang, Adam tak suka ngajilah! Dah belit-belit lidah Adam ni tau sebut benda tu. Bang, dah besar nanti kita kena buat benda tu ke bang? Lebih baik Adam baca bukulah bang. Bila temu duga nanti dia suruh kita mengaji ke bang? Takda kan?
Aidil (semasa kecil):	Nanti bila temu duga dengan Allah macam mana?
Adam (semasa kecil):	Dosa Adamlah bang. Adam boleh tanggung. Kenapa orang lain nak susahkan pasal Adam?

Aidil (semasa kecil):	Orang susah sebab orang sayangkan kau Adam. Sayangkan kau!

3.Kiasan yang beradab

Ustaz Hassan:	Setahu abang, abang bagi semuanya sama rata. Apa yang abang bagi pada Aidil, abang bagi pada Adam.
Hajah Khadijah:	Mungkin kat situ salah kita. Aidil dan Adam tak sama. Kalau kita bagi air kat pokok ni, berbunga. Kalau kita bagi air yang sama banyak kat pokok tu pulak, tak berbunga, malah layu pulak. Sebab dia perlukan tanah kering untuk subur. Dia nakkan matahari, kita bagi air.

4. Bentuk cerita

Adam:	Berdosa ke Adam bang? Fikiran berselang-seli dengan hal-hal dunia. Sepatutnya sekarang ni Adam tumpukan perhatian pada Tuhan.
Aidil:	Fikir pasal apa? Pasal kerja?
Adam:	Nur.
Aidil:	Cinta pada isteri tak salah. Nabi-nabi kita pun cinta pada isteri mereka. Tapi jangan melebihi cinta pada Tuhan dahlah. Tuhan pernah berfirman Dia jadikan isteri untuk lelaki supaya lelaki berasa tenteram.
Adam:	Jadi tak salahlah pada saat-saat macam ni Adam mengharapkan dia?
Aidil:	Tak salah. Kalau cinta pada isteri Adam sandarkan untuk mendapat kasih sayang Allah, lagi mulialah cinta Adam. Percayalah.

5. Bentuk jenaka

Khairuddin:	Kau ni Dil, selesaikan hal rumah tangga orang bukan main banyak. Aku bukan apalahkan, aku takut nanti kau kahwin ngan mak janda. Hati-hati.
Aidil:	Apa salahnya. Nabi kita pun kahwin ngan janda juga.

6. Mengingati nikmat-nikmat yang boleh membawa kepada kesyukuran

Adam:	Islam menggalakkan umatnya menikmati yang enak-enak belaka Nur.
Nur Amina:	Menghargai estetika.
Adam:	Ya, termasuk *architecture*. Dulu Adam ingat Islam ni terlalu konstraktif. Mengongkong. Sebab tu Adam keluar mencari kebebasan.
Nur Amina:	Sekarang?
Adam:	Sekarang alhamdulillah. Baru Adam sedar yang Islam itu luas. Terlalu luas. Dan sekarang Adam belajar untuk semuanya.
Nur Amina:	Alhamdulillah.

7. Penjelasan tentang pujian daripada Allah SWT

Aidil:	Adam dah buat taubat nasuha. Adam dah bersih daripada dosa. Qada solat ikut pada kemampuan. Itu usaha kita dah. Cuma abang nak pesan cuba seimbangkan qada solat dengan amalan-amalan yang lain. Banyakkan sedekah. Cari ilmu yang bermanfaat.

8. Penjelasan tentang celaan daripada Allah SWT dan janji-janji buruk dari-Nya yang menakutkan

Aidil:	Sarah, abang nak Sarah terus terang. Sarah tahu tak dosa memfitnah lagi besar daripada membunuh? Kenapa Sarah buat macam ni?

9. Rangsangan yang baik daripada Allah SWT

Adam:	Solat istikharah? Saya baru belajar benda ni. Maksud saya baru belajar semula sebab yang dulu-dulu saya dah tak ingat dah.
Nur Amina:	Kalau niat awak baik insya-Allah Allah permudahkan.

10. Penjelasan tentang janji-janji Allah SWT dengan kemenangan dan kekuatan

Ummu Majid:	Umi bukannya ustazah dan tak pandai dalam bab hukum hakam ni. Tapi satu umi nak pesan keredaan Allah tu datangnya atas keredaan kedua orang tua kita Nur. Baliklah. Kalau Nur nak balik, malam ni juga umi luluskan cuti Nur tu.

11. Penerangan supaya tahan diuji dan sabar (Abdul Aziz, 2005: 11)

Nur Amina:	Tapikan, kenapa sejak baru-baru ni. Nur, apa saja Nur buat semua tak jadi. Semua tak betul.
Ummu Majid:	Itu namanya Tuhan nak menguji. Biasanya kalau Tuhan nak bagi sesuatu yang baik itu, Dia akan uji kita dengan sesuatu benda yang agak payah. Yelah Dia nak tengok sejauh mana kesabaran kita. Kadang-kadang tu kita pun ada buat salah juga. Tuhan nak menegur.

Dapat dilihat bahawa aspek uslub atau gaya persembahan yang diguna pakai dalam drama *Nur Kasih* ini menepati cita rasa masyarakat Malaysia kerana ia dapat menarik minat begitu ramai masyarakat untuk menonton drama ini. Penyusunan isi kandungan menggunakan uslub tertentu dalam drama ini sangat mengagumkan dan ia menepati metodologi dalam menyampaikan dakwah kepada manusia. Walaupun mungkin pihak produksi tidak menyedari bahawa dalam drama ini wujud uslub begini, namun ia merupakan satu usaha keras yang harus dipuji dan dijadikan contoh dalam menghasilkan lebih banyak drama seperti ini pada masa akan datang. Hal ini kerana kita mengharapkan drama dapat menjadi medan utama dalam usaha mengubah pemikiran, tingkah laku dan rohani masyarakat di Malaysia khususnya masyarakat Melayu Islam untuk menjadi satu komuniti yang berintegriti tinggi.

Sinematografi

Sinematografi atau videografi merujuk pada seni penggambaran yang memperlihatkan keupayaan dan kemahiran seseorang jurukamera drama atau video melalui arahan pengarahnya untuk merakamkan syot-syot gambar yang berkualiti dalam aspek teknikal dan bernilai dalam aspek seni fotografi sesuai dengan cerita yang ingin dipaparkan. Syot-syot gambar yang dirakamkan bukan sahaja bernilai malah mempunyai makna dan erti secara tersurat dan tersirat serta mengikut kehendak ‘nahu dan bahasa drama yang baik’ (Naim, 2011: 84). Sinematografi yang baik dan sistematik bukan sahaja dapat menghidupkan suasana yang ingin disampaikan oleh sesebuah drama malah dapat memberikan kesan dan makna kepada khalayak yang menontonnya (Naim, 2011: 84–85). Sebuah drama yang baik adalah drama yang dapat memberikan paparan visual yang sopan selaras dengan nilai budaya dan agama dan menepati konsep seni yang sebenar (Naim, 2011: 85).

Drama *Nur Kasih* berjaya memainkan peranan sinematografi dengan baik walaupun bukan secara keseluruhannya. Aspek sinematografi yang dipaparkan sangat menepati nahu dan bahasa drama ini dengan baik. Ia selaras dengan semua aspek terutamanya daripada aspek naratif.

1. Visual suasana latar belakang yang dipilih

Drama *Nur Kasih* ini telah memaparkan beberapa syot visual terhadap sesuatu plot yang mempunyai unsur dakwah yang membawa mesej tertentu, sesuai dengan naratif yang dibawanya. Antaranya adalah seperti berikut:

a. Seorang lelaki separuh umur berjubah serba putih dari atas ke bawah, memakai kopiah di kepalanya serta kain serban putih yang melilit lehernya berdiri di suatu kawasan gersang di tengah padang pasir sambil memegang tasbih. Dia berzikir dan jari-jarinya bergerak satu persatu melalui butiran biji tasbih yang dipegangnya. Dia memandang dua orang

anak lelakinya, seorang berpakaian serba putih berjalan mendahului seorang lagi yang berpakaian serba hitam sedang menuju ke arahnya. Tiba-tiba kaki kiri anak lelakinya yang berpakaian hitam tanpa songkok atau kopiah terbenam ke dalam pasir dan tidak boleh mara ke hadapan. Dia berusaha menarik kakinya namun gagal. Dia dan anak lelaki yang berbaju putih hanya mampu melihat tanpa mampu menolong.

b. Di Kaherah, syot menara masjid dan awan yang berarak. Di koridor masjid, Aidil dan seorang syeikh sedang berborak sambil berjalan. Berlatarbelakangkan beberapa orang lain yang sedang berbual dan berjalan dengan semuanya memakai jubah. Ada yang berkopiah dan ada yang tidak.

c. Syot dari kamar Ustaz Hassan dan Hajah Khadijah yang sedang berbicara tentang Adam membawa ke sebuah bingkai gambar berukir Masjidil Haram dengan ayat suci al-Quran bertintakan emas tergantung di dinding rumah mereka di bahagian ruang tamu.

d. Nur Amina merenung kerongsang yang diberi kepadanya tadi oleh Hajah Khadijah yang baru bergelar ibu mentuanya. Dia pergi ke hadapan cermin dan memadankan kerongsang itu di bajunya. Teringat kembali kata-kata Adam pada malam pertamanya. Sedih memikirkan tentang Adam, Nur Amina terus membuka laci almari solek dan meletakkan kerongsang tersebut di dalam laci tersebut. Di dalam laci yang dibuka Nur Amina untuk menyimpan kerongsang itu, terdapat satu kopiah putih yang berlipat dua di dalamnya.

e. Sementara menunggu Adam sedang bercakap dengan Nur Amina dalam talian telefon, Aidil memerhatikan sekeliling rumah Adam. Dia tersenyum melihat bingkai Allah SWT dan Muhammad saw serta bingkai besar ayat suci al-Quran yang tergantung di dinding rumah Adam. Aidil tersenyum sendiri. Dia kemudian bangun bergerak menuju ke rak televisyen dan di situ terdapat pula empat buah buku agama. Aidil mengambil buku tersebut dan membeleknya seketika. Judul buku-buku tersebut ialah *The Soul*, *Kenikmatan Syurga dan Kesengsaraan Neraka*, *Ibnu Taimim*, *Tawassul dan Wasilat* dan *Riwayat Hidup Rasulullah saw.* Aidil tersenyum bangga dengan perubahan ketara yang ditunjukkan Adam.

f. Sarah membawa Aliya berjalan-jalan melihat kampung. Ketika itu kelihatan budak-budak pulang dari sekolah rendah agama. Semuanya berpakaian seragam sekolah agama, iaitu baju putih bersampingkan hijau atau merah serta bersongkok hitam bagi pelajar lelaki. Pelajar perempuan pula memakai baju kurung dan tudung berwarna putih atau merah jambu dan berkain hijau serta merah. Pelajar-pelajar sekolah rendah agama berjalan beramai-ramai pulang ke rumah masing-masing. Sekolah agama tersebut menjadi simbol bahawa ilmu Islam perlu dipelajari sejak kecil.

2. Visual latar tempat/lokasi yang dipilih

Tempat atau lokasi yang menjadi pilihan bagi penggambaran drama ini lebih menjurus ke arah tempat-tempat yang mempunyai nilai islamik yang tersendiri dan bersesuaian serta menepati naratif drama ini dalam menyampaikan dakwah Islam kepada khalayak penonton secara tidak langsung. Drama ini membawa juga penonton menikmati pemandangan islamik di tempat-tempat terpilih bagi plot-plot tertentu. Antara tempat yang menjadi lokasi pilihan drama ini adalah seperti berikut:

a. Universiti Islam Antarabangsa (UIA): Merupakan tempat Nur Amina, Nabila dan Ikram menyambung pengajian pada peringkat ijazah sarjana muda. Ia juga merupakan tempat Aidil dijemput memberi ceramah mengenai undang-undang perkahwinan dalam Islam.

b. Universiti Al-Azhar, Mesir: Tempat pengajian Aidil dalam bidang syariah pada peringkat ijazah sarjana muda.

c. Arab Saudi, Jeddah: Tempat Nur Amina membawa diri yang kecewa setelah mengetahui dia dimadukan oleh Adam. Nur Amina bekerja di sana selama dua tahun. Ia juga merupakan tempat Aidil, Adam dan Hajah Khadijah menunaikan umrah. Adam dan Nur Amina juga bertemu di situ setelah setahun berpisah. Selain itu, ia merupakan tempat Aidil dan Aliya bertemu buat pertama kalinya.

d. Masjid: Tempat paling penting dan banyak babak menggunakan latar tempat di masjid, sama ada masjid di Malaysia, Kaherah, Sydney dan di Mekah.

e. Pondok Penyayang Raudhah: Tempat Katrina menemui hidayah Islam dan mempelajari segala ilmu Islam serta tempat yang berjaya merubah dia menjadi seorang hamba Allah SWT yang solehah. Ia juga merupakan tempat Katrina membuat kerja amal.

f. Pejabat biro bantuan guaman: Tempat kerja Aidil dan Khairuddin serta Sarah.

Semua tempat tersebut merupakan tempat yang mempunyai nilai Islam yang tersendiri dan dapat melambangkan dengan jelas unsur dakwah yang cuba dibawa oleh drama *Nur Kasih* melalui uslub sinematografi. Sinematografi yang dibawa oleh drama ini senada dengan aspek naratif cerita tanpa terpesong sedikit pun bermula daripada episod awal sehingga ke akhirnya. Sifat konsisten aspek sinematografinya menjadikan drama ini istimewa dan sesuai dengan kehendak masyarakat Malaysia kini.

Kesimpulan

Drama bersiri merupakan sebuah pentas yang dapat memainkan peranan penting dalam memberi didikan dan contoh teladan kepada masyarakat di Malaysia khususnya masyarakat Melayu Islam supaya menjadi masyarakat yang berilmu sekali gus bertaqwa dan beramal dengan ilmu tersebut. Kewujudan drama-drama yang sarat dengan dakwah seperti ini amatlah diperlukan oleh masyarakat Islam sekarang yang hidup dalam era langit terbuka, khususnya masyarakat Islam di Malaysia. Drama bersiri *Nur Kasih* juga menerapkan realiti sebenar dengan kehidupan masyarakat Melayu-Islam di Malaysia daripada pelbagai sudut bermula dengan kehidupan masyarakat kampung, juga kehidupan masyarakat yang keluar berhijrah untuk belajar atau bekerja di luar negara, serta kehidupan keluarga tipikal Melayu dan sebagainya. Drama ini berjaya mengangkat nilai kemelayuan Islam sejati yang sebenarnya di Malaysia. Setinggi-tinggi pujian buat pihak produksi drama *Nur Kasih.*

Nota

[1] Katrina merupakan isteri kedua pilihan Adam sendiri yang dikenalinya ketika di Sydney.

[2] Hadis ini hadis sahih menurut al-Tarmizi.

Bibliografi

Abdul Aziz Mohd Zin. (2006). *Dakwah Islam di Malaysia.* Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Abdul Aziz Mohd Zin. (2005). *Metodologi Dakwah.* Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Abdul Aziz Mohd Zin. (2003). *Pengantar Dakwah Islamiah.* Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Abu Isa Muhammad bin 'Isa bin Surah al-Tirmizi. (2008). Jami' Al-Tirmizi dalam *ibid., Abwab al-Ahkam 'An Rasulillah, Bab Ma Ja'a fi al-Waqfi*, no. Hadith: 1376, hlm. 1791. Hadis ini Hasan Sahih menurut al-Tirmizi.

Cook, Michael. (2004). *Commanding Right and Forbidding Wrong in Islamic Thought*. New York: Cambridge University Press.

Dusuki Ahmad. (2000). Cabaran dakwah dalam memanfaatkan industri drama. Dalam Fariza Md. Sham, Sulaiman Ibrahim & Ideris Endot (Ed.), *Dakwah dan Perubahan Sosial.* Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

Fariza Md. Sham, Sulaiman Ibrahim & Ideris Endot (Ed.). (2000). *Dakwah dan Perubahan Sosial.* Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

http://www.beritakini.net/watchmalaymoviefilm.htm.

Ismail Abdullah. (2009). *Seni Budaya Media dan Konflik Jati Diri*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kamal al-Din Husayn. (1992). *Al-Masrah Wa al-Taghayyur al-Ijtima'i Fi Masr.* Kaherah: Dar al-Massriyah al-Lubnaniyah.

Khabir akan Filemkan Sekuel Drama *Nur Kasih*, http://www.mStar.com.my (dicapai pada 2 November 2009).

Mana Sikana. (1995). *Drama Melayu Moden*. Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. *mStar Online*, Drama Nur Kasih Ditonton 5 Juta Orang, http://www.mStar.com.my (dicapai pada 1 Disember 2009).

mStar Online, Khabir Akan Filemkan Sekuel Drama Nur Kasih, http://www.mStar.com.my (dicapai pada 2 November 2009).

Moh. Ali Aziz, Rr. Suhartini, A. Halim. (2005). *Dakwah Pemberdayaan Masyarakat: Paradigma Aksi Metodologi.* Yogyakarta: Pustaka Pesantren.

Naim Ahmad. (2011). *Filem Islam Satu Pembicaraan.* Selangor: Uni-N Production Sdn Bhd.

Nur Nina Zuhra. (1992). *An Analysis of Modern Malay Drama.* Selangor: Mara Institute of Technology.

Penangan *Nur Kasih*, http://www.gua.com.my (dicapai pada 26 November 2009).

Shalabi, Rauf. (1982). *Muslim Perceptions of Other Religions: A Historical Survey.* Cairo: Maktabat al-Mahda al-Misriyya.

Utusan Malaysia Online, 5 Juta Dijangka Tonton Episod Akhir Nur Kasih, http://www.utusan.com.my (dicapai pada 27 November 2009).

Manifestasi Kearifan Masyarakat Melayu Tradisional dalam Karya Sasterawan Fatimah Busu

Norhayati Ab. Rahman

Pengenalan

Kearifan tempatan dapat difahami sebagai usaha manusia dengan menggunakan akal budinya (kognitif) untuk bertindak dan bersikap terhadap sesuatu objek atau peristiwa yang terjadi 'dalam ruang tertentu. Kearifan itu sendiri bermaksud kemampuan seseorang atau sesuatu kelompok dalam menggunakan akal fikirannya untuk bertindak atau bersikap sebagai reaksi terhadap sesuatu objek atau peristiwa yang terjadi. Ia juga dapat ditakrifkan sebagai suatu sintesis budaya yang terhasil oleh faktor-faktor tempatan melalui proses yang berulang-ulang, melalui proses dalaman dan interpretasi ajaran agama dan budaya yang disosialisasikan dalam bentuk norma-norma dan dijadikan pedoman dalam kehidupan seharian masyarakat. Ia merupakan peraturan tidak bertulis dan menjadi acuan masyarakat meliputi seluruh aspek kehidupan yang berhubung dengan peraturan hubungan sesama manusia, peraturan hubungan antara manusia dengan alam dan peraturan hubungan antara manusia dengan yang ghaib seperti Tuhan, roh dan seumpamanya. Justeru, kearifan tempatan berhubung kait dengan adat dan adat istiadat. 'Adat' berasal daripada bahasa Arab, iaitu '*addah*' yang membawa makna 'kebiasaan'. Apabila digunakan dalam kosa kata Melayu 'adat' merujuk kepada 'cara hidup' atau 'cara manusia mengatur kehidupan mereka'. Walaupun begitu, hampir semua masyarakat Nusantara, sama ada yang menerima pengaruh Islam ataupun tidak, telah memadukan konsep ini dalam erti yang hampir sama dalam kebudayaan mereka (Norhayati, 2010: 280).

Dalam masyarakat Melayu tradisional, konsep adat memancarkan hubungan yang lebih mendalam, bermakna antara sesama manusia dan dengan alam sekitarnya, termasuk alam tabii, alam sosial dan alam ghaib. Setiap perhubungan itu diucapkan sebagai adat, diberi bentuk tegas dan khusus melalui sikap, perbuatan dan acara. Konsep adat istiadat pula merujuk kepada seluruh upacara dan kaedah yang digunakan dalam kitaran kehidupan manusia dan sebagai upacara pengukuhan yang dipilih untuk memimpin adat (Zainal Abidin, 2008: 6). Selain berupa adat dan adat istiadat, kearifan tempatan juga merujuk kepada institusi, kata-kata bijaksana, pepatah petitih dan sebagainya. Sebagai produk masyarakat, kearifan tempatan lahir kerana keperluan terhadap nilai, norma dan aturan yang menjadi panduan untuk melakukan sesuatu tindakan. Ia merupakan satu sumber pengetahuan (kebudayaan) masyarakat yang terdapat dalam tradisi dan sejarah, pendidikan formal dan tidak formal, seni, agama dan manifestasi kreatif yang lain. Dalam pemahaman lain, kearifan tempatan dapat juga ditanggapi sebagai usaha manusia dengan menggunakan akal budinya (kognitif) untuk bertindak dan bersikap terhadap sesuatu objek atau peristiwa yang terjadi dalam ruang tertentu bagi memenuhi keperluan hidup dan menyesuaikan diri dengan keadaan persekitaran.

Keraf (2002) misalnya, menyatakan bahawa kearifan tempatan adalah semua bentuk pengetahuan, keyakinan, pemahaman atau wawasan serta adat kebiasaan atau etika yang memandu perilaku manusia dalam kehidupan dalam masyarakat ekologis. Selain itu, kearifan tempatan merupakan pengetahuan eksplisit yang muncul daripada jangka waktu yang panjang

dan berevolusi dengan masyarakat dan lingkungannya dalam sistem tempatan yang dialami bersama. Secara umumnya, kearifan tempatan merupakan nilai-nilai yang wujud dalam sebuah masyarakat, iaitu nilai-nilai yang diyakini kebenarannya dan menjadi acuan kepada tingkah laku masyarakat setempat. Geertz (1973) mendeskripsikan kearifan tempatan dalam satu keselarian makna dengan aspek budaya, khususnya yang diwarisi masyarakat daripada tradisi seperti yang dijelaskan dalam petikan berikut (Geertz, 1973):

> Local wisdom is part of culture. Local wisdom is traditional culture element that deeply rooted in human life and community that related with human resources, source of culture, economic, security and laws. Local wisdom can be viewed as a tradition that related with farming activities, livestock, build house etc.

Pandangan Geertz tersebut menunjukkan hubungan kearifan tempatan yang dikaitkan dengan entiti untuk menentukan kedudukan dan martabat dalam sesebuah masyarakat. Oleh yang demikian, kearifan tempatan mencakupi unsur-unsur kecerdasan pemikiran, kreativiti dan pengetahuan tempatan daripada individu dan kelompok tertentu yang berhubung kait dengan aspek budaya, ekonomi, peraturan dan perundangan, kaedah dan cara dalam kehidupan yang menentukan peradaban masyarakatnya.

Konsep Sastera

Sastera ialah lambang kejiwaan dan pemikiran bagi sesuatu bangsa. Sastera Melayu ialah jiwa kepada pemikiran bangsa Melayu. Karya sastera merakamkan pemikiran orang Melayu, dan ia menjadi induk kepada segala disiplin ilmu yang muncul kemudiannya. Masyarakat Melayu tradisional terkenal dengan kekreatifan dan pemikiran yang mencerminkan ciri-ciri peradaban masyarakat tersebut. Ciri-ciri kebijaksanaan atau intelektual diperlihatkan pada proses berfikir secara kreatif, kerasionalan idea dan hujah yang dapat dipertanggungjawabkan. Ciri-ciri tersebut dimanifestasikan melalui tradisi lisan, khususnya cerita-cerita rakyat. Cerita-cerita rakyat seperti cerita asal usul, cerita binatang, cerita lipur lara, cerita legenda dan sebagainya telah memperlihatkan tahap kekreatifan dan kearifan masyarakat Melayu tradisional, yang kemudiannya dilanjutkan oleh pengarang ke dalam bentuk tulisan atau sastera moden.

Fatimah Busu merupakan sasterawan wanita mapan tanah air yang telah bermula dengan penulisan cerpen sejak akhir 1950-an. Kecenderungan awal dalam penulisannya adalah lebih kepada memberi gambaran realiti kehidupan sosial masyarakat golongan bawahan seperti yang ditemui pada karya-karya awal beliau. Seterusnya, fasa penulisan beliau beralih kepada kesedaran pemikiran agama dan politik, khususnya yang dapat ditelusuri menerusi karya-karya mutakhirnya. Karya-karya penting beliau, terutamanya cerpen, iaitu genre yang memperkenal dan mengangkat nama beliau di persada sastera tanah air, terhimpun dalam antologi cerpen "Lambaian Tanah Hijau" (1980), *Yang Abadi* (1980), *Al-Israk* (1985), *Keajaiban Alam* (2004), *Bunga-Bunga Pulau* (2005) dan *Aduhai* (2009).[1] Karya-karya Fatimah Busu menampilkan kekuatan yang ketara dalam memaparkan konteks hubungan manusia dengan alam sekitar. Perkara ini diperlihatkan dalam sebahagian besar karyanya, terutama melalui cerpen-cerpen awalnya seperti "Nasinya Tumpah", "Lambaian Tanah Hijau", "Bunga-Bunga Pulau", "Di Tebing Sebuah Sungai", "Sampah-Sampah yang Hanyut" dan sebagainya. Begitu juga dengan cerpen "Pada Suatu Masa Dahulu", "Tanah Segara Bukit Itu", dan novel *Salam Maria* (2004), yang secara kreatif telah memanifestasikan hubungan manusia dengan alam sekitar. Melalui penulisannya, beliau telah memperlihatkan hubungan manusia dengan alam, terutama ketika

memaparkan kehidupan masyarakat kampung yang amat akrab dengan alam dan dirinya sendiri. Alam dimanifestasikan sebagai latar kehidupan, sebagai sumber makanan dan keperluan, sebagai kenderaan yang dapat dimanfaatkan, sebagai penyelamat dan sebagainya. Misalnya, alam telah digambarkan sebagai sumber ekonomi pada keperluan kehidupan manusia melalui cerpen-cerpen awalnya seperti "Nasinya Tumpah", "Lambaian Tanah Hijau", "Bunga-Bunga Pulau", "Di Tebing Sebuah Sungai", "Sampah-Sampah yang Hanyut" dan sebagainya. Cerita-cerita tersebut semuanya berlatarbelakangkan kehidupan masyarakat kampung yang berhubung secara intim dan akrab dengan alam sekitar mereka. Seluruh struktur hidup dan kehidupan mereka adalah bersandarkan alam, termasuk dalam memenuhi keperluan daripada segi penyediaan sumber ekonomi. Secara langsung atau tidak langsung, kebanyakan karya beliau juga memperlihatkan penggarapan elemen-elemen tradisi seperti adat, adat istiadat dan keupayaan masyarakat dalam mengatur kehidupan menuju kesempurnaan, yang memanifestasikan nilai-nilai kearifan masyarakat Melayu di dalamnya. Gambaran tersebut antaranya dapat dilihat dalam antalogi cerpen *Lambaian Tanah Hijau* (1980), *Keajaiban Alam* (2004), *Aduhai* (2009), novel *Salam Maria* (2005) dan beberapa karya lain.

Manifestasi Kearifan Masyarakat Melayu Tradisional dalam Karya Sasterawan Fatimah Busu

Berdasarkan karya-karya yang terpilih, didapati bahawa Fatimah Busu memperlihatkan kaedah masyarakat dahulu memanfaatkan kebijaksanaan pemikiran dalam usaha mencari penyelesaian, melalui proses yang berperingkat, teratur dan tersusun untuk mendapatkan kesempurnaan. Ciri-ciri keintelektualan dapat dilihat pada proses berfikir, kekreatifan berfikir, kerasionalan idea dan melalui hujah-hujah yang dapat pula dipertanggungjawabkan alasannya, dalam menyelesaikan sesuatu masalah. Karya-karya beliau memperlihatkan peranan tradisi ilmu daripada kemunculan pelbagai bentuk pengetahuan dan pengalaman yang dapat membentuk tradisi kearifan tempatan sehingga jelas menampakkan kebijaksanaan teori dan praktikalnya. Gambaran kearifan tersebut dapat pula memanfaatkan pelbagai fungsi kehidupan dunia dan akhirat seperti yang diperlihatkan dalam perbincangan seterusnya.

Kaedah mengatasi kemudaratan lintah kepada tubuh badan manusia

Lintah ialah sejenis haiwan *annelid* yang merangkumi subkelas *hirudinea*. Lintah hidup di kawasan berair, terutamanya berhampiran bendang padi, kawasan ternakan lembu dan kawasan paya. Lintah akan mengikut aliran air dan hinggap pada hidupan lain termasuk manusia. Lintah memasuki saluran kemaluan termasuk dubur dan menggigitnya. Kesan gigitan tersebut menyebabkan mangsa mengalami pendarahan teruk. Mangsa memerlukan rawatan pemindahan darah dan jika terlewat diberikan rawatan, mangsa boleh maut akibat kekurangan darah. Beberapa cerpen yang dihasilkan oleh Fatimah Busu telah menggambarkan permasalahan yang sering dihadapi para petani di kawasan bendang padi, khususnya di daerah Pantai Timur berdasarkan pengalamannya sendiri. Dalam cerpen "Pada Suatu Masa Dahulu" (Fatimah Busu, 2004: 343–351) misalnya, terdapat gambaran tentang kaedah perubatan tradisi yang digunakan untuk mengeluarkan lintah yang telah memasuki perut seseorang. Kaedah tradisi yang diperlihatkan dalam cerpen ini menunjukkan bahawa masyarakat Melayu tradisional khususnya golongan petani yang sering berhadapan dengan masalah lintah, mempunyai cara dan kaedah

tersendiri bagi mengatasi masalah untuk mengeluarkan lintah daripada perut manusia. Tindakan tersebut perlu dilakukan secara pantas kerana lintah yang memasuki perut sangat cepat membesar dan membiak di dalam perut dan boleh menyebabkan kematian dalam masa beberapa hari sahaja sekiranya tidak dikeluarkan dengan cepat. Proses perubatan tradisi tersebut antaranya digambarkan dalam petikan berikut (Fatimah Busu, 2004: 117–118):

> Kulit akar kemudu, ubi gadung dan kulit ari takak pinang itu emak tumbuk bersama tembakau pahit. Kemudian emak bancuh air kapur dan gaulkan dengan bahan-bahan yang ditumbuk. Lepas itu barulah emak masukkan ke dalam tukil buluh yang bertangkai untuk diikat pada pinggang waktu bercedung nanti. Bila lintah naik ke betis, emak akan celup hujung manggar kelapa yang telah siap dipotong diletakkan di dalam tukil buluh. Hujung manggar yang melekat dengan racun lintah itu akan ditonyoh kepada lintah. Lintah pun akan tanggal dari betis serta-merta.

Petikan tersebut menunjukkan kaedah orang Melayu zaman dahulu yang mempunyai petua tertentu untuk mengelakkan lintah daripada melekat di badan manusia, seterusnya merayap memasuki badan. Penggunaan campuran ramuan yang disebutkan, iaitu kulit akar kemudu, ubi gadung, kulit ari takak pinang, tembakau pahit dan air kapur merupakan bahan-bahan asas yang digunakan untuk membunuh lintah di dalam perut. Sementara penggunaan alatan tradisi, iaitu tukil buluh digambarkan secara jelas dalam petikan tersebut, yang menunjukkan cara dan kaedah untuk menjatuhkan lintah yang mencengkam tubuh manusia. Dalam sesetengah kes, lintah memasuki tubuh manusia melalui saluran tertentu dan boleh membiak di dalam perut manusia. Proses mengeluarkan lintah daripada perut dilakukan secara tradisi, seperti yang diperlihatkan dalam petikan berikut (Fatimah Busu, 2004: 346–348):

> Ijah…angkat kepala kamu sedikit. Makcik nak suruh kamu minum air ati abu ini. InsyaAllah, kalau benar-benar lintah ada dalam perut kamu nanti dia akan keluar.
>
> Makcik Gayah terus memasukkan buluh pelenting yang berhujung bulat ke dalam saluran peranakan Khadijah hingga tinggal kira-kira sejengkal. Kemudian Makcik Gayah hirup air lengkuas kunyit dan tembakau dan meluah perlahan-lahan ke dalam lubang buluh peleting. Perbuatan ini dibuatnya berulangkali hingga habis air lengkuas kunyit dalam mangkuk. Lepas itu barulah Makcik mencabut keluar buluh pelenting yang berdarah dan diletak atas lantai.

Gambaran dalam petikan tersebut menunjukkan jenis ramuan, alat dan teknik tradisi yang digunakan untuk mengeluarkan lintah yang telah memasuki perut seseorang, khususnya perempuan. Ramuan yang digunakan ialah air ati abu atau air lengkuas, kunyit dan tembakau yang dimasukkan melalui saluran peranakan dengan menggunakan alat yang dinamakan ‘buluh peleting’, yang berfungsi seperti straw untuk menyedut air ramuan dan memasukkannya ke dalam saluran peranakan. Kaedah tersebut ternyata berkesan kerana dalam beberapa jam sahaja, lintah dapat dikeluarkan daripada perut mangsa. Ciri kearifan yang diperlihatkan di sini menunjukkan bahawa masyarakat Melayu lama memiliki kebijaksanaan dan kepandaian tersendiri, khususnya dalam menghadapi cabaran daripada unsur alam (lintah) yang boleh memudaratkan dan mengancam nyawa manusia pada zaman itu. Sekali gus ia menunjukkan tahap peradaban tinggi yang dimiliki bangsa Melayu pada ketika itu.

Kaedah menyahkan racun pada ubi gadung untuk dijadikan makanan

Ubi gadung atau nama saintifiknya *Dioscorea hispida Dennust* ialah tumbuhan beracun dan satu-satunya tumbuhan liar yang boleh hidup dalam apa-apa jua keadaan cuaca. Ia boleh hidup bertahun-tahun lamanya dan amat sukar untuk mati. Ia dikategorikan sebagai tumbuhan liar yang hidup menjalar dan memanjat serta boleh memanjang sehingga 20 meter dan mempunyai batang yang berduri. Ubi gadung mengandungi racun *alkaloid dioscorin* yang tinggi, yang boleh menyebabkan radang kerongkong, pening kepala, muntah darah, kesukaran untuk bernafas,

mengantuk dan keletihan. Kematian biasanya berlaku dalam tempoh kira-kira enam jam selepas memakan ubi gadung ini. Namun, bagi mengelakkan ubi ini daripada beracun, *alkaloid* perlu dibuang dengan cara merendam ubi gadung di dalam air yang mengalir selama tiga hingga empat hari. Pada zaman dahulu, ubi gadung menjadi antara makanan tradisi yang mengenyangkan, seperti juga ubi kayu. Ia menjadi sumber makanan ruji yang popular, dan diperoleh tanpa perlu ditanam dan dijaga, kerana ia adalah sebahagian daripada anugerah alam kepada manusia yang tumbuh meliar di dalam hutan.

Melalui beberapa karya Fatimah Busu, didapati bahawa beliau banyak memperlihatkan kearifan dan keupayaan masyarakat Melayu tradisional dalam memanfaatkan sumber pengetahuan sebagai usaha mereka menggunakan akal budi bagi bertindak terhadap sumber alam di sekeliling untuk memenuhi keperluan mereka. Proses membuang racun daripada ubi gadung misalnya, digambarkan beliau dalam petikan berikut (Fatimah Busu, 2004: 312–313):

> Khadijah terus berdiri berhampiran raga-raga gadung rendam dalam air paras lutut dan mulai membalik-balikkan gadung yang berwarna putih melepak yang telah dihiris nipis-nipis berbentuk bulat. Terdapat beberapa ekor anak ikan bunga air warna hijau muda dan berudu yang hitam terperangkap dalam raga. Anak-anak ikan dan berudu itu dikaut dengan kedua-dua-dua belah tapak tangan dan dilepaskan kembali dengan perasan gembira. Makhluk ini sebenarnya memberi petanda baik bahawa gadung yang direndam itu sudah hilang racunnya dan sudah bersedia untuk ditanak.

Petikan tersebut menggambarkan proses membuang racun daripada ubi gadung yang dilakukan secara tradisi melalui kaedah rendaman di dalam air mengalir, iaitu air sungai selama beberapa hari. Kehadiran anak-anak ikan yang mengelilingi bekas ubi tersebut menandakan racun pada ubi tersebut telah hilang. Meskipun gambaran ini adalah perkara biasa yang ditemui dalam masyarakat tradisional, namun ia hampir tidak diketahui kebanyakan generasi muda pada hari ini. Malah, ubi gadung itu sendiri jarang lagi didapati serta dikenali masyarakat pada hari ini. Oleh yang demikian, selain berfungsi merakamkan elemen ini sebagai sebahagian dokumentasi aspek budaya masyarakat Melayu tradisional, ia sekali gus memanifestasikan kearifan tempatan yang dimiliki dan dipraktikkan oleh masyarakat tradisional.

Kaedah menyimpan bahan makanan supaya tahan lama

Secara umumnya, makanan boleh dikelaskan kepada tiga kumpulan berdasarkan mudah atau tidaknya sesuatu makanan tersebut menjadi rosak. Kumpulan pertama makanan ialah makanan yang sangat mudah rosak (*perishable foods*). Makanan dalam kumpulan ini terdiri daripada kebanyakan makanan harian yang penting seperti ikan, daging, ayam, sayur-sayuran dan buah-buahan. Biasanya makanan ini hanya boleh disimpan selama 2 hingga 30 hari dalam keadaan sejuk beku (0–4°C). Kumpulan kedua ialah makanan separa mudah rosak (*semi-perishable foods*). Kadar kerosakan makanan dalam kumpulan ini tidak secepat makanan dalam kumpulan pertama. Makanan dalam kumpulan kedua ini boleh disimpan lebih lama kerana sifat semula jadinya seperti berkulit tebal atau berlilin, telah diproses seperti dipastur atau diawet menggunakan gula, asid dan garam. Sebagai contoh makanan dalam kumpulan ini termasuklah telur, ubi-ubian, jeruk, kek dan sebagainya. Makanan dalam kumpulan kedua biasanya boleh disimpan selama 30 hingga 90 hari dalam keadaan sejuk beku (0–4°C). Sementara itu, kumpulan ketiga ialah makanan stabil (*shelf-stable foods).* Makanan dalam kumpulan ini boleh disimpan lama kerana kandungan lembapannya yang rendah seperti gula, tepung, beras, dan kekacang. Makanan dalam tin juga tergolong dalam kumpulan ini walaupun mempunyai kandungan lembapan yang tinggi kerana proses pengetinan telah menyebabkan mikroorganisma sukar untuk merosakkannya. Makanan dalam kumpulan ini biasanya boleh disimpan selama 90 hari sehingga

tiga tahun bergantung kepada cara pemprosesan, pembungkusan dan persekitaran tempat penyimpanannya.

Namun, dalam masyarakat Melayu tradisional, yang tidak mempunyai kaedah penyimpanan moden seperti pada hari ini, mereka telah menggunakan kaedah tradisional untuk memastikan makanan tidak rosak. Kaedah tersebut tidak semoden dan sistematik seperti teknik orang Barat yang menggunakan kaedah pendinginan makanan. Kaedah tersebut diperlihatkan oleh Fatimah Busu dalam petikan berikut (Fatimah Busu, 2004: 123):

> Ubi kayu itu kami tidak kerat dari perdunya supaya tahan lama. Ubi badak juga kami simpan di dalam kepuk padi yang telah kosong. Mana-mana ubi badak yang luka kena mata cangkul, kami tampalkan dengan selut supaya tidak masuk angin. Dan kami juga ada dua bakul ubi keledek jenis kapal muar dan jenis wakaf setan yang merah isinya serta seraga ubi keduduk yang isinya berwarna biru keunguan.

Berdasarkan petikan tersebut, dapat dicerakin beberapa kaedah penyimpanan ubi yang berbeza caranya mengikut jenis atau kategori ubi. Misalnya bagi ubi kayu, untuk tahan lama hendaklah dipotong bersama dengan perdunya dan disimpan begitu sahaja. Bagi jenis ubi badak pula hendaklah disimpan di dalam kepuk padi, dan sekiranya ada bahagian kulit ubi yang terluka, boleh ditampal dengan selut bagi mengelakkan ubi tersebut dimasuki angin dan menjadikannya rosak. Walaupun kaedah yang digunakan tersebut kelihatan amat ringkas, namun jelas bahawa kaedah penyimpanan bahan makanan tersebut amat praktikal bagi masyarakat Melayu tradisional yang belum mengenal teknologi moden dalam penyimpanan makanan. Secara tidak langsung ia menggambarkan kreativiti dan kebijaksanaan masyarakat Melayu tradisional dalam menangani masalah kerosakan bahan makanan yang disimpan.

Teknologi pembuatan benang daripada sumber tumbuhan

Benang dihasilkan daripada bahan baku yang berasal daripada serat-serat alam atau serat-serat buatan baik yang berupa stapel atau filamen. Terdapat pelbagai cara pembuatan benang, bergantung kepada bahan baku yang diolah, serta prosesnya yang banyak menggunakan alat-alat tertentu. Benang merupakan susunan serat yang teratur secara memanjang dengan garis tengah dan jumlah putaran tertentu yang diperoleh daripada suatu pengolahan yang disebut proses pemintalan. Serat-serat yang digunakan untuk membuat benang berasal daripada alam dan juga buatan. Serat-serat tersebut ada yang mempunyai panjang terbatas (disebut stapel) dan ada yang mempunyai panjang tidak terbatas (disebut filamen). Benang yang dibuat daripada serat-serat stapel dipintal secara mekanik, sedangkan benang-benang filamen dipintal secara kimia. Benang-benang tersebut, baik yang dibuat dari serat-serat alam mahupun dari serat-serat buatan, terdiri daripada banyak serat stapel atau filamen. Hal ini perlu bagi memperoleh benang yang fleksibel. Untuk benang-benang dengan garis tengah yang sama, dapat dikatakan bahawa benang yang terdiri daripada sejumlah serat-serat yang halus lebih fleksibel daripada benang yang terdiri daripada serat-serat yang kasar. Dalam masyarakat Melayu tradisional, proses pembuatan benang telah lama dilakukan secara konvensional dengan menggunakan bahan-bahan yang diperoleh daripada alam sekitar. Gambaran tersebut antaranya dipamerkan melalui karya Fatimah Busu ketika menggambarkan ceritanya seperti diperlihatkan pada petikan berikut (Fatimah Busu, 2004: 320):

> Kadangkala Makcik Jirah datang juga membantu Jenab menyisir daun-daun nenas untuk mendapatkan uratnya. Ini adalah kerana menyisir urat nenas terpaksa dibuat dengan cepat agar sempat dicelup warna dan dijemur dan sempat kering dalam panas matahari pada hari yang sama. Kalau tidak, benang urat nenas tidak kukuh, mudah putus bila digunakan untuk menjahit. Inilah sebabnya orang suka membeli benang urat nenas yang dijual oleh Khadijah. Lagipun warna benangnya tidak banyak luntur kerana Khadijah menggunakan air rendaman kayu sepang untuk

> membuat kesumba merah dan air bunga senduduk untuk buat kesumba biru keunguan.

Petikan tersebut menggambarkan bahan-bahan dan kaedah yang digunakan dalam proses pembuatan benang untuk kegunaan dan keperluan seharian masyarakat pada ketika itu. Bahan yang digunakan untuk membuat benang ialah urat-urat nenas yang direndam di dalam air kayu sepang untuk mendapatkan warna merah dan di dalam air senduduk bagi mendapatkan warna biru. Bahan-bahan yang digunakan dalam pembuatan benang adalah berasaskan tumbuh-tumbuhan sepenuhnya yang mudah diperoleh di kawasan kampung pada zaman dahulu, iaitu daun nenas, kayu sepang dan bunga senduduk. Gambaran ini menunjukkan sebahagian daripada usaha dan keupayaan masyarakat Melayu dahulu dalam memenuhi keperluan hidup mereka pada ketika itu, sekali gus memanifestasikan kearifan dan kreativiti mereka dalam memanfaatkan sumber tumbuhan di sekeliling untuk memenuhi keperluan kehidupan mereka.

Pembuatan damar daripada getah sekerap

Damar adalah sejenis getah keras yang diperoleh daripada beberapa jenis pokok, dan asal perkataannya adalah daripada sejenis pokok damar. Getah yang terhasil daripada pohon getah juga boleh diolah dengan cara membekukannya menjadi ‘dupa’ atau ‘setanggi’. Kegunaan damar antara lain adalah sebagai bahan korek api (bagi mencegah api membakar terlalu cepat), bahan untuk pembuatan plastik, plaster, vernis, pelapik dakwat cetak, bahan campuran pewarna dan lilin pada kain batik (tekstil), dan untuk bahan pengilap. Pengetahuan dan keperluan terhadap damar dalam masyarakat pada zaman dahulu diperlihatkan oleh Fatimah Busu melalui karya beliau, termasuk yang dikesan dalam petikan berikut (Fatimah Busu, 2004: 321):

> Malam ini Khadijah cuba menyiapkan damar getah sgrap yang dipesan oleh orang Kampung Surau. Getah-getah sgrap yang dipotong memanjang dibalut dengan daun pisang kering kira-kira sebesar ibu jari tiap satu dan panjangnya sejengkal dengan daun pisang kering kira-kira sebesar ibu jari tiap satu dan panjangnya sejengkal lebih.

Berdasarkan petikan tersebut, Fatimah Busu menggambarkan bahawa pembuatan damar merupakan satu perusahaan kecil-kecilan bagi orang kampung pada zaman dahulu. Pembuatan damar tersebut merupakan satu sumber pencarian rezeki yang berupaya menampung kehidupan mereka. Gambaran tersebut turut menunjukkan elemen kehidupan masyarakat tradisi yang berupaya memanfaatkan peluang di sekeliling mereka, sekali gus memaparkan kreativiti serta kearifan mereka dalam kehidupan.

Kemahiran mengesan tanda dan penanda alam

Orang Melayu sudah sekian lama berupaya mengatur atau merancang tata cara kehidupan mereka dengan berpandukan perubahan keadaan alam, cuaca dan tanda-tanda lain seperti kokokan ayam, naik dan jatuhnya matahari, kitaran musim, perubahan warna pada tumbuhan atau buah-buahan, bunyi burung, kitaran hidup manusia dan urutan kelahiran. Misalnya, mereka berkemahiran dalam membaca petanda yang dicerminkan oleh unsur alam. Gambaran tersebut antaranya dapat dilihat pada petikan daripada cerpen “Pada Suatu Masa Dahulu” (Fatimah Busu, 1999: 54):

> Terdapat beberapa anak ikan bunga air berwarna hijau muda dan berudu yang hitam terperangkap di dalam raga. Anak-anak ikan dan berudu itu dikaut dengan kedua-dua-dua tapak tangan dan dilepaskan keluar dengan perasaan gembira. Makhluk ini sebenarnya memberi petanda baik bahawa gadung yang direndam sudah hilang racunnya dan sudah bersedia untuk ditanak.
>
> Kelmarin aku tengok ada raga rendam gadung di sini, nampak sudah elok, ada berudu…ada anak ikan.

Petikan tersebut menunjukkan kaedah yang digunakan oleh pengarang untuk memaparkan unsur fenomenologi dan kosmologi alam Melayu. Anak ikan dan berudu (anak katak yang masih menyerupai ikan) merupakan sejenis hidupan air yang memberi petanda kepada masyarakat Melayu dan kewujudan kedua-dua hidupan tersebut di dalam air berhampiran kawasan ubi gadung direndam, menandakan bahawa ubi gadung yang direndam sudah hilang racunnya dan sudah boleh dijadikan sebagai sumber makanan.

Selain itu, bagi membaca perubahan sesuatu musim seperti berakhirnya musim kemarau dan akan tibanya musim hujan, petanda yang ditunjukkan ialah perubahan suasana alam yang digambarkan seperti berikut (Fatimah Busu, 2004: 106–107):

> **Daun-daun kayu yang nampaknya mulai berkilat-kilat** waktu malam. Malam tadi hamba melihat **bulan** melengkung**!**
>
> Memang benar, waktu kami baring-baring di atas bendul malam tadi, kami tengok **cahaya bulan sangat cerah, putih bersih dan semarak**. Dan kami lihat **daun-daun kelapa yang bergoyang meliuk lintuk** tinggi menjulang langit di sebelah jemuran kami, berkilau-kilauan dan bersinar kena pantulan cahaya bulan. Dan emak turun sekejap ke atas jemuran untuk mendongak ke langit.
>
> "Ah, bulan melengkung!" kata emak..

Ayat-ayat seperti "daun-daun kayu yang nampaknya mulai berkilat-kilat", "bulan melengkung", "cahaya bulan sangat cerah, putih bersih dan semarak" dan "daun-daun kelapa yang bergoyang meliuk lintuk" menunjukkan tanda-tanda yang akan membawa perubahan keadaan alam, iaitu yang memberi petanda bahawa musim kemarau sudah berakhir. Petanda tersebut ditafsirkan sebagai memberikan isyarat kepada petani agar bersiap-sedia dengan segala kelengkapan untuk kembali ke sawah bagi menggemburkan tanah dan menabur semai di petak sawah. Petanda tersebut memberikan isyarat peralihan musim, iaitu berakhirnya musim kemarau dan bermulanya musim hujan. Demikian antara kearifan orang Melayu dahulu membaca perubahan cuaca melalui sistem tanda yang sudah begitu akrab dengan kehidupan mereka sejak zaman-berzaman. Kearifan itulah yang membantu mereka memberikan tindak balas kepada suasana alam yang melingkungi mereka, sekali gus memperlihatkan keupayaan mereka dalam menetapkan pilihan nilai-nilai yang dianggap paling tepat dan paling sesuai bagi keperluan hidup mereka.

Teknologi pembuatan rakit

Rakit adalah terdiri daripada susunan benda yang mengapung dan berbentuk datar untuk perjalanan di atas air. Ia merupakan pembuatan perahu yang paling asas dengan tidak memiliki bumbung. Rakit mengapung di atas air dengan menggunakan gabungan bahan ringan seperti kayu, tong tertutup atau apa sahaja objek yang boleh terapung di atas air. Rakit tradisional diperbuat daripada kayu atau buluh, sementara rakit moden diperbuat daripada tong dram atau blok polistirena. Rakit berfungsi sebagai pengangkutan air yang digunakan oleh masyarakat dahulu, khususnya yang tinggal di kawasan berhampiran dengan sungai. Ia menjadi kenderaan untuk berhubung dengan kampung lain, atau melakukan aktiviti penangkapan ikan dan sebagainya. Teknologi Melayu tradisional berhubung cara membuat rakit diperlihatkan melalui cerpen Fatimah Busu. Gambaran tersebut antaranya dapat dikesan pada contoh-contoh yang dipetik daripada cerpen "Pada Suatu Masa Dahulu" yang disenaraikan seperti berikut (Fatimah Busu, 1999: 53–54):

> **Rakit batang pisang benggala** yang dibuat petang kelmarin bersama Jenab untuk budak-budak bermain air, masih tertambat di ranting kelumpang kira-kira dua depa ke hilir dari tempat pencagak raga gadung di rendam.

> Keratan batang-batang pisang benggala digolek-golekkan jatuh ke bawah tebing. Selepas itu kempat-empat kerat batang pisang benggala itu dikampung dan dicucuk dengan batang-batang anak langsat. Jenab dan Kiah sudah pun mencuba naik **rakit** ke seberang sebaik-baik rakit siap petang kelmarin.

Contoh petikan tersebut menunjukkan bahawa rakit bukan sahaja boleh diperbuat daripada kayu, tong dan seumpamanya, malah boleh juga diperbuat daripada batang pisang benggala yang dicucuk dengan batang pokok langsat. Melalui cerpen ini, pengarang memperlihatkan pengalaman ibunya sendiri yang membina rakit sebagai kenderaan di atas air (sungai) yang membawa Khadijah sekeluarga dari sungai di Kampung Pasir Pekan sehingga ke sungai di Kampung Morat, iaitu suatu jarak perjalanan yang jauh. Gambaran tersebut bukan sahaja membuktikan usaha dan keupayaan masyarakat dahulu mereka cipta kenderaan bagi keperluan mereka, malah memperlihatkan kearifan mereka memanfaatkan unsur alam sekitar bagi memenuhi keperluan hidup pada ketika itu.

Kaedah mengukur masa

Menurut Asmah Haji Omar, dalam bahasa Melayu asli, tidak ada perkataan yang menunjukkan ‘masa’ sebagai satu konsep yang am atau menyeluruh. Perkataan masa sendiri berasal daripada bahasa Sanskrit ‘*masa’* yang bermakna ‘bulan’, dan ‘waktu’ daripada bahasa Arab ‘*waqt’* (2001: 188). Ketiadaan perkataan dalam bahasa Melayu asli yang sejajar dengan masa dan waktu tidak bermakna bahawa orang-orang Melayu pada zaman dahulu tidak mengenal masa. Mereka dapat membezakan masa yang statik[2] seperti yang diwujudkan oleh perkataan-perkataan di atas itu, serta juga masa yang dinamik[3] seperti yang terbukti dalam kemungkinan morfologi dan sintaksis bahasa Melayu serta pemerhatian terhadap cuaca dan gerak alam. Gambaran tersebut antaranya dapat dikesan dalam beberapa karya Fatimah Busu. Melalui cerpen “Anak-Anak Pasir Pekan” misalnya, diperlihatkan cara-cara masyarakat mengukur masa dan waktu melalui gambaran berikut (Fatimah Busu, 1980: 98):

> Waktu bayang bawah kaki sudah pendek, emak sudah pun selesai kutip susu getah. Dan si Timah sudah selesai basuh kaling-kaling menakung susu getah.

Frasa seperti “Waktu bayang bawah kaki sudah pendek” dalam petikan tersebut merujuk kepada tanda-tanda bahawa waktu tengah hari sudah tiba, iaitu apabila matahari sudah semakin hampir tegak di atas kepala dan bayang-bayang semakin pendek atau kemudiannya tidak kelihatan lagi. Gambaran tersebut menunjukkan konsep pengukuran masa dan waktu yang sudah lama dipraktikkan oleh masyarakat Melayu. Konsep pengukuran masa tersebut masuk ke dalam cara berbahasa masyarakat Melayu ketika bermulanya amalan bersolat seperti yang terdapat dalam ungkapan ‘sembahyang lima waktu’. ‘waktu zohor’ dan sebagainya. Perkara ini juga menerangkan kearifan mereka untuk membezakan masa yang statik seperti di atas dengan masa yang dinamik yang dikaitkan dengan entiti yang bergerak secara mengufuk atau kitaran.

Kaedah mengusung rumah

Tradisi bergotong-royong menjadi amalan dalam masyarakat Melayu lama, termasuklah dalam upacara ‘usung rumah’, iaitu memindahkan sesebuah rumah dari satu tapak ke satu tapak yang lain. Pemindahan tersebut berlaku kerana beberapa sebab, termasuklah atas kepercayaan bahawa satu-satu tempat yang menjadi tapak asal rumah tersebut tidak baik atau tidak sesuai dijadikan tapak rumah. Lazimnya, proses tersebut bermula dengan pembersihan kawasan baharu yang hendak dijadikan tapak rumah. Sehari sebelum acara tersebut dilakukan, orang kampung berkumpul dan menebang buluh untuk diikat di tiang-tiang utama rumah yang akan dipindahkan.

Penduduk kampung secara beramai-ramai akan mengambil tempat masing-masing pada hampir setiap penjuru tiang yang diikat dengan batang kayu dan tali. Lazimnya selepas acara usung rumah, jamuan kecil akan disediakan untuk menjamu semua yang terlibat dalam gotong-royong usung rumah tersebut. Suasana riuh-rendah dengan gelak ketawa orang kampung menjadikan acara itu bukan sahaja menarik, malah mengeratkan hubungan sesama mereka. Gambaran ini dapat dilihat dalam paparan cerpen Fatimah Busu seperti berikut (Fatimah Busu, 2004: 103–104):

> Selain dari itu kalau cek ada di rumah pada musim kemarau bulan lima, cek juga akan dipinjam angkat rumah bersama jiran-jiran lelaki kami. Kami tahu inilah musim orang selalu tunggu untuk angkat rumah atau pindahkan rumah dari tempat lama ke tempat yang baru. Melihat orang usung rumah merupakan satu pemandangan yang seronok dan aneh bagi kami. Selalunya jalan yang akan dilalui akan diterangkan terlebih dahulu. Segala lopak dan lubang kena timbus, segala tunggul dan busut-busut akan diratakan terlebih dahulu.
>
> Eeeeeh…ooohhhh..eeeehhhh…oooohhhh!!!
>
> Pengusung-pengusung rumah selalu bersorak beramai-ramai untuk memberi semangat kepada diri sendiri. Dan mereka pun melangkah serentak selangkah demi selangkah. Dan kami lihat kaki-kaki mereka menggerumut bagai kaki lipan yang merayap.
>
> Bila rumah telah sampai dan diletakkan di tempat yang baru, pengusung-pengusung selalunya dijamu dengan nasi dagang dan laksa. Kadang-kadang ada juga orang-orang yang lebih berada menjamu pengusung rumah dengan nasi minyak. Selalunya kami juga dapat makan sama. Memang musim kemarau bulan lima menjadi musim orang buat laksa dan nasi dagang.

Gambaran tersebut menunjukkan aksi-aksi masyarakat Melayu berhubung kait dengan adat yang membawa makna ‘kebiasaan’ dalam masyarakat, iaitu merujuk kepada ‘cara hidup’ atau ‘cara manusia mengatur kehidupan mereka’. Dalam konteks ini, ketidaksuaian sesuatu tempat yang didiami akan membawa kepada usaha perubahan atau pemindahan sesebuah rumah. Apatah lagi rumah merupakan tempat kediaman sesebuah sekeluarga yang seharusnya dapat menjamin keselesaan dan keselamatan seluruh penghuninya. Justeru, mereka akan menggunakan segala pengetahuan dan kearifan mereka tentang alam dan persekitaran untuk disesuaikan dengan keperluan tersebut.

Kesimpulan

Perbincangan dalam bab ini jelas menunjukkan tentang proses dialektik antara individu atau kelompok manusia dengan lingkungannya. Proses tersebut merupakan respons individu atau kelompok manusia tertentu terhadap suasana lingkungan dan persekitarannya. Ia dipaparkan terhasil daripada proses kognitif individu sebagai keupayaan menetapkan pilihan nilai-nilai yang dianggap paling tepat dan paling sesuai bagi keperluan mereka. Malah, ia juga merupakan keupayaan masyarakat menemukan nilai-nilai kolektif yang terhasil daripada pola-pola hubungan yang telah tersusun dalam sebuah lingkungan.

Hasil penelitian terhadap karya-karya Fatimah Busu telah menunjukkan bahawa beliau mengetengahkan sebahagian daripada elemen kearifan masyarakat Melayu, seperti keupayaan mengamalkan kaedah tradisi bagi mengatasi kemudaratan lintah kepada manusia, menyahkan racun ubi gadung untuk dijadikan sumber makanan, kaedah penyimpanan makanan supaya tahan lama, teknologi pembuatan benang daripada sumber tumbuhan, teknologi pembuatan damar daripada getah skrap, kemahiran membaca tanda dan petanda alam, teknologi pembuatan rakit, serta kaedah mengukur masa dan kaedah mengusung rumah. Kesemua yang dipaparkan dalam

bentuk cerita pendek oleh pengarang ini menunjukkan bahawa kearifan tempatan bukan sahaja diperlihatkan dalam kehidupan seharian, malah turut dimanifestasikan ke dalam karya sastera. Hal ini demikian kerana sastera adalah suatu bentuk refleksi kehidupan sesuatu masyarakat dan bangsa. Justeru, sastera juga diangkat sebagai dokumen sosiobudaya sesebuah masyarakat tertentu dan mewakili zaman tertentu. Sasterawan Fatimah Busu bukan sahaja telah memberikan pewarnaan budaya tempatan dalam hampir semua karyanya, malah juga merakamkan pelbagai bentuk kegiatan, kepercayaan, pemikiran, adat istiadat dan seluruh elemen budaya yang memberi nilai kekuatan kepada karya-karya beliau.

Nota

1. Selain cerpen, Fatimah Busu turut menghasilkan novel seperti *Ombak Bukan Biru* (1977), *Kepulangan* (1980), *Salam Maria* (2004), *The Missing Peace 1* (2005) dan *The Missing Peace 2* (2006). Antara antologi puisinya pula ialah puisi *Apa Ada di Sana* (Versi Dunia) (2004), dan buku-buku kajian akademiknya pula ialah *Ciri-ciri Satira dalam Novel Melayu dan Afrika Moden: Kajian Perbandingan* (1992) dan *Persamaan dan Perbezaan dalam Perkembangan Novel-novel Melayu dan Indonesia* (2010).
2. Masa statik bagi orang Melayu boleh terdapat dalam satu detik atau dalam kerangka yang lebih luas dan panjang. Jika digabungkan kedua-dua konsep ‘detik’ dan ‘kerangka’, maka dapatlah dikatakan bahawa detik masa merupakan titik-titik tertentu dalam kerangka masa, atau juga kerangka masa boleh terdiri daripada detik-detik masa (Asmah, 2001: 189).
3. Masa dinamik ialah masa yang dilihat sebagai entiti yang bergerak, sama ada secara mengufuk atau dalam kitaran. Bahasa Melayu mempunyai perkataan-perkataan tertentu yang menggambarkan pergerakan masa, yakni kata ‘edar’ (‘dalam peredaran masa’, ‘masa telah beredar’) dan ‘lalu’ (‘masa sudah berlalu’, ‘masa lalu’) (Asmah, 2001: 191).

Bibliografi

Asmah Haji Omar. (2001). Konsep masa dalam bahasa dan pemikiran Melayu. Dalam Yaacob Harun (Ed.), *Kosmologi Melayu*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu.

Fatimah Busu. (2009). *Aduhai*. Pulau Pinang: NP Business Solution.

Fatimah Busu. (2004). *Keajaiban Alam*. Kuala Lumpur: Pekan Ilmu Publications Sdn. Bhd.

Fatimah Busu. (1999). Pada suatu masa dahulu. *Dewan Sastera*, Februari.

Fatimah Busu. (1980). *Lambaian Tanah Hijau.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Geertz, Clifford. (1973). *The Interpretation of Cultures*. New York: Basic Books, Inc. Publishers.

Geertz, Clifford. (1983). *Local Knowledge: Further Essays in Interpretive Anthropology*. New York: Basic Books, Inc. Publishers.

Keraf, A.S. (2010). *Etika Lingkungan Hidup.* Jakarta: Penerbit Buku Kompas.

Mohd Taib Osman. (1988). *Kebudayaan Melayu dalam Beberapa Persoalan.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Norhayati Ab. Rahman. (2010). Adat dan adat istiadat dalam teks sastera sejarah sebagai elemen peneguhan kekuasaan raja Melayu. Dalam Hashim Ismail (Ed.), *Tinta di Dada Naskhah*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu.

Rogayah Hamid & Mariam Salim (Peny.). (2006). *Kepustakaan Ilmu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sidi Gazalba. (1963). *Pengantar Kebudayaan Sebagai Ilmu* (cetakan ketiga). Djakarta: Pustaka Antara.

Zainal Abidin Borhan. (2008). Kehidupan budaya pada zaman kesultanan Melaka. Dalam Abdullah Zakaria & Jazamuddin Baharuddin (Ed.), *Arkeologi dan Sejarah*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.

Penyumbang

Abdullah Yusof merupakan pensyarah di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM). Beliau memperoleh ijazah sarjana muda, ijazah sarjana dan ijazah kedoktoran dari UM. Beliau mempunyai kepakaran dalam bidang seni Islam, perbandaran Islam, pengurusan warisan serta penghasilan drama bermotifkan Islam.

Afidatul Syazwani Afandi merupakan pemegang Ijazah Sarjana Muda Kesusasteraan dan Sarjana Kesusasteraan dari Universiti Sains Malaysia (USM). Buat masa sekarang beliau sedang dalam latihan untuk menjadi kakitangan akademik di Universiti Malaysia Kelantan.

Ahmad Moghni Salbani merupakan pensyarah kanan di Pusat Teknologi Pengajaran dan Multimedia, USM. Beliau berkelulusan sarjana muda sains dan sarjana sastera dari universiti yang sama dalam bidang teknologi pengajaran.

Faridah Sarudin merupakan pemegang Ijazah Sarjana Muda Kesusasteraan dari USM. Beliau pernah menjadi Pembantu Penyelidik Geran Warisan Patani dalam Sastera Media dan Budaya yang dilaksanakan oleh para pensyarah Kesusasteraan di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan.

Khazatulzihan Khalid ialah pelajar sarjana sastera dalam bidang komunikasi (Mod Penyelidikan) di Pusat Pengajian Komunikasi, USM. Bidang kajian beliau ialah *mock documentary* sebagai satu alternatif dalam penerbitan filem di Malaysia.

Md. Salleh Yaapar ialah profesor Kesusasteraan Bandingan di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan merangkap Ombudsman, USM. Beliau ialah mantan Penyandang Kerusi Eropah bagi Pengajian Melayu, di Leiden University, Belanda (2003–2006). Sebelumnya, beliau ialah Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Pembangunan), Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar), dan Dekan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, USM. Beliau ialah pemenang pertama (2012) Anugerah Tokoh Akademik Bahasa Melayu, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah Kesusasteraan Bandingan, Teori Sastera, dan Kesusasteraan Dunia Melayu. Beliau kini Pengerusi, Lembaga Pengelola, Dewan Bahasa dan Pustaka; ahli Panel Penasihat Antarabangsa, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya (UM) dan ahli Lembaga Amanah, Yayasan Karyawan, Malaysia. Beliau juga ialah Pengerusi, Panel Penerbitan Buku, Jawatankuasa Pemilihan Anugerah Akademik Negara, dan ahli

Jawatankuasa Induk, Pusat Kecemerlangan Pengajian Tinggi (HICoE), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Pada masa yang sama, beliau merupakan Ketua Kluster Sastera dan Sastera Iktisas, Jawatankuasa Penilaian Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) dan ahli Jawatankuasa Penilaian Skim Geran Penyelidikan Jangka Panjang (LRGS), Skim Geran Penyelidikan Pembangunan Prototaip (PRGS) serta Skim Geran Penyelidikan Transdisiplinari (TRGS), KPM. Beliau juga ialah ketua pengarang jurnal *Malay Literature* (DBP, Malaysia). Pada masa yang sama, beliau ialah ahli sidang penasihat antarabangsa bagi *Dimension: Journal of Indonesian and Malaysian Studies* (Hamburg) dan *Jurnal Pengajian Melayu* (Malaysia) serta ahli lembaga pengarang *Tafhim: IKIM Journal of Islam and the Contemporary World* (Malaysia) dan *Kemanusiaan: Asian Journal of Humanities* (Malaysia).

Membunga @ Siti Meriam Yaacob merupakan pensyarah kanan, Bahagian Sastera, Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, USM. Beliau memperoleh ijazah sarjana muda dan ijazah sarjana dalam bidang kesusasteraan dari USM. Seterusnya, beliau menyambung pengajian pada peringkat doktor falsafah di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Kajian beliau tertumpu pada wanita. Sehubungan itu, beliau telah berjaya menghasilkan sebuah buku yang berjudul *Wanita dalam Karya Hamzah Hussain dari Perspektif Kritikan Feminis* (2010). Kajiannya yang menjurus tentang wanita ini diteruskan lagi melalui penyelidikan dan penemuan yang dibentangkan dalam seminar tempatan dan luar negara. Meskipun begitu, beliau turut berminat membuat penyelidikan dalam bidang lain, termasuklah bidang kearifan tempatan ini.

Mohamad Mokhtar Abu Hassan dilahirkan di Kelang, Selangor pada 21 September 1956. Kini, beliau bertugas sebagai pensyarah dengan jawatan profesor di Jabatan Kesusasteraan Melayu, Akademi Pengajian Melayu, UM. Bidang pengkhususan beliau ialah Kesusasteraan Melayu Moden. Beliau mendapat Sijil Perguruan Raja Melawar, Seremban, lulus ijazah sarjana muda (1985) dan ijazah sarjana sastera (1989) dari Jabatan Pengajian Melayu, UM. Kemudian, beliau meneruskan pengajian di Australian Nasional University dan lulus ijazah doktor falsafah pada tahun 1999. Beliau banyak menulis kertas kerja untuk seminar dan persidangan di dalam dan luar negara. Beliau juga menerbitkan artikel dalam jurnal dan buku. Antara buku yang dihasilkan oleh beliau ialah *Sejarah Kritikan Puisi Melayu Moden 1949–1979*; *Kesusasteraan dan Undang-undang* (penyunting), *Teori Konseptual Kata Kunci, Key Concept in Usman Awang's Short Stories: Daveloping a Critical Tradition* dan *Kajian Bandingan Cerpen Sebelum Merdeka*.

Muhammad Hatta Muhammad Tabut adalah profesor madya di Bahagian Filem dan Penyiaran, Pusat Pengajian Komunikasi, USM. Di USM beliau mengajar kursus Sinematografi, Penerbitan Filem, Penerbitan Video dan Penulisan Skrip. Bidang kajian beliau ialah penerbitan filem, filem dokumentari, filem eksperimental dan filem dokumentari alam sekitar.

Nabilah Mohd Razif merupakan calon doktor falsafah dalam bidang Filem Islam di Akademi Pengajian Islam, UM, Kuala Lumpur. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda Usuluddin dalam bidang Dakwah dan Pembangunan Insan (2009), dan ijazah sarjana dalam bidang Drama Islam (2012).

Norhayati Ab. Rahman merupakan pensyarah kanan di Jabatan Kesusasteraan Melayu, Akademi Pengajian Melayu, UM. Bidang pengkhususan beliau ialah Kesusasteraan Melayu Moden dan Kesusasteraan Melayu Tradisional selain mempunyai kepakaran dalam bidang Kesusasteraan Bandingan, serta sastera dan gender. Beliau telah menghasilkan banyak penulisan

akademik seperti artikel dalam buku, jurnal, prosiding, buku, di samping membentangkan kertas kerja pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Buku terkininya *ialah Puitika Sastera Wanita Indonesia dan Malaysia: Satu Bacaan Ginokritik* (2012).

Norlizawati Md. Nor memperoleh ijazah sarjana sastera dari USM. Beliau kini menyambung pengajian pada peringkat ijazah doktor falsafah dalam bidang kesusasteraan tradisional di USM. Bidang kepakaran beliau ialah sastera lisan dan tradisional.

Nurhamizah Hashim menerima Ijazah Sarjana Muda Pengajian Melayu dan Ijazah Sarjana Pengajian Melayu (Sastera Melayu) dari Akademi Pengajian Melayu, UM, Kuala Lumpur. Beliau bertugas sebagai felo SLAB/SLAI. Kini sedang menyambung pengajian pada peringkat doktor falsafah di Akademi Pengajian Melayu, UM. Bidang kepakaran beliau ialah Sastera Moden.

Rahimah A. Hamid pernah bertugas sebagai guru dan kemudiannya sebagai Pegawai Perancang Bahasa di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Beliau bertugas sebagai profesor madya di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, USM. Beliau mendapat pendidikan peringkat ijazah sarjana muda dalam bidang kesusasteraan dan kemudiannya mendapat ijazah sarjana dalam bidang penulisan kreatif di USM. Beliau mendapat pendedahan akademik pada peringkat doktor falsafah di School of Oriental and African Studies (SOAS), Universiti of London dan seterusnya memperoleh ijazah doktor falsafah dari USM. Beliau juga telah menghasilkan banyak penulisan artikel akademik dalam buku, jurnal, prosiding, di samping membentangkan kertas kerja pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Bidang kepakaran beliau ialah Sastera Moden, Penulisan Kreatif dan Kesusasteraan Bandingan.

Rohani Hashim merupakan profesor madya di Bahagian Filem dan Penyiaran di Pusat Pengajian Komunikasi, USM. Bidang kajian beliau meliputi nilai-nilai Islam dalam filem kontemporari Malaysia, filem komedi Melayu, filem adaptasi dan budaya visual. Beliau pernah menerima anugerah John Legge Prize 2005 oleh Monash Asia Institute, Australia dan dicalonkan untuk menerima pingat Mollie Holman Doctoral Medal 2007 oleh Monash University, Australia bagi penyelidikannya yang cemerlang.

Saad Othman ialah profesor madya di Pusat Pengajian Sains Farmasi (PPSP), konsultan Farmasi Onkologi dan penyelaras Eco-Hub di USM. Berkelulusan B.Pharm. (USM), M.Sc. (USM), Cert. Onco. (WA). Bidang kepakaran beliau ialah farmasi onkologi, framakognogi, etnofarmakologi, ekologi perubatan tradisional Melayu dan perubatan tradisional dan komplementari.

Siti Hajar Che Man bertugas sebagai pensyarah dengan jawatan profesor madya di Bahagian Kesusasteraan, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, USM. Bidang penyelidikan dan pengajaran beliau dikhususkan pada Kesusasteraan Bandingan dengan tumpuan pada Kesusasteraan Amerika Latin, Kesusasteraan Afrika Moden, serta Kesusasteraan dan Feminisme.

Syahidatul Munirah Badrul Munir merupakan siswazah penulisan dari Akademi Seni Kebangsaan (ASWARA); dan baharu menamatkan pengajian peringkat sarjana dalam bidang Kesusasteraan di USM. Syahidatul Munirah mempunyai bakat dalam bidang penulisan puisi, cerpen dan cerita kanak-kanak, serta pernah memenangi anugerah dalam pertandingan menulis puisi peringkat kebangsaan anjuran Telekom Malaysia dengan kerjasama DBP. Syahidatul juga merupakan Naib Johan Sayembara Penulisan ITBM-PENA Berita Harian 2015. Minat beliau

kini adalah terhadap karya-karya Sastera Melayu Tradisional.

Wan Siti Azahayu Wan Mohamed berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera (dengan kepujian) dan ijazah sarjana dalam bidang yang sama dari USM.


Indeks

V

Tentang Buku Ini

Buku *Pandainya Melayu dalam Karya Sastera* ini menampilkan 10 buah esei daripada beberapa orang penulis yang memuatkan ilmu-ilmu baharu yang berasal daripada kearifan tempatan masyarakat Melayu di rantau ini. Enam buah esei pada bahagian awal buku ini adalah berkaitan dengan Kesusasteraan Tradisional, manakala empat buah esei berikutnya adalah tentang Kesusasteraan Moden.

Sama ada esei tentang Kesusasteraan Tradisional ataupun Kesusasteraan Moden, kesemuanya memperlihatkan pandainya orang Melayu, baik raja, pembesar ataupun rakyat biasa, dalam menangani sesuatu isu dan menguasai sesuatu ilmu yang membawa kebaikan kepada dirinya *per se*, mahupun kepada orang ramai. Membaca buku ini dapat membawa pembaca menyelami akal budi orang Melayu pada suatu masa dahulu dan pada masa kini, bahkan pandainya akal mereka itu seperti merambah ke masa-masa akan datang untuk menjadi petunjuk kepada kemampuan orang Melayu dalam pelbagai bidang kehidupan.



kearifan tempatan
local knowledge

KEARIFAN TEMPATAN:
PANDAINYA MELAYU
DALAM KARYA SASTERA

Buku *Kearifan Tempatan: Pandainya Melayu dalam Karya Sastera* ini menampilkan 10 buah esei daripada beberapa orang penulis yang memuatkan ilmu-ilmu baharu yang berasal daripada kearifan tempatan masyarakat Melayu di rantau ini. Enam buah esei pada bahagian awal buku ini adalah berkaitan dengan Kesusasteraan Tradisional, manakala empat buah esei berikutnya adalah tentang Kesusasteraan Moden.

Sama ada esei tentang Kesusasteraan Tradisional ataupun Kesusasteraan Moden, kesemuanya memperlihatkan pandainya orang Melayu, baik raja, pembesar ataupun rakyat biasa, dalam menangani sesuatu isu dan menguasai sesuatu ilmu yang membawa kebaikan kepada dirinya *per se*, mahupun kepada orang ramai. Membaca buku ini dapat membawa pembaca menyelami akal budi orang Melayu pada suatu masa dahulu dan pada masa kini, bahkan pandainya akal mereka itu seperti merambah ke masa-masa akan datang untuk menjadi petunjuk kepada kemampuan orang Melayu dalam pelbagai bidang kehidupan.

ISBN 978-983-861-905-9
9 789838 619059

USM
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PENERBIT UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Laman web: http://www.penerbit.usm.my
E-mel: penerbit@usm.my